

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
MESYUARAT PERTAMA  
PENGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH**

**PADA 7 – 11 MEI 2000  
BERSAMAAN 3 – 7 SAFAR 1421**

*Dikeluarkan oleh:*

**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**



**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

*daripada:*

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**



**PERSIDANGAN**  
**PADA HARI AHAD, 7 MEI 2000**

PERSIDANGAN  
PADA HARI AHAD, 7 MEI 2000

Hari Ahad,  
7 Mei, 2000

## **KANDUNGAN**

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 1 ]
  2. Doa [ Muka 5 ]
  3. Titah Ucapan Di Raja [ Muka 5 ]
- [ Bersambung ]



7 MEI 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA  
PUKUL 9.30 PAGI**

**H A D I R**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Haji Husain bin Awang

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong  
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato` Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,  
SSM, PMN, SPMT.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah  
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh  
WAKIL CUKAI

7 MEI 2000

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli  
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat  
WAKIL TEPUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamat bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh  
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong  
WAKIL KIJAL

7 MEI 2000

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,  
SPMT.,DSMT.,P.JN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,  
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid  
WAKIL AJIL

7 MEI 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan *w* Mohd Nauri bin Hashim).

DPMT..ASM..KMN..PJC..PJK..BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee.

DPMT..ASM..PJC..PJK..BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Eneik Osman bin Muda. PJK.

7 MEI 2000

### **D O A**

Dibaca oleh Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TUAN YANG DIPERTUA DEWAN KELUAR  
DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMPERSILAKAN DULI YANG  
MAHA MULIA TUANKU AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA  
MULIA PERMAISURI TERENGGANU BERANGKAT KE MAJLIS  
DEWAN UNDANGAN NEGERI.

### **TITAH UCAPAN DI RAJA**

Bismillahirrahmanirrahim Wabihi Nastain.

Yang Berhormat  
Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, dan

Yang Berhormat  
Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

Beta mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan perkenan-Nya dapat Beta dan Permaisuri menghadiri Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh pada pagi ini.

Beta gembira kerana tahun permulaan alaf baru ini telah disambut dengan keadaan aman dan makmur di seluruh negeri. Keadaan yang sejahtera dan harmonis ini haruslah dikekalkan agar rakyat dan negeri Terengganu Darul Iman akan terus berpeluang mencapai tahap kemajuan duniawi dan ukhrawi yang sempurna. Di samping itu, dengan suasana politik, sosial dan ekonomi yang stabil, agenda pembangunan negeri akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan tanpa sebarang gangguan. Beta yakin dengan kepimpinan Kerajaan Negeri yang dinamik serta kerjasama dari seluruh lapisan masyarakat, Negeri Terengganu akan bertambah maju lagi di tahun-tahun akan datang, insya Allah.

Dalam mengejar kemajuan, Beta berharap program-program dan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan akan berpaksikan kepada pembangunan yang bersepadu. Kesepaduan pembangunan bermakna mengambil kira aspek-aspek ukhrawi di samping soal-soal duniawi. Beta yakin tema *Membangun Menurut Islam* akan memenuhi hasrat untuk mencapai tahap kemajuan yang disasarkan ini. Tema pembangunan negeri ini menjurus kepada tahap pembangunan Al-Falah atau

pembangunan berteraskan kesejahteraan dunia dan akhirat. Konsep ini pada asasnya akan mementingkan kemajuan berdasarkan kesempurnaan halacara-halacara pembangunan insan dan pembangunan ekonomi. Perspektifnya, kemajuan yang dituju adalah kemajuan yang *syumul* yakni yang mementingkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wataala dan hubungan sesama manusia.

Beta dimaklumkan halacara-halacara pembangunan insan akan dilaksanakan melalui program-program pendidikan dan dakwah. Pendidikan akan dimula dan dilengkapkan dengan kurikulum berasaskan Islam kepada murid-murid pratadika, tadika, sekolah-sekolah rendah dan menengah. Tujuannya ialah untuk menyedia dan menguatkan asas-asas keperibadian dan keinsanan dalam menghadapi cabaran-cabaran era globalisasi kelak. Beta difahamkan pencerapan nilai-nilai Islam ini akan diseraskan dengan semua aktiviti di negeri Terengganu. Aktiviti-aktiviti dakwah pula akan menjadi pelengkap kepada langkah-langkah pendidikan. Majlis-majlis ilmu seperti takzirah, kuliah, ceramah dan lain-lain perlu diperbanyakkan. Di samping itu, masjid-masjid dan surau-surau patut dijadikan pusat aktiviti-aktiviti pembangunan insan agar ia bersesuaian dengan tarafnya. Antara jabatan dan agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program-program pendidikan keinsanan ialah Jabatan Hal Ehwal Agama, Akademi Pembinaan Insan, Unit Pembangunan Insan, Yayasan Pembangunan Keluarga, Yayasan Islam Terengganu, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin dan sekolah-sekolah agama rakyat.

Dari perspektif kecemerlangan pendidikan pula, Beta berpuas hati dengan tahap pencapaian dalam peperiksaan-peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM di Terengganu. Trend tahun ke tahun juga membuktikan peningkatan prestasi cemerlang ini. Beta mahu Kerajaan Negeri terus menyokong inisiatif-inisiatif untuk meningkat tahap kecemerlangan pendidikan persekolahan di Terengganu. Pelaburan dalam bidang pendidikan akan memberi pulangan yang tidak terkira nilainya kepada negeri satu hari kelak.

Beta dimaklumkan kadar pengangguran negeri pada tahun lepas ialah sebanyak 4.5 peratus. Kadar ini telah dijangkakan akibat kegawatan ekonomi yang berlaku pada tahun 1998. Walaupun begitu dengan pengembangan aktiviti-aktiviti ekonomi pada masa ini, angka ini dijangka akan menurun pada tahun-tahun seterusnya. Dalam hubungan ini, pembangunan sumber manusia akan terus menjadi salah satu teras pembangunan ekonomi negeri. Matlamatnya ialah untuk memastikan permintaan tenaga kerja dapat dipenuhi dengan penawaran gunatenaga yang berkemahiran dan berpengetahuan. Bagi melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran dan pengetahuan, institusi-institusi pendidikan dan latihan akan terus ditingkatkan kurikulum pengajarannya supaya bersesuaian dengan kehendak setempat dan keperluan semasa.

Beta difahamkan institusi-institusi seperti *Terengganu Advanced Technical Institute, Terengganu Timber Industry Training Centre, Terengganu Skills Development Centre, Terengganu Safety Training Centre* dan lain-lain di Terengganu akan mengeluarkan tidak kurang dari 6,000 pelajar setiap tahun. Oleh itu, penawaran pekerjaan mestilah seimbang dengan jumlah ini untuk memastikan tenaga pekerja yang terlatih dapat diserapkan. Beta menaruh keyakinan Kerajaan Negeri akan meneruskan program-program untuk membangun sumber manusia sebagai tindakan-tindakan pelengkap agenda pembangunan negeri.

Beta dimaklumkan Kerajaan Negeri telah mengguna pakai dasar kewangan yang akan menekankan kepada perbelanjaan berhemat, berkepeiluan dan beroptimum. Ciri utamanya ialah beramanah

dalam membelanjakan hasil-hasil negeri. Dari satu sudut lagi, dasar ini akan mengelak daripada kerugian dan pembaziran dalam membelanjakan peruntukan kerajaan. Selain daripada itu, langkah-langkah telah juga diperkenalkan untuk memastikan hasil-hasil kerajaan bebas daripada unsur-unsur haram. Tindakan-tindakan lain yang diambil ialah memperkemas pentadbiran Baitulmal dan Zakat serta pengagihannya yang lebih adil dan saksama. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Jawatankuasa Hisbah khusus untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Jawatankuasa ini akan bergerak secara bebas, adil, telus dan tepat. Dengan pengenalan mekanisma-mekanisma ini, Beta yakin akauntabiliti akan menjadi elemen utama dalam menggubal dan melaksana halacara-halacara pembangunan dan pentadbiran negeri Terengganu.

Beta telah dimaklumkan iaitu untuk meningkatkan penyertaan rakyat di dalam proses pentadbiran dan pembangunan negeri, satu institusi baru iaitu Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) telah ditubuhkan bagi menggantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Beta berharap Jawatankuasa baru dapat berperanan dengan lebih berkesan di dalam menyalurkan hasrat rakyat kepada kerajaan.

Satu lagi komponen dalam agenda pembangunan negeri ialah pembangunan ekonomi. Beta dimaklumkan khusus untuk pembangunan ekonomi, isu-isu semasa yang perlu ditangani di negeri Terengganu ialah ketidakseimbangan aktiviti-aktiviti ekonomi, tahap pendapatan rakyat yang masih rendah; prasarana sosial dan ekonomi yang belum lengkap; kekurangan tenaga kerja mahir; sumbangan sektor perkilangan yang masih berada pada tahap minimum; dan kualiti hidup rakyat yang masih asas. Isu-isu ini perlu ditangani oleh Kerajaan Negeri secara berperingkat bagi memastikan setiap rintangan dalam setiap sektor dapat diatasi dengan cemerlang.

Negeri Terengganu khususnya dan negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung amnya masih lagi memerlukan rangsangan pelaburan awam bagi mengembangkan ekonominya kerana pelaburan swasta tidak mencukupi untuk bertindak sebagai pemangkin utama pengembangan ekonomi. Justeru itu, Beta menyarankan supaya insentif-insentif khas diberi oleh Kerajaan negeri terutamanya untuk menggalakkan kilang-kilang yang banyak mengguna tenaga pekerja dapat bertapak di negeri Terengganu. Dalam pada itu, Beta yakin Kerajaan Negeri akan memberi penumpuan khusus kepada sektor-sektor yang dapat menjana perkembangan ekonomi secara langsung kepada rakyat. Melalui langkah ini pengurusan ekonomi pembangunan negeri akan lebih menekankan kepada keperluan dan kepentingan rakyat setempat.

Beta difahamkan kadar pertumbuhan ekonomi negeri pada tahun 1999 ialah sebanyak 3.9 peratus. Angka ini mencerminkan pengembangan aktiviti-aktiviti ekonomi di Terengganu berbanding dengan tahun lepas. Sektor perlombongan yang dirangsangkan oleh industri petroleum masih lagi menyumbang lebih 50 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Peningkatan harga minyak telah banyak mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu. Sehubungan dengan ini, sektor-sektor lain juga telah mula aktif kembali pada tahun 1999. Semua sektor di Terengganu telah mengalami pertumbuhan yang positif. Permintaan awam dan swasta telah meningkat bagi membolehkan pemulihan ekonomi berlaku.

Beta gembira pelaburan langsung ke Terengganu sentiasa melebihi paras RM1 bilion setahun. Tahun 1999 tidak terkecuali dengan jumlah pelaburan langsung sebanyak RM1.3 bilion dan

7 MEI 2000

pewujudan sebanyak 1,400 peluang pekerjaan. Sepertimana tahun-tahun sebelumnya, kebanyakan pelaburan ini adalah daripada industri petrokimia. Untuk memanfaatkan jumlah pelaburan langsung yang besar ini, Beta menyarankan tenaga kerja dan usahawan-usahawan tempatan mengejar peluang-peluang yang ditawarkan. Dalam hal ini, syarikat-syarikat yang beroperasi di Terengganu perlulah memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk bersama-sama memajukan ekonomi negeri. Justeru itu, Beta mahu Kerajaan Negeri menyelaraskan dengan sektor swasta bagi memastikan pengagihan projek-projek perniagaan, perkilangan dan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan saksama.

Bagi meningkatkan lagi penglibatan sektor swasta tempatan dalam ekonomi negeri, Beta mencadangkan sektor swasta merebut peluang-peluang yang terdapat dalam sektor industri kecil dan sederhana. Sektor ini yang kebanyakannya berasaskan kepada sumber tempatan dijangka akan berkembang dengan lebih pesat. Selain daripada itu, usahawan-usahawan setempat dapat juga menceburi dalam aktiviti-aktiviti industri sokongan terutama di sektor perkilangan dan perkhidmatan dalam industri petrokimia dan besi keluli. Lagi pun Beta merasaskan peluang-peluang yang diwujudkan dengan jumlah pelaburan langsung yang banyak setiap tahun masih belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat tempatan. Sehubungan dengan itu, Beta berharap Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu dan Perbadanan Memajukan Iktisad negeri Terengganu dapat memainkan peranan yang lebih aktif bagi memastikan penglibatan tenaga kerja dan usahawan-usahawan tempatan mencapai tahap optimum dalam aktiviti-aktiviti pengembangan ekonomi di Terengganu.

Salah satu perubahan yang akan mempengaruhi kaedah kehidupan masyarakat ialah pengenalan kepada ekonomi pengetahuan atau k-ekonomi (*knowledge economy*). Sektor awam, sektor swasta dan pengguna-pengguna di seluruh pelosok dunia telah merasakan bahang perubahan yang ketara ini. Keadaan ini lambat laun akan juga memberi kesan kepada rakyat dan negeri Terengganu Darul Iman. Untuk menangani cabaran-cabaran yang akan timbul kelak, Beta percaya Kerajaan Negeri telah bersedia dengan langkah-langkah tertentu terutama dalam membangunkan teknologi, komunikasi dan maklumat. Tindakan-tindakan ini memerlukan perancangan bersepadu daripada Kerajaan Negeri kerana kepentingannya kepada rangsangan ekonomi negeri dan juga sebagai persediaan untuk memantapkan daya saing dan daya tahan tenaga kerja dan usahawan-usahawan negeri dalam menghadapi ekonomi pengetahuan kelak.

Projek Terengganu\*Net yang telah dimulakan oleh Kerajaan Negeri adalah merupakan satu langkah yang tepat untuk memajukan bidang ini. Beta berharap usaha-usaha yang berterusan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membolehkan rakyat memanfaatkan k-ekonomi ini. Beta mencadangkan supaya pengajaran teknologi, komunikasi dan maklumat kepada rakyat terutama murid-murid sekolah, pelajar-pelajar institusi-institusi pendidikan dan latihan, gunatenaga awam dan swasta dan semua yang berminat dibuat segera sebagai langkah untuk memastikan kadar celik komputer negeri termasuk penggunaan internet meningkat dengan drastiknya.

Beta dimaklumkan projek-projek prasarana akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Penekanan akan diberi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sosial kepada rakyat negeri. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengoptimumkan peruntukan pembangunan, projek-projek juga akan dihadkan kepada yang memanfaatkan sepenuhnya kepada seluruh lapisan masyarakat. Beta setuju dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk berbelanja dengan lebih berhemat

dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Beta yakin tindakan yang bertanggungjawab ini akan mengelakkan pembaziran serta pemborosan. Kemudahan-kemudahan sosial seperti sekolah, masjid, jalan raya, jambatan, balai rakyat dan lain-lain telah banyak dibina dalam setiap daerah. Kemudahan-kemudahan ekonomi seperti kawasan perindustrian, sistem perhubungan telekomunikasi, pelabuhan-pelabuhan perikanan dan perindustrian dan lain-lain juga telah disediakan di Terengganu.

Walaupun demikian, Beta pasti banyak lagi projek-projek prasarana yang perlu dilaksanakan sesuai dengan pertambahan penduduk dan peningkatan keperluan daripada semua sektor dalam negeri. Dalam hubungan ini, Beta juga mahu rakyat benar-benar mengguna kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan penuh tanggungjawab dan timbangrasa. Peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri sebanyak RM200 juta setahun adalah bersesuaian dengan jumlah penduduk seramai 1 juta orang. Justeru Beta berharap setiap projek prasarana dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua sektor. Beta gembira kata sepakat telah dicapai di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat mengenai pembinaan Lebuh raya Pantai Timur. Mudah-mudahan pembinaan Lebuh raya ini dapat disegerakan. Beta berharap pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud juga akan menjadi kenyataan di dalam masa terdekat ini, insya Allah.

Sektor pertanian masih lagi penting di Terengganu. Kerajaan Negeri sedang mereformasi hala tuju sektor ini bersesuaian dengan kehendak semasa dan keperluan setempat. Sektor pertanian yang merangkumi sub-sektor penanaman, perikanan, penternakan dan perhutanan mempunyai 75,000 gunatenaga pada tahun 1999. Beta difahamkan, Dasar Pertanian Negeri semasa akan menekankan kepada penambahan pendapatan gunatenaga sektor ini, peningkatan pengeluaran hasil-hasil pertanian dan peninggian nilai ditambah komoditi-komoditi. Petani dan nelayan perlu diberi peluang untuk menambah pendapatan kerana kebanyakannya masih lagi berada pada jumlah yang tidak memuaskan. Pengeluaran hasil-hasil pertanian pula harus ditingkatkan untuk mencapai sasaran saradiri, nilai ditambah komoditi-komoditi juga perlu ditingkatkan untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan ini, Beta mencadangkan konsep pertanian bersepadu atau '*integrated farming*' digalakkan sebagai usaha meningkatkan pengeluaran sektor ini. Selain daripada itu, industri akuakultur perlu juga diberi penekanan kerana negeri Terengganu mempunyai '*comparative advantage*' dari segi lokasi. Beta yakin Kerajaan Negeri akan menjadi sektor pertanian sebagai salah satu sektor penting di Terengganu.

Sektor perkhidmatan yang lazimnya diterajui oleh sub-sektor pelancongan, awam dan perdagangan dijangka berkembang dengan lebih pesat lagi terutama dalam *k-economy* kelak. Kedatangan pelancong tempatan dan asing yang berjumlah 1.2 juta orang pada tahun lepas telah menyumbang RM350 juta kepada ekonomi negeri. Beta mahu langkah-langkah dipertingkatkan lagi untuk menggalak kedatangan pelancong ke negeri Terengganu. Kerajaan Negeri perlu meneruskan kempen-kempen galakan di samping meningkatkan kemudahan-kemudahan prasarana dalam sektor ini. Untuk sub-sektor perdagangan pula, Beta difahamkan Kerajaan Negeri akan memberi penekanan kepada usahawan-usahawan dalam sub-sektor ini terutama peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja untuk bersama-sama meraih peluang-peluang yang ada. Tindakan ini diambil sebagai salah satu kaedah untuk menambah pendapatan gunatenaga dalam sektor ini. Bagi sub-sektor awam, pelaburan awam akan terus menyumbang kepada KDNK negeri walaupun sepatutnya sektor swasta yang perlu mengambil tanggungjawab ini. Beta berharap sektor swasta akan

berkembang dengan lebih pesat lagi untuk menjadi pemangkin pertumbuhan dalam sektor ini dan seterusnya keseluruhan ekonomi negeri.

Beta bersetuju dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal kesan rupabumi dan memelihara alam sekitar dalam melaksanakan halacara-halacara pembangunan. Pengurusan khazanah rupabumi dan alam sekitar merupakan amanah yang harus dipikul oleh Kerajaan Negeri agar setiap generasi dapat menikmati keindahannya. Oleh itu, adalah tepat dan wajar jika projek-projek dan program-program pembangunan terutama perindustrian dan pelancongan mengambil kira juga kesan-kesan langsung dan tidak langsung kepada persekitaran tempatan. Tindakan-tindakan ini juga akan mengekalkan kawasan-kawasan tadahan hujan, perjalanan ekosistem teratur serta kehidupan flora dan fauna terselamat. Keberkesanan pengurusan pembangunan lestari atau *sustainable development* akan mempengaruhi sektor-sektor lain terutama sektor pelancongan.

Dalam melaksana agenda pembangunan negeri, Beta mahu Kerajaan Negeri memberi penumpuan khusus kepada program-program pembasmiian kemiskinan. Kadar kemiskinan adalah tinggi untuk negeri ini. Langkah-langkah yang khusus perlu diambil memandangkan masalah ranai lagi rakyat yang tergolong dalam taraf miskin dan termiskin. Beta menyarankan kaedah baru diperkenalkan untuk menangani masalah ini bagi memastikan keberkesanannya. Lagipun dengan peluang-peluang miaga dan kerja yang bertambah dari setahun ke setahun, kaedah pengagihan pendapatan yang lebih saksama perlu diperkenalkan. Beta percaya Kerajaan Negeri akan bertungkus lumus berusaha untuk membebaskan keluarga-keluarga miskin dan termiskin daripada belenggu kesusahan hidup.

Kerajaan Negeri akan memberi penekanan khusus kepada rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki rumah kediaman. Pada masa kini permintaan rumah kediaman ialah sebanyak 8,500 unit setahun dengan rumah kos rendah merangkumi 70 peratus daripada jumlah ini. Beta dimaklumkan Kerajaan Negeri sedang menyediakan kaedah untuk memudahkan golongan berpendapatan rendah membeli rumah kediaman. Kaedah ini akan memberi peluang kepada 6,000 keluarga memiliki rumah kediaman. Oleh kerana program ini merupakan tanggungjawab sosial, Kerajaan Negeri akan menyediakan kaedah pinjaman yang berteraskan Islam dan tidak membebankan rakyat. Beta bersetuju dengan kaedah ini kerana pemilikan rumah kediaman adalah merupakan keperluan asas. Bagi melengkapkan program ini, Beta mencadangkan Kerajaan Negeri memastikan kemudahan-kemudahan seperti surau, balai rakyat, padang rekreasi dan jalan raya disediakan. Dengan adanya rumah kediaman, usaha-usaha untuk menambah pendapatan dan sekaligus meningkatkan kualiti hidup akan menjadi lebih selesa. Beta harap Kerajaan Negeri tidak akan mengabaikan tanggungjawab kepada rakyat yang berpendapatan rendah malah melipatgandakan usaha untuk memberi pertolongan secara ikhlas dan berkesan.

Pada alaf baru ini, Beta merasakan kerajaan tempatan akan memainkan peranan yang semakin penting kerana pertambahan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar dan juga keperluan kepada perkhidmatan perbandaran yang lebih berkesan dan komprehensif. Keadaan begini telah dijangka disebabkan peningkatan tahap pendidikan dan pendapatan penduduk-penduduk bandar. Justeru, khidmat-khidmat yang diberikan oleh penguasa-penguasa tempatan haruslah bersesuaian dengan kehendak atau aspirasi rakyat di bandar. Pada masa yang sama masalah ketara kerajaan tempatan ialah mendapatkan peruntukan yang secukupnya bagi tujuan pelaksanaan program-

7 MEI 2000

program dan projek-projek di kawasan masing-masing. Justeru, Beta mengesyorkan tumpuan dibuat oleh penguasa-penguasa tempatan dengan melihat prioriti-prioriti tertentu dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian oleh penguasa-penguasa tempatan ialah penghapusan karenah birokrasi dalam berurusan dengan para pengguna. Beta percaya pelan-pelan struktur akan dijadikan terma rujukan bagi penguasa-penguasa tempatan memberi khidmat dengan lebih cekap dan efektif kepada penduduk bandar dan sekaligus mengatasi langkah-langkah kesesakan lalulintas, pencemaran alam sekitar, kekurangan rumah-rumah kediaman dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya, kerajaan tempatan hari ini merupakan pemberi khidmat terpenting kepada masyarakat. Oleh yang demikian, Beta berharap penguasa-penguasa tempatan berusaha meningkatkan prestasi perkhidmatan agar rakyat di bandar dapat menjalani kehidupan harian dengan lebih selesa.

Beta berpuashati dengan prestasi perkhidmatan awam negeri Terengganu yang pada masa kini mempunyai anggotanya berjumlah 7,500 orang. Anugerah-anugerah kecemerlangan peringkat kebangsaan yang dimenangi hampir setiap tahun oleh jabatan dan agensi Kerajaan Negeri membuktikan kewibawaan dan kecekapan pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan awam. Pada tahun 1999, sekali lagi perkhidmatan awam negeri menempah nama apabila Pejabat Daerah Setiu memenangi Anugerah Kualiti Ketua Pengarah MAMPU, manakala Pejabat Daerah Kemaman memenangi Anugerah Kualiti Pejabat Daerah. Beta dimaklumkan juga pada awal tahun ini, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Terengganu telah mendapat Sijil Pengiktirafan Sistem Kualiti MS ISO 9000. Beta mengucapkan syabas kepada jabatan-jabatan yang berjaya ini.

Beta berkeyakinan Kerajaan Negeri akan terus melipatgandakan usaha bagi memastikan prestasi cemerlang perkhidmatan awam negeri ini berkekalan. Di samping itu, seiring dengan wawasan pembangunan negeri, Beta berharap semua pegawai dan kakitangan awam akan menanamkan sikap bekerja berasaskan konsep *amal makruf nahi mungkar*. Pelaksanaan konsep ini akan memastikan setiap tugas akan dilaksanakan dengan amanah, adil, telus, cekap dan dinamis. Yang pastinya pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan awam perlulah membuktikan kepentingan sektor ini dalam merealisasikan agenda pembangunan negeri.

Kerajaan Negeri telah banyak memberikan galakan kepada perkhidmatan awam negeri Terengganu. Yang terbaru sekali ialah skim pinjaman *al-qardhul-hasan* untuk pembayaran komputer dan kenderaan serta waktu bekerja lima hari seminggu dan cuti bersalin selama 90 hari. Dengan kemudahan-kemudahan ini Beta berharap pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri lebih berupaya menambahkan mutu perkhidmatan kepada rakyat. Peningkatan kualiti perkhidmatan ini akan memberi kesan yang menyeluruh demi untuk kemajuan Negeri Terengganu Darul Iman.

Keberkesanan sektor awam akan memampankan lagi pengurusan sumber kewangan dan material negeri di samping mengelak pembaziran dan pemborosan. Semua tindakan ini dalam jangka panjang adalah untuk kepentingan agama, rakyat dan negeri Terengganu. Selain daripada itu, Beta juga mencadangkan semua pegawai dan kakitangan awam negeri sentiasa menambah ilmu dalam bidang-bidang yang dapat memantapkan lagi pengurusan pentadbiran awam negeri terutama dalam bidang maklumat, komunikasi dan teknologi. Dengan pengenalan ekonomi pengetahuan, projek kerajaan elektronik atau *e-government* dijangka akan berkembang dengan pesatnya. Oleh itu, adalah wajar perkhidmatan awam negeri bersedia untuk melaksanakan projek ini dengan efisien,

7 MEI 2000

cepat dan tepat. Beta percaya sektor awam, sektor swasta dan masyarakat keseluruhannya akan dapat manfaat daripada projek *e-government* ini.

Akhirnya, Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala agar sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada rakyat dan Kerajaan Beta di bawah pimpinan Menteri Besar, Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang. Beta menaruh keyakinan negeri Terengganu akan terus cemerlang dengan halacara-halacara pembangunan insan dan ekonomi yang dilaksanakan khusus untuk menyempurnakan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri, insya Allah. Semoga usaha-usaha murni ini akan mendapat keredhaan-Nya. Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang, Beta merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Terengganu Kesepuluh.

Selamat bersidang.

DULI YANG MAHA MULIA TUANKU AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA MULIA PERMAISURI TERENGGANU BERANGKAT DARI MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT TUAN YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan persidangan Dewan sehingga pada 8 haribulan ini esok, jam 9.30 pagi.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.55 PAGI.

**PERSIDANGAN**  
**PADA HARI ISNIN, 8 MEI 2000**



Hari Isnin,  
8 Mei, 2000

## KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 13 ]
2. Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua [ Muka 17 ]
3. Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-Laporan [ Muka 19 ]
4. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
  - (a) Soalan-soalan Bertulis [ Muka 20 ]
  - (b) Soalan-soalan Lisan [ Muka 21 ]
5. Usul Yang Telah Diberi Notis:  
*Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Di Raja* [ Muka 36 ]

[ Bersambung ]



8 MEI 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA  
PUKUL 9.30 PAGI**

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Haji Husain bin Awang

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong  
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,  
SSM, PMN, SPMT.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli  
WAKIL SURA

8 MEI 2000

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamat bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh  
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad  
WAKIL PERMAISURI

8 MEI 2000

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,  
SPMT.,DSMT.,P.JN.,JSM.,P.JC.,PPN.,P.JK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,  
DPMT.,AMT.,AMN.,P.JK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid  
WAKIL AJIL

8 MEI 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTIORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan /a. Mohd Namri bin Hashim).  
DPMT.ASM.KMN.PJC.PJK.BLB.

YANG BERTIORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERTIORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee.  
DPMT.ASM.PJC.PJK.BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Osman bin Muda. PJK.

8 MEI 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Tuan Guru Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Untuk itu marilah sama-sama kita memohon keberkatan daripada Allah s.w.t. dengan membaca umul Quran , Al-Fatihah.

### UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillah rabbilalamin.

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على رسوله الامين  
وعلى آله وصحبه اجمعين . اما بعد

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan sekalian.

Marilah pada hari yang penuh berkat ini sama-sama kita bersyukur kehadiran Allah s.w.t. di mana dengan inayah dan riayah-Nya kita sekali lagi bertemu di Dewan yang mulia ini. Semoga kita terus berada di dalam keberkatan yang dilimpahi dengan anugerah dan kurniaan-Nya. Dalam Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kesepuluh ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dengan merujuk firman Allahu Taala:

ادع الى سبيل ربك بالحكمة والموعظة الحسنة<sup>ط</sup> وجدلهم  
بالتى هي احسن<sup>ع</sup> ان ربك هو اعلم بمن ضل عن سبيله<sup>ط</sup>  
وهو اعلم بالمهتدين.

*Ajaklah ke arah jalan Tuhanmu dengan hikmat, kebijaksanaan, nasihat, pandangan yang baik dan berbincanglah serta berhujahlah dengan mereka dengan cara yang terbaik.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada di Dewan yang mulia ini adalah untuk menyampaikan dan mengemukakan sesuatu yang terbaik untuk membina dan membangunkan negeri dan rakyat ke arah yang selamat di dunia dan akhirat. Maka tugas Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sudah tentulah berpaksi kepada dua tanggungjawab. Pertama *tabsir*, membina dan membangunkan serta membimbing ke arah yang baik, mulia dan luhur iaitu tanggungjawab memberi nasihat, pandangan, saranan, perencanaan dan juga perancangan. Kedua tugas *inzar*, suatu amaran daripada terjerumus ke arah kehinaan, kelemahan, kemaksiatan, kemunduran dan segala perkara negatif lebih-lebih lagi yang dimurkai oleh Allah s.w.t.

Dalam menjalankan tanggungjawab ini kita dapati dan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklumi bahawa Allah s.w.t. apabila memerintah Rasulullah s.a.w. tidak membiarkan baginda memilih *usluk* ataupun caranya yang tersendiri dan bersendirian. Meskipun baginda sudah dijamin dan terjamin dengan akhlak yang mulia, pekerti yang murni, pemikiran yang tajam dan

8 MEI 2000

bijak serta mempunyai sifat-sifat kemanusiaan yang sempurna. Allah Taala telah meletakkan gatis panduan yang jelas dan tegas supaya Rasulullah s.a.w. dan kita semua terus berpegang dan beramal dengan tiga prinsip yang menjadi etika asas di dalam perbincangan dan perundingan. Pertama *bilhikmah*, iaitulah berbicara dengan penuh bijaksana. Kedua *almuidzatul hasanah*, iaitu menyatakan dan melahirkan pandangan dengan penuh kesopanan. Ketiga *wajadilhumbillati yakatsan*, berbincang dan berbahas dengan cara yang terbaik.

Dalam persidangan yang lalu Ahli-ahli Yang Berhormat telah mempamerkan keupayaan dan kewibawaan masing-masing dalam berhujah dan berbincang. Maka sudah tentulah persidangan kali ini kematangan Ahli-ahli yang Berhormat lebih terserlah dan lebih meyakinkan. Oleh itu saya berseru dan memohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, marilah kita terus terikat dengan ketiga-tiga etika tersebut moga Dewan kali ini lebih berjaya daripada sebelumnya.

Akhirnya saya memohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat agar segala tertib pekerjaan Dewan akan dapat dijalankan dengan licin, sempurna dan berjaya.

Sekian, walbillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

8 MEI 2000

**KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu Bagi Tahun 1997.  
(D.U.N. Bil. 1/2000)
2. Surat Akuan dan Pandangan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Terengganu Bagi Tahun berakhir 31 Disember 1997.  
(D.U.N. Bil. 2/2000)
3. Surat Akuan dan Pandangan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Terengganu Bagi Tahun berakhir 31 Disember 1998.  
(D.U.N. Bil. 3/2000)
4. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Setiu Bagi Tahun 1998.  
(D.U.N. Bil. 4/2000)
5. Penyata Kira-Kira Yayasan Islam Terengganu Bagi Tahun 1997.  
(D.U.N. Bil. 5/2000)
6. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu Bagi Tahun 1996.  
(D.U.N. Bil. 6/2000)

8 MEI 2006

**SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS  
[ Lampiran A ]**

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Dato' Haji Mohamad 'a' Abu Bakar bin Ali  
(Wakil Kemasik)
2. Y.B. Haji Azman Shapawi bin Abdul Ram  
(Wakil Rantau Abang)
3. Y.B. Encik Shahrizukimain bin Abd. Kadir  
(Wakil Jabi)
4. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggul)
5. Y.B. M. Tengku Putera bin Tengku Awang  
(Wakil Telemong)
6. Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah  
(Wakil Seberang Takir)

8 MEI 2000

### SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuantuan, puan-puan yang saya hormati sekalian. Soalan yang pertama saya telahpun ditolak, soalan yang kedua:

*Sehingga kini berapa ramaikah ibu-ibu tunggal yang telah mendapat jodoh hasil daripada usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Bismillahirrahmanirahim Alhamdulillah rabbi'alami wabihi nastain.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para pemerhati yang saya hormati sekalian. Terima kasih kepada saudara Yang Berhormat dari DUN Kemasik yang prihatin terhadap ibu tunggal yang ingin tahu berapa ramaikah ibu-ibu tunggal yang telah mendapat jodoh hasil daripada usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua, jawabnya tidak ada. Namun begitu kita yakin bahawa ada jodoh-jodoh untuk ibu tunggal dengan bapak-bapak tunggal atau yang telah beristeri yang telah ditentukan oleh Allah semenjak *azali* dan senarainya kita boleh dapati melalui Pendaftar Nikah Cerai Negeri Terengganu. Tapi Tuan Yang Dipertua, ketahuilah bahawa di sana ada ibu tunggal-ibu tunggal yang memang layak untuk dijodohkan, umurnya masih muda, sihat dan kuat. Dan ada pula mereka yang bersedia untuk menerima sebagai teman hidup tapi sungguh malangnya nasib ibu tunggal ini mereka tidak dapat meneruskan cita-cita mereka yang suci, yang dituntut oleh agama dan fitrah manusia. Kerana ada di sana terdapat gangguan undang-undang oleh Kerajaan Pusat kepada janda yang berpencen untuk mereka ada dua pilihan. Pilihan bersuami atau pilihan pencen, kalau kahwin hilang pencen. Kalau sayangkan kepada pencen tak usah kahwin.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan - Berapa ramai ibu-ibu tunggal yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, iaitu yang mendapat pencen daripada Kerajaan Pusat.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Yang Berhormat Yang Dipertua, baca dia punya tafsiran dulu. Di sana ada ibu tunggal yang berpencen yang tidak dapat meneruskan kerja dia ... perkahwinan kerana kalau pilih untuk bersuami, kerana ingin untuk menjadi ... mencapai nikmat hidup dan dapat pahala ibadat yang berganda ...

8 MEI 2000

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pohon penjelasan tadi - Berapa ramai ibu tunggal yang sedemikian dibandingkan ibu tunggal yang tidak menerima pencen. Apakah usaha yang dijalankan oleh pihak Yang Berhormat bagi menjodohkan ibu-ibu tunggal yang di Negeri Terengganu yang tak pencen.

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Yang Berhormat Yang Dipertua, setakat ini belum kita dapat senarai ... masih dalam proses lagi setakat ini. Tetapi kita munta maaf dulu ....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, katan tak ada yang diusahakan oleh kerajaan hari ni jangan kita salahkan Kerajaan Pusat.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan - Yang ibu tunggal tak dok pencen ini ramai, yang ada pencen pun ramai juga. Masalahnya ... yang orang naknya hak yang ada pencen ni yang orang tumpu tapi tersekat oleh undang-undang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Guana yang Exco lain yang jawab ni? Saya nampak bahawa setelah lima enam bulan Kerajaan PAS memerintah Negeri Terengganu tidak ada usaha yang dijalankan untuk memperjodohkan ibu tunggal sebagaimana yang dilafaz dan dijanjikan oleh Yang Berhormat Exco yang berkenaan dalam Persidangan Dewan yang lalu.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua - Enam bulan tak keluar lagi anak.

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau persoalan selain daripada apa yang telah ditulis kita minta supaya ada notis terlebih dahulu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tuan Yang Dipertua, saya tak nampak soalan saya ni perlu diberi notis, dah beri notis sebulan dah soalan saya ni.

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Soalan yang pertama telah kita jawab 'tidak ada'. Cuma matang dia, tafsiran dia kita nak beritahu bahawa ada ibu tunggal tak dapat meneruskan perkahwinan kerana gangguan undang-undang dan peraturan. Yang terpaksa kedudukan ibu tunggal ni pergi kepada suatu kaedah yang dikatakan *aldar umafarsik mukadamun aljalabimasaleh* menolak benda yang boleh jadi rugi, yang boleh jadi rosak, hilang pencen naklah diutamakan daripada memilih perkahwinan. Dan oleh kerana itu saya mengharapkan bahawa Yang Dipertua dan saudara-saudara sekalian ...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tuan Yang Dipertua, itu yang berpencen yang tak berpencen, tak ada ke usaha yang dijalankan sebagaimana yang dijanjikan?

8 MEI 2000

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Yang Dipertua, sudah beritahu tadi tidak ada setakat ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Silakan Wakil Kemasik meneruskan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga:

*Pihak kerajaan Negeri Terengganu telah berjanji untuk menaikkan imbuhan atau bayaran kepada penerima-penerima Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

*Berapakah jumlah kenaikan yang dibayar kepada setiap seorang penerima Bantuan Am ini dan berapa ramai yang terlibat?*

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Bismillahirrahmanirahim assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua, kadar Bantuan Am Jabatan Kebajikan sekarang ialah di antara RM50.00 sebulan sehingga RM150.00 sebulan. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menaikkan kadar tersebut seperti berikut:

- (a) Bantuan bagi orang-orang tua yang miskin, daif dan tidak berkeluarga ialah RM100.00 sebulan seorang.
- (b) Bantuan keluarga ialah RM60.00 sebulan hingga RM250.00 sebulan bergantung kepada bilangan tanggungan dan keadaan sosio-ekonomi masing-masing.

Kenaikan kadar baru ini akan berkuatkuasa mulai bulan April 2000. Sebelum pembayaran kadar baru ini dilaksanakan, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diminta untuk membuat penyiasatan dan kajian semula yakni program pemutihan kepada semua penerima Bantuan Am yang sedia ada agar Bantuan Am ini hanya diluluskan kepada golongan yang betul-betul memerlukan. Pembayaran kadar baru ini akan dibuat pada bulan Jun tahun 2000.

Sehingga bulan Mac tahun 2000, seramai 16,685 penerima Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana pecahan mengikut daerah dan kategori seperti berikut:

| <u>Daerah</u>    | <u>Bilangan Kes</u> |
|------------------|---------------------|
| Kuala Terengganu | 6,214               |
| Besut            | 2,748               |
| Dungun           | 1,746               |
| Hulu Terengganu  | 2,101               |
| Kemaman          | 1,209               |
| Marang           | 1,499               |
| Setiu            | 1,168               |

8 MEI 2000

Pecahan Bantuan Am (bulanan) mengikut kategori iaitu sehingga Mac tahun 2000:

| <u>Kategori</u>  | <u>Bilangan Kes</u>  |
|--|----------------------|
| Bah atau janda dan tanggungan                              | 2,675                |
| Bantuan Persekolahan                                       | 539                  |
| Orang tua  | 9,845                |
| Sakit yang menyebabkan tidak boleh bekerja dan tanggungan: |                      |
| - Sakit  | 2,722                |
| - Kurang upaya   | 863                  |
| Tanggungan banduan   | 41                   |
| <b>JUMLAH:</b>   | <b><u>16,685</u></b> |

Angka sebenar yang akan menikmati kadar baru ini akan diketahui setelah program pemutihan selesai dijalankan dan juga mengambil kira jumlah pemohon baru yang layak dipertimbangkan. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Kalau dulu semasa sebelum pilihan raya PAS berjanji untuk menambah penerima-penerima bantuan am ini sebanyak RM200.00 seorang. Tapi apa yang dijelaskan oleh pihak Yang Berhormat tadi tidak ada beza dengan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional dahulu. Mengapa janji untuk memberi RM200.00 seorang tidak dilaksanakan pada hari ini?

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Tuan Yang Dipertua, kita tidak pernah berjanji untuk menaikkan kadar bantuan sebanyak RM200.00, sebagaimana terdapat dalam manifesto ni kita hanya menyatakan bahawa kita akan naikkan bantuan kemiskinan ni. Jadi untuk memenuhi janji ini kita telah naikkan daripada RM60.00 kepada RM100.00 dan daripada RM150.00 kepada RM250.00. Ini yang telah kita janji berdasarkan kepada manifesto kita. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada dalam kempen-kempen yang disebar di seluruh kampung dan desa mengatakan jika PAS menang dalam pilihan raya Bantuan Kebajikan akan dinaikkan RM200.00 seorang.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Kalau Yang Berhormat mahu manifesto ni kita boleh bagi, nak sekarang pun tak apa.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Itu manifesto PAS, yang diucapkan dalam ...

8 MEI 2000

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Kita tak sebut angka dalam manifesto ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ada, dibawa ke kampung-kampung ada.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Sebenarnya di mana, kampung mana dan siapa yang bawak ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Semua kampung, semua orang dengar penceramah-penceramah PAS bawak.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Saya tak pernah dengar ... kampung saya tak dok. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya dipersilakan ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan dalam hubungan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat sekejap tadi. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah 'pemutihan' dalam hal ini.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tuan Yang Dipertua, yang dimaksudkan dengan 'pemutihan' ialah kita siasat balik mereka yang benar-benar untuk mendapat Bantuan Am berdasarkan kelayakan yang telah ditetapkan, satu. Yang keduanya, mereka yang tidak layak yang selama ini diberikan oleh pihak kerajaan dulu yang jumlahnya memanglah, kita yakin ramai juga. Jadi untuk menegakkan keadilan sebagaimana yang telah kita nyatakan sebagai dasar kepada kerajaan kita ini, iaitu kita membuat siasatan dan semakan supaya benar-benar mereka yang layak sahaja kita akan berikan bantuan ni. Dan bagi mereka yang tak layak kita akan berhentikan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah usaha 'pemutihan' ini bertujuan untuk mengurangkan jumlah pembayaran yang harus ditanggung oleh kerajaan setelah kadar baru dibayar, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tidak berbangkit soal itu Tuan Yang Dipertua, kerana kita benar-benar untuk memastikan mereka yang layak saja.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya dipersilakan Wakil Bukit Tunggai.

8 Mei 2000

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggah): Bismillahuahmanirrahim assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan para pemerhati sekalian. Soalan yang pertama:

*Berapakah jumlah kelas KAPA di sekolah-sekolah kebangsaan di Negeri Terengganu yang menerima bantuan Yayasan Islam Terengganu yang telah beroperasi di bawah kerajaan dahulu dan bagaimanakah kedudukan kelas-kelas berkenaan sekarang?*

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terdapat 1,208 kelas KAPA yang berjalan pada tahun yang lalu dan berada pada 255 buah Sekolah Kebangsaan. Dan pada tahun ini semua kelas itu diteruskan dan yang ditambah baru sebanyak 115.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggah): Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, Apa yang saya dapati dalam DUN Bukit Tunggah sendiri ada 4 buah sekolah rendah tapi hanya satu saja ada kelas KAPA. Apakah masalah sebenarnya?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada antara permasalahan yang tidak dapat kita adakan di semua sekolah. Yang pertamanya ialah kerana setengah-setengah sekolah itu dia ada sesi pengajian ... dua sesi iaitu petang dan pagi. Jadi bila sekolah itu ada petang dan pagi maka tidak ada ruang untuk kita buka lagi di sekolah itu. Namun begitu pihak Yayasan Islam Terengganu mengambil satu daya usaha membuka di pusat-pusat yang lain seperti balai raya dan bangunan sendiri, yang menjadikan jumlah keseluruhannya ialah 1,657.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya mahu penjelasan daripada Exco yang berkenaan, soalan mengatakan kelas KAPA ini menerima bantuan daripada Yayasan Islam Terengganu. Saya ingin pengesahan adakah peruntukan ini daripada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat melalui JAKIM?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pokoknya Yayasan belanja, duit ambil mana tak kira, Kerajaan Negeri ke ... Kerajaan Pusat ke ... Yayasan belanja cukuplah. Pitis kitalah tu.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta penjelasan Tuan Yang Dipertua, itu bukan jawapan sama ada bantuan Pusat ataupun Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, kedua-duanya ada. Hak JAKIM beripun ada, hak Kerajaan Negeri pun ada ... itu dia. Tapi hak JAKIM tahun ni kelek sikit dok *direct*, kita kena belanja dulu. Yayasan belanja dulu beberapa bulan lepas tu buat *claim* dekat dia, dia bayar. Jadi kalau dia bayar seterusnya, insya Allah tak apalah, kalau dia tak bayar tak apalah kita guna pitis kitalah.

8 Mei 2000

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Silakan Wakil Bukit Tunggul.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Tuan Yang  
Dipertua, soalan yang kedua:

*Apakah kerajaan bercadang membayar balik hutang negeri  
berjumlah RM731,334,342.85 yang telah diwariskan oleh  
Kerajaan Barisan Nasional dahulu?*

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang  
Berhormat Wakil Bukit Tunggul ingin mengetahui sama ada kerajaan yang ada sekarang ini akan  
membayar hutang yang kita warisi daripada kerajaan yang lalu yang berjumlah sebanyak RM731  
juta. Bagi menjelaskannya adalah menjadi amalan yang diterima pakai di dalam kaedah  
pentadbiran dan pemerintahan dalam negeri dan negara kita bahawa setiap yang dilakukan atas  
nama kerajaan akan tetap dibayar oleh kerajaan walaupun ianya dilakukan oleh kerajaan yang telah  
lalu. Dalam bahasa yang lebih mudah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, umpama seorang yang  
nak kahwin janda dan janda ni banyak hutang walaupun yang berhutang tu suami dia dulu. Oleh  
kerana kita nak janda, kita kena juga bayar hutang yang ditanggung oleh janda. Terima kasih,  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir)  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, janda kaya bukan sebarang-barang janda.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Tambahan, Yang Berhormat Yang Dipertua - Boleh atau tidak Yang Berhormat nyatakan apakah  
jenis hutang dan sumber-sumber yang kita belanja daripada hutang itu.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang  
Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau Yang Berhormat yang berkenaan tu boleh semak kepada  
jawapan bertulis yang diberikan kepada jawapan Yang Berhormat sendiri, barangkali boleh dapat  
fakta itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Yang Berhormat  
Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang  
bertanggungjawab untuk membayar hutang. Cuma apa yang saya nak tahu adakah Kerajaan Pusat  
telah menunaikan tanggungjawabnya kepada Kerajaan Negeri dalam memberi geran kepada  
Kerajaan Negeri hingga setakat ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Itu soalan dah tu, soalan yang tidak ada kaitan  
dengan hutang. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Wakil Ajil.

8 Mei 2000

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua dan ahli-ahli Yang Berhormat, soalan pertama saya ditolak. Seterusnya soalan yang kedua:

*Pada bulan Ramadan yang lalu, terdapat pelaksanaan pembahagian zakat yang tidak adil dan menyalahi syariah Islam. Adakah kerajaan menyedari dan merestui fenomena tersebut?*

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Saya baca semula soalan. *Pada bulan Ramadan yang lalu, terdapat pelaksanaan pembahagian zakat yang tidak adil dan menyalahi syariah Islam. Adakah kerajaan menyedari dan merestui fenomena tersebut?* Jawabnya tidak.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Tuan Yang Dipertua, kalau tidak merestui kenapa berlaku pembahagian zakat yang tidak adil yang mana terdapat seorang guru yang layak menerima zakat. Atas *asnaf* apakah mereka ini layak menerima zakat?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidak timbul tidak adil sebab pegawai-pegawai daripada Jabatan Hal Ehwal Agama yang pergi ke masjid-masjid atau kawasan tertentu untuk mengagihkan zakat, bukan saja dibagi kepada orang-orang yang ada dalam senarai itu saja dia bawak duit lebih pulak, peruntukan luar jangka. Makna kalau ada orang yang tak termasuk nama dia dalam senarai, tergugur ke dan sebagainya itu atas perbuatan dan kecuaihan manusia, maka masing-masing boleh tuntutan ... maknanya saya dia kata tak dok boleh tuntutan duit hak luar jangka banyak. Jadi tidak timbul berlaku tidak adil kecuali Wakil Rakyat berkenaan ... kawasan tu tak mampu nak bagi tahu orang miskin kawasan dia.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Masalah sekarang Tuan Yang Dipertua, bukan masalah orang miskin dok miskin ... masalah sekarang ni seorang Guru Besar masuk senarai layak terima zakat.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, kalau ada senarai orang seperti itu kita beritahu ... kita beritahu sebelum daripada bagi tu tuan-tuan sekalian, jika tuan-tuan tidak termasuk dalam golongan fakir dan miskin, tuan-tuan tidak boleh menerima zakat ini walaupun tuan-tuan dalam senarai. Kerana senarai itu senarai daripada sejak tahun bertahun, jadi kita dalam masa yang singkat kita tidak sempat menyemak keseluruhannya malah kita menambah mana-mana orang yang tidak ada. Jadi kalau ada senarai orang sebagai Pengurus Besar menerima zakat, itu senarai UMNO dululah kita dok dan nak tengoklah tu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau hak dulu kita dok sebut le ni. Bila lak PAS merintahi ni keluar nama tu hak tu yang pelik. Tambah pulak seorang lagi, nikah dua, bawak trailer terima jugak zakat. Jadi tidak tahu sama ada zakat ni macam bagi harta *ronimas* nampak.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita pakai senarai yang diterima pakai yang telah diagih beberapa tahun yang lalu. Yang itu semua kita kekalkan. Dan yang baru ialah kepada orang-orang miskin saja. Jadi kalau ada

8 Mei 2000

terdapat nama itu, kita dah beritahu bahawa sebagaimana saya sebutkan tadi kalau ada orang yang tak termasuk dalam fakir miskin, kita harap dia tak terima dan kalau terima duit ni tidak halal dimakan. Saya mintak pihak Wakil Ajil laporkan kepada kita nama berkenaan, insya Allah kita akan atasi pada masa yang akan datang ni, insya Allah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Masalah sekarang bukan masalah tahu dok tahu terima zakat, kadang-kadang dia orang ni ... kita faham dia orang ni Islam tapi bila bak pitis ni gomo belaka tak kira sapa-sapapun. Bila kita terang zakat ni orang layak dok layak, tapi bila ada ruang untuk mereka ni terima zakat, terima pitis mereka akan berebut-rebut untuk menerima zakat. Jadi, kita haraplah pada masa akan datang agar pembahagian zakat ni mengikut *asnaf* yang disyariatkan oleh Allah s.w.t. agar mereka tidak akan berlaku lagi penyelewengan dan jugak ketidakadilan dalam pembahagian zakat ni. Dan kita tidak mahulah orang-orang tertentu, yang kuat dalam parti-parti tertentu yang diberi keutamaan. Sebab dalam *asnaf* tak dok bak ni atas orang yang terima zakat. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tambahan, Tuan Yang Dipertua. Sepasang suami isteri di kawasan saya, di luar senarai sebagaimana Exco kata tadi menerima dan seorang bernama Abdul Wahab bin Ismail yang segar megar, yang memang bekerja kuat Kerajaan PAS, parti PAS masa pilihan raya menerima wang zakat sebelum pilihan raya yang lepas. Dan banyak lagi yang boleh kita senaraikan, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, saya ucap terima kasih. Segar dok segar tak dok kisah dia miskin ni, kena tahu hukumnya. Orang miskin tu takrif dalam bahasa Arabnya *manlahuma mahnyafik*, ada duit tak cukup - miskin, hak fakir tu makna *manlahu*, orang tak dok pitis, tak dok harta tu fakir. Kalau segar macam saya pun, makna kalau saya tak dok duit layaklah, macam Wakil nun layak tapi dah ada duit dah tak layaklah. Jadi oleh sebab itu tak timbul kita buat zalim, pitis banyak lagi nak bagi. Siapa kata yang dia tidak boleh lagi, dia memang masuk orang miskin, lepas pada bagi tu boleh pergi mintak lagi di Pejabat Agama. Banyak lagi dok habis ni, saya tak baca berapa jumlah, maknanya ada lagi pitis.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau nak kira nak perhabis pitis boleh bagi belaka. Cuma kita nak mengikut syariah yang diluluskan, yang disuruh, diaraholeh Allah dan Rasul.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita mengikut syariatlah tu, kita royat dah sapa-sapa dia yang kaya jangan mari ambil pitis, dah dia mari ambil jugak.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nak lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga:

*Masyarakat kampung dan desa gelisah tentang pembayaran cukai pintu dan cukai tanah kerana mereka menerima arahan pembayaran cukai tersebut. Kenapa keadaan ini berlaku*

8 Mei 2000

*sedangkan kerajaan telah mengumumkan pemansuhan cukai-cukai tersebut?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalannya berbunyi: *Masyarakat kampung dan desa gelisah tentang pembayaran cukai pintu dan cukai tanah kerana mereka menerima arahan pembayaran cukai tersebut. Kenapa keadaan ini berlaku sedangkan kerajaan telah mengumumkan pemansuhan cukai-cukai tersebut?*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, rakyat kampung dan desa di luar kawasan operasi Majlis Daerah ataupun MPKT tak dikenakan cukai pintu dan tak pernah dikenakan cukai pintu. Tidak ada timbul gelisah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bagaimana dengan cukai tanah pula Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Cukai tanah, macam biasa cuma kita Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam proses meminda dan mengubah daripada cukai tanah pertanian kepada zakat pertanian. Dan kepada yang bukan Islam, *kharaj* akan diperkenalkan. Ini dalam proses perundangan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bila agaknya nak jalan benda-benda tu?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Budak-budak daripada kecil dia kena membesar-membesar, proses perundangan. Kita baru ada lima bulan, 40 tahun tak boleh jalan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya sila ...

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan cukai pintu dan cukai tanah ni saya cuba bangkitkan kerana ada janji yang diberikan bahawa apabila kerajaan memerintah tidak akan dikenakan cukai tanah dan cukai pintu. Tapi sekarang saya difahamkan tidak ada sebarang pekeliling pun yang dikeluarkan untuk mengecualikan cukai pintu dan juga cukai tanah sehingga ada orang kampung yang kata ... berada dalam dilemma nak bayar ke tidak cukai tanah ni terutamanya. Jadi kita naklah kerajaan lebih bertanggungjawab, kalau dok bayar keluar pekeliling khas kepada orang-orang kampung bahawa benda ni tidak dikenakan bawaran.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tak timbul gelisah tak timbul keliru. Saya dah kata tadi orang di kampung, di desa di luar kawasan operasi MPKT dan Majlis Daerah tidak pernah dikenakan cukai pintu zaman berzaman, sampai hari ni. Cuma orang dalam kawasan operasi, dalam kawasan bandar kita kecualikan daripada cukai yang mereka sentiasa bayar dulu dan ini telah menimbulkan implikasi kewangan RM6.5 juta. Itu saja. Cukai tanahnya dalam proses kita pinda daripada cukai *quit rent* dengan izin, kepada zakat dan *kharaj* bagi bukan Islam. Kita perlu masa untuk melaksanakan perundangan. Saya dah beritahu lima bulan tak sampai masa lagi.

8 Mei 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya daripada Wakil Telemong. Sila ... persilakan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Teima kasih, Tuan Yang Dipertua. Soalan yang pertama:

*Setakat ini (29 November 1999 – 12 April 2000) sudah berapa buah pinjaman rumah dan kenderaan berserta nilainya yang diluluskan kepada kakitangan Kerajaan Negeri mengikut skim Islam?*

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jadi soalnya *setakat ini (29 November 1999 – 12 April 2000) sudah berapa buah pinjaman rumah dan kenderaan berserta nilainya yang diluluskan kepada kakitangan Kerajaan Negeri mengikut skim Islam?*

Jawabnya, yang pertama motokar dulu. 29 hingga 30 November, itu peralihan – keputusan pilihan raya 29 haribulan baru tahu, 30 tu hari pelantikan Menteri Besar. Jadi 29 hingga 30 November 1999 masa itu tak dok. Tapi daripada Disember 1999, ada 3 buah motokar dengan nilainya RM107,000.00. Tapi tu skim lama Baitu Bithamin Ajil hak kerajaan dulu, dia beza dengan hak kita sikitlah. Bithamin Ajil pinjam dua puluh banyak bayar, kita pinjam dua puluh bayar banyak tu juga. Januari 2000 sebuah motokar, RM30,000.00 harganya. Kemudian Februari 10, harganya RM326,500.00. Kemudian Mac 2000, 10 buah kenderaan harganya RM336,000.00. Semuanya berdasarkan Qardhu Hassan, pinjam dua puluh bayar dua puluh. April tak dok lulus lagi, permohonan tak dak mari lagi. Kemudian jumlah keseluruhannya RM700,500.00, kenderaannya 24 buah.

Motosikal, 29 hingga 30 November tu tak dak tapi Disember 99 ada 14 buah harganya RM63,000.00 tapi ikut skim lama tu sebab dia buat permohonan sebelum daripada itu, skim lama Baitu Bithamin Ajil. Insya Allah, dia boleh pindah kepada skim baru. Januari 2000, 3 buah harganya RM13,000.00, Februari 2000, 19 buah harganya RM85,000.00. Mac 2000, 30 buah harganya RM131,400.00, April 2000, 6 buah harganya RM25,800.00 mengikut skim baru iaitulah Al-Qardhu Hassan, bayar sama banyak dengan pinjam. Jumlah keseluruhannya ialah RM318,800.00.

Adapun peringkat perumahan, kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menimbang perumahan kepada kakitangan awam Kerajaan dan jugak kepada orang-orang awam. Kerajaan telah memperuntukkan sekian banyak, sekarang ni saya tidak isytihar lagi, insya Allah untuk kita laksanakan. Namun begitu di agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun seperti Yayasan Terengganu, Yayasan Islam, seperti di KUSZA, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, pinjaman perumahan secara Islam sudah mula dilakukan oleh pihak-pihak berkenaan mulai 1 Januari tahun 2000. Sekian.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih, Yang Dipertua. Soalan ketiga:

8 Mei 2000

*Sedarkah Kerajaan Negeri bahawa pembinaan bangunan yang tidak teratur, tidak mengikut spesifikasi pelan yang diluluskan, keadaan kotor dengan sampah sarap telah mencemarkan identiti Kampung Rusila sebagai lambang perkampungan contoh dan tempat penginapan Ketua Pentadbir Negeri Terengganu Darul Iman. Apakah tindakan kerajaan?*

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidak ada bangunan yang dibina tidak mengikut pelan dan spesifikasi. Semua bangunan yang dibina diluluskan dan dibina mengikut spesifikasi.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):  
Termasuk Masjid Rusila?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Dipertua, soalan begini tak termasuk dalam jadual yang diberi ni.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):  
Saya tanya semua bangunan di perkampungan berkenaan.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, masjid tak kena pelan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):  
Penjelasan Yang Dipertua, tak jelas.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Pembinaan masjid tak kena pelan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):  
Pembinaan tak kena pelan. Ini satu peraturan baru ke. Yang Dipertua?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Kalau tidak Kerajaan Barisan ambil tindakan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):  
Tuan Yang Dipertua, inilah satu jawapan yang saya rasa bukan satu jawapan yang baik daripada satu kerajaan yang ...

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Yang Dipertua, lebih daripada baik lagi Masjid Rusila dah berada berpuluh-puluh tahun di situ dan Kerajaan Barisan yang memerintah dahulu tak pernah ambil apa-apa tindakan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):  
Soalan saya ... saya baca soalan Yang Dipertua: *Sedarkah Kerajaan Negeri bahawa pembinaan bangunan yang tidak teratur*, bangunan termasuk masjid dan semua sekalilah, *tidak mengikut spesifikasi pelan yang diluluskan, keadaan kotor dengan sampah sarap telah mencemarkan identiti*

8 Mei 2000

*Kampung Rusila sebagai lambang perkampungan contoh dan tempat penginapan Ketua Pentadbir Negeri Terengganu Darul Iman. Apakah tindakan kerajaan? Kita tak boh orang nak pergi jumpa Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, pergi ke situ. Kemudian kita lambangkan negeri kita ini sebagaimana tempat yang kita sediakan di Seri Iman elok sikit. Jadi nak mintak jawapan yang agak bertanggungjawab.*

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Yang Dipertua, tak timbul apa yang dikatakan tadi kawasan Rusila pekarangan masjid bersih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Terima kasih dengan tidak puas hati, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPTERUA: Seterusnya persilakan Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama:

*Mengapa harga Rumah Kos Rendah Projek Taman Permint Perdana Kampung Batin, Seberang Takir dinaikkan daripada RM25,000.00 kepada RM28,000.00 sebuah?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan baru tidak pernah menaikkan harga rumah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua tidak berapa jelas tadi, kalau boleh diulang.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Kerajaan baru tidak pernah menaikkan harga rumah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Tuan Yang Dipertua, secara khusus soalan ini mengenai Projek Perumahan Awam Kos Rendah Taman Permint Perdana, Kampung Batin, Seberang Takir. Soalan yang ditanya: *Mengapa kerajaan menaikkan harga rumah kos rendah ini daripada RM25,000.00 kepada RM28,000.00*, seperti yang diumumkan oleh beberapa orang pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya kata kerajaan baru tidak pernah menaikkan harga rumah itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Tuan Yang Dipertua, pengumuman yang dibuat tidak pernah disangkal oleh pemimpin-pemimpin malah oleh kerajaan sendiri. Jadi sebab itu saya terima ini sebagai makluman yang sah, Tuan Yang Dipertua. Kecuali kalau Exco yang berkenaan di dalam Dewan ini ingin mengatakan bahawa tidak akan dinaikkan harga rumah kos rendah Taman Permint Perdana, Kampung Batin, Seberang Takir pada hari ini, Tuan Yang Dipertua.

8 Mei 2000

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita tawarkan jualan dengan harga RM28,000.00 seunit, tak pernah kita naikkan harga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHEED BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Tuan Yang Dipertua saya tak berapa jelas akhir-akhir ni, sebab saya nak sahah benda ni sebagai Wakil Rakyat kawasan yang berkenaan, saya memerlukan maklumat yang sahah untuk diberitahu terutama sekali kepada pemohon-pemohon.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Yang Dipertua, saya cakap perlahan. Rumah Permint Perdana, Seberang Takir ditawarkan dengan harga RM28,000.00 seunit, tak pernah kita naikkan harga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHEED BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Tuan Yang Dipertua, inilah saya rasa helah dan ini perkara yang kalau boleh saya rujuk kepada ucapan Yang Dipertua, merujuk kepada firman Allah s.w.t. supaya kita gunakan masa kita yang sangat berharga untuk berunding sebaik-baiknya. Saya ragu-ragu tentang kebenaran dan keikhlasan Yang Berhormat yang berkenaan bila menyatakan bahawa harga yang ditawarkan RM28,000.00. Kerana harga yang pernah ditawarkan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu ialah RM25,000.00, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Saya kata, Yang Dipertua, kerajaan baru tidak pernah menaikkan harga dan tawaran yang diberi RM28,000.00.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHEED BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Inilah masalahnya, jadi kalau harga yang ditawarkan RM25,000.00, baru sekejap Yang Berhormat kata RM28,000.00 tidak ertinya dinaikkan daripada RM25,000.00 kepada RM28,000.00. Tak payah belajar tinggi ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Tak pernah saya kata RM25,000.00 Yang Dipertua. Saya kata harga yang kerajaan baru tawar ialah RM28,000.00 seunit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHEED BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak mengatakan Yang Berhormat tawar RM25,000.00. Tapi Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu yang menaja program ini menyatakan harganya RM25,000.00 diberitahu kepada pemohon-pemohon. Jadi sekarang kerajaan baru menawarkan RM28,000.00. Tidakkah ini bermakna kerajaan baru menaikkan, dengan bahasa yang mudah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya masih kekal dengan jawapan saya bahawa kerajaan baru tidak pernah menaikkan harga dan kita tawar RM28,000.00 seunit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHEED BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Tuan Yang Dipertua, terlalu jelas bagi saya ada perbezaan antara RM25,000.00 hingga RM28,000.00. Kecuali kalau Yang Berhormat yang berkenaan mewakili kerajaan mengatakan bahawa tidak berlaku kenaikan, baru boleh saya terima, Tuan Yang Dipertua.

8 Mei 2000

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Saya kata ini adalah keputusan kerajaan untuk menawarkan RM28,000.00 seunit, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berhubung dengan projek perumahan ini, kita dapat tahu Yang Dipertua, bahawa permohonan-permohonan tambahan dimintak selepas kerajaan baru memegang kuasa. Apakah tujuan yang sebenarnya permohonan-permohonan baru dibuka semula dan temu duga telah diadakan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tidak ada kaitan dengan harga ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: ... soalan itu di luar daripada soalan asal bertanyakan mengenai dengan harga dan rumah, bukannya mengenai dengan pengambilan dan tawaran.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalan-soalan yang perlu diberi jawapan hari ini telah berakhir dan saya berhasrat untuk tangguhkan Dewan ini sehingga pukul 11.00 pagi. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI.

8 Mei 2000

**PUKUL 11.00 PAGI**

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dewan disambung semula, suatu peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin supaya padamkan telefon bimbit kerana ia mengganggu sistem dalam Dewan ini. Terima kasih.

**USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH UCAPAN DI RAJA**

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

*“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafakkan sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua Bagi Dewan Undangan Negeri Kespuluh dan bersetuju merafakkan sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan persediaan memberi kerjasama yang erat kepada pentadbiran Negeri supaya dapat melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan memuaskan demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya.”*

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat usul yang telah dikemukakan itu telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan.

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah rabbilalami wassalatuwaalamuala asyrafimursalim walaalili waasabihi ajamain. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Negeri Terengganu Darul Iman, sekalian Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, muslim dan muslimat sekalian.

Pertamanya kita bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana diberi keizinan kepada kita semua untuk mendengar serta memerhatikan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, di mana di dalam titah ucapan baginda terlalu jelas kepada semua pihak yang berkenaan bahawa titah tersebut merupakan harapan yang begitu tinggi yang disarankan kepada semua pihak bertanggungjawab sama ada kepada pihak kerajaan mahupun kepada pihak pembangkang supaya dapat sama-sama dapat membina imej negeri Terengganu Darul Iman sebagai namanya diberi gelaran secara khusus

8 Mei 2000

ialitulah Darul Iman, yang sudahlah membawa pembangunan yang bersepadu yang akan melibatkan persoalan dunia dan akhirat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam soal pembangunan yang disarankan oleh baginda Al-Sultan sama seperti mana yang disarankan dalam syariat Islam supaya pembangunan yang dijalankan di dalam negeri kepada masyarakat mestilah berpaksikan kepada kesejahteraan dunia dan kesejahteraan akhirat. Hal ini disebut di dalam hadis yang banyak, di dalam al-Quranulkarim, di antaranya firman Allah:

ومنهم من يقول ربنا اتنا في الدنيا حسنة  
وفي الآخرة حسنة وقنا عذاب النار

Maksudnya: *Wahai Tuhan kami, kurnialah kepada kami di dunia ini baik dan di akhirat juga baik serta hindarkan kami daripada azab api neraka.*

Hasil daripada titah yang diucapkan, yang dititah kepada kita kelmarin menggambarkan bahawa kemajuan yang *syumul* yang akan mendorong hubungan manusia dengan Allah s.w.t. dan manusia sesama manusia, sekaligus menjadi hasrat Di Raja dan ianya juga menjadi hasrat bagi Kerajaan Negeri, di mana Kerajaan Negeri telahpun meletakkan satu matlamat yang begitu jelas bahawa sesungguhnya di dalam konsep kita membangunkan negeri kita, Kerajaan Negeri tidak akan lupa kepada pembangunan insan itu sendiri. Sebab itulah apabila Kerajaan Negeri diberi mandat untuk memerintah dan mentadbir negeri yang ada ini, kita telah mewujudkan satu sistem tazkirah, kuliah dan ceramah moga-moga orang yang terlibat dengan bidang-bidang kemahiran dan dengan pentadbiran-pentadbiran yang ada mereka sentiasa mengingati Allah s.w.t. kerana ini adalah modal yang paling yang besar, enjin yang paling berguna kepada manusia. Kerana orang yang terlibat dengan kemahiran-kemahiran tertentu jika sekiranya mereka ini tidak mengingati Allah s.w.t. maka mereka akan melakukan apa saja semata-mata matlamat yang mereka kejar itu tercapai. Tetapi sekiranya manusia ini diisi dengan mengingati Allah s.w.t. dan mengingati matlamat hidup mereka yang bukan saja berkesudahan di dunia tetapi berkesudahan sehingga kepada hari akhirat sudah tentulah mereka akan memandu, mengontrol diri mereka supaya mereka ini benar-benar memberi jasa kepada rakyat, memberi jasa yang lebih besar kepada Allah s.w.t. itu sendiri. Hasil daripada itulah, bagaimana dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia disebut bahawa soal pendidikan merupakan aset ekonomi negeri.

Tuan Yang Dipertua, sekalian Ahli Yang Berhormat, di mana sememangnya apabila kita menyentuh masalah pendidikan sekaligus pendidikan adalah aset kepada ekonomi negeri. Seperti yang dijelaskan dalam titah baginda, bagaimana manusia ... manusia mestilah didedahkan dengan pendidikan yang mempunyai unsur-unsur yang jelas dengan pendidikan Islam. Kerana manusia apabila mereka ini mengejar kemajuan ekonomi semata-mata tanpa mereka ini ingat kepada tuntutan Allah s.w.t. maka kadangkala kekayaan yang kecapi oleh manusia itu mendorong ke arah kekufuran. Kadangkala seseorang manusia mengejar harta, mengejar pangkat, mengejar kemewahan dunia menyebabkan mereka sanggup meninggalkan Allah s.w.t., mahu menjadi orang yang kaya tetapi mereka ini tidak mengira soal halal dan haram, mahu mencari harga yang banyak sama ada harta itu riba ataupun tidak riba mereka tidak pedulikan. Sebab itulah menjadi hasrat bagi Kerajaan Negeri, seperti mana yang disaran oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quranulkarim:

8 Mei 2000

رجال لا تلهيهم تجارة ولا بيع عن ذكر الله وإقام الصلاة

وإيتاء الزكاة يخافون يوماً تتقلب فيه القلوب والأبصار | Suratul Nur ayat 37 |

Maksudnya: *Lelaki-lelaki yang tidak boleh diperdayakan oleh perniagaan-perniagaan dan begitu juga tidak boleh diperdaya oleh sistem jual beli daripada mengingati Allah s.w.t. Dan mereka ini mendirikan sembahyang serta memuncikan zakat dan mereka benar-benar takut kepada suatu hari yang digoncang hati dan penglihatannya oleh Allah s.w.t.*

Hasil daripada itulah, apabila kita kenal pasti pusat-pusat pendidikan negeri seperti *Terengganu Advanced Technicall Institute, Terengganu Timber Industry Centre, Terengganu Skills Development Centre, Terengganu Safety Training Centre* ini adalah pusat-pusat yang akan mendatangkan ataupun menghasilkan tenaga-tenaga mahir di Negeri Terengganu Darul Iman ini. Di mana pusat-pusat yang seumpama ini diambil berat oleh pihak kerajaan dan ianya disarankan oleh baginda Al-Sultan supaya generasi yang lahir daripada institut-institut pendidikan ini benar-benar orang yang memahami tugas dan tanggungjawab apabila mereka *graduate* daripada pusat ini bukan saja kecemerlangan pekerjaan tetapi juga mereka boleh memastikan bahawa kerja yang mereka buat ini direstui oleh Allah s.w.t. itu sendiri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipetua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu dan sekalian Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dalam soal membangunkan Negeri Terengganu Darul Iman ini telahpun memperkenalkan kepada kakitangan kerajaan bahawa perbelanjaan yang berhemat mesti diambil kira, mesti menjadi asas kepada konsep pembangunan yang ada. Kerana kita dapat mengesan sebahagian daripada perbelanjaan-perbelanjaan ini tidak stabil dan ianya kadangkala boleh mendatangkan kekayaan bagi setengah golongan dan terbiar bagi setengah golongan yang tertentu. Jadi perbelanjaan yang berhemat ini mestilah beramanah dan mestilah mengelak pembaziran dan pemborosan. Begitu juga langkah-langkah mengenal pasti soal-soal halal ataupun haram, begitu juga dengan cara mengemaskini semula Baitulmal, sistem zakat serta pengagihannya yang begitu adil. Dalam soal ini menaupakkan kepada kita bagaimana komitmen yang tinggi, keikhlasan yang tinggi dan kejujuran yang sepatutnya diberi pujian daripada pihak Kerajaan Negeri apabila mewujudkan satu badan secara khusus iaitulah Exco Hisbah dan Tugas-tugas Khas semata-mata untuk mengendalikan soal pentadbiran kerajaan dan pentadbiran kakitangannya supaya benar-benar mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan yang lebih besar daripada itu iaitulah peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Hasil daripada itulah maka kita dapat lihat bagaimana sebahagian besar daripada agensi-agensi kerajaan mereka mula menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat dan menunjukkan prestasi yang tinggi semata-mata untuk mereka pastikan, kerja yang mereka jalankan sebagai agensi kerajaan ini benar-benar akan mencapai matlamat yang dikehendaki oleh negeri, dan yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.

Begitu juga tentang perkara mengemaskini Baitulmal dan soal pembahagian zakat yang adil, di mana insya Allah kerajaan telahpun memastikan perkara ini akan terus memastikan dari semasa ke semasa bahawa fungsi Baitulmal ataupun fungsi zakat ini akan diberi pembahagian secara adil, seperti mana pembahagian ini disebut dalam al-Quranulkarim:

انما الصدقات للفقراء والمساكين والعاملين عليها والمؤلفة قلوبهم  
وفي الرقاب والغرمين وفي سبيل الله وابن السبيل فريضة من الله

8 Mei 2000

Hasil daripada itulah kita lihat bagaimana kerajaan sekarang ini mula mengadakan satu program pemutihan kepada orang-orang sebelum daripada ini ada yang termasuk di dalam senarai penerima zakat ataupun penerima bantuan di mana kita kenal pasti bahawa mereka ini orang yang tidak sepatutnya menerima bantuan tersebut. Hasil daripada itulah insya Allah dengan kerjasama daripada semua pihak sama ada pihak kerajaan ataupun pihak barisan pembangkang mudah-mudahan kita dapat menyelesaikan bersama permasalahan yang seumpama ini, permasalahan-permasalahan pemutihan kepada agenda pengagihan kekayaan negeri kepada rakyat jelata.

Tuan Yang Dipertua, peningkatan proses pentadbiran yang disebut oleh Tuanku Al-Sultan bagaimana suatu sistem diperkenalkan kepada masyarakat melalui kerajaan yang ada. Di peringkat bawahan kerajaan telahpun melantik Jawatankuasa Syura Rakyat menggantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Walaupun kita dapat menghidu ada pihak-pihak yang tertentu mereka ini rasa tidak puas hati dan tidak setuju dengan perkara yang seumpama ini. Tetapi sebagai kerajaan yang mahu melihat keadilan dan mahu melihat rakyat yang sepatutnya diangkat, rakyat yang sepatutnya diberi amanah ini benar-benar mereka diberi amanah dan diberi tanggungjawab. Sebab itulah Jawatankuasa Syura Rakyat ini diberi perhatian secara khusus dan pelantikannya agak berbeza dengan pelantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Pelantikan JSR ini dibuat secara syura rakyat walaupun ada beberapa portfolio yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, tetapi insya Allah pelantikan ini mempunyai asas-asasnya yang tersendiri di sudut kelayakan, orang yang beramanah dan orang yang boleh memimpin manusia sama ada di dunia dan di hari akhirat. Inilah satu perkara yang amat penting supaya masyarakat di peringkat akar umbi, di peringkat masyarakat di kampung, mereka ini benar-benar dipimpin bermula daripada kepimpinan yang atasan sehingga ke pemimpin bawahan mereka ini bukan saja dipimpin di dunia ini tetapi mereka juga dipimpin sehingga hari akhirat. Sebab itulah pelantikan JSR ini bukan saja kita tumpukan kepada orang yang boleh mengendalikan urusan di dunia ini tetapi orang yang sekaligus boleh mengajak manusia kembali kepada hari akhirat. Dengan erti kata yang lain, insya Allah penubuhan JSR akan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat supaya mereka ini selamat di dunia dan selamat di hari akhirat.

Sebab itulah menjadi harapan yang begitu tinggi daripada pihak Kerajaan Negeri supaya semua pihak dapat menerima pelantikan JSR dengan hati yang terbuka, dengan sikap yang profesional bukan semata-mata kita menolak kerana pelantikan ini dibuat oleh satu komponen parti politik dan sebagainya. Kita mengharapkan kerjasama untuk mendatangkan kebaikan kepada semua masyarakat dan sekaligus saya menyeru kepada semua yang terlibat, barisan pembangkang dan sebagainya supaya mereka ini menerima perkara-perkara yang boleh mendatangkan positif di dalam masyarakat bukannya kita mengkritik semua perkara. Perkara yang dapat kita kritik kita kritik, perkara yang menjadi persoalan yang rasional kepada masyarakat kita minta supaya kita menerima. Dan pengalaman parti PAS dalam pemerintahan, sebelum daripada memerintah waktu menjadi pembangkang, kita membangkang perkara-perkara yang patut dan kita memberi sokongan kepada perkara yang patut dan perkara yang membina.

Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sekalian Yang Berhormat. Di dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia juga telahpun menyebut bahawa soal pembangunan ekonomi yang perlu ditangani oleh kita semua. Soal yang menyentuh ketidakseimbangan aktiviti ekonomi, tahap pendapatan rakyat yang masih rendah, prasarana sosial dan ekonomi belum lengkap; kekurangan tenaga mahir, kualiti hidup rakyat yang masih asas, inilah adalah beberapa nokhtah yang telah dikesan oleh kita semua dan langkah telahpun diambil oleh pihak kerajaan. Dan kita rasakan langkah ini belum lagi sampai kepada nokhtahnya tetapi insya

8 Mei 2000

Allah, usaha yang gigih akan kita sama-sama laksanakan di dalam perkara ini. Dan saya berkeyakinan insya Allah, kalaulah kita ini memadukan tenaga kita untuk sama-sama kita tangani masalah-masalah tersebut, insya Allah perkara yang seumpama ini akan dapat tangani bersama.

Kadar pertumbuhan ekonomi 3.9 peratus bagi tahun 1999 menunjukkan kepada prestasi yang begitu baik, prestasi yang amat baik. Ditambah pula dengan kenaikan harga minyak mutakhir ini menggambarkan bahawa ekonomi kita lebih meyakinkan. Dan menggambarkan kepada kita bahawa pentadbiran Kerajaan Negeri ini akan disokong oleh faktor ekonomi yang kuat dan insya Allah, janji-janji yang telah diberikan kepada rakyat di dalam manifesto dan di dalam ucapan-ucapan yang rasmi dan bertanggungjawab, insya Allah akan dapat dilaksanakan dengan baik. Begitu juga kita lihat bagaimana sektor-sektor kerajaan semua sekali menggambarkan pertumbuhan yang begitu positif. Ini kita yakin adanya pertolongan daripada Allah s.w.t. selain daripada usaha yang gigih yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak yang terbabit. Allah s.w.t. menggariskan kepada manusia bahawa soal kepatuhan ini akan diberi pertolongan yang sewajar oleh Allah s.w.t. Di dalam al-Quran disebut, firman Allah:

ولو ان اهل القرى ءامنوا واتقوا لفتحنا عليهم بركات من السماء والارض  
ولكن كذبوا فآخذنهم بما كانوا يكسبون

*Dan jika sekiranya penduduk di kampung, penduduk di negeri mereka beriman, bertakwa kepada Allah s.w.t. nescaya akan dibuka kepada mereka ini pintu keberkatan daripada langit dan bumi akan tetapi jika sekiranya manusia dusta kepada Allah s.w.t. lalu keberkatan ini akan ditarik hasil daripada apa yang diusahakan oleh mereka.*

Inilah adalah kenyataan yang memerlukan kepada orang-orang yang beriman menatap, menghayati secara sungguh-sungguh. Kerana keberkatan yang diberi oleh Allah s.w.t. kepada manusia sukar difahami dan sukar dilihat dengan akal, dan sukar untuk kita buat satu analisa sejauh mana keberkatan di masa hadapan. Ini bergantung kepada keyakinan manusia dengan Allah s.w.t. apabila memuai tanggungjawab bertepatan dengan kehendak Allah s.w.t. dengan cara kita menghapuskan riba, menghapuskan rasuah, menghapuskan segala macam yang diharam oleh Allah, insya Allah punca rezeki yang lain akan diberi oleh Allah s.w.t. Bagi orang yang berfikiran cetek mereka akan mengatakan jika sekiranya riba ini dihapuskan nescaya kerajaan akan mencapai kerugian, akan menanggung kerugian. Tetapi bagi orang yang benar-benar beriman, yang akal mereka ini lebih panjang mereka yakin pertolongan daripada Allah s.w.t. Kita yakin kenaikan harga minyak dan sebagainya, punca-punca rezeki yang lain yang dapat dipungut oleh Kerajaan Negeri, ini adalah keberkatan yang diberi oleh Allah s.w.t. Dan kita doa mudah-mudahan punca yang seumpama ini akan diterus oleh Allah s.w.t.

Hasil daripada kekayaan yang ada bagi Negeri Terengganu Darul Iman, bagaimana kita lihat peruntukan sebanyak RM200 juta untuk pembangunan di dalam negeri kita ini sememangnya sesuai dengan jumlah penduduk yang lebih kurang 1 juta orang di Negeri Terengganu ini. Maka peruntukan RM200 juta ini telah dan akan diagih oleh pihak kerajaan kepada orang yang benar-benar memanfaatkan sepenuhnya kepada seluruh lapisan masyarakat. Kita tidak mahu kekayaan yang ada pada negeri hanyalah berpusing di kalangan orang-orang yang kaya saja. Kerajaan akan pasikan kekayaan yang ada pada negeri ini akan diagih, akan dipusing kepada semua lapisan

8 Mei 2000

masyarakat supaya nikmat yang diberi oleh Allah s.w.t. ini menjadi nikmat sejagat. Dan kita tidak mahu lagi mendengar Negeri Terengganu Darul Iman sebagai negeri yang kaya tetapi rakyatnya begitu ramai miskin. Insya Allah, program-program yang dibina nanti, program yang akan menjadi jaminan kepada seluruh lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sekalian Ahli Yang Berhormat. Satu hasrat yang mulia yang disebut di dalam titah ucapan Di Raja bagaimana soal kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Bagi pihak Kerajaan Negeri terlalu mengharap dan telah menjalankan kerja-kerja yang menggambarkan kepada bagaimana kesefahaman dan bagaimana eratnya hubungan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Kita juga berkeyakinan insya Allah, Kerajaan Pusat juga tidak akan menganak-tirikan Kerajaan Negeri Terengganu seperti yang pernah dibuat kepada Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim. Dan kita rasa perkara-perkara yang positif yang telah dilaksanakan di Terengganu seperti pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur, Alhamdulillah menggambarkan kerjasama yang baik di kalangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat itu sendiri. Dan begitu juga kita meletakkan harapan dan Duli Yang Maha Mulia juga meletakkan satu harapan yang tinggi mudah-mudahan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud di masa hadapan akan menjadi kenyataan, akan menjadi realiti kepada kita semua. Kerana di segi rasionalnya, keadilan ataupun kesejahteraan negara, kemajuan negara ini kita dapat pastikan kekayaan yang ada negara ini dapat diagihkan kepada semua rakyat yang duduk di semua negeri di dalam negara kita Malaysia ini. Dalam erti kata yang lain, sekiranya terdapat menganak-tirikan sebahagian daripada negeri ini adalah satu perkara yang tidak rasional, satu perkara yang tidak boleh diterima oleh golongan intelektual, oleh semua lapisan masyarakat termasuk masyarakat kampung dan sebagainya.

Sebab itulah suka saya menyarankan bahawa walaupun bibit-bibit bagaimana seperti surat pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak boleh terlibat dengan kegiatan-kegiatan di sekolah, saya rasa ini adalah satu perkara yang mesti dihindarkan. Kerana Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat ini adalah orang yang dipilih orang rakyat dan dia adalah orang yang terjun secara langsung dengan masyarakat untuk memberi pembelaan kepada masyarakat maka seharusnya orang yang diberi mandat oleh rakyat diberi peluang seluas-luasnya untuk mereka bersama-sama dengan masyarakat. Soal yang seumpama ini saya menaruh harapan yang tinggi kepada barisan pembangkang supaya mereka ini memastikan usaha-usaha yang gigih supaya Kerajaan Pusat memberi sokongan yang baik kepada Negeri Terengganu Darul Iman untuk kepentingan semua lapisan masyarakat dan untuk kepentingan pembinaan insan dan pembinaan fizikal di dalam negeri kita ini. Boleh saya katakan, saya rasa tidak keterlaluan oleh kerana hubungan kepartian dan sebagainya ini, saya rasa lebih baik sekiranya pembangkang ini ada usaha-usaha yang baik untuk merapatkan hubungan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sekalian Ahli Yang Berhormat. Di dalam titah ucapan Di Raja juga ada menyebut kepada kita soal sektor pertanian yang menjadikan sektor yang terpenting dan di antara sektor yang penting di dalam Negeri Terengganu ini kerana pertanian biasanya dimiliki oleh rakyat, rakyat yang boleh kita sebut sebagai rakyat yang miskin. Sekiranya pertanian ini tidak diberi pembelaan nescaya rakyat yang miskin ini terus miskin dan kenyataan selama ini bagaimana kita melihat ramai di antara petani-petani, nelayan-nelayan yang berpuluh-puluh tahun mereka ini menanggung beban kemiskinan sehingga sekarang ini mereka miskin. Dan saya rasa kerajaan yang ada sekarang ini telahpun memberi satu perhatian yang baik kepada nelayan, kepada petani dan kepada golongan bawahan

8 Mei 2000

supaya mereka ini hidup lebih baik dan lebih berkesan. Dan bagaimana telahpun wujud di dalam Kerajaan Negeri ini bentuk-bentuk pembelaan bantuan-bantuan khas telah dikeluarkan kepada golongan petani, golongan nelayan dan sebagainya.

Begitu juga Kerajaan Negeri mula menimba semula pengalaman-pengalaman yang telah dilalui oleh beberapa negara-negara lain. pencatat rekod dunia bahawa sektor pertanian ini adalah satu bidang yang boleh membela nasib masyarakat bahkan boleh membentuk sistem ekonomi negara itu sendiri seperti mana Thailand, seperti mana negara China dan sebagainya. Dan sekarang ini Kerajaan Negeri mula mengenal pasti supaya pengalaman-pengalaman yang ditimba oleh negara-negara ini yang lebih awal daripada kita, insya Allah dapat digunakan di dalam Negeri Terengganu Darul Iman ini. Begitu juga dengan sistem ataupun sektor pelancongan di mana 1.2 juta pada tahun 1999 telahpun memberi input yang begitu baik sebanyak RM350 juta dan jumlah yang seumpama adalah jumlah yang begitu baik. Bagi Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha-usaha pelancongan ini dan akan bertekad, insya Allah jumlah pelancong yang akan datang ke Negeri Terengganu Darul Iman ini semakin hari semakin ramai dan akan mencatat keuntungan yang lebih banyak. Justeru itu juga kita mestilah ingat bahawa sektor yang kita bina, yang kita majukan ini kita tidak boleh lari daripada penyusunan moral itu sendiri. Kita tidak mahu sistem pelancongan yang berlaku ini ibaratan satu perkara yang indah tetapi ianya tidak memberi apa-apa maniaat kepada pembinaan insan manusia itu. Kerana kadangkala dapat dikesan, sistem pelancongan ini kadangkala boleh meruntuhkan moral orang Islam, orang yang beriman dengan Allah s.w.t. Kita mahu pelancongan ini dimajukan tetapi sekaligus ianya tidak menjatuhkan moral bagi orang Islam. Kerana kita faham keindahan pelancongan kalau kita tidak sertakan dengan program-program yang akan memastikan moral itu maju nescaya pelancongan ini menjadi indah tetapi ianya tidak ada apa-apa maniaat kepada manusia. Ibarat seperti mana padang rumput yang menghijau, kita lihat bagaimana tompokan rumput yang lebih hijau yang di keliling oleh najis lembu itu sendiri walaupun kelihatan cantik lebih hijau daripada yang lain tetapi lembu itu sendiripun tidak tergamak nak makan rumput yang tumbuh di sekeliling najis itu sendiri. Maka ini adalah satu perkara yang mesti direnungi, yang mesti dihayati oleh semua pihak.

Khazanah kekayaan alam sekitar juga disebut di dalam titah ini, bagaimana penjagaan yang rapi kepada alam sekitar ini perlu diberi penekanan oleh semua pihak. Kita dapat mengesan banyak projek-projek pembangunan yang telah dilakukan selama ini kadangkala tidak mengindahkan soal-soal alam sekitar yang ada di Negeri Terengganu ini. Kerana kedudukan fizikal Negeri Terengganu, alam sekitar yang ada ini secara tabiinya boleh menarik pelancong yang ramai datang ke negara ini tetapi sekiranya alam sekitar ini tidak dijaga dengan baik, dengan rapi nescaya ianya akan terhakis, ianya akan terhapus. Allah s.w.t. mengingatkan kepada manusia dalam soal alam sekitar supaya diambil pengiktibaran, firman Allah:

افلم ينظروا الى السماء فوقهم كيف بنيناها وزينها ومالها من فروع

8 Mei 2000

Maksudnya: *Apakah kamu tidak melihat kepada langit yang begitu luas di atas kepala kamu, bagaimanakah Allah s.w.t. membinanya dan menghiasinya serta kita tidak dapat lihat bagaimana kecacatan yang ada padanya. Begitu juga bumi yang dihampar indah dan dipaksikan atasnya, bukit yang begitu gagah dan ditumbuhkan atas bumi ini dengan tumbuh-tumbuhan yang berbagai-bagai yang begitu cantik yang menjadi penglihatan kepada manusia yang ingin kembali kepada Allah s.w.t.*

Ini adalah ayat ataupun penerangan yang diberi oleh Allah supaya orang-orang yang bertanggungjawab menjaga soal keindahan alam semula jadi ini. Sesungguhnya keindahan alam semula jadi adalah tanggungjawab semua pihak, kalau kita harapkan kepada pihak kerajaan semata-mata nescaya perkara ini tidak akan dapat dilaksanakan, tidak akan dapat direalisasikan. Mestilah tanggungjawab semua pihak, menjaga kebersihan, menjaga alam sekitar dan sebagainya terutama sekali kepada kontraktor-kontraktor yang terlibat dengan proses pembangunan yang begitu luas. Maka diharapkan kepada mereka ini supaya menjaga kedudukan alam sekitar supaya ianya benar-benar terkawal di dalam Negeri Terengganu Darul Iman ini.

Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam titah ucapan juga bagaimana disebut soal permintaan rumah kos rendah 70 peratus daripada jumlah 8,500 unit setahun merupakan angka permintaan daripada rakyat yang 70 peratus adalah rakyat yang mempunyai pendapatan yang rendah. Maka sebagai komitmen daripada Kerajaan Negeri, sebagai bukti kesungguhan mereka ini untuk menyelesaikan masalah ini bagaimana satu pinjaman cara Islam diberi peluang sebanyak 6,000 keluarga. Bagaimana komitmen yang seumpama ini adalah komitmen yang seharusnya diberi pujian dan disyukuri oleh semua masyarakat yang ada kerana setakat ini insya Allah, Kerajaan Negeri akan meningkatkan lagi usaha-usaha dan akan meningkatkan lagi dana dan sebagainya supaya kos untuk menampung orang-orang yang tidak mempunyai keupayaan memiliki sebuah rumah, satu tempat kediaman bagi mereka ini akan tercapai bagi Kerajaan Negeri Terengganu. Begitu juga sebagai kejayaan ataupun sebagai agenda yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri telahpun mengadakan pinjaman Al-Qardhu Hassan untuk komputer, kenderaan dan sebagainya.

Begitu juga Kerajaan Negeri apabila memastikan ramai di kalangan rakyat di dalam Negeri Terengganu ini mereka terlibat dalam persoalan moral ada yang lari daripada rumah, ada yang berzina, ada yang sanggup lari dengan orang-orang yang dikasihi, menjadi kekasih dan sebagainya. Kerajaan Negeri telahpun memastikan perkara ini maka diputus oleh Kerajaan Negeri di awal pentadbirannya bahawa waktu bekerja bagi ibu bapa yang bekerja ataupun isi rumah yang bekerja hanyalah 5 hari saja dalam seminggu. Ini adalah memberi ruang yang cukup baik yang seharusnya diberi pujian oleh semua pihak diuntukkan kepada manusia fitrah dia sendiri, satu hari untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. dan satu hari untuk menunaikan tugas dan tanggungjawab kepada kaum keluarga ataupun orang yang terdekat daripadanya. Ini sekaligus menghindarkan gejala sosial yang semakin hari semakin meruncing di dalam negeri kita secara khusus dan di dalam negara secara amnya. Ini adalah perkara yang begitu berkesan, kita yakin dan kita percaya akan dapat menyelesaikan sebahagian besar daripada keruntuhan moral yang berlaku di dalam negeri kita.

Begitu juga dengan cuti bersalin yang diberi oleh Kerajaan Negeri selama 90 hari dan diberi gaji dan elaun yang penuh. Jadi sebab itulah kita rasakan ini adalah perkara yang amat patut kerana seorang ibu yang melahirkan anak, melahirkan satu generasi yang mungkin seorang anak ini akan dapat menjadi pemimpin yang baik, akan dapat membela nasib rakyat dan sebagainya. Sebab

8 Mei 2000

itulah satu penghargaan yang tinggi kepada ibu-ibu yang bersalin supaya mereka dapat benar-benar memastikan kepedihan mereka, keperitan mereka bersalin ini dengan cara mereka berehat dan bukan saja mereka berehat tetapi mereka menerima ganjaran daripada kerajaan yang sepatutnya diberikan kepada mereka. Sebab itulah kita terlalu mengharapakan bagi pihak kerajaan bahawa perkara-perkara yang positif seumpama ini jangan dijadikan bahan ataupun jangan dijadikan perkara untuk dibangkang dengan sewenang-wenangnya. Jadikanlah sebahagian daripada perkara yang patut dibangkang kita boleh bangkang dan jadi kita ini pembangkang yang suka membangkang dan membangkang semua perkara. Nak jadi pembangkang ni kadangkala perlu kita kena pelajari kerana kita membangkang dalam crü kata yang melulu nescaya tidak ada guna pembangkang di dalam Dewan. Kita mengharapakan pembangkang yang ada ini pembangkang yang boleh membina negeri kita, membina majlis mesyuarat kita ini mudah-mudahan ianya akan menghasilkan manfaat yang besar di sisi Allah s.w.t. dan di sisi rakyat secara sejagat.

Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sekalian Yang Berhormat, saya rasa itulah sedikit ulasan yang dapat diberikan. Sekian, terima kasih.

**YANG BERTHORMAT YANG DIPIERTUA:** Silakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu berucap, sila.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri):** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Negeri Terengganu, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato', Ketua-Ketua Jabatan, hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah s.w.t. sekalian. Alhamdulillah pertamanya marilah sama-sama memanjat syukur kehadiran Allah s.w.t. dengan izin dan limpahan kurnia-Nya dapat kita berada di dalam majlis pada pagi yang penuh dengan keberkatan ini dalam mencari dan memikul amanah Allah s.w.t. kepada kita sekaliannya. Kerana inilah yang dicatat di dalam al-Quranulkarim di antara maksud Allah s.w.t. mengutuskan kita sekalian, ketika mana berkata Allah di dalam satu ayat kepada malaikat:

وَاذْأَقَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَأَكَّةِ أَنِي جَا عِل فِى الأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا  
مَنْ يَفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدَّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ  
قَالَ أَنِي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

8 Mei 2000

Dengan ayat itu, mengingatkan saya dan kita sekalian akan maksud sebenar kita dihantar, Allah s.w.t. mahu supaya kita memikul amanah mentadbir bumi Allah Taala ini dengan cara yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. Itu perkara yang harus kita tanam dalam diri kita sekalian. Oleh sebab itu saya berdiri dan bercakap sepatah dua pada pagi ini dalam Dewan ini pertamanya merakamkan banyak terima kasih kepada pimpinan yang baru, sebelum daripada saya bercakap yang panjang, di atas hari-hari yang kita memerintah hampir 5 bulan 8 hari ini telah banyak kita lakukan perubahan.

Perubahan yang bentuk pada agama, yang menjadi asas kepada kita di antaranya tentang kita telah dapat menutup suatu perjudianlah kita kata, yang ada di dalam Negeri Terengganu yang mana ini merupakan suatu hadiah daripada Allah s.w.t kepada kemenangan kita. Perkara ini merupakan perkara yang besar yang disarankan oleh Allah Taala. Dalam ayat yang lain Allah Taala mengatakan:

انما الخمر والميسر والأنصاب والأزلم رجس من عمل الشيطان  
فاجتنبوه لعلكم تفلحون

Ayat ini sama-sama kita baca di dalam al-Quran, menggesa kita supaya menghindari perkara ini. Maka dengan takdir oleh Allah s.w.t. dan kerjasama daripada semua pihak, bukan saja kerajaan bahkan pegawai-pegawai yang terlibat sendiri bagaimana kita mengatur perancangan supaya perkara ini boleh kita tegak bersama. Dalam ayat yang lain Allah Taala mengatakan:

كنتم خير أمة أخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر  
وتؤمنون بالله

Allah Taala bagi tahu kepada kita bahawa kita semua ini adalah umat yang terbaik yang dijadikan oleh Allah s.w.t. dan dikeluarkan di kalangan manusia dan kerja kita *takmurunabi makruf*, kita sama-sama disaran mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Di atas kuasa yang terhad yang ada pada kerajaan hari ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tuan Guru, maka ini di antara yang mampu kita lakukan dalam masa yang terdekat. Dan insya Allah, kita mengharapkan dalam masa kita ikat kontrak dengan rakyat ini yang insya Allah dalam empat tahun atau lima tahun kita mampu memikul amanah ini, insya Allah.

Di antara perkara-perkara yang telah kita lakukan juga semasa memerintah ini yang harus kita terima kebajikannya walaupun dalam keadaan kita dikritik dan sebagainya. Tapi itulah lumrah dalam kita memimpin, kita rasa kita sudah buat baik tetapi ada setengah-setengah merasakan tidak puas hati dan sebagainya tapi kita runding, berbahas dan kita berbincang dengan cara yang baik.

Dalam meningkatkan juga dalam soal agama, soal pentadbiran ini kerajaan baru telah menaikkan sedikit imbuhan atau elaun kepada Imam dan Bilal. Walaupun sedikit tetapi ianya besar dan kuatkuasa bermula daripada 1 Januari, iaitu sebanyak hampir ... kalau Imam yang bertugas 15 tahun ke atas kerajaan baru insya Allah, membuat kenaikan iaitu membayar sebanyak RM350.00 kepada Imam yang bertugas lama. Dan kepada yang 3 tahun hingga 15 tahun ini hampir RM325.00 dan kepada satu hingga tiga tahun yang bertugas, kerajaan baru telah memberi saranan supaya dibayarkan dengan kos sebanyak RM300.00. Kenaikan yang dibuat ini adalah semamangnya layak dan patut kerana institusi masjid hari ini merupakan institusi yang paling penting dalam membina masyarakat. Dan apa yang kita lihat hari ini masjid semakin sunyi dan sepi dengan kehadiran anak-anak muda di masjid. Kita mengharapkan selepas daripada ini di

8 Mei 2000

antaranya Jabatan Agama sendiri akan mengambil tanggungjawab yang sepenuhnya supaya institusi masjid ini dapat kita bangun dan dapat kita tegakkan di mana Imam-Imam yang telah diamanahkan ini supaya mengadakan kelas-kelas agama yang mana pada hari ini kelas-kelas agama untuk remaja dan kanak-kanak ini seakan sudah terpinggir, seakan sudah dilupakan. Sebagaimana zaman-zaman saya masih kanak-kanak dan kita masih kanak-kanak dulu di mana institusi masjid itu diimarahkan begitu rupa. Hari ini dia telah dipecahkan sehingga mana institusi pengajian agama al-Quran, Fardhu Ain itu telah dibawa ke sekolah akhirnya di masjid itu menjadi surau. Sebab itu saranan daripada kerajaan kita pada hari ini dengan penambahan sedikit keperluan kepada Imam Bilal ini memberi suatu semangat baru kepada kita bersama dan kita mengharapkan supaya cita-cita atau azam yang ditanam atau dirancang oleh kerajaan ini menjadi suatu perubahan besar yang boleh kita gunakan dengan keperluan masjid yang begitu baik yang kita buat dengan ratusan ribu, RM500,000.00, hampir RM1 juta. Tetapi pengurusan atau maniaat yang kita gunakan terlalu sedikit hanya untuk hari-hari Jumaat dan hari-hari yang tertentu saja.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, langkah yang diberi oleh kerajaan pada hari ini di antaranya dalam kebajikan misalnya, kalau masa dahulu dan kita juga terima kasih kepada Kerajaan Barisan dalam masa pemerintahan memberi RM60.00 dan RM150.00 kepada orang-orang yang susah ini tetapi kerajaan kita menambah sedikit dengan melihat kepada keperluan-keperluan tertentu sehingga kepada RM250.00, daripada RM100.00 kepada RM250.00 melihat kepada keperluan kekeluarganya. Ini suatu inisiatif yang cukup baik dan kita juga mencari satu jalan keluar di mana Negeri Terengganu ini dikatakan kaya dan insya Allah, sememangnya kita kaya. Tetapi kenapa kita berada dalam lingkungan yang ketiga miskin, di mana kesilapan kita? Harus kita fikir bersama supaya kekayaan yang diberi oleh Allah s.w.t. kepada kita sekalian terutamanya pimpinan yang ada pada hari ini mengagihkan kekayaan ini dengan cara yang terbaik supaya peningkatan kita untuk tahun-tahun yang akan datang, kita akan dapat keluarkan rakyat Negeri Terengganu ini daripada kategori yang begitu rendah kepada peningkatan-peningkatan yang lebih baik di masa-masa yang akan datang.

Dan kita harap juga selepas daripada ini Jabatan Kebajikan akan membuat pemutihan yang sungguh-sungguh kerana di antara apa yang kita lihat ialah ketidakjujurannya mengatur pemberian kepada fakir miskin menyebabkan kita mengeluarkan wang yang banyak sehingga orang yang tidak miskin itu dikatakan miskin, menyebabkan data kita berubah. Jadi kita harus melihat semula perkara ini sebab itu pemutihan yang dicadangkan oleh Exco Kebajikan kita setuju, bagi saya supaya kita mengemaskini semula perkara ini.

Saya juga meminta Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pimpinan-pimpinan kerajaan supaya menyelesaikan masalah-masalah yang sedang berlaku kepada rakyat kita ... dalam janji kita kepada rakyat terutamanya tanah-tanah lama dan sebagainya yang hampir diperintah dan dirintah dengan 30 tahun. Satu sejarah yang berlaku di kampung saya, ada orang yang sudah matipun bagaimana dia ... dia mati masa mengusahakan tanah itu bagaimana susah payah dengan tenaga kudrat yang ada dengan kapak dan sebagainya dan sekarang ini belum menjadi milik dia. Dan kita telah berjanji kepada rakyat untuk menyelesaikan perkara-perkara ini oleh sebab itu saya sarankan supaya langkah yang perlu kita ambil segera dalam perkara ini. Yang kedua tanah-tanah yang diambil oleh FELCRA misalnya yang menjadi isu di kawasan saya sendiri berapa banyak tanah-tanah yang telah diambil oleh FELCRA kemudian diusahakan dan dijarjikan diberi semula kepada rakyat. Ini perlu kita tangani bersama supaya permasalahan ini dapat kita selesaikan.

8 Mei 2000

Kekurangan-kekurangan tenaga pengajar di masjid, guru-guru pelawat terdapat kekurangan ini merata di kawasan Setiu sendiri hampir tiga empat tempat guru pelawat tidak wujud. Oleh sebab itu saya menyarankan supaya Exco yang terlibat dengan perkara ini mengambil inisiatif yang segera kerana kebanyakan masjid-masjid hari ini kosong tidak ada pengajar terutamanya di pedalaman yang menyebabkan kelemahan Pejabat Agama itu sendiri.

Satu lagi yang kita nak sarankan juga bagaimana kita boleh tarik atau bagi kefahaman kepada sahabat-sahabat kita yang bukan beragama Islam. Apa program kita? Apakah langkah kita ... kerajaan ini bagi meramaikan orang Islam itu sendiri kerana Allah s.w.t. mengingatkan ayat Dia kepada kita sekalian:

ولو أن أهل القرى آمنوا واتقوا لفتحنا عليهم بركات من السماء والأرض  
ولكن كذبوا فأخذناهم بما كانوا يكسبون

Dalam ayat ini Allah Taala memberi tahu, *sekira mana dalam satu kampung itu ada orang beriman nescaya Allah Taala akan berkatkan langit dan bumi ini*. Sebab itu proses, saya sarankan kepada Dewan ini juga supaya mengambil satu langkah di mana kita boleh memberi kefahaman tentang kehebatan Islam dan keindahan Islam. Dan satu langkah lagi kita memantau atau mempunyai program yang begitu jelas membina orang-orang yang baru kepada Islam ini. Memberi bantuan yang sepatut dan selayaknya kerana ada di antara orang-orang yang baru masuk kepada Islam ini diperabaikan, ditinggalkan. Satu tanggungjawab yang tidak begitu bersungguh tidak diambil cakna akhirnya mereka masuk Islam tidak berapa lama dan mereka keluar daripada Islam dengan mengatakan kelemahan-kelemahan kita. Sebab itu saya mengajak sidang Ahli Dewan supaya berfikir perkara ini kerana ini amanah kita bersama, insya Allah.

Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli Exco, Ahli Dewan Undangan Negeri, Dato'-Dato', Ketua-Ketua Jabatan, sidang jemaah sekalian, itulah sepatah dua daripada saya kemaafan jika tersilap, terkasar. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Permaisuri dan saya buka seterusnya.

**YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, pemerhatian muslimin muslimat sekalian.

Pertama-pertamanya saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerana memberi ruang kepada saya untuk memberi ucapan dalam sesi perbahasan pada pagi ini. Di antara perkara penting yang dititahkan oleh Tuanku Al-Sultan dalam Titah Ucapan Di Rajanya ialah berkait dengan pembangunan insan. Dan ucapan syabas dan tahniah saya tujukan kepada kepimpinan Kerajaan Negeri kerana telah menubuhkan dua agensi baru iaitu Unit Pembangunan Insan atau UPI dan juga Akademik Pembinaan Insan ataupun API yang akan memainkan peranan yang besar dalam membentuk jiwa dan hati manusia yang bertakwa kepada Allah s.w.t. Kerana kita menyedari bahawa keruntuhan negara, keruntuhan bangsa adalah disebabkan pembangunan yang dibina di dalam negara tersebut hanya berasas kepada pembangunan *madiah* semata-mata. Allah s.w.t. telah menceritakan kepada kita sebagaimana disebutkan oleh Allah s.w.t. di dalam surah Saba`:

8 Mei 2000

لقد كان لسبإ في مسكنهم آية<sup>١</sup> جنتان عن يمين وشمال<sup>٢</sup> كلوا من رزق ربكم واشكروا له<sup>٣</sup> بلدة طيبة ورب غفور

Bagaimana suatu kaum di negeri Yaman yang diceritakan oleh Allah s.w.t. dalam ayat tersebut, suatu negeri yang asalnya kering kontan, negeri yang miskin tiba-tiba dikurniakan Allah s.w.t. kekayaan sehingga disebut oleh Allah s.w.t. dua kebun di kiri dan kanan betapa mewahnya negeri tersebut. Tetapi apabila penduduk negeri tersebut kutur kepada Allah s.w.t. apabila masyarakat, penduduk negeri tersebut tidak dibina jiwa dan hatinya lalu negeri tersebut ditimpa bala. Allah s.w.t. menghantar kepada mereka banjir besar sehingga menenggelamkan kebun-kebun yang mereka miliki, menenggelamkan kubu-kubu pertahanan yang mereka, menenggelamkan istana dan mahligai yang mahal yang mereka bina.

Allah s.w.t. juga menceritakan kepada kita bagaimana pembangunan yang dibina di zaman kerajaan Firaun, bagaimana pembangunan yang dibina di zaman kaum *Aad* dan *Samud*, sudah cukup membuktikan kepada kita pembangunan yang diasaskan kepada pembangunan madiyah semata-mata bukan meneguhkan kerajaan dan negara tersebut tetapi meruntuhkan kerajaan dan negara tersebut. Oleh kerana itulah saya merasakan ... saya berkeyakinan penuh dengan keprihatinan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri, dengan tertubuhnya dua agensi tersebut di samping bantuan dan sokongan yang berterusan dari agensi-agensi lain yang turut terlibat dalam melaksanakan agenda pembangunan insan ini, insya Allah negeri kita tidak berlaku sebagaimana negeri yang disebut oleh Allah s.w.t. dalam kisah-kisah yang saya sebut tadi.

Kita mahu membentuk masyarakat kita menjadi masyarakat yang disebut oleh Allah s.w.t..

انما المؤمنون الذين إذا ذكر الله وجلت قلوبهم وإذا تليت عليهم آياته زادتهم إيمانا وعلى ربهم يتوكلون

*Orang-orang yang apabila disebut nama Allah maka gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah maka bertambahlah iman mereka. Kita mahu membentuk penduduk Negeri Terenggan Darul Iman ini menjadi manusia yang takut kepada Allah s.w.t., menjadi manusia yang bertakwa kepada Allah. Kita mahu membentuk ahli politik yang bertakwa kepada Allah, ahli politik yang menyedari tanggungjawab dan amanahnya akan dipersoalkan oleh Allah s.w.t. sebagaimana disebut oleh Rasulullah s.a.w.:*

كلكم راع وكلكم مسئول عن رعيته

8 Mei 2000

*Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan kamu akan ditanya berhubung dengan orang yang berada di bawah pimpinan kamu.*

Kita juga mahu membentuk kakitangan Kerajaan Negeri yang bersifat dengan sifat amanah dan jujur dan menjadi kerja seharian sebagai ibadat kepada Allah s.w.t. Ucapan syabas saya tujukan kepada kepimpinan Kerajaan Negeri kerana telah memperkenalkan tazkirah mingguan kepada seluruh kakitangan di Wisma ini dan saya harapkan tazkirah ini diperkembangkan lagi ke seluruh agensi Kerajaan Negeri sehingga sampai ke peringkat daerah dan Kerajaan Tempatan. Kita juga mahu membentuk ahli ekonomi yang bertakwa kepada Allah s.w.t. Apabila jiwa dan hati ahli ekonomi ini dibentuk menjadi ahli ekonomi yang bertakwa kepada Allah s.w.t. maka kita akan melahirkan ahli ekonomi yang bukan sekadar bermatlamat keuntungan semata-mata tetapi harta yang banyak yang diperolehinya, keuntungan hasil dari perniagaannya dibelanjakan untuk membantu golongan *fukharak* dan golongan *mastakin*. Kita juga mahu membentuk rakyat yang bertakwa kepada Allah s.w.t. sehingga rakyat kita menjadi sebagaimana rakyat di zaman Saidina Omar bin Abdul Aziz. Apabila tidak adanya orang yang mahu menerima zakat, kerana tidak layak menerima zakat, kita tidak mahu sebagaimana berlaku sekarang orang kata 'gelang sekerat lengan pun' nak bantuan kebajikan lagi. Jadi, insya Allah apabila seluruh masyarakat bermula daripada pemimpin atasan sehingga rakyat bawahan di bina hati dan jiwa mereka membentuk menjadi masyarakat yang bertakwa kepada Allah s.w.t. melalui program Pembangunan Insan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri maka kita dapat membentuk masyarakat yang bertakwa kepada Allah s.w.t. dan sekaligus dapat menghapuskan budaya keruntuhan akhlak, menghapuskan budaya lepak, menghapuskan budaya penagihan dadah, menghapuskan budaya bohsia, bohjan dan lain-lain yang berlaku dalam masyarakat.

Di antara institusi penting yang juga wujud dalam Kerajaan Negeri yang mesti dipertingkatkan peranannya ialah Yayasan Pembangunan Keluarga. Saya difahamkan Yayasan Pembangunan Keluarga adalah satu institusi yang penting dalam membentuk masyarakat, dalam membina jiwa dan hati manusia ini iaitu Institut Bina Ummah. Tetapi Institut Bina Ummah ini tidak dikenali oleh masyarakat umum terutamanya masyarakat kampung dan desa. Oleh kerana itu, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mengharapakan Kerajaan Negeri supaya mempromosikan peranan IBU ini, Institut Bina Ummah ini untuk sama-sama mengemblem tenaga dalam menjayakan cita-cita dan hasrat murni Kerajaan Negeri. Tuan Yang Dipertua, di antara sebab yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. berlakunya kehancuran dalam masyarakat ialah apabila jiwa manusia melakukan maksiat kepada Allah s.w.t. Sebagaimana disebut oleh Rasulullah s.a.w.: *Apabila umatku melakukan lima perkara maka berlakulah lima perkara yang lain. Apabila mereka mengingkari perjanjian mereka dengan Allah, musuh akan menguasai mereka. Apabila mereka tidak berhukum dengan syariat Allah s.w.t. maka ditimpakan kepada mereka kefakiran dan kemiskinan. Apabila mereka melakukan maksiat secara terang nescaya datang kepada mereka penyakit yang mematikan mereka. Apabila berlakunya penyelewengan dan penipuan dalam sukatan dan timbangan, mereka akan dilanda kemarau dan dihalang hujan turun dan mereka dilanda kemarau apabila mereka tidak mengeluarkan zakat maka akan dihalang hujan turun.* Menunjukkan kepada kita segala keruntuhan yang berlaku dalam masyarakat hari ini akibat daripada pembangunan yang kita bina tidak berpaksikan kepada pembangunan insan, tidak berpaksikan kepada matlamat untuk masyarakat yang bertakwa kepada Allah s.w.t.

Peranan institusi masjid dan orang-orang yang terlibat dengan institusi masjid seperti Imam, Bilal dan mubaligh hendaklah dipertingkatkan kualiti ilmu mereka. Kita tidak mahu wujudnya Imam-imam, Bilal-bilal, mubaligh yang pada masa yang sama mereka mengajar ilmu Allah tetapi pada

8 Mei 2000

yang sama mereka menjadi penentang kepada syariat Allah s.w.t. Saya merasa cukup optimis dengan kesungguhan dan keseriusan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan aktiviti, dalam melaksanakan agenda pembangunan insan ini. Saya mengharapkan pengemblengan semua pihak ada daripada pihak pencadang mahupun pembangkang bagi kita mewujudkan masyarakat yang bertakwa kepada Allah s.w.t. yang melayakkan kita merdapat anugerah Allah s.w.t. di mana Allah s.w.t. akan memberi jalan keluar kepada kita. Sebagaimana disebut oleh Allah s.w.t.:

ومن يتق الله يجعل له مخرجا

*Barang siapa takwa kepada Allah s.w.t. nescaya dijadikan kepada mereka jalan penyelesaian dan diberi kepada mereka rezeki daripada sumber yang tidak mereka ketahui.*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sekadar itulah ucapan saya, wasalamuailaikum warahmatullahi wabarokatuh. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Jabi. Ucapan seterusnya saya beri keutamaan kepada orang sebelah kiri, kalau ada. Kalau tidak ada, silakan. Ada, sila Wakil dari Bukit Besi.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL. (Wakil Bukit Besi): Assalamuailaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Exco dan Ketua-ketua Jabatan sekalian.

Saya ingin mengambil peluang untuk bercakap sedikit tentang janji-janji yang telah diungkapkan oleh PAS di dalam manifesto di dalam menghadapi pilihan raya baru-baru ini. Di mana di antara janji-janji yang telah dibuat ialah dalam perkara 9 iaitu untuk membuat reformasi tanah yang sekarang ini telah mula diungkitkan oleh rakyat dan kebetulan DUN Bukit Besi adalah DUN yang paling besar di daerah Dungun yang mempunyai keluasan tanah yang cukup banyak, yang boleh menampung hampir setiap penduduk yang ada di Bukit Besi.

Yang Berhormat Yang Dipertua, walaupun masih di peringkat permulaan reformasi tanah yang telah diura-urakan, yang telah dijanjikan dahulu pada hari ini Alhamdulillah, kita telah mendapat kerjasama yang baik daripada Pejabat Tanah dan Pegawai Daerah untuk melakukan, untuk merunai dan melaksanakan janji-janji yang telah kita buat dahulu. Di antaranya sekarang ini pihak Pejabat Tanah dengan kerjasama kita telah membuat pelan-pelan layout untuk diberikan kepada rakyat yang sekaligus insya Allah, kita mengangggarkan penduduk-penduduk yang belum mempunyai tanah akan mendapat tanah sekira-kira sebesar suku ekar bagi tapak perumahan. Dan begitu pun ada ura-ura dan ada cakap-cakap yang mengatakan dua ekar untuk tanah pertanian.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, oleh kerana di DUN Bukit Besi terutamanya dan di Negeri Terengganu ini umumnya kebanyakannya adalah petani. Oleh kerana petani dan di dalam Titah Ucapan Di Raja telah menyebut untuk mempertingkatkan hasil dan pendapatan petani maka dengan ini saya menyarankan kadar dua ekar yang diperuntukkan untuk petani adalah tidak mencukupi. Kadar ini perlu dipertingkatkan sekurang-kurangnya lima atau enam ekar seorang kerana kalau diberikan dua ekar semata-mata apa yang mereka dapat buat hanya dapat bertanani sekadar sara hidup, saradiri. Tetapi jika sekiranya diberi tanah yang lebih luas maka insya Allah, tapak-tapak ini

8 Mei 2000

dapat dibangunkan secara lebih komersil. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, secara umumnya rakyat di Negeri Terengganu berjumlah 1 juta orang dan tanah di Negeri Terengganu seluas 1.3 juta hektar. Dan di sini melambangkan oleh kerana di sana masih ada lagi rakyat yang tidak memerlukan tanah yang luas tetapi petani-petani memerlukan tanah yang luas maka sewajarnya perhatian untuk diberikan tanah kepada petani yang lebih luas ini diberi perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di dalam Kanun Tanah Negara menghadkan umur 18 tahun untuk menerima tanah kurnia. Dan untuk angka ini disebar-sebar luaskan bahawa hanya mereka yang berkahwin saja yang boleh memiliki tanah. Bagaimanapun di dalam DUN Bukit Besi, saya telah membuat sedikit bancian saya lihat di dalam DUN saya masih ramai pemuda-pemuda yang belum berkahwin dan mereka layak dan mereka berduit, dan mereka mampu untuk membina rumah. Justeru itu saya ingin menyarankan bahawa tanah-tanah ini untuk tapak perumahan perlu dan mesti juga diberi kepada belia-belia yang layak walaupun mereka belum berkahwin. Kerana jika sekiranya kita tidak memberikan tanah-tanah ini kepada mereka, mereka akan gunakan duit ini ke arah tempat-tempat lain. Dan adalah lebih baik dan lebih munasabah, dan tidak membazir sama sekali jika pihak kerajaan memberikan tanah-tanah ini kepada mereka dan mereka boleh bungkun rumah di tapak-tapak tersebut dan ini boleh menyenangkan dan boleh membebaskan mereka daripada budaya yang tidak baik kepada budaya yang lebih baik. Dan insya Allah, ini adalah perkara yang kita cita-citakan di dalam kita memimpin Kerajaan Negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagaimanapun perkara ini kita tidak dapat laksanakan dengan baik jika sekiranya tidak ada kerjasama yang erat di antara pegawai-pegawai kerajaan sebagai pelaksana dan rakyat sebagai yang akan menerima habuan-habuan ini. Justeru itu saya ingin menyeru Dewan dan menyeru semua peringkat rakyat dan semua yang ada agar kita memberi kerjasama yang terbaik sama ada di peringkat pegawai sebagai pelaksana, harus memahani dan menghayati kehendak dan hasrat kita untuk memberikan tanah kepada rakyat dengan sebaik-baiknya. Dan juga kepada rakyat haruslah memahami dan banyak bersabar dalam meniti arus proses yang panjang dan kadangkala membosankan. Dan ingatlah bahawa kerajaan yang memerintah sekarang adalah kerajaan PAS dan bukan lagi UMNO yang terdahulu yang mungkin pada suatu masa dahulu mempergunakan tanah ini untuk tujuan memancing undi semasa pilihan raya. Tetapi insya Allah, kerajaan kita, kerajaan PAS tidak akan menggunakan tanah untuk memancing undi di masa pilihan raya.

Walbillahi taufik wahidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Bukit Besi dan saya beri peluang kepada barisan sebelah kiri. Silakan ... saya minta maaf kepada Yang Berhormat, saya tunggu angkat tangan sebenarnya. Sila -

8 Mei 2000

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhatian tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerana memberi kesempatan dan keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa merasmikan persidangan Dewan ini kelmarin. Banyak perkara-perkara yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, seperti pendidikan, pertanian, industri, perikanan dan semua aspek yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya kerajaan pada hari ini akan mengambil tindakan yang tegas untuk membentuk satu rakyat Negeri Terengganu yang boleh kita katakan yang memenuhi tuntutan ilmu dalam segi pendidikan. Sebagai contoh, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah dimaklumkan iaitu halacara-halacara pembangunan msan akan dilaksanakan melalui program-program pendidikan dan dakwah. Pendidikan akan dimula dan dilengkapi dengan kurikulum berasaskan Islam kepada murid-murid pratadika, tadika, sekolah-sekolah rendah dan menengah. Tujuannya ialah untuk menyediakan dan menguatkan asas-asas keperibadian dan keinsanan dalam menghadapi cabaran-cabaran era globalisasi kelak. Duli Yang Maha Mulia juga difahamkan penerapan nilai-nilai Islam ini akan disenaraikan dengan semua aktiviti di Negeri Terengganu.

Saya menyokong penuh di atas cadangan tersebut yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya di suatu masa nanti hasrat untuk melihat rakyat Negeri Terengganu hidup dalam keadaan harmoni akan tercapai. Jika saranan ini dapat dilaksanakan sudah tentu suatu hari nanti tidak akan berlaku lagi di kalangan rakyat Negeri Terengganu yang dendam mendendam. Tidak akan berlaku lagi, kalau ini dapat dilaksanakan, tuduh; menuduh di antara rakyat. Tidak akan berlaku lagi hasut menghasut dan tidak akan berlaku lagi pecah belah di antara rakyat Negeri Terengganu ini. Jika ini dapat dilakukan dan ditujukan kepada semua lapisan masyarakat di Negeri Terengganu. Kita tidak hendak sebagaimana berlaku lepas-lepas, cakap lain buat lain, hari ini boleh besok tak boleh ataupun hari ini tak boleh besok boleh. Sebagai contoh, kalau dulu dalam persidangan Dewan Undangan Negeri apabila satu penggal dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada di antara Ahli-ahli parti pembangkang ketika itu tidak menghadiri Dewan disebabkan pakatan, kena pakai tanjak, kena pakai baju bunga tanjung, baju Melayu Negeri, pakai samping, tak hadir Dewan – dulu. Tapi kita lihat kelmarin apabila kerajaan berubah semua Ahli Dewan pakai sebagaimana yang tak nak pakai dulu. Ini yang lain, dulu cakap lain hari ini cakap lain.

Dalam persidangan Dewan dihi, saya nak sentuh sikit, kalau dulu ada di antara Wakil Rakyat pembangkang tiap-tiap kali Dewan bersidang soalan yang dikemukakan bila arak hendak dihapuskan di Pantai Primula Hotel? tiap-tiap kali sidang. Tapi hari ini Wakil Rakyat yang sama katanya meluluskan 8 lesen arak baru. Ini kata cakap lain buat lain.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalau Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya minta penjelasan - Oleh kerana yang disebut ialah spesifik mengenai Hotel Primula dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya tak tahulah takut dia dah tak pergi sekarang ni, arak sudah tak ada lagi di Primula. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Semua hotel tapi spesifik yang disebut oleh Wakil Rakyat ketika itu bila hendak dihapuskan jualan arak di Hotel Primula. Ada catatan.

8 Mei 2000

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Yang Dipertua, penjelasan - Saya rasa Yang Berhormat Pengekalan Berangan telah memberi penjelasan tadi di Primula tak ada lagi jual arak, melainkan Yang Berhormat Kemasik tak pernah pergi dah sejak kalah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Saya beri contoh di atas kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Exco yang berkenaan, lulus 8 lesen arak baru.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Yang Dipertua, inilah fitnah yang paling besar yang dibuat oleh UMNO sampai ke Parlimen mengatakan bahawa kerajaan baru meluluskan 8 lesen arak baru. Daripada 41 yang diluluskan oleh UMNO dan Barisan Nasional, kita turun tinggal 8 saja, bukan 8 hak baru ... tinggal 8 daripada 41.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Saya Yang Berhormat Tuan yang Dipertua, saya dapat laporan daripada akhbar kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat tapi tidak dinafikan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Yang Dipertua, tak perlu nafi hak bohong, hak fitnah ni. Kita tahu dah hak UMNO ini fitnah sokmo-sokmo kita boleh *check* maknanya. Kita simpan satu lagi, kalau UMNO nak kita beri.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Yang Dipertua, 8 ke 49 ke sama saja, arak tetap arak haram tetap haram.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Kita faham, inilah sisa-sisa hak UMNO tinggalnya kita boleh kurang sampai ke 8 pasal dibuat tabiat begitu dah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Yang Dipertua, Kerajaan Negeri boleh hapus semua sekali kalau dia ikhlas.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Kita ada dasar kita Tuan Yang Dipertua, kalau 40 tahun dia koho naik, koho naik kita ni koho turun sekaligus bukan terjun sampai tanah selalu, orang naik nyior ni turun-turun. Kita ada pertimbangan kepada orang yang hak jenis minum arak. Jadi budaya hak minum arak ni yang dihidupkan oleh UMNO ni kita payah jugak nak buang ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sepatutnya Yang Berhormat Exco berkenaan buat penafian di akhbar tentang apa yang dikatakan oleh akhbar. Yang Berhormat buat penafian ....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Dok payah buat nafi, tak payah ... kita pun tak ambil duit ... nak saman malu tak saman malu. Dia hakikat saja, *is a* fakta dengan izin Yang Dipertua. Harakah ada tapi Harakah dua kali sebulan le

8 Mei 2000

ni. Kalau Harakah tu 8 kali bulan lagi ramai sikit orang baca. Kabar ke Utusan, kabar ke *Straits Times*, kabar ke radio mari belaka *interview*, takkan dia nak buat, takkan dia nak siar.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat. Selepas tu kata, Yang Berhormat Permaisuri kata nak memutihkan khususnya penerima-penerima Bantuan Am, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Katanya Kerajaan dulu, yang kaya pun diberi bantuan hari ini kerajaan PAS nak kaji balik. Katanya terlalu ramai yang berkemampuan menerima bantuan. Kalau betul ramai yang berkemampuan juga menerima bantuan Kebajikan Masyarakat bermakna rakyat Negeri Terengganu telahpun berada dalam tahap kedudukan ekonomi yang kukuh, tidaklah lagi berada dalam tahap kemiskinan. Tadi Yang Berhormat Permaisuri kata, kemiskinan nombor tiga dalam negara kita, bantuan diberi kepada yang senang. Kalau kita tolak yang itu bermakna rakyat kita serang, tak ada kemiskinan.

Selepas tu nak naik balik elaun, nak tambah elaun Imam dan Bilal. Saya difahamkan sehingga hari ini takpun dinaik ... tak ada. Ada setengah-setengah tempat elaun pun belum dibayar setelahpun empat bulan. Begitu juga cadangan yang dibuat oleh Exco Wanita, nak jodohkan ibu tunggal katanya. Selepas tu usaha-usaha tidak dilakukan .....

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan - Tak ada Exco Wanita ... Exco Hal Ehwal Wanita.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Lebih kurangnya tu ... ada Wanita tu betullah tu. Tak dapat mencari jodoh untuk ibu tunggal menyalahkan Kerajaan Persekutuan, kononnya tersekat disebabkan pencen. Tak usah cari helahlah, kalau kita tidak boleh buat kita mengaku, jangan tuduh ini ... tuduh ini. Dalam mesyuarat dulu pernah saya sebut, kalau satu-satu perkara yang tidak dapat dilaksanakan kerajaan PAS hari ini jangan salahkan Kerajaan Pusat. Kalau betul disebabkan pencen ibu tunggal ... menjadi penghalang kepada ibu tunggal tersebut untuk mencari jodoh Kerajaan Terengganu bantulah. Kalau dia kahwin ... dapat suami baru ... pencen ditarik balik oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri berilah

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, kerajaan boleh bantuan tapi asal ada orang sanggup. Sekarang ni hak syarat ada doh Wakil Kemasik itu yang payah sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sepatutnya Exco Manir dulu ambil baru orang lain boleh ikut. Kalau lagi baik, biar Yang Amat Berhormat Menteri Besar ambil dulu.

Dulu tak digalakkan orang-orang PAS sembahyang di masjid kerajaan, hari ini ... boleh. Sebab itu saya kata .....

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Hari ini Kerajaan PAS, Tuan Yang Dipertua, memang kita galak sembahyang masjid kita.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ya, tapi masjid yang sama .....

8 Mei 2000

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dia berasa dia kerajaan lagi ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Masjid yang sama bukan masjid baru. Masjid itulah dulu tidak dibenarkan orang-orang PAS ... pemimpin PAS tak galak orang-orang dia sembahyang. Tapi hari ini masjid yang sama dibenarkan. Sebab tu saya kata dulu cakap lain hari ini cakap lain, dulu tak boleh hari ini boleh. Mana dia pendidikan secara Islam nak terapkan kepada rakyat kita.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat jawab masa ucapan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Kebenaran ni ada kuasa, tak dak kuasa nak benar macam mana. Bukan soal benar tak benar ... biar betul bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Jangan berselindung di balik telunjuk .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Bukan soal berselindung tapi biar betul bahasa tu ... bahasa tu biar betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ini yang berlaku hari ini. Selepas tu susun semula anak-anak syarikat kerajaan. Penyusunan telahpun dibuat terhadap Lembaga Pengarah syarikat-syarikat anak, syarikat-syarikat bersekutu dan kumpulannya, dan sub-subsidiarinya Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) serta agensi-agensi milik kerajaan yang lain, telahpun disusun semula. Katanya Pengerusi-pengerusi baru diambil alih oleh sebilangan Ahli-ahli Exco. Saya tak dapat kepastian sebab soalan ini ditolak, soalan saya ditolak. Saya suruh senaraikan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Wakil Rakyat DUN dan Parlimen yang menjadi Pengerusi kepada anak-anak syarikat tersebut, kepada badan-badan tersebut tapi ditolak. Saya dimaklumkan bahawa ada setengah-setengah Ahli Exco yang memegang lebih daripada satu. Katanya ada tiga empat ataupun lebih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, PAS boleh mengamalkan poligami.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak berapa dengar Yang Berhormat? Ada sampai tiga empat seorang. Saya masih ingat, satu kenyataan yang dibuat oleh salah seorang Exco dalam perjumpaan dengan kakitangan SEDC, PMINT yang mengatakan bahawa dulu semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah ada di kalangan Wakil Rakyat dan Exco memegang lebih daripada satu Pengerusi. Dan Exco tersebut mengibaratkan bahawa Exco yang memegang banyak Pengerusi itu sebagai tangan dewa hindu. Macam dewa hindu banyak tangan pegang. Tapi hari ini siapa yang jadi dewa hindu? Tolong

8 Mei 2000

terangkan, saya minta senarai tak berani nak beri senarai sebab ada setengah Exco terlampau banyak pegang Pengerusi-pengerusi syarikat ini. Begitu juga dengan Pengarah-pengarah syarikat-syarikat, ada lantik isteri dan sebagainya. Kalau kita dulu kroni tapi kerajaan hari ini habis dibolok semuanya oleh puak-puak dia.

Hudud ... pernah Dewan masa Barisan Nasional dulu, wakil pembangkang ketika itu tanya Kerajaan Negeri Terengganu bila lagi Hudud nak dilaksanakan di Negeri Terengganu sebagaimana Kelantan? Soalan itu pernah timbul dalam Dewan ini. Tetapi bila saya tanya soalan yang sama, bila lagi kerajaan PAS nak melaksanakan hukum Hudud di Negeri Terengganu? Soalan tersebut ditolak. Saya nak tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam satu kenyataan baru-baru ini dalam perjumpaan dengan kakitangan kerajaan yang mengatakan bahawa kepentingan Hudud dalam Islam hanyalah 0.00001 peratus ataupun dengan lebih tepat satu per 10,000. Betul ke? Kepentingan Hudud dalam Islam hanyalah satu per 10,000 sebab itu tak berani nak jawab soalan saya. Makna sikit sangat, kecil sangat. Masa jadi pembangkang dulu merata cerok berceramah kerajaan hari ini tak laksanakan Hukum Hudud, tidak Islam. Membangkitkan kemarahan rakyat dengan Hukum Hudud, hari ini kita memerintah nak jawab soalan Hudud tak berani. Sebab kononnya dalam Islam kecil saja kepentingannya. Ini yang saya katakan, cakap tak seperti bikin.

Yang Berhormat Yang Dipertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga menyentuhkan bahawa kecemerlangan pendidikan pada tahun lepas dan tahun-tahun sebelumnya seperti peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM di Terengganu telah mencapai di tahap yang baik ... mencapai tahap yang cemerlang. Tahun dulu di bawah siapa? Di bawah kerajaan Barisan Nasional. Kita nak tengok keputusan tahun ini sama ada dapat ditingkatkan berbanding dengan pencapaian tahun lepas ataupun tidak, kita akan lihat. Sebab yang saya dapat tahu peruntukan-peruntukan dari segi pendidikan telahpun dikurangkan oleh kerajaan PAS hari ini. Katanya peruntukan TATI dikurangkan, peruntukan KUSZA dikurangkan, Kolej Matrikulasi ditutup terus. Bagaimana kita nak meningkatkan tahap pencapaian pendidikan yang lebih baik dan sempurna di Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, fakta mana ni Kolej Matrikulasi ditutup, perbelanjaan KUSZA dikurangkan ... dia ambil mana ni. Orang Kemasik ni bingung sangat ni guana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat jawablah kemudian. Kolej Matrikulasi tutup, tak buka hari ni. Bangunan yang berharga berpuluh-puluh juta ringgit dibuat oleh kerajaan dulu, program-program pendidikan dirancang.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, tutup bila? Cakap molek sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak ambil penuntut baru ... tak ambil.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita nak buat besar lagi, dia kata tutup.

8 Mei 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Saya akan tengok, masa akan ke depan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kawan pergi tengok, tengah duduk buat bangunan koho besar lagi ... dia kata tutup.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Saya tak tahulah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Tak apa, kita tengok kerajaan besar ke tidak akan datang.

Selepas tu, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga difahamkan ... saya tidak tahu sebab apa dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku lebih kurang 12 perkataan 'dimaklumkan' dan 'difahamkan', saya tidak tahu. Duli Yang Maha Mulia Tuanku difahamkan institusi-institusi seperti *Terengganu Advanced Technical Institute*, *Terengganu Timber Industry Training Centre*, *Terengganu Skills Development Centre*, *Terengganu Safety Training Centre* dan lain-lain di Terengganu akan mengeluarkan tidak kurang 6,000 pelajar setiap tahun. Oleh itu penawaran pekerjaan mestilah seimbang dengan jumlah ini untuk memastikan tenaga pekerja yang terlatih dapat diserapkan. Duli Yang Maha Mulia Tuanku menaruh keyakinan Kerajaan Negeri akan meneruskan program-program untuk membangun sumber manusia sebagai tindakan-tindakan pelengkap kepada agenda pembangunan negeri. 6,000 orang yang akan dikeluarkan setiap tahun, yang tahun ini keluar 6,000 hasil daripada pengorbanan kerajaan dulu. Adakah jaminan boleh diberi kepada 6,000 orang ini yang akan dikeluarkan nanti untuk mendapatkan pekerjaan? Ini perlu diteliti, perlu dirancang begitu rupa supaya 6,000 pelajar yang keluar daripada pusat-pusat pengajian tersebut tidak akan menganggur dan tersisih.

Kita takut sebagaimana yang ada berlaku baru-baru ini dalam projek petroleum. Dalam industri petroleum gas di kawasan Kerteh, ramai bilangan anak-anak kita, anak-anak Negeri Terengganu yang tidak dapat pekerjaan walaupun mereka mempunyai kelulusan, walaupun mereka mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu seperti *Welder G6*, macam-macam lagi tetapi tidak diterima oleh syarikat-syarikat yang beroperasi di kawasan projek gas dan petroleum ini. Saya dimaklumkan oleh pekerja-pekerja tersebut, walaupun telah berjumpa dengan pihak kerajaan tetapi tidak diambil tindakan untuk memastikan anak-anak kita ini dapat bekerja dengan istimewa dan dengan tersusun serta teratur dalam industri-industri ini. Sehingga pada bulan lepas satu kain rentang besar yang tak pernah berlaku selama ini di kawasan tersebut, direntang oleh anak-anak kita mengatakan Kerajaan Negeri tidak memberi kecaknaan kepada pekerja-pekerja anak tempatan dalam industri minyak ini. Ini yang kita takut berlaku dan saya juga dimaklumkan bahawa hari ini telah berkurangan syarikat-syarikat yang akan datang melabur di kawasan projek industri ini. Dan kalau ini terjadi pada masa akan datang sudah tentu anak-anak kita yang berpengalaman dan berkemahiran tidak dapat pekerjaan di tanah Negeri Terengganu ini sendiri. Ini 6,000 yang akan keluar, sesuatu perlu dilakukan oleh kerajaan hari ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bila menyentuh pembangunan di kawasan saya ... kawasan DUN Kemasik merupakan dulu sebuah kampung terpencil yang tidak ada kemajuan, hari ini bertukar corak. Dan secara ringkasnya, saya tak nak sebut satu persatu apa dia kemajuan yang

8 Mei 2000

telah dicapai di kawasan tersebut disebabkan adanya gas dan petroleum. Tahun lepas ada satu cadangan oleh JKR untuk melebarkan jalan raya untuk dijadikan jalan dua hala, dua lorong dua hala. Bermula daripada Rantau Petronas ke projek industri di Matel sejauh lebih kurang 15 kilometer. Katanya kertas-kertas tender telahpun siap, peruntukan telahpun diperolehi tahun lepas saya berkesempatan hadir sama dalam taklimat yang dibuat oleh JKR. Tapi hari ini saya tidak tahu entah bagaimana jalan tersebut masih belum dilaksanakan hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan Pekan Kerteh ke projek industri di Matel. Yang menjadi penghalang terutama kepada lalu lintas dan kanak-kanak sekolah yang sentiasa berulang alik di kawasan tersebut iaitu kehadiran lampu isyarat di persimpangan bandar baru dan airport, ini amat penting. Sebab laluan trafik ataupun kenderaan begitu banyak di kawasan tersebut dan kajian yang dibuat tahun lepas mengatakan bahawa di antara 17 hingga 20 ribu kenderaan pada satu hari terutama sebelum tengah hari akan menggunakan jalan tersebut. 17 ribu kenderaan hingga 20 ribu menggunakan jalan tersebut. Dan saya minta kalau projek untuk melaksanakan jalan tersebut lewat saya minta JKR atau Exco berkenaan membina terlebih dahulu lampu isyarat di simpang empat tersebut. Cukup-cukup mustahak.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya telah menghadiri Dewan ini semenjak tahun 1986, lebih kurang 15 -- 16 tahun dahulu. Tiap-tiap kali perasmian Dewan yang dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat berbeza dengan perasmian yang dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku kelmarin. Saya lihat kelmarin yang tak pernah saya lihat sebelum ini dalam perasmian Dewan. Yang Amat Berhormat tidak menyembah kepada Tuanku, tundukpun tidak. Sebelum ini tidak berlaku sebagaimana tersebut. Begitu juga keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, semua Wakil Rakyat beratur di luar saya tak tengok seorangpun Wakil Rakyat di kalangan kerajaan yang mengangkat tangan sembah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, tak ada. Saya nak tanya, adakah ini satu peraturan baru yang dilakukan oleh kerajaan baru hari ini? Sebab pada dulu lagi, turun temurun kita tak lakukan sebagaimana yang dilakukan kelmarin terhadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya nak penjelasan perkara ini sama ada satu peraturan baru, satu arahan baru daripada kerajaan baru supaya kita tak payah sembah kepada Tuanku sebagaimana yang diwarisi oleh nenek moyang kita dahulu. Itu saya nak kepastian bukan perkara boleh gelak. Kalau perkara ini boleh gelak saya tak tahu atau nak main-main tak tahu, ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, payung Negeri Terengganu, Ketua Agama Negeri Terengganu. Kalau saya sebut perkara ini boleh digelak, bahasa yang mudah orang Terengganu nak menganjing saya tak tahu. Saya anggap benda serius.

Inilah perubahan-perubahan yang berlaku oleh kerajaan baru ini yang lain tidak ada perubahan pun, semua yang ditinggalkan oleh kerajaan dulu, pembangunan yang ada ... semua pembangunan yang ada yang ditinggal oleh kerajaan dulu yang dibanggakan oleh kerajaan hari ini. Kalau orang luar mari buat lawatan, rombongan bas daripada luar tunjuk bangunan-bangunan yang ditinggalkan oleh kerajaan dulu, bermegeh dengan bangunan tersebut. Yang kita ... satupun tak buat lagi. Kita tengok masa ke depan, kita akan tengok

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengingatkan kerajaan yang ada hari ini jangan membuat sesuatu yang boleh menyinggung perasaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kita tak hendak Raja yang kita agungi, yang memerintah negeri kita yang menjadi tonggak negeri kita kata orang payung negeri kita jangan kita persendakan, jangan kita gelak dengan perbuatan kita sendiri.

Sekian, walbillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

8 Mei 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Wakil Kemasik. Saya masih buka lagi, silakan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, hadirin hadirat Ketua-ketua Jabatan yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan syukur dan terima kasih kerana diberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan dalam ucapan perasmian baginda kelmarin. Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Dipertua, hadirin hadirat sekalian, sebagaimana yang dititahkan kelmarin bahawa antara perkara yang titik beratkan ialah peranan atau isu pendidikan. Jadi, di sini saya ingin mengupas beberapa perkara yang berkaitan dengan isu pendidikan yang sekarang ini nampaknya perlu kepada rekayasa ataupun dengan izin *re-engineering* untuk melahirkan umat rabani, generasi rabani yang sering dilaung-laungkan oleh kerajaan. Kita tak mahu ada di kalangan kita yang cakupannya berdegar-degar Quran dan hadisnya cair di mulut tapi tindakannya kosong. Kokok berderai-derai ekor bergelumang dengan tahi. Yang kita mahu ialah bila bercakap tentang ketakwaan kita sebagai contoh orang yang bertakwa, kita tidak mahu ada di kalangan kita yang pegang tongkat khutbah *ittakullah* kemudian baham ikut dan orang. Jadi ini yang berlaku, fenomena yang berlaku dalam masyarakat. Kalau inilah yang berlaku saya yakin dan saya pasti generasi rabani yang akan diwujudkan akan menjadi omong kosong saja.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu didapati jugak di dalam khutbah-khutbah Jumaat yang sedikit berlaku permasalahan dua tiga minggu yang lepas di mana ada dikatakan bahawa khutbah yang disampaikan oleh To'-To' Imam yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam tidak mengikut isu semasa. Jadi saya nampak Titah Sultan, saya tak yakin Pegawai Agama yang mengeluarkan surat pekeliling tersebut mengingkari perintah Sultan. Jadi di sini apa yang kita nampak ada golongan yang cuba meminggir, cuba membelakangkan titah perintah Sultan agar khutbah-khutbah Jumaat yang dibaca oleh Imam-imam di masjid-masjid mesti yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Dan di samping itu, saya juga pernah mendengar khutbah-khutbah yang dibacakan oleh Imam-imam yang pro kepada kerajaan sekarang yang saya perhatikan, setakat-setakat yang saya dengar tak dok doa kepada Kebawah Duli Al-Sultan Terengganu. Jadi ini kita harap, kita harap pada masa-masa akan datang agar perkara ini dapat dibaiki kerana sebagaimana dikatakan oleh sahabat saya tadi, kita orang Melayu – Sultan ialah payung kita. Selagi Sultan benar, Raja baik Raja disembah, Raja zalim Raja disanggah. Dan kita tak nampak Sultan kita adalah Sultan yang zalim, baginda adalah seorang yang adil, seorang yang amanah, seorang yang perlu kita memberi ketaatan yang sepenuhnya kepada baginda.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu masjid juga sebagai wadah untuk nak menyebarkan fitnah-fitnah. Kita dapat melihat sekarang berbagai ... berapa ramai kader-kader yang telah dilatih oleh kerajaan sekarang masuk ke masjid-masjid untuk menyebarkan fitnah, untuk memecah belahkan masyarakat. Kalau dulu ada fatwa yang sehingga hari ini kita tak dapat lihat pemansuhan fatwa tersebut, amanat Tuan Guru yang mana menentang orang UMNO kerana mereka tidak menjalankan hukum Islam. Kita ada amanat tersebut. Tapi sekarang dengan masjid yang sama, dengan Imam yang sama, orang-orang yang sama juga kembali kepada masjid.

8 Mei 2000

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHID RAMLI (Wakil Surau): Tuan Yang Dipertua, Dewan yang mulia ini bukan tempat untuk kita ambil perkataan dengan izin *hear say* kita minta fakta. Fakta itu perlu dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua, kita ada amanat tersebut, Tuan Yang Dipertua. Saya berecakap berdasarkan fakta:

قل الحق ولو كان مرا

*Berkata benarlah walaupun benda tu pahit.* Jadi itu hadis Rasulullah s.a.w. Oleh hal yang demikian .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHID RAMLI (Wakil Surau): Tuan Yang Dipertua, minta masjid mana, tempat mana, Imam mana ... begitu. Kader mana, nama apa ... begitu. Sebab ini bukan tempat kita dengar-dengar cakap.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kita ada, saya berecakap kita wibawa dan saya bertanggungjawab atas apa yang saya cakapkan walaupun ini Dewan yang mulia ini. Kita ada ... ada seorang yang telah dilantik menjadi JSR tidak pernah pijak masjid tersebut, tidak pernah pijak masjid tersebut. Sebab dulu dia kata, 'O Imam hak ada di situ tak sah sembahyang tapi hari ini berimam molek-molek ada. Jadi kita perbetulkan ... masjid tersebut ialah Masjid Kampung Gaung, Kuala Berang.

Tuan Yang Dipertua, kita berecakap bukan nak menepak benang yang basah, marilah kita .....

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat penjelasan sedikit .... Wakil Ajil tak sedar lagi ke, masjid-masjid sudah berubah dah ... pentadbiran sekarang ini bukan kerajaan dulu dah. Dia dok sedar lagi, dia duduk rasa macam dia memerintah lagi. Pelik sungguh.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Berhormat, kita sedar tapi masalah sekarang hukum atau fatwa yang diberi tu dok mansuh lagi, kita pohon mansuh dulu fatwa tersebut, amanat tersebut. Sekarang dalam masyarakat, orang PAS sendiripun tak boh pergi ke masjid kerana fatwa tu ada lagi, jadi pecah juga puak-puak demo pun.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Pakar): Tuan Yang Dipertua, minta penjelasan - Dekat mana tak betul amanat Tuan Guru tu? Dekat mana tak betul?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Guru Haji Hadi di Banggol Peradong tahun .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Pakar): Dekat mana dok betul ayat dia, dekat mana dari segi syariat? Dekat mana?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bukan dok betul, saya perkatakan ni .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Pakar): Doh boleh pakailah.

8 Mei 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya perkatakan ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya menarik perhatian peraturan Dewan, kalau Wakil yang bercakap memberi laluan kepada soalan dan penjelasan, sila duduk. Kalau dok beri laluan, yang minta lalu diminta duduk. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, jadi kita sambung kerana masa dah lewat dah ni.

Jadi Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu apa yang ingin saya perkatakan juga ialah ... marilah kita hidupkan budaya *pastabiku khaira* berlumba-lumbalah kita untuk membuat kebaikan, kita berbalah tapi dalam hal-hal yang kita berselisihan kita berkompromilah. Kita terimalah mana-mana yang baik, mana-mana yang betul. Saya sebagaimana yang saya perkatakan dalam ucapan Dewan yang lepas, kita menjadi orang pembangkang yang berwibawa. Dan kita ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Ajil, masa saya beri untuk satu minit lepas itu saya akan tangguh Dewan ini. Dan Yang Berhormat boleh sambung ucapan Yang Berhormat esok. Silakan –

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau begitu bolehlah saya berhenti di sini dulu. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Ketua Jabatan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama kepada sama dalam persidangan pada hari ini. Saya dengan ini menangguhkan Dewan ini sehingga hari esok, Selasa 9 haribulan lima 2000, jam 9.30 pagi. Sehingga kita bertemu semula di Dewan yang mulia ini, marilah kita sama-sama membaca *tasbih khifarat* dan suratul Ashr'.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.



**PERSIDANGAN**  
**PADA HARI SELASA, 9 MEI 2000**



Hari Selasa,  
9 Mei, 2000

## KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 62 ]
2. Soalan-soalan Lisan [ Muka 66 ]
3. Usul Yang Telah Diberi Notis: [ Muka 84 ]

*Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Di Raja*  
[ sambungan perbahasan ]

[ Bersambung ]



9 Mei 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA  
PUKUL 9.30 PAGI**

**H A D I R**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Haji Husain bin Awang

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong  
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah  
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli  
WAKIL SURA

9 Mei 2000

Yang Berhormat Haji Ismail bin Mamat  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan  
WAKIL HULUBESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamat bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaman bin Abdullah  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shahrizukirmain bin Abd. Kadir  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh  
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Muhammad bin Sulong  
WAKIL KUAI

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail  
WAKIL BUKIT BESI

9 Mei 2000

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,  
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,  
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid  
WAKIL AJIL

9 Mei 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan *at* Mohd Nanri bin Hashim),  
DPMT..ASM..KMN..PJC..PJK..BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,  
DPMT..ASM..PJC..PJK..BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

9 Mei 2000

**PUKUL 9.30 PAGI**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dewan disambung semula, untuk mendapat keberkatan marilah sama-sama kita memulakan umul Quran – Al-Fatihah.

Kita teruskan dengan soalan-soalan lisan yang telah diberi notis oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat – soalan saya yang pertama:

*Apakah perlunya (justifikasi) Kerajaan Negeri Terengganu meluluskan lapan lesen arak baru kepada peniaga-peniaga arak di seluruh Negeri Terengganu.*

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan baru tidak meluluskan apa-apa lesen arak baru. Tetapi kita telah membuat dasar dengan mengambil kira keperluan orang-orang bukan Islam dan termasuk juga pendatang-pendatang sebagai pelancong untuk menurunkan pembaharuan lesen-lesen yang dikeluarkan oleh kerajaan Barisan Nasional pimpinan UMNO terdahulu daripada 41 lesen seluruh Negeri Terengganu kepada hanya 8 lesen saja mengikut pecahan berikut:

|                  |   |   |
|------------------|---|---|
| Kuala Terengganu | - | 2 |
| Dungun           | - | 2 |
| Kemaman          | - | 2 |
| Marang           | - | 1 |
| Besut            | - | 1 |

Ini mengikut perimbangan dan bilangan jangkaan orang-orang dan penduduk di daerah-daerah tersebut yang diizinkan oleh budaya dan agama mereka minum arak. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalau dulu Yang Berhormat sendiri yang mempertikaikan kerajaan dahulu menjual arak sedangkan kerajaan dahulu juga menjawab bahawa arak diuntukkan kepada orang-orang yang bukan beragama Islam. Tapi hari ini kerajaan PAS juga meluluskan lesen arak. Jawapan yang diberi sebentar tadi sama jawapan yang diberi oleh pihak kerajaan pada masa pemerintahan Barisan Nasional. Jadi tak ada perbezaan di antara dulu dan sekarang.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tak perlu ceramah, soal saja.

9 Mei 2000

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Kemasik):  
Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, atas pengakuan yang dibuat arak tetap arak.  
Soalan yang kedua:

*Kerajaan telah merobohkan patung penyu di bulatan Ladang.  
Adakah Kerajaan berhasrat untuk merobohkan semua patung-  
patung yang terdapat di Negeri Terengganu*

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ngat soalan dia ada tadi saya jawab. Tak sama  
jawapan yang saya beri dengan soalan yang diberi oleh pemimpin Barisan Nasional di Dewan ini  
terdahulu, tak sama.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya anggap soalan tu dah habis. Soalan yang kedua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Diminta kepada Yang Berhormat sila duduk. Dia  
telah mengemukakan soalan yang kedua, soalnya telah tamat.

YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Assalamualaikum  
warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua  
Jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan, pertama-pertama saya mengucapkan  
berbanyak-banyak terima kasih kerana mengemukakan soalan ini. Walaupun soalan ini pernah  
dikemukakan dalam persidangan Dewan di masa-masa lalu ianya telah ditolak. Dan kami  
menganggap inilah satu soalan yang baik untuk memberi penjelasan kepada umum.

Memang patung penyu di bulatan Ladang telah dialihkan kerana bulatan Ladang yang terletak di  
tengah-tengah kesibukan pusat bandar tersebut akan diubahsuai dan diganti dengan lampu isyarat.  
Dalam masa yang sama pihak Kerajaan Negeri mengambil kira perkara-perkara yang berkait  
dengan hukum Islam yang wajib diyakini, diimani dan dilaksanakan oleh umat Islam. Agama  
Islam memberi pandangan yang berat berhubung dengan patung sama ada memahat patung atau  
menjadikan patung sebagai perhiasan. Kecuali dalam perkara yang diizinkan oleh syarak seperti  
untuk permainan kanak-kanak. Oleh kerana patung perkara yang berkait dengan keberhalaan, di  
sara terdapat hadis-hadis yang banyak yang melaknat mereka yang memahat patung dan  
menjadikan patung sebagai perhiasan.

Walaupun belum ada fatwa rasmi daripada pihak Kerajaan Negeri, di sana banyak fatwa-fatwa  
yang dikemukakan oleh para ulamak. Multi-multi yang dihormati di seluruh dunia di antaranya  
Almarhum Al-Syeikh Hasani Makhluk, Mufti Kerajaan Negeri Mesir dalam tahun 50-an telah  
memberi fatwa dalam buku fatwa beliau Jilid yang pertama muka surat 186, fatwa nombor 46. Dan  
begitu juga Fatwa Yusof Al-Qardawi dari Qatar, seorang ulamak yang dihormati dan pernah  
dijemput oleh Kerajaan Negeri, dalam buku beliau *Fatawamaasirah* Jilid yang pertama muka surat  
602. Dan begitu juga seorang ulamak yang dihormati Al-Syed Syabit dalam *Fikusumah* Jilid yang  
ketiga muka surat 498 hingga 503. Semua mereka menyatakan bahawa mengadakan patung adalah  
haram dengan itmak para ulamak, dengan sepakat para ulamak.

Oleh kerana itu maka Kerajaan Negeri memandang berat dalam perkara ini. Oleh kerana perkara  
ini perkara yang dilakis daripada kefahaman masyarakat ... oleh berlalu kita berada di zaman

9 Mei 2000

penjajahan, hal-hal ini perlu diambil kira. Dan kita mengalami zaman fatwa-fatwa Mufti tidak dihormati, saya difahamkan sudah ada fatwa Mufti Peringkat Persekutuan tapi fatwa ini sudah dipandang sebagai suatu perkara yang ringan saja. Sekian, terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Terima kasih Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, di atas penjelasan yang panjang lebar diberi. Tapi soalan saya belum lagi terjawab, soalan saya adakah Kerajaan Negeri berhasrat semua patung-patung yang terdapat di Negeri Terengganu?

**YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR:** Tuan Yang Dipertua, ya kerajaan mempunyai hasrat itu tetapi dalam masa yang sama kita perlu mengambil kira rakyat yang tidak faham. Walaupun kita membaca hadis-hadis Rasulullah dan mereka yang tidak tahu ini adalah hadis Rasulullah, boleh mempersendakan hukum ini. Mempersendakan hukum boleh merosakkan akidah. Mengadakan patung adalah haram. Dalam hal ini kita perlu memelihara akidah terlebih dahulu sebelum daripada menghapuskan perkara yang haram kerana merosakkan akidah adalah yang paling haram daripada yang haram. Kita tidak mahu apabila tindakan diambil media massa yang tidak faham berkenaan dengan Islam akan memainkan perkara ini dan boleh merosakkan akidah mereka. Mudah-mudahan dengan penjelasan ini mereka faham dan satu tindakan boleh diambil untuk kita mengembalikan Islam kepada Terengganu yang diberi gelaran Darul Iman.

Dan saya suka menarik perhatian Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya sangat bergembira apabila melihat logo Negeri Terengganu. Saya rasa satu-satunya logo yang tidak ada gambar, gambar binatang, haiwan ataupun makhluk yang bernyawa, menandakan kepekaan oleh para ulamak yang menjadi Penasihat kepada Kerajaan Negeri Terengganu di masa itu. Dan ini adalah satu peristiwa bersejarah yang sangat menarik perhatian kita. Sekian, terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Jika kerajaan berhasrat untuk merobohkan semua patung-patung yang ada di Negeri Terengganu, mengapa patung di bulatan Ladang saja dirobuhkan sedangkan patung-patung lain seperti patung naga di Kampung Cina, patung-patung sotong, ketam dan ikan di Marang, tidak dirobuhkan? Minta penjelasan.

**YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR:** Perkara yang berkait dengan orang Islam, sebagaimana saya jelaskan lagi, iaitulah saya bimbang kita menghapuskan yang haram mereka melakukan perkara yang merosakkan akidah apabila mempersendakan hukum Islam. Oleh kerana itu kita harap supaya mereka faham dan tidak timbul mempersendakan hukum Islam maka tindakan diambil terhadap patung yang berkait dengan orang Islam.

Adapun patung naga di Kampung Cina, ini berkait dengan kawasan orang yang bukan Islam. Hak yang diberi kepada penganut agama lain, di rumah ibadat mereka, di rumah mereka di kampung mereka adalah mempunyai pengecualian yang istimewa di dalam negara Islam dari segi kebebasan beragama yang diberi hak kepada mereka, dan dibenarkan kepada mereka dalam masyarakat mereka. Sekian, terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini bermakna kerajaan hari ini membenarkan patung-patung dibina dalam kawasan orang yang bukan Islam?

9 Mei 2000

YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Ya, Tuan Yang Dipertua, di rumah mereka dan di kawasan mereka. Mereka diberi hak untuk mendirikan rumah ibadat mereka. Inilah kebebasan yang diberi oleh pemerintah Islam kepada orang bukan Islam dalam negara Islam.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK): Penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagaimana pula patung sotong di Marang kawasan kita yang beragama Islam?'

YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Soalan itu sudah dijawab dan insya Allah, akan dicandat bila-bila masa saja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK): Tapi tak sama dengan patung penyu, mengapa patung penyu didahulukan yang di Marang dikemudiankan?'

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Sekejap Yang Dipertua, Wakil KemasiK sayang sangat ke patung ni ke?'

YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, saya jawab dengan serius, di mana patung penyu ada kaitan dengan nak mengubahsuai jalan, itu ada kaitan. Adapun patung di Marang tak berkait dengan nak mengubahsuai jalan dan ia berkait dengan kefahaman umat Islam sendiri yang saya sangat prihatin dengan media massa dan masyarakat yang tidak faham. Memang patung tu haram. Tetapi bila kita bertindak terhadap perkara yang haram dalam perkara yang mereka tak faham, mereka boleh mempersenda-sendakan perkara yang berkait dengan hadis Rasulullah dan ini boleh menjejaskan akidah mereka. Dan oleh kerana itu wajar bagi kita mendahulukan untuk memelihara akidah daripada bertindak terhadap perkara yang diharamkan. Insya Allah, selepas ini satu tindakan akan diambil.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil KemasiK): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Soalan yang ketiga:

*Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Adakah pihak Kerajaan Negeri Terengganu beranggapan dengan tertubuhnya JSR ini bermakna Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang sedia ada dimansuhkan dan JSR dianggap sebagai penggantinya?'*

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli Yang Berhormat soalan nombor 3 ini dijawab bersama-sama dengan soalan nombor 2, esok 10 Mei yang dikemukakan oleh wakil daripada Seberang Takir. Dipersilakan -

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, soalnya berbunyi: *Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Adakah pihak Kerajaan Negeri Terengganu beranggapan dengan tertubuhnya JSR ini bermakna Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) yang sedia ada dimansuhkan dan JSR dianggap sebagai penggantinya?'*

9 Mei 2000

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pemerintahan dan pentadbiran tidak diasaskan kepada anggapan. Oleh itu penubuhan JSR – Jawatankuasa Syura Rakyat melibatkan dasar kerajaan dan dasar kerajaan seperti mana yang dijelaskan dalam manifesto kita, janji kita kepada rakyat dalam pilihan raya kesepuluh berbunyi, dengan izin Tuan Yang Dipertua: *Memperkenalkan Syura Rakyat, dalam pelaksanaan dasar kerajaan.* Ertinya, Tuan Yang Dipertua, di dalam memperkenalkan sesuatu dasar sebelum ianya dijadikan dasar untuk pelaksanaan kerajaan baru berhasrat untuk melibatkan rakyat secara langsung. Untuk itu majlis-majlis dialog, soal jawab akan diadakan di lokasi-lokasi, tempat-tempat yang akan terlibat pelaksanaan dasar tersebut. Setelah ianya diproses melalui dialog dan persetujuan rakyat maka ianya akan dikemukakan untuk dijadikan dasar pelaksanaan oleh kerajaan.

Pada ketika ini JKKK telahpun dimansuhkan dan JSR telahpun diberi pengkuatkuasaannya mulai 1 haribulan Mei tahun 2000. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Yang Berhormat Exco kata tadi, apabila JSR ditubuhkan bermakna JKKK dimansuhkan oleh Kerajaan Negeri. Saya ingin tahu, sebagaimana yang saya ketahui bahawa JKKK adalah merupakan pertubuhan yang didaftarkan di bawah Kerajaan Pusat dan diendoskan kepada Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan. Jadi macam mana boleh Kerajaan Negeri menghapuskan JKKK sedangkan ia hak Kerajaan Pusat?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan Pusat ataupun Perlembagaan Negeri apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Wakil Kemasik itu. Penubuhan JSR begitu juga terdahulunya JKKK adalah *complimentary* ataupun sokongan kepada pentadbiran sahaja dan ianya tidak berada di dalam *establishment* perkhidmatan ataupun perjawatan perkhidmatan, ianya dibayar secara peruntukan khusus.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Dalam pembentukan JSR kerajaan telah menggariskan beberapa panduan ataupun prosedur bagi pelantikan Pengerusi dan ahli Jawatankuasa JSR. Di antaranya mereka-mereka mestilah terdiri daripada yang berkelulusan 4 *Thanawi* atau sekurang-kurangnya SPM, tidak pernah melakukan dosa besar dan menjauhi dosa-dosa kecil. Adakah pihak kerajaan melaksanakan yang telah ditetapkan ini dalam melantik JSR di seluruh kampung di seluruh Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita telah mengadakan syarat-syarat yang tersebut untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan mereka-mereka yang diminta berkhidmat secara sukarela di bawah institusi kampung itu dan ini dipatuhi. Tetapi zaman peralihan ini kita masih lagi memakai beberapa peruntukan pengecualian kelulusan akademik tetapi tidak akan dipakai pengecualian iaitulah orang yang dilantik itu mestilah tidak pernah melakukan dosa besar dan tidak akan meneruskan dengan pelakuan dosa kecil. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua - Setakat ini berapa daerahkah yang telah selesai pelantikan JSR ini dan setelah pelantikan dibuat adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan pelantikan tersebut.

9 Mei 2000

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, semua pelantikan-pelantikan telah pun selesai peringkat yang pertama, kecuali Kemaman yang telah dipenuhi. Manakala daerah-daerah lain, sebahagian lagi iaitulah 6 orang setiap JSR akan dipilih secara langsung di bawah kelolaan Yang Berbahagia Tuan-tuan Pegawai Daerah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua - Adakah pihak kerajaan sedar dalam pelantikan Ketua-ketua Kampung baru ini telah timbul pergaduhan di antara penyokong-penyokong PAS yang ingin menjadi Ketua Kampung atau Pengerusi JSR sehingga ada yang dibawa ke Polis ... jadi Polis kes.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidak ada maklumat mungkin ada di kalangan orang-orang UMNO yang masih lagi nak bergantung kepada jawatan itu dan tak mahu lari. Tetapi namun demikian kita telah membuka dan membuat usaha dan menambah satu lagi jawatan iaitulah Timbalan kepada Pengerusi JSR, moga-moga kita boleh lantik orang-orang yang masih boleh diterima masyarakat ke dalam institusi ini ... kita buka kepada orang UMNO.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Penjelasan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Kalau ada apa-apa berlaku dalam perebutan di antara penyokong-penyokong PAS untuk menjadi Ketua Kampung jangan kita salahkan UMNO. Ini kawasan saya, dua orang kuat penyokong PAS bergaduh, bertumbuk ... berebut nak jadi Ketua Kampung. Dan dalam kawasan saya yang jadi Jawatankuasa Syura Rakyat terdiri daripada penagih dadah. Saya ada senarai dia. Semua senarai Jawatankuasa JSR dalam kawasan saya, saya ada di sini, saya kenal seorang-seorang ... siapa yang tak pernah melakukan dosa besar, siapa yang tak pernah lakukan dosa kecil saya tahu, dalam ini ada.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila kemukakan soalan Yang Berhormat. Soalan tambahan, bahannya apa dia?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan sedikit. Macam mana Yang Berhormat Kemasik boleh tahu buat dosa besar?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tahu, saya ada ....

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, malang sungguh ....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Rakyat tahu bahawa mereka melakukan dosa besar ....

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, malang sungguh nasib kawasan Kemasik, tak pandai jaga kawasan. Kadang-kadang harimau serang kawasan dia.

9 Mei 2000

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Di kawasan saya, buat lari isteri orang pun ada. Sekarang tengah sibuk dan menjadi kes ... JSR melarikan isteri orang. Yang Berhormat Manir jangan terlalu sinis perkara ini, perkara ini sedang berlaku dan diperhatikan oleh rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pentadbiran dan pemerintahan adalah peraturan-peraturan dan prosedurnya. Mereka-mereka yang terlibat dengan dosa besar, mereka-mereka yang mengekalkan dosa kecil yang dilantik, jika benar dan jika terbukti akan dipecat daripada jawatan itu. Dan Yang Berhormat Kemasik melalui proses perundangan membuat laporan kepada pihak yang berkuasa untuk siasatan dan pendakwaan jika perlu di atas kesalahan-kesalahan jenayah dan sebaliknya. Tak perlu kita kata di sini dan Yang Berhormat Kemasik juga bebas untuk berkata di luar Dewan dan siapa-siapa yang akan terasa dirinya terhina ataupun kewibawaannya dan maruahnya tersentuh boleh ambil tindakan ke atas Yang Berhormat dan tidak perlu kita katakan dalam Dewan ini kerana kita ada *protection* atau perlindungan Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tak katakan Jawatankuasa JSR yang dilantik ini melakukan jenayah, tak pernah sebut. Saya kata ada yang terlibat dengan dadah, bekas penagih dadah ... yang pernah melakukan dosa dikenal orang kampung. Saya, yang JSR ni saya kenal daripada kecil bukan melakukan jenayah nak buat report ... saman apa. Jangan beranggapan kita ni peguam berfikir secara peguam.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak perlu buat ucapan, sila kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):  
Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Boleh jawab ke? Dia merepek tadi ... saya boleh jawab.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia tak dok soalan tu, tak perlu jawablah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):  
Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Besar dan sekalian Ahli Yang Berhormat. Soalan yang pertama:

9 Mei 2000

*Nyatakan sejauh manakah perkembangan pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) setakat ini, dan sejauh manakah kerjasama yang wujud antara Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Pusat dalam pembinaan tersebut?*

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Ahir Lambat): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuli. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar dan sidang Dewan sekalian. Soalan daripada Wakil Rantau Abang untuk perhatian Dewan berbunyi: *Nyatakan sejauh manakah perkembangan pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) setakat ini, dan sejauh manakah kerjasama yang wujud antara Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Pusat dalam pembinaan tersebut?*

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mahu menjawab sekaligus dengan soalan yang dikemukakan oleh Wakil daripada Seberang Takir yang akan dikemukakan esok, yang berbunyi: *Kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Malaysia jelas menegaskan bahawa projek Lebuh Raya Timur Karak Kuantan Kuala Terengganu diteruskan. Apakah perkara-perkara atau syarat-syarat penting yang telah dipersetujui di antara pihak Kerajaan Negeri Terengganu dengan Kerajaan Persekutuan.*

Yang Berhormat Yang Dipertua, kerajaan sesungguhnya mempunyai sikap yang konsisten daripada awal lagi untuk meneruskan projek ini, walaupun akhbar-aklbar memainkan peranan yang cukup negatif berhubung dengan perkara ini. Oleh kerana itu satu perjumpaan ataupun mesyuarat di peringkat kerajaan, iaitu Kerajaan Pusat yang diketuai oleh Menteri Kerja Raya sendiri dan juga Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar telah mengadakan suatu mesyuarat ataupun perjumpaan, dan seterusnya kedua-dua belah pihak bersetuju supaya projek ini dilaksanakan seberapa segera. Oleh kerana lebuh raya ini laluan alternatif, di mana pengguna jalan raya boleh menggunakan jalan pantai untuk ke Kuantan dan Kuala Lumpur, Kerajaan Negeri bersetuju dengan syarat Kerajaan Pusat supaya lebuh raya ini dikenakan tol. Bagaimanapun Kerajaan Negeri meminta supaya pandangan Kerajaan Negeri diambil kira dari segi kadar tol yang akan dikenakan nanti. Dan kita telah bersetuju supaya kadar tol yang akan dikenakan mestilah tidak melebihi kadar tol projek Lebuh Raya Utara – Selatan (PLUS).

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perkembangan projek ini masih lagi di peringkat menunggu pelan pengambilan balik tanah yang dijanjikan oleh pihak Kementerian Kerja Raya akan dihantar seberapa segera. Jadi oleh kerana itu lagi cepat pelan sampai lagi cepat Kerajaan Negeri proses pengambilan balik tanah dan lagi cepat kontraktor yang telah ditawarkan untuk projek ini dapat memulakan kerja mereka. Bahkan Kerajaan Negeri sebenarnya telah bersetuju dan menawarkan kepada pihak berkenaan supaya mereka boleh masuk tanah kerajaan pada bila-bila masa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Maklumat yang kita tahu bahawa Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan satu jalan pintas yang menghubungkan negeri berkenaan dengan Negeri Terengganu, iaitulah daripada Kampung Mat Daleng di Hulu Tembeling ke Kampung Pasir Raja. Sejauh manakah penglibatan Kerajaan Negeri dalam pembinaan jalan tersebut.

9 Mei 2000

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Ini soalan yang berlainan, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Terima kasih dan soalan yang kedua:

*Nyatakan berapakah jumlah sebenar anak-anak syarikat dan "cucu syarikat" Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terenggamu (PMINT), berapakah yang masih beroperasi dan berapakah pula yang telah memberhentikan operasinya?*

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Rantau Abang mahu penjelasan berhubung jumlah anak-anak dan cucu-cucu syarikat PMINT. Berapa yang masih berjalan dan berapa yang sudah berhenti beroperasi.

Untuk penjelasan itu, jumlah anak syarikat PMINT adalah 17 dan daripada jumlah ini 7 syarikat anak sudah tidak beroperasi, manakala jumlah cucu syarikatnya adalah 20 dan 6 daripadanya sudah tidak beroperasi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Dari jumlah yang masih beroperasi itu berapakah yang mendapat keuntungan dan berapakah pula yang mengalami kerugian.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Berhubung dengan jumlah yang masih beroperasi untuk mendetailkan tiap-tiap satu berapa untung, berapa rugi tu memerlukan suatu persediaan yang lebih panjang. Cuma saya boleh menyatakan begini ...bahawa sebahagian daripada anak-anak syarikat ini, yang masih beroperasi ada yang masih membuat untung, ada yang *viable* tapi masih belum lagi dapat untung, dan ada yang menghadapi kerugian beberapa tahun. Kita sedang memantau perkara ini. Jadi untuk penjelasan bagi tiap-tiap satu tu barangkali mungkin tidak di sinilah dapat saya jelaskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua - Adakah pihak kerajaan telah memberi arahan kepada anak-anak syarikat yang dimaksudkan itu supaya tidak pinjaman bank untuk melaksanakan projek-projek anak-anak syarikat tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Dasar kerajaan pada waktu ini seboleh-bolehnya kita tidak melibatkan dengan pinjaman bank, apa lagi yang melibatkan pinjaman yang berasaskan kepada riba. Itulah arahan yang diberikan kepada semua syarikat-syarikat yang ada pada waktu ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan, Yang Berhormat Yang Dipertua - Adakah kerajaan sedar bahawa disebabkan oleh sekatan tersebut ada anak-anak syarikat yang tidak dapat melaksanakan projek-projek yang diperolehi.

9 Mei 2000

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya rasa setengah daripada syarikat yang mengalami masalah itu bukan semata-mata kerana masalah pinjaman. Tetapi kita dalam pemantauan dan kajian yang kita buat dan ini masalah-masalah ini bukan masalah baru tetapi masalah yang berpanjangan sejak daripada kerajaan dulu, sebahagian daripadanya kerana *mis-management* dan itu menyebabkan projek itu mengalami keadaan yang seperti itu. Jadi dia ada masalah-masalah selain daripada masalah ini. Kalau masalah semata-mata itu, kita pergi berdasar *case by case* dan kita tengok macam mana keadaannya.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SIAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan – Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap anak-anak syarikat yang mengalami yang teruk. Dan apakah tindakan kerajaan ke atas anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang kecil urusiaganya yang kurang daripada RM5 juta setahun.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kerajaan sudah mengarahkan kepada PMINT supaya membuat kajian ini. Membuat kajian tentang anak-anak syarikat ataupun cucu-cucu syarikat yang mengalami keadaan kerugian yang berterusan. *Guide line* ataupun panduan yang kita berikan ialah mereka harus memberikan maklum balas kepada pihak kerajaan supaya kita boleh membuat satu keputusan yang muktamad berhubung dengan perkara ini. *Guide line* ataupun panduan ini ialah yang pertamanya, mana-mana projek yang sedang berjalan, anak syarikat yang sedang berjalan dan untung, itu kita teruskan. Yang *viable* berdaya maju tapi belum dapat untung kita akan pulihkan. Mana yang *track rekordnya* sepanjang mana tu rugi, barangkali ini masuk dalam kajian yang mungkin kita akan mengambil keputusan dalam waktu apabila ianya dilaporkan kepada pihak kerajaan. Adapun yang langsung tidak beroperasi, yang ni tinggal surat beranak saja ada ... ertinya surat beranak ni pendaftarannya dengan ROC masih ada, kita nak tengok macam mana sama ada nak mematakannya ataupun nak menghidupkan kita sedang mengkaji perkara. insya Allah

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Yang Dipertua. Saya mendapat maklumat beberapa syarikat yang gagal dan tidak beroperasi antaranya kelemahan kepimpinan ... peneraju syarikat yang dipimpin oleh kerajaan masa lalu dan adanya unsur-unsur penyelewengan. Adakah ini suatu perkara yang benar?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya perkara ini ada dalam pengetahuan kita tapi saya tak naklah dera sebelah sana tu teruk sangat. Dengan setiap kali ada benda ni memang kita menemui terlalu banyak perkara-perkara *mis-management* ni yang kita temui. Yang untung pun ada tapi banyak yang kita alami ... sebab itu saya tak nak sebut satu-satunya berhubung dengan perkara ini sebab dalam kajian kita sebenarnya. Dan kalau Yang Berhormat sebut bahawa kerana *mis-management*, saya dah sebut tadi ... antaranya kerana *mis-management* dan ada penyelewengan yang berlaku pada masa-masa yang telah lalu.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya sangat menghormati jawapan daripada wakil kerajaan tapi apabila disebut *mis-management* selalu dikaitkan dengan pimpinan kerajaan yang lalu. Bukan masalah saya tidak mahu menerima tetapi masalahnya inilah satu andaian terlalu umum ... menyebabkan satu anggapan umum yang tidak baik. Jadi untuk kita rakvat sebagai menghormati, sebagai bapak, anak ke, cucu ke, cicit ke walaupun baik tak baik dah kita kahwin dengan tok dia

.....

9 Mei 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan? Sila kemukakan soalan, itu bukan soalan tu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak dok soalan dok?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak dok soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tapi saya nak jawab juga, beginilah ... saya seboleh-bolehnya tak mahu juga nak ungkit benda-benda yang buruk tu tetapi apabila ditanya saya kena buat penjelasanlah. Tapi memang kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa ini sebagai satu andaian, bukan andaian kita telah menemuinya dan ada *documentation* yang ada pada kita. Ia bukan andian, ia adalah suatu fakta sesuatu yang benar.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kita minta kerajaan ambil tindakan segera, jangan buat simpan-simpan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita ada Hisbah kita yang sedang mengkaji perkara ini. Jangan minta sangat supaya bertindak tu tak baik.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Maksud saya biarlah perkara tu jelas Tuan Yang Dipertua, tidak perlu andai-andai. Kita ikhlas perkara ini, kita berbincang di Dewan yang mulia ini ikhlas untuk memperbetulkan negeri kita.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya dah jawab tadi Hisbah sedang memantau perkara ini dan dia memerlukan sedikit masa untuk tengok dokumen-dokumen yang ada tu. Insya Allah akan sampai masanya kita akan menyerahkan kepada pihak yang berkenaan, insya Allah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Jadi, insya Allah kita akan juga mendedahkan penyelewengan yang dilakukan oleh kerajaan sekarang ini.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan berikut, dipersilakan Yang Berhormat Wakil Telemong. Minta maaf ... silakan Wakil daripada Ajil dulu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Soalan yang pertama:

9 Mei 2000

*Adakah bonus kakitangan kerajaan Negeri Terengganu tahun 1999 sebagaimana yang dijanjikan sebanyak RM1,000 seorang oleh Kerajaan Negeri telah dilaksanakan?*

YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalnya: *Adakah bonus kakitangan kerajaan Negeri Terengganu tahun 1999 sebagaimana yang dijanjikan sebanyak RM1,000 seorang oleh Kerajaan Negeri telah dilaksanakan?* Jawabannya, ya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua - Adakah bonus tersebut dibayar sebagaimana yang dijanjikan iaitu RM400 pada bulan November, RM300 bulan Disember dan RM300 bulan Januari.

YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, dibayar lebih awal dan ditunaikan sehingga dapat disempurnakan pada Januari 2000.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Saya difahamkan oleh kakitangan Kerajaan Negeri untuk bulan dua belas dan bulan satu mereka belum terima sebab mereka beranggapan jumlah RM1,000 yang diberikan ini berlawanan dengan apa yang dijanjikan oleh Kerajaan Pusat dahulu.

YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Untuk penjelasannya Tuan Yang Dipertua, ianya telah disempurnakan sehingga Januari tahun 2000 sebagaimana Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Bil. 8 Tahun 1999.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan berikut daripada Wakil Telemong. Dipersilakan --

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Dipertua. Soalan yang pertama:

*Sedarkah kerajaan bahawa telah ada pencerobohan serta pembukaan tanah rizab kerajaan dan rizab hutan simpan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan dikenalpasti adalah penyokong PAS. Apakah jaminan tindakan kerajaan dalam usaha mencegah perkara ini?*

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Telemong menanyakan berhubung dengan pencerobohan tanah kerajaan yang dikatakan dilaku oleh penyokong-penyokong PAS. Walaupun soalan ini merupakan satu soalan yang andaian tetapi saya suka menjelaskan bahawa masalah pencerobohan tanah haram ini kita bagi dulu kepada dua. Yang pertama di bawah kerajaan yang dulu, yang keduanya selepas daripada pilihan raya.

9 Mei 2000

Yang selepas daripada pilihan raya ini memang ada laporan daripada Pejabat Daerah yang menyatakan ada berlakunya dan laporan yang kita terima terdiri daripada rakyat, terdiri daripada bermacam-macam ... orang UMNO ada, orang PAS pun ada, atas pagar pun ada. Itu secara adil, saya nak beritahu ada semua. Kerajaan telah mengarahkan semua Pegawai-Pegawai Daerah supaya kegiatan ini hendaklah dihentikan sebab kita tidak mengiktiraf suatu tindakan yang seperti itu mengambil kesempatan daripada keadaan yang ada. Dan pihak Pejabat-Pejabat Daerah seluruh negeri telahpun mengambil peranan untuk menghentikan perkara ini.

Adapun pencerobohan tanah haram dalam kerajaan yang telah lalu memang kita dapati terlalu banyak rintihan tanah haram yang tidak diselesaikan oleh kerajaan dulu. Dan sebahagian daripadanya kita dapati dalam selidikan yang kita buat bukan saja rakyat biasa, ada kalangan bekas-bekas Wakil Rakyat UMNO pun ada terlibat dalam masalah ini. Jadi saya harap masalah tanah haram ini dapat kita selesaikan sebab kita telah mengambil polisi untuk buka balik permohonan tanah dan kita akan selesaikan insya Allah, masalah tanah-tanah haram ini mengikut fasa-fasa yang telah kita bincangkan dengan pihak yang akan melaksanakannya itu, iaitu Pejabat Daerah dan lain-lain. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Maknanya ada ... bila jawapannya ada bukan andian Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya suka nak jelaslah, soalan ni tuju ke PAS dia tak sebut UMNO. Untuk kita berlaku adil, ni rakyat yang tak faham ... terdiri semua UMNO ada, PAS ada, atas pagar ada. Ini satu fakta yang diberitahu kepada saya, saya tutup ... kata tak ada PAS tetapi itu bukan satu jawapan yang adil. Ini rakyat yang tidak faham yang terdiri daripada semua pihak dan saya rasa Yang Berhormat tidak boleh mengambil kesempatan dengan membuat tuduhan kepada PAS. Terdapat semua oleh rakyat yang perlu sebenarnya kita selesaikan, insya Allah.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Yang Dipertua, rakyat tidak faham kerana tidak ada dasar yang jelas dikeluarkan oleh kerajaan sekarang. Jadi mengenai tanah haram yang disebut oleh Wakil Kerajaan sebentar tadi, sebenarnya saya tanya tanah rizab kerajaan dan tanah hutan simpan. Tanah haram yang dikatakan kepada kerajaan lalu tu sebenarnya kita cuba selesaikan seberapa upaya yang boleh juga kepada penyokong PAS, UMNO dan atas pagar. Jadi, terima kasih Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat saya suka nak jelaskan, sebenarnya kerajaan yang dahulu tak ambil perjalanan yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah ni, masalah pencerobohan tanah haram ini pada masa yang telah lalu atas alasan bahawa permohonan tanah dibekukan kecuali satu dua yang tidak mungkin dapat diselesaikan masalah ini.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat soalan-soalan yang diberi notis dan perlu dijawab berakhir pada hari ini. Maka Dewan diteruskan dengan perbincangan Ucapan Titah Di Raja.

Kelmarin kita telah sama-sama mengikuti enam wakil yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Titah Di Raja, di mana Wakil yang terakhir agak kesuntukan masa pada hari

9 Mei 2000

kelmarin ialah Wakil daripada Ajil. Maka hari ini kalau sekiranya Wakil Ajil masih lagi berminat untuk menyambung ucapannya, saya beri peluang kepada beliau. Dipersilakan

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, puan-puan hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekelian. Saya ingin menyambung kembali perbincangan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu semasa perasmian baginda dua hari lalu.

Apa yang saya perkatikan kelmarin adalah berkaitan dengan penyalahgunaan masjid, isu pendidikan ke arah mewujudkan generasi rabani yang tak akan wujud sekiranya kepimpinan kerajaan hari ini masih meneruskan budaya lama. Selagi meneruskan budaya meniftnah menyebarkan tohmah-tohmah dan menggunakan masjid sebagai wadah untuk memperkembangkan ... memperkuatkan parti. Dan di sini saya merasakan bahawa parti kerajaan mengamalkan politik mancing yang mana menghalalkan segala cara untuk mencapai cita-cita, dengan kata lain dengan izin Yang Dipertua, *the end justify the meaning*. Jadi oleh hal yang demikian, saya berserulah ... berseru kepada semua yang hadir, semua Ahli-ahli Yang Berhormat agar menilai semula ... agar perpecahan masyarakat yang berlaku sejak sekian lama tidak akan berpanjangan agar keporakkan masyarakat yang kita alami sedikit masa dulu sehingga sekarang, berlakunya sembahyang dua lman, masjid yang berbeza-beza dan saya katakan kelmarin ada di kalangan ahli-ahli JSR mereka yang kuat dalam politik kerajaan baru ini yang tidak pernah memejak sebuah masjid; dan ada juga yang tak pergi ke masjid tersebut bertahun-tahun terutamanya pada hari Jumaat dan mereka ini lebih baik tidak sembahyang Jumaat ....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, dia sembahyang Jumaat ke dok?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tidak sembahyang Jumaat, Tuan Yang Dipertua. Inilah yang menyedihkan kita, menyedihkan atas dasar ....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ramai ke?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Guana tu?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ramai ke kes begitu?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang ada dengan kita ada ... ada ramai terutamanya Pengerusi JSR yang baru dilantik baru-baru ini, sekarang inilah baru nak kenal masjid. Yang menjadi persoalannya sekarang ialah dulu tak boleh, dulu haram sekarang ni halal.

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Minta penjelasan Tuan Yang Dipertua, boleh bagi contoh siapa Pengerusi JSR dan bagaimana cara Yang Berhormat dapat mengenali? Adakah Yang Berhormat tak pergi sembahyang juga? Macam mana boleh kenal dia tidak pergi sembahyang Jumaat?

9 Mei 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih soalan itu Tuan Yang Dipertua. Kalau duduk rumah tepi masjid, lompat ke masjid sampai ... kita nampaklah hak tak pergi sembahyang, bukan duduk jauh dengan masjid. Saya cakap ni ... saya katakan dah kelmarin, kita bercakap kita kena berwibawa.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Sekarang ni pergi ke masjid ke tidak lagi?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sekarang ni baru pergi dan .....

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Alhamdulillah, ni tarbiah berjaya, *start* berjaya dah tu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bukan masalah start berjaya tidak berjaya, persoalannya sekarang bukan pergi masjid tak pergi masjid. Dulu tak boleh sembahyang dengan Imam tu, dulu tak boleh pergi ke masjid tu tetapi le ni apabila lantik JSR, Imam yang sama, masjid yang sama ... sah pula sembahyang. Jadi ini yang menjadi masalah. Sekarang ni kita bukan cari salah siapa, sekarang ni kita nak cari ke arah pemuafakatan, perpaduan umat Islam di negara kita terutamanya. di negeri kita.

Jadi Tuan Yang Dipertua, inilah kita berharap agar masalah ini akan tidak berkekalan pada masa-masa yang akan datang demi untuk perpaduan umat. Dan kita sebagaimana yang diseru oleh Junjungan Besar kita: *Pasbatikukhaira* berlumba-lumbalah kita untuk melakukan kebaikan bukan mempertajamkan sikap dan pemikiran kita dengan *al-adawah walbaduk* perseteruan dan juga kebencian sesama kita. Jadi .....

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Tuan Yang Dipertua, minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat kemukakan bagaimanakah bentuk-bentuk perpecahan yang ditonjolkan oleh Parti Islam se-Malaysia secara terperinci.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok dan-dan, sabarlah sedikit. Kita khabarlah sedikit lagi ... dengar dulu, dengar dengan pandangan yang positif. Saya tidak ada sedikit prajudis pun dalam Dewan yang mulia ini. Kita tengok ... kita nilai dan kita tidak ada perkara-perkara yang kita nak nyatakan ini nak memburukkan seseorang. Kita cari dan kita nilai dengan pendekatan dan fahaman yang positif.

Tuan Yang Dipertua, oleh hal yang demikian kita berharap ... kita berharap perkara-perkara yang berlaku sebagaimana yang diperkatakan dalam amanat Tuan Guru Haji Hadi. Amanat ini, dalam kajian ilmiah yang dibuat oleh seorang penuntut Universiti Malaya – Pengaruh PAS di Terengganu pada tahun 1986, salah satu punca perpecahannya adalah amanat yang disampaikan. Kerana daripada amanat ini menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan masyarakat yang akhirnya berlakulah sembelih dua kali ataupun sembelih tak boleh makan, sembahyang dua Imam, masjid .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sembelih dua kali ... syariat mana tu?

9 Mei 2000

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu sebagai pemimpin kita adalah *qoidomurabbi* pemimpin dan juga pendidik, bukan sekadar pemimpin dan pemimpin kita sebenarnya adalah *takhlid latusrik*, pemimpin yang penuh tanggungjawab adalah bukan tangan kemuliaan... singgahsana kemuliaan yang kita impikan. Tapi apa yang saya difahamkan dan saya lihat sendiri, kita perhatikan kalau dulu Ahli-ahli Yang Berhormat menyerang Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan, mengatakan penyalahgunaan kuasa... menggunakan masjid kerajaan dan sebagainya untuk kepentingan peribadi tapi hal yang sama saya perhatikan berlaku dalam kerajaan hari ini. Jadi sama-samalah kita menanganai perkara ini sebaiknya ini adalah *takhlid latusrik* tanggungjawab bukannya kemuliaan singgahsana yang kita cita-citakan. Tuan Yang Dipertua, tugas kita adalah mengingat antara satu sama lain.

Selain dari itu, dalam Titah Baginda Sultan juga ada menyatakan bahawa hubungan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri perlulah dirapatkan. Kita menyokong penuh hasrat tersebut. Kita berharap agar hubungan ini dapat dijalinan, dapat intinkan dengan secepatnya agar pembangunan negeri yang kita cintai ini tidak akan ketinggalan. Oleh hal yang demikian, saya berscrulah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan agar menjauhi perkara yang dikatakan oleh Yusof al-Qardawi, yang mengatakan perpecahan umat Islam dalam dunia hari ini termasuk di tempat hari ini disebabkan dua perkara. Yang pertama kerana kita sering menyalahkan orang lain... berlaku sesuatu benda kita salahkah orang lain, bila berlaku dok molek kita salah kerajaan dulu. Bila berlaku benda tak betul kita katakan kerana... masalah penceen menyebabkan orang perempuan tak boleh nikah. Sepatutnya kita kena ada inisiatif dari kita sendiri untuk nak membetulkan keadaan ini. Dan yang kedua.....

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOJIB RAMLI (Wakil Surau): Lulusan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Pemimpin ini... dalam Dewan yang mulia ini sudah berpecah, kami di pihak kerajaan sebahagian di pihak pembangkang. Kalau kita nak mengajak rakyat supaya bersatu pemimpin mesti mulakan dulu. Kerana air di muka Kuala Keruh apabila di sebalik hulunya hujan turun dan mengeruhkan air tersebut. Saya mengharapkan supaya pimpinan pembangkang menyertai pihak kerajaan supaya kita bersatu dan selepas itu kita mengajak rakyat supaya bersatu. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kita menyanjungi tinggi hasrat tersebut. Tapi selama ini kita dah panggil dah bersatu tapi masih ada lagi golongan yang tak mahu bersatu yang memecah-belahkan. Sehingga hari ini, bila.....

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Tuan Yang Dipertua, kami mohon bersatu....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, dia tak beri laluan... nampak tu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kita memang ingin bersatu tapi oleh kerana dulu kerajaan PAS tak menang, sekarang baru menang... barulah kita dengar ayat-ayat, hadis-hadis yang bertunyi... yang bertajuk hal-hal kita bersatu-padu. Contohnya:

9 Mei 2000

Dulu tak pernah ... dulu kafir. Isu-isu kafir yang menyebabkan porak-perandanya masyarakat dan ini ini dimulakan oleh parti pembangkang.

Dan kita juga mendengar perkara-perkara yang berlalu seminggu lepas di mana sebuah masjid di Kampung Bari Kecil tidak dapat diadakan Jumaat. Ini adalah kerana berlakunya lantikan Imam yang tidak menurut syariat. Dan difahamkan bahawa ini berlaku adalah disebabkan oleh campur tangan Wakil Rakyat, lantik Imam hak dia katakan tak boleh baca Fatimah. Jadi ini perlu diambil perhatian. Kita bukan nak menuduh, tidak ada prajudis tetapi supaya kita lebih meneliti, lebih berwibawa dalam menjalankan amanah kita. Dan yang penting ... yang penting kerana saya orang baru dalam Dewan, saya harap pihak kerajaan dapat memberi jawapan yang lebih berwibawa. Kita tidak mahu di kalangan ahli-ahli kita ... pelajar-pelajar sekolah yang datang jadi pemerhati kepada kita mengandai kita ... melebelkan kita sebagai kita Wakil Rakyat 'cap ayam' yang tidak ada maknanya. Jadi oleh hal yang demikian, kita haraplah dalam menjawab perbincangan soalan-soalan adalah memberi sesuatu yang lebih baik.

Selain daripada itu tuan-tuan, hadirin hadirat, Tuan Yang Dipertua, hal yang ingin saya ucapkan juga ialah berkenaan dengan hubungan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri seperti saya katakan tadi. Kita berharap agar orang memberi kita menerima ... orang memberi kita merasa .....

**YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Wakil Ajil, Kampung Raja minta laluan.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja):** Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua dan kepada Wakil Rakyat Ajil. Melalui dua alam, mungkin ada sesuatu yang kita boleh kongsi. Sememangnya budaya tohmah ini subur dalam UMNO sehingga .....

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Penjelasan Tuan Yang Dipertua, sebenarnya orang dua alam ni orang tak ada prinsip Tuan Yang Dipertua. Tak boleh ikut sangat, saya ingat tak perlu diberi penjelasan.

**YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):** Tuan Yang Dipertua, bukan masalah .....

**YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA:** Sila duduk, biar dia habiskan dulu. Minta Wakil Kampung Raja, apa masalah yang hendak dikemukakan. Jangan buat ucapan.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja):** Saidina Omar adalah orang yang berprinsip. Budaya tohmah ini terlalu subur menyebabkan orang-orang dalam UMNO menuduh bahawa yang menyebabkan perpecahan ialah PAS. Jadi apa yang kita perhatikan ialah pendekatan psikologi yang dikemukakan .....

**YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA:** Soalan ... diminta apakah penjelasan yang mahu diminta daripada Wakil Ajil. Kalau tidak ada penjelasan diminta supaya Yang Berhormat berhenti membuat ucapan dan diteruskan Wakil Ajil membuat ucapan.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Terima kasih Tuan Yang Dipertua, .....

9 Mei 2000

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Nanti dulu, saya minta dia mengemukakan apakah dia penjelasan yang diperlukan. Kalau tak ada sila duduk, kalau ada sila teruskan.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Tidakkah berlakunya pemecatan Imam secara politik adalah merupakan sebahagian daripada punca perpecahan yang telah dibuat dan kini perkara itu sudah tidak berlaku dan masjid sedang dalam keadaan subur dan boleh dilihat di mana-mana.

YANG BERTHORMAT ENCK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Itu kenyataan yang melulu Tuan Yang Dipertua. Saya kata dah kata tadi. Yusof Qardawi menyatakan dua sebab berlakunya keperokan umat hari ini ialah pertama menyalahkan orang lain, yang kedua mementingkan diri sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya menyambung kembali .....

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Minta laluan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya ingin menyambung kembali apa yang saya perkatakan tadi berkenaan dengan hubungan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Kita amat-amat mengharapkan agar Kerajaan Pusat akan memberi bantuan sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri. Kami daripada pihak pembangkang akan ada rasa setia yang tidak berbelah bagi kepada negeri, Raja dan negara. Oleh hal yang demikian, kita akan menyokong penuh usaha yang akan dibawa oleh Kerajaan Negeri melalui Kerajaan Pusat untuk nak membangunkan negeri. Cuma pesan saya, harapan saya agar amallah hadis Rasulullah s.a.w.:

من لم يشكر الناس لم يشكر الله

Maknanya orang beri ... orang suap makan nasi kita tidak kerekah tangan. Ni dalam keadaan minta-minta ... kerekah tangan. Ini yang perlu kita buang keadaan tersebut ... bertegur dalam keadaan berwibawa Alhamdulillah. Tapi kalau menuduh semberono adalah itu bukan sesuatu adat yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu apa yang ingin saya kaitkan juga dalam ucapan perbahasan Titah Tuanku ini berkenaan .....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Nampaknya Wakil Ajil masih lagi panjang dan kalau ada ... saya minta maaflah oleh kerana masa Dewan akan ditangguh untuk berehat sementara dan Wakil Ajil boleh menyambung semula ucapan selepas daripada Dewan ini disambung semula.

Masa dengan ini saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI.

9 Mei 2000

### PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullah. Bismillahirrahmanirrahim, Dewan disambung semula dengan menyambung perbahasan Titah Ucpaan Di Raja. Dan tadi Wakil daripada Ajil telah diberhentikan daripada meneruskan ucapan untuk merehatkan Dewan sementara. Maka ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya kepada Wakil Ajil, diminta beliau menggulung ucapannya kadar 5 minit. Dia telah diberi 3 musim untuk berucap, maka saya hanya membenarkan 5 minit saja. Dipersilakan –

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dengan ruang dan peluang serta kesempatan yang diberikan ini saya akan membuat ringkas mungkin.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan tadi bahawa kita sebagai Ketua, kita sebagai pemimpin *taklif la tasyrik* oleh hal yang demikian, apa yang berlaku sebagaimana yang ayat yang saya bacakan dalam persidangan yang pertama dulu:

كبر مقتا عند الله ان تقولوا ما لا تفعلون

Kemurkaan Allah yang amat besar kepada orang yang cakap tak serupa buat. Yang berlaku ini adalah di dalam kawasan saya pada hari Jumaat mereka bersyarah haramnya riba dan besarnya dosa orang yang mengambil riba. Tapi malangnya yang ironisnya pada hari Sabtu mereka ni ... orang ni buang kupiah, baris ... pergi ambil pitis di bank. Inilah yang menyedihkan.

Kes yang kedua, pada waktu siangnya mereka ni ... minum air sama dengan seorang wanita berambut perang ... tapi malang berlilit serban. Jadi, inilah gejala-gejala yang perlu kita teliti untuk pembentukan masyarakat yang berwibawa pada masa-masa akan datang agar generasi rabani yang kita cita-citakan akan tercapai, insya Allah.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan cinta negara. Apa maklumat yang saya terima ialah berkenaan dengan adanya bendera-bendera parti yang dikibarkan di Mekah. Jadi saya nampak semangat cintakan negara telah mulai kurang di dalam jiwa golongan ini. Jadi kita berharap agar perkara ini dapat dilihat kembali agar rasa tinggi diri, bangga dengan rakyat Malaysia yang hebat, bangga dengan jati diri Melayu yang terlalu unggul agar dapat ditanam pada generasi-generasi kita terutama di kalangan pemimpin-pemimpin.

Tuan Yang Dipertua, untuk akhirnya, saya ingin mengatakan mengenai perbelanjaan berhema yang sering diperkatakan, yang sering dilaung-laungkan, yang sering diluahkan oleh kerajaan. Cuma saya dimaklumkan oleh seseorang yang mengatakan bahawa beberapa projek yang telah diberikan ... yang dulu dijanjikan akan diberikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Tetapi hari ini kita dapati projek tangki air Bukit Cendering dan projek tangki air Batu 5, Dungun telah diberikan kepada kontraktor luar. Jadi oleh hal yang demikian, saya beranggapan ... saya menyatakan hal demikian kerana saya difahamkan bahawa banyak kontraktor-kontraktor tempatan yang harganya lebih murah dan lebih rendah dalam tender tersebut.

9 Mei 2000

Tuan Yang Dipertua, untuk akhirnya saya berdiri petang ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dengan tiga musim, tiga ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk metaperkatakan tapi saya beranggapan bahawa hadis Rasulullah s.a.w.:

مثل المؤمنین فی توادعهم وتواضعهم كمثل الحسد الواحد إذا اشتكى منه عضو تداعى له سائر الحسد بالسهر والحمى

Itulah adat pegangan saya. Dan untuk akhirnya saya ingin menutup perbahasan Titah Ucapan Di Raja ini dengan sepotong ayat al-Quran:

يأيها الذين ءامنوا لا يسخر قوم من قوم عسى أن يكونوا خيرا منهم

Maksudnya: *Wahai orang beriman janganlah kita meleceh-lecehkan, merendah-rendahkan sesuatu kaum dengan kaum yang lain mungkin kaum itu lebih baik daripada kita.*

Sekian, terima kasih Tuan Yang Dipertua. Yang baik daripada Allah Cuma saya yang menyampaikan, yang buruk adalah daripada kelemahan, kecacatan dan kecealan saya sendiri. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Ajil dan perbahasan Ucapan Titah Di Raja diteruskan. Dipersilakan Ahli-ahh Yang Berhormat –

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Bismillahirrahmanirahim. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuannya dan puan-puan sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Pertamanya Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dapat bersama-sama di dalam majlis yang mulia. Dan Alhamdulillah dengan tautik dan hidayah daripada Allah s.w.t. serta sokongan dengan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman ini kita mempunyai sehingga hari ini dan insya Allah seterusnya di tahun-tahun hadapan dan selama-lamanya kepimpinan ulamak yang amanah, bersih, cekap dan tulus yang selama ini merupakan hasrat dan perjuangan kita dalam membentuk kepimpinan amanah, bersih, cekap dan tulus. Ini bukan yang dibawa oleh kepimpinan Barisan Nasional di mana mereka mendahului bersih, cekap dan amanah diletak di kemudian. Sehingga boleh jadi oleh kerana amanah tu diletak kemudian tu, maka boleh jadi pentadbiran tidak berapa nak betulah.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas ucapan baginda pada hari pembukaan tempoh hari. Di dalam perancangan kita di masa hadapan sektor ekonomi adalah satu-satunya sektor yang penting yang perlu kita rancangan di peringkat makro dan mikro. Sektor ekonomi perlu berjalan seiring dengan pembangunan insan sudah tentu apabila kerajaan baru Alternatif kepimpinan PAS dapat memerintah insya Allah, dapat membentuk masyarakat yang bermoral tinggi maka dasar perancangan ekonomi negeri akan lebih mudah. Apabila ini terjadi insya Allah, Negeri Terengganu Darul Iman akan menjadi negeri yang termaju sekali di Malaysia ini. Insya Allah dengan sokongan rakyat hari ini kita dapat mencapai matlamat ini yang kita idam-idamkan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memanglah matlamat kerajaan Alternatif kepimpinan PAS ini ialah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di Negeri Terengganu ini. Tetapi dengan cara

9 Mei 2000

mana kita perlu buat mencapaikan matlamat ini. Bagi saya ada tiga cara yang perlu diteliti. Cara pertama ialah mengurangkan kadar pengangguran daripada tahap sekarang iaitu lebih kurang lima peratus kepada sekurang-kurangnya kadar empat peratus saja. Ini kerana kadar empat peratus di dalam mana-mana ekonomi menunjukkan prestasi sesebuah ekonomi itu yang amat baik sekali. Dan kedua, kita perlu meningkatkan taraf hidup rakyat dari kelas bawahan, dengan izin *lower class* kepada kelas pertengahan. Cara ketiga ialah untuk mengurangkan kadar inflasi di negeri kita ini dan apabila mengurangkan inflasi maka taraf hidup dengan secara tak langsungnya akan meningkat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk mencapai matlamat di atas maka kita perlu bersedia dengan strategi, iaitu strategi polisi dan strategi perniagaan, dengan izin *business*. Strategi polisi ialah di mana Kerajaan Negeri perlu menjadikan kerajaan, dengan izin *business friendly* iaitu perniagaan yang mesra. Kakitangan-kakitangan kerajaan mestilah menjadi dengan izin *public friendly* iaitulah masyarakat mesra. Maka bergeraklah ekonomi kita ini, dengan ini bermakna urusan orang ramai akan dapat menjadi mudah mulalah kilang-kilang dibina, para-para pelabur di dalam negeri dan luar negara akan datang. Oleh itu orang-orang tempatan akan mula membuat bermacam-macam kerja ... membuat jalan, membuat rumah, membuat longkang, buka kedai dan sebagainya. Apabila peningkatan *efficiency* dan produktiviti daya pengeluaran ini maka banyakkah kerja-kerja dapat dibuat, pembayaran-pembayaran kepada pengusaha atau kontraktor dapat dibayar dengan cepat, permohonan dapat diluluskan dengan cepat maka perniagaan .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta laluan. Mengikut Peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu Bahagian 46 (5) Seseorang Ahli janganlah hendaknya membaca ucapannya. Saya minta perhatian Wakil Rakyat tidak membaca ucapannya.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya bukanlah baca tapi nak mengingatkan diri saya. Boleh saya lanjutkan.

Di bawah strategi polisi ini juga penswastaan agensi-agensi kerajaan perlu juga diteliti. Jikalau agensi-agensi ini melibatkan aktiviti-aktiviti yang berdaya saing dengan orang ramai maka perlulah diswastakan saja agensi-agensi ini. Kerana saya fikir dengan penswastaan agensi-agensi ini maka pihak swasta akan memajukan perniagaan-perniagaan ini dengan lebih efisien lagi. Apabila polisi strategi menjadi efisien ia akan mendatangkan banyak faedah kepada orang dengan secara tidak langsung memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang akan memperbanyakkan kerja-kerja dan perniagaan. Aliran yang akan menjadi cepat, tiada ada *bottle-neck* dan secara tidak langsung akan banyak menarik lagi pelabur-pelabur di dalam dan di luar negeri.

Strategi kedua iaitu strategi perniagaan. Seperti matlamat kita untuk meningkatkan peluang pekerjaan, pembangunan infrastruktur atau prasarana sangatlah mustahak. Prasarana seperti jalan raya, perumahan, jambatan, pelabuhan, lapangan terbang, stesen bas, kompleks sukan dan lain-lain ini akan menjadi jentera pembangunan ekonomi sebab infrastruktur ini, dengan izin ialah *engine of growth for the economy*.

Yang Berhormat Yang Dipertua, teringat saya pada satu ketika dulu apabila parti Gerakan di Pulau Pinang masa itu belum lagi di dalam parti Barisan Nasional. Ketua Menteri Pulau Pinang pada ketika itu telah pergi keluar negara ... pergi keluar negara mereka ini menjual Pulau Pinang dengan mengatakan Pulau Pinang ini mempunyai pelabuhan, lapangan terbang yang efisien dan cekap.

9 Mei 2000

Kita tengok pada hari ini Pulau Pinang telah menjadi sebuah negeri yang maju di mana pelabur-pelaburnya adalah ... yang terbesarnya adalah pelabur-pelabur daripada luar negara yang berorientasikan export. Inilah satu-satu yang saya nyatakan ... yang saya fikir Terengganu Darul Iman boleh menjual negeri ini dengan mengadakan .....

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):  
Penjelasan Yang Dipertua. Soalan saya, kerajaan Pulau Pinang sekarang kerajaan mana?

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya kata Yang Dipertua, pada ketika itu ....

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):  
Pada ketika itu baru jual dok maju lagi. Dah maju ni kerajaan mana?

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Pada ketika itu dia dok Barisan Nasional, jadi dia jual masa ketika itu dia pembangkang lepas itu dia masuk Barisan Nasional.

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):  
Lepas masuk baru maju. Saya nak tanya ni, dah maju kerajaan mana?

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Selepas maju dia masuk Barisan Nasional.

Jadi, Negeri Terengganu Darul Iman yang diperintah oleh Barisan Nasional selama 40 tahun dahulu apa yang kita ada. Cuma digembar-gemburkan oleh media massa yang PAS hanya cuci kaki saja. Siapa yang cuci kaki siapa yang cuci tangan. Apa yang kita nak banggakan dengan akhbar ni mengatakan "Haji Hadi hanya cuci kaki". Betul kita cuci kaki bila kita masuk dalam rumah tu ... kita terjun selalu sebab lantainya naik anai-anai.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengatakan di bawah yang digembar-gemburkan oleh kerajaan Barisan Nasional yang Kerajaan Terengganu ni cuci kaki, nak banggakan dengan apa bangunan yang kita ada. Apakah pembangunan yang kita ada? Keretapi pun tak dok, lebuhraya baru hari ini baru nak buat. Selama 40 tahun keretapi pun tak boleh tarik ke Terengganu. Terengganu malah satu-satunya negeri yang tiada keretapi. Saya ingat Yang Berhormat nak pergi ke Kuala Lumpur nak naik keretapi pun takut, sebab apa ... nak beli tiket pun tak reti. Sekarang ni bukan orang beli tiket, bukan orang beli tiket keretapi orang beratur, pakai mesin. Saya ingat orang Terengganu sekarang ini pergi ke Kuala Lumpur pun .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Salah fakta kalau katakan keretapi tak ada. Ada, satu ketika dahulu di Bukit Besi.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Itu kata, kita tahu, pembangunan bermula daripada keretapi. Saya berharaplah ... tadi Yang Berhormat daripada parti pembangkang ni berkata dia akan bekerjasama dengan kita, saya berharaplah dewan persidangan UMNO ni dah dekat ... haraplah di dewan itu sebutlah kita nak keretapi.

9 Mei 2000

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Teringat ke UMNO lagi ke, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Bukan ... saya  
ingat, saya nak peringatkan rakan-rakan saya hak lama.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Jadi, Yang Dipertua, kita minta berucap stail PASlah jangan berucap stail BN. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Ini berucap stail  
PASlah ni. Dulu saya UMNO sekarang saya PAS. Yang Berhormat Yang Dipertua, .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya ingin  
mengatakan, beban apa yang kita terima ni ... yang dibangga-banggakan sehingga ada satu syarikat  
tu buat reban ayam, 88 reban ayam memakankan belanja RM5 juta mahal pada rumah kos rendah  
lagi ... nak buat reban ayam. Ini hak beban hak kita pikul. Kalau nak fakta tu saya ada.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di dalam bidang perikanan seperti yang kita nyatakan dalam  
manifesto kita untuk meningkatkan taraf hidup nelayan. Kita perlu dari masa-masa yang akan  
datang menyediakan kelengkapan yang moden, pelabuhan yang lengkap, bot-bot yang moden yang  
mempunyai enjin-enjin yang berkuasa tinggi. Juga dicadangkan seperti di negara Eropah, sekarang  
ni di dalam negara Eropah di EEC sesuatu negara tu diberi kuota, tiap-tiap 5 tahun satu negara  
diberi hak untuk membuat penangkapan ikan. Jadi apabila tempohnya tamat maka bot-botnya  
mereka yang berkuasa tinggi, yang berteknologi ini dijual. Saya berharaplah kerajaan sekarang ini  
teliti akan perkara ini supaya kita dapat membeli bot-bot second-hand daripada negara Eropah ini  
untuk dilengkapkan kepada nelayan-nelayan di masa akan datang, insya Allah.

Tuan Yang Dipertua, juga saya ingin mencadangkan supaya di Negeri Terengganu ini kita dapat  
mengadakan satu kawasan industri dan *maritime*, dengan izin. Di mana tempat ini akan  
mempunyai tempat pembaikan bot, menjual alat-alat ganti, minyak air batu sehingga memproses  
makanan seperti kerepok lekor. Perlu memperbanyakkan promosi-promosi kerepok lekor ini  
kerana saya dapat tahu yang kerepok lekor ini di dalam negara kita sehingga ini pun kerepok lekor  
tak sampai kepada negeri-negeri di dalam Malaysia ini. Saya berharaplah dengan adanya tempat-  
tempat ini kelak insentif-insentif akan dapat diberi kepada pelabur-pelabur yang ingin penjelasan  
.....

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Penjelasan, Tuan  
Yang Dipertua, kerepok lekor tak boleh ganti keretapi ke?

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya kurang jelas.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Minta penjelasan,  
saya tanya Yang Berhormat Wakil Bandar yang berucap. Tadi Yang Berhormat Wakil Bandar  
minta keretapi, kemudian saya nak tanya kerepok lekor ni boleh ganti keretapi dah. Dok apa tak  
dok keretapi pun.

9 Mei 2000

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tapi kalau ada keretapi lebih baik lagi ... lebih laja lagi. Kita kerepok lekor dari Terengganu ni boleh hantar Kuala Lumpur

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di dalam sektor pelajaran pula bidang ini sekarang ini telah menjadi satu perniagaan yang besar. Kita dapat lihat Kerajaan Pusat telah merancang menjadikan Malaysia ini sebuah negara yang unggul di dalam pendidikan di Asia Tenggara dengan izin *excellent education heap in Asia*. Sebab itu banyakkah kelulusan telah diberi untuk membuka kolej-kolej swasta yang saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri ini menjadi sebuah Pusat Pengajian Tinggi Islam di Malaysia, dengan izin *Islamic Centre for higher level*. Kita harus mengambil inisiatif ini supaya universiti-universiti luar negara seperti negara Mesir, India, Pakistan, Lebanon yang maju ... negara Islam yang maju di dalam bidang masing-masing ini membuka universiti berkenaan di negeri kita ini.lepas itu saya fikir Terengganu Darul Iman ini akan menjadi sebuah negeri yang boleh mengeluarkan para-para intelek Islam.

Saya juga nak mengingatkan di bawah pemerintahan Barisan Nasional yang lalu universiti yang patuhnya ada di sini pun lari di negeri lain. Jadi nak bangga apa, universiti satu pun tak ada di negeri ini. Semalam saya dengar wakil daripada pembangkang kata kita nak tutup univeriti, itu boleh jadi kerajaan yang Kerajaan Persekutuan telah menyekat apa-apa yang hendak kita majukan di dalam negeri ini. Jadi, saya sedihlah selama 40 tahun satu universiti pun kerajaan Barisan Nasional yang lepas tidak dapat dibawa ke Negeri Terengganu ini.

Yang Dipertua, saya berharaplah Kerajaan Negeri di masa akan datang mengadakan satu pelan induk untuk mengadakan sekolah-sekolah, kolej-kolej dan universiti-universiti supaya dapat kita melahirkan cendekiawan-cendekiawan Islam atau *Islamic scholar*, dengan izin. Apabila ini terjadi maka bukan saja murid-murid dari luar negara akan datang ke Negeri Terengganu Darul Iman ini bahkan kami keluarga mereka datang sekali untuk melawat Negeri Terengganu. Dengan secara tidak langsung akan memajukan industri pelancongan di negeri kita ini. Perlulah kita mengingatkan bahawa kita perlu menyediakan pemikiran rakyat Negeri Terengganu ini kepada taraf antarabangsa supaya dapat Islam itu agama yang semua umat Islam di seluruh zaman.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di dalam sektor bidang pelancongan pula kita dapat melihat kekuatan Negeri Terengganu ini ialah pulau-pulauanya. Pulau-pulau yang saya maksudkan ialah Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Pulau-pulau ini saya fikir jauh lebih baik daripada Pulau Langkawi yang diagung-agungkan. Untuk maklumat Dewan, Pulau Perhentian dan Pulau Redang ini telah disenaraikan di dalam 20 pulau yang terbaik di dalam dunia ini. Jadi saya berharaplah kita dapat mempromosikan pulau-pulau kita ini kerana kalau kita bandingkan pulau-pulau yang kita ada ini dengan Pulau Langkawi jauh pulau kita ini lebih baik dan lebih cantik daripada Pulau Langkawi. Jadi saya berharaplah kerajaan di masa ke hadapan dapat menyediakan infrastruktur-infrastruktur yang lengkap di pulau-pulau ini dan di tempat-tempat pelancongan supaya dapat memudahkan kita membuat promosi di akan datang.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dari segi teknologi maklumat *information technology*, dengan izin kita perlu terima hakikat bahawa di dunia sekarang telah berubah, iaitu dunia sekarang sedang menuju ke arah teknologi maklumat. Kita tidak boleh ketinggalan dalam bidang ni kerana kita mesti berada di hadapan daripada orang lain. Dengan itu, saya mengucapkan mengenai *information technology* ini mengucapkan syabas kepada Svrikat Harakah kerana mengeluarkan *news in web* yang dilancarkan tempoh hari. Ini telah disiarkan juga maklumat di dalam berita

9 Mei 2000

CNN. Ini menunjukkan Syarikat Harakah ini telah maju setapak di hadapan daripada agensi-agensi ada di dalam negara kita. Tuan Yang Dipertua, saya berharaplah kerajaan dapat meningkatkan penggunaan komputer-komputer ini terutamanya di sekolah-sekolah; dan sekolah-sekolah ini perlulah dilengkapi dengan komputer-komputer dan latihannya sekali oleh guru-guru yang celik komputer.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di dalam sektor perladangan dan pembalakan juga kita harus berfikir cara meningkatkan hasil perladangan dan cara praktikal sekali ialah untuk membuka banyak tanah, jikalau perlu diswastakan tanah-tanah ini supaya pembangunan perladangan dapat ditingkatkan di masa-masa akan datang. Juga di dalam sektor perkayuan di mana banyak lagi perlu aktiviti-aktiviti *down-stream* yang secara tidak langsung akan memberi banyak peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan lagi hasil Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, akhirnya dari segi sektor petroleum dan gas saya berharaplah Petronas dan Kerajaan Negeri bekerjasama dari masa ke semasa di mana perlunya pemantauan di atas pelaksanaan projek-projek yang dibangunkan. Kerajaan Negeri perlu meneliti aktiviti-aktiviti *down-stream* yang saya fikir lebih menguntungkan orang-orang tempatan daripada dengan izin, *one time job* saja. Jadi perlulah kita menyediakan peluang-peluang di mana orang-orang tempatan juga perlu bersedia dengan teknologi terkini iaitu jika perlu menjalinkan hubungan dengan syarikat-syarikat luar negara yang telah berkecimpung di dalam bidang ini. Orang-orang tempatan perlulah melangkah lebih jauh lagi daripada orang lain jika mahu bersaing di dalam bidang ini, insya Allah. Insya Allah, Kerajaan Negeri akan memberi dorongan dan sokongan di dalam bidang kuasa yang sedia ada pada kerajaan hari ini, insya Allah.

Jadi itulah saja ucapan saya. Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin memintalah berbilang-banyak maaf kalau ucapan saya itu mengguris hati sesiapa kerana yang tak sempurna itu memang datang daripada saya insan yang lemah ini dan yang baik itu adalah daripada Allah s.w.t.

Sekian, walbillahi taufik wahidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Bandar. Saya bukakan peluang perbahasan seterusnya. Dipersilakan –

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, barisan Exco, barisan Yang Berhormat-Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat, Ketua-Ketua Jabatan, para pemerhatian, seterusnya hadirin yang dikasihi sekalian.

Doa yang selalu kita sebut:

ربنا اتنا في الدنيا حسنة وفي الآخرة حسنة وقنا عذاب النار

Adalah merupakan satu gambaran cita-cita kita dalam setiap aspek apa yang kita lakukan dalam kehidupan kita ini. Dalam melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah di atas muka bumi kita telah diberikan amanah untuk kita menggabungkan segala kekuatan, untuk melaksanakan tugasan:

لحراسة الدين وسياسة الدنيا به

9 Mei 2000

*Bagi menjaga agama dan mengurus urusan keduniaan.*

Saya mengambil kesempatan ini atas ucapan membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dan mengambil kesempatan merakamkan terima kasih atas ucapan daripada baginda Sultan yang telah menyentuh berbagai-bagai aspek yang dicita-citakan dalam pemerintahan di Negeri Terengganu Darul Iman ini. Yang Dipertua dan barisan pimpinan, dan saudara-saudara yang dikasihilah sekalian, saya mahu menyentuh soal *accountability*, kebertanggungjawaban yang ada pada kita yang diberikan amanah untuk memimpin daripada peringkat atasan sehingga kepada peringkat bawahan. Apa yang sedang diperkatakan pada hari ini ialah tentang amanah yang diberikan tetapi pada ketika yang sama berita memaparkan tentang kepincangan dalam melaksanakan amanah. Cerita tentang orang-orang yang diberikan amanah pecah amanah, tentang jenayah kolar putih, tentang berbagai-bagai kepincangan menjadi suatu yang umum. Apa yang kita harapkan pemerintahan Terengganu yang berpeminipinkan kepada ulamak dan yang berasaskan kepada cita-cita membangun bersama dengan Islam ini akan menjadi kerajaan yang bersih dan mampu melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini.

Ada tiga kekuatan yang perlu kita bina untuk memastikan kita sentiasa terkawal. Kekuatan yang pertama ialah kekuatan takwa. Kerajaan Terengganu memang melihat bahawa kekuatan ini perlu disuburkan. Kita melihat program-program yang diutamakan ialah program yang berbentuk pembangunan insan yang menekankan kepada pembinaan manusia yang bertauhid dan bertakwa. Program-program yang menekankan soal pendidikan sahlah, pendidikan diri ke arah membina manusia yang beriman mestilah ianya menyeluruh daripada peringkat bawahan hingga ke peringkat atasan. Penekanan program pembinaan pegawai-pegawai atau kakitangan, atau pimpinan yang bertakwa mesti diberikan keutamaan di mana majlis-majlis *takalim* pengajaran perlu dijadikan sebagai program yang diwajibkan di pejabat-pejabat. *Takalim* yang menekankan kepada soal mengtauhidkan Allah dan pembinaan takwa. Dengan *takalim* ini ia akan dapat melahirkan manusia yang tahu membezakan antara tauhid dengan syirik, antara halal dan yang haram, antara perpaduan yang dituntut oleh Islam dan perpaduan merupakan omongan daripada manusia yang tidak berasaskan kepada agama. Perpaduan yang dituntut oleh Islam ialah perpaduan untuk berpegang dengan agama dan memperjuangkan Islam. Adapun perpaduan kepada umum kadang-kadang ianya mungkin boleh membawa kepada perpaduan seperti perpaduan satu kumpulan perompak dan sebagainya.

Yang Dipertua, hadirin dan hadirat yang dikasihilah sekalian, begitu juga *qaduhasanah* daripada pimpinan orang-orang yang berilmu dan bertakwa yang menjadi asas kepada pimpinan kerajaan di Negeri Terengganu ini. Mengadatkan adat-adat yang baik di dalam pentadbiran daripada sekecil-kecil adat sehingga sebesar-besar adat perlu diutamakan kepada kakitangan, pegawai-pegawai dan juga setiap orang yang diberikan amanah. Hukuman dan juga tindakan undang-undang adalah merupakan sebahagian daripada pendidikan yang perlu dikuatkuasakan apabila berlakunya sesuatu penyelewengan dalam pentadbiran. Perkara yang kedua ialah perlunya kita memperkasakan gerakan *amal makruf nahi mungkar* di semua peringkat, biar masyarakat di semua peringkat menyedari tentang kebertanggungjawaban mereka dalam sama-sama menilai apa yang berlaku sana ada pada peringkat pimpinan ataupun masyarakat umumnya. Masyarakat perlu disedarkan melalui berbagai-bagai cara tentang bagaimana peranan mereka dalam menyuburkan yang *makruf* dan mencegah daripada *mungkar*. Penguatkuasa-penguatkuasa untuk menguatkuasa peraturan-peraturan perlu diperencukapkan, perlu sentiasa diberi peringatan supaya usaha untuk *amal makruf nahi mungkar* ini menjadi suatu yang zahir. Apa yang berlaku pada hari ini mungkin kesan daripada ketidaksiyapuhan yang telah lalu penguatkuasa-penguatkuasa khususnya di daerah Besut

9 Mei 2000

kita lihat tidak mencukupi menyebabkan *amal makruf nahi mungkar* ini tidak begitu berkesan, antara sebabnya.

Yang Dipertua, begitu juga tentang soal undang-undang dan peraturan. Yang saya maksudkan di sini ialah tentang bagaimana setiap pegawai dan setiap orang yang diberikan amanah mereka mesti tunduk kepada undang-undang dan peraturan supaya keadilan menjadi buah daripada amalan tersebut. Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan Negeri Terengganu yang telah memulakan satu catatan sejarah apabila saja menubuhkan satu Jawatankuasa khusus untuk memastikan ... memastikan pegawai-pegawai daripada peringkat bawahan hingga kepada peringkat atasan mereka adalah orang-orang yang sentiasa mengikut landasan peraturan dan undang-undang yang akan mengutamakan keadilan dalam semua aspek. Jawatankuasa Hisbah yang ditubuhkan adalah merupakan Jawatankuasa yang sangat penting dan kena pada masanya. Ketika mana rakyat sudah hampir lumpuh kepercayaannya kepada kepimpinan kerana melihat bagaimana kuasa digunakan sewenang-wenangnya, melihat berita tentang jenayah-jenayah yang dilakukan oleh orang-orang yang diberikan amanah dan banyak hal lagi. Maka Kerajaan Negeri Terengganu telah menubuhkan Jawatankuasa Hisbah yang sangat besar ertinya, mungkin yang pertama di dunia moden ini setelah ianya telah berlaku dan telah direalisasikan di zaman khulafa al-Rasyidin r.a.

Apa yang kita harapkan, Jawatankuasa Hisbah ini akan melaksanakan tanggungjawabnya dengan sebaik mungkin kerana Jawatankuasa ini akan menjadi sebagai imej ataupun sebagai maruah kepada kerajaan. Di mana kerajaan kita akan dikenali sebagai kerajaan yang bersih apabila sahaja kita benar-benar melaksanakan adat yang dituntut. Yang Dipertua, apa yang kita mahu sebutkan di sini ialah apabila sahaja Jawatankuasa Hisbah ini ditubuhkan maka Jawatankuasa Hisbah mempunyai peranan yang sangat besar, peranan yang mencakupi ruang yang luas ia memerlukan sebuah jabatan. Jabatan Hisbah yang mengandungi pegawai-pegawai yang secukupnya, yang mempunyai kemahiran-kemahiran yang secukupnya. Ia sepatut dilihat sebagai satu jabatan yang akan memberikan suatu maruah yang tinggi kepada kerajaan kita. Jawatankuasa Hisbah ini juga sepatutnya mendapat kerjasama daripada semua jabatan-jabatan di mana tugas Jawatankuasa Hisbah untuk mendengar dan menerima laporan-laporan dan maklumat-maklumat serta aduan-aduan yang kemudiannya akan diproses mengikut saluran-saluran sepatutnya. Ia mesti mendapat kerjasama daripada semua. Kita berharap Jawatankuasa Hisbah tidak akan meninggalkan mana-mana peringkat daripada peringkat pegawai dalam melaksanakan tugas Hisbahnya. Daripada peringkat bawahan seperti Penghulu atau Ketua Kampung yang mungkin apabila mendapat kuasa ianya akan menggunakan kuasa sewenang-wenangnya; yang mungkin kalau dulu ia mendapat *backing* daripada orang-orang politik sehingga ada di antaranya menggunakan kuasa dengan memberikan atau memasukkan nama-nama orang yang layak menerima tanah yang dianugerahkan oleh kerajaan mengikut kaum keluarga mereka. Ada di antaranya dalam permohonan tersebut permohonannya mempunyai bin yang sama kadang-kadang sampai 6 orang. Menunjukkan ianya daripada keluarga yang sama, daripada adik-beradik dan memang dipastikan. Begitu juga ada di antaranya menggunakan kuasa untuk menafikan hak orang-orang yang berhak apabila berkali-kali orang yang berhak memohon untuk mendapatkan hak tetapi kerana perbezaan politik maka ianya dinafikan haknya.

Saya yakin kerajaan baru yang dibina atas kesedaran untuk menegakkan keadilan akan melihat perkara ini dan akan membersihkan kerajaan dan pentadbiran daripada unsur-unsur yang tidak sihat. Begitu juga sampai kepada peringkat atasan sehingga ahli-ahli politik ia juga perlu dilihat dan di hisbah kan kalau benar perkataan itu digunakan, ianya perlu dinilai dengan penilaian yang

9 Mei 2000

betul. Apabila sahaja Jawatankuasa Hisbah ini melaksanakan tugasannya rakyat akan memberikan kepercayaan kepada kerajaan. Keyakinan rakyat akan bertambah dan rakyat akan bangga dengan kerajaan yang sebegini. Tidak sebagaimana yang telah berlaku kepada setengah-setengah rakyat pada hari ini, mereka tidak merasai gembira apabila sahaja mereka mendengar bagaimana perkara-perkara yang melanggarnya peraturan sepatutnya berlaku dan agak berleluasa.

Yang Dipertua, begitu juga Jawatankuasa Hisbah mestilah bersepadu antara memberi kefahaman ilmu kepada masyarakat dengan pelaksanaan tanggungjawab untuk menyelesaikan tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Hisbah. Yang saya mahu di sini iaitu masyarakat perlu diberi kefahaman tentang soal rasa ketanggungjawaban. Rasa ketanggungjawaban ini perlu disuburkan di kalangan rakyat, di kalangan kakitangan, di kalangan siapa sahaja yang diberikan amanah melalui program-program penyuburan kefahaman yang hanya disertai oleh Jawatankuasa Hisbah. Apabila sahaja Jawatankuasa Hisbah ini telah berjalan maka kita juga berharap kesungguhan semua pihak untuk bekerjasama untuk menjalankan sebarang apa yang perlu apabila sahaja kes-kes itu didedahkan oleh Jawatankuasa Hisbah.

Yang Dipertua, rindunya memperkatakan tentang mana bukti dan kenapa tidak didakwa atas tuduhan-tuduhan yang telah dilakukan oleh kepimpinan yang telah lalu. Sesungguhnya kita perlu kepada sifat berhati-hati *attaami*, jadi saya yakin Jawatankuasa Hisbah yang diketuai oleh Yang Berhormat Tun Dr. Haji Salleh Abas adalah merupakan orang yang cukup berwibawa, yang cukup teliti dan saya yakin ia mampu melaksanakan tugasannya dengan teliti. Kerana itu kita harapkan bahawa semua kes-kes yang telah berlaku atau yang akan berlaku dalam penyelewengan-penyelewengan yang berlaku kepada pentadbiran akan dapat diselesaikan dengan baik.

Yang Dipertua, itulah sahaja ucapan saya sebagai membahaskan tentang Ucapan Baginda Sultan Terengganu yang menyebut tentang bagaimana untuk memastikan keberkesanan dasar-dasar kerajaan. Jawatankuasa Hisbah telah ditubuhkan yang mana ia akan bergerak secara bebas, adil, telus dan tepat. Mudah-mudahan Allah berkati kepada kita semua. *Walbillahi taufik, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.*

**YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Kampung Raja. Seterusnya Dewan dibuka kepada perbahasan Ucapan Titah Di Raja. Tak ada orang nak berucap? Kalau tak ada kita masuk agenda lainlah. Ya, sila

9 Mei 2000

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, saya turut bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya di Dewan yang mulia ini diberi kesempatan untuk mengutarakan sedikit ucapan serta setinggi-tinggi penghargaan dan juga menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan yang telah baginda ke Dewan kita dua hari yang lepas.

Tuan Yang Dipertua, sebagai wakil daripada parti Barisan Nasional saya ingin mengutarakan setinggi-tinggi ucapan serta menjunjung kasih yang tidak terhingga dan sangat-sangat berbangga di atas Titah Ucapan yang telah disampaikan oleh baginda Al-Sultan. Kerana di sepanjang ucapan berkenaan telah dan kita dapati satu pengiktirafan yang besar yang telah disampaikan oleh baginda Tuanku Al-Sultan terhadap pencapaian serta apa yang telah diambil oleh kerajaan pada hari ini daripada kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Ini perlu kita ketahui kerana kerajaan yang ada pada hari ini, mengikut wakil kerajaan dan kita semua amat tahu, hanyalah baru berumur tempoh yang singkat tidak mampu untuk melaksanakan segala apa yang diperkatakan dalam Titah Ucapan yang berkenaan. Jadi, untuk saya sebagai wakil kerajaan Barisan Nasional yang lepas tentu sekali merasa bangga kerana sebelum daripada ini tidak ada pengiktirafan diberi terutamanya oleh pihak wakil kerajaan yang ada pada hari ini. Satu ketika dulu mereka berada di dalam barisan pembangkang dan ada yang mereka nyatakan mereka tetap membangkang apa saja program-program yang kita adakan.

Tuan Yang Dipertua, apa yang lebih membanggakan lagi kepada kita Alhamdulillah, kerana segala program yang diadakan termasuk program kecemerlangan pendidikan, program mengatasi kemiskinan, mengatasi pengangguran serta menubuhkan institusi-institusi kemahiran seperti TATI, TTITC, TESDEC, TSTC dan sebagainya. Ini adalah warisan serta wawasan yang jauh yang kita tubuhkan pada kerajaan yang lalu dan pada hari ini diiktiraf dengan begitu rupa peranannya. Dan kita berharap insya Allah, sebagaimana ucapan sahabat saya daripada Bandar tadi, untuk melihat negeri kita ini pada masa akan datang ditubuhkan kolej dan universiti dan sebagainya, saya sangat menyokong dan terima kasih di atas cadangan yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, cuma saya ingin memperjelaskan ucapan wakil ataupun sahabat kita daripada Jabatan yang mengucap tahniah kepada kerajaan menubuh dua jabatan yang baru, yakni API dan UBI. Sebenarnya Tuan Yang Dipertua, inipun kalau diperkatakan yang baru tidaklah boleh dikatakan begitu kerana Akademi Pembinaan Insan yang dikatakan API itu sebenarnya telahpun wujud sekian lama cuma nama saja ditukar, ibarat Kerajaan Kelantan menukar nama PCB – Pantai Cinta Berahi kepada Pantai Cahaya Bulan. Begitu juga dengan Unit Pembangunan Insan, sebenarnya telahpun wujud satu ketika dahulu.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Minta penjelasan, Yang Dipertua - Adakah sama antara API dan Pupuk Semangat, dan antara UBI dengan UPU dari sudut keseluruhannya.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Alhamdulillah, soalan ditanya. Maknanya saya sudah beritahu tadi cuma pertukaran berlaku. Perkara berkenaan telah ditubuhkan tentu sekali persamaannya tidak ada, dulu kerajaan UMNO sekarang kerajaan PAS. Jadi kalau kerajaan PAS mengikut apa yang UMNO buat, saya tak payah

9 Mei 2000

jawab di sini. Ketua Jabatan boleh jawab, pemerhati daripada kanak-kanak sekolah pun boleh jawab untuk soalan yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, .....

YANG BERHORMAT HAJI SATEFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta penjelasan. Tentang PCB - Pantai Cinta Berahi, adakah Yang Berhormat daripada Telemong bermaksud untuk pinda pantai tu supaya tak serupa dengan zaman UMNO dulu?

YANG BERHORMAT MULLA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, wakil sahabat kita ni nak suruh tukar negeri-negeri lain ... negeri kita pun tak dok kuasa nak tukar le ni.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya untuk meneruskan ucapan dan saya juga sangat terharu mendengar rakan saya daripada Bandar memberi beberapa saranan, strategi dan sebagainya untuk membangunkan Negeri Terengganu kita ini. Sebenarnya itulah ... contoh yang diberi dalam kerajaan Gerakan sebelum menyertai Barisan Nasional dan memajukan Pulau Pinang selepas menyertai Barisan Nasional, ini juga satu lambang bahawa kejayaan sebenarnya tidak boleh kita nafikan dalam pembangunan insan, pembangunan negara, pembangunan negeri dan sebagainya. Cuma saya berasa dok sedap di atas ucapan bukan saja sekarang, sahabat saya ni sejak daripada UMNO lagi pun pernah bercakap dan sentiasa bercakap; soal kalau nak maju sebuah negeri itu mesti ada keretapi. Saya sokong dan sekarang beliau mempunyai kuasa dan kita berharap .....

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, saya berharaplah nak pesan sedikit ... beri laluan sedikit. Dah perhimpunan dekat ni tolong beritahu dekat perhimpunan tu .....

YANG BERHORMAT MULLA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Insha Allah, .....

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar) ....., keretapi, deras-deras sedikit.

YANG BERHORMAT MULLA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Kita berharap ... kita berharap Wakil Bandar kita ni akan membina keretapi, LRT ataupun sistem apa jua berbentuk keretapi di Bandar Kuala Terengganu kita ini dalam tempoh pemerintahan ini. Kerana inilah kemajuan yang akan dibawa oleh Wakil Rakyat Bandar ke dalam Bandar Kuala Terengganu untuk barangkali memperkenalkan rakyat Terengganu supaya biar pandai beli tiket ataupun kalau boleh lebih baik tidak payah beli tiket. Kita buat keretapi rakyat Terengganu naik percuma untuk pergi ke Cabang Tiga atau ke Losong dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, Cuma saya nak nasihatkan kepada ... atau nak peringatkan kepada sahabat-sahabat saya ini janganlah kalau boleh ayah tiri godan ayah lara. Kerana ni satu perangai yang tidak baik, maknanya kalau kita menyertai parti yang lebih baik pada anggapan kita pada hari ini; jangan mempersenda dan memperburukkan apa yang telah .....

9 Mei 2000

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, saya dok godan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tak beri laluan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Dah hari ini mengenai ayah baru, jadi saya kena taat kepada ayah saya.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Biar saya menjelaskan dahulu, ayah memang kita kena taat .....

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Tuan Yang Dipertua, minta laluan. Sebenarnya yang kita berharap ialah perubahan kepada kebaikan. Kalau yang tak kena kita mesti tegur ... dan kita tegur bukan godan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Itu juga yang kita mengharapkan kerana selama ini kita membesar, kita menjadi manusia, kita bertenaga, kita hebat dan kita boleh dipilih menentang musuh kita adalah hasil daripada ayah lama yang memberi tenaga kepada kita. Jadi kita mesti menunjuk satu contoh teladan yang baik supaya ayah-ayah baru ini juga .....

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Tuan Yang Dipertua, minta lalu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tak beri laluan Tuan Yang Dipertua, untuk menghabiskan ucapan saya dengan masa yang ringkas ini. Kerana kita perlu ingat ayah baru ini pun bukan sebarangan ayah, dia melihat kemajuan kita, prestasi kita. Saya nampak sahabat saya ni bukan duduk dekat sana ... duduk jauh sebelah saya juga. Jadi ini menjadi teladan .....

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, nak buat macam .....

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): .... dan juga menjadi suatu pembelajaran yang baik supaya insya Allah, kita boleh menjadi tenaga yang berkesan walau di mana kita berada untuk membangunkan Negeri Terengganu kita yang kita cintai ini.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Minta maaf Wakil Bandar, minta izin dahulu sebelum bercakap. Jangan terus bercakap ... sebut Yang Dipertua terus bercakap tanpa izin. Silakan terus Wakil dari Telemong.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dia kena belajar sedikit Yang Dipertua. Ayah baru nak ajar ni .....

9 Mei 2000

YANG BERTHORMAT ENCK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Minta maaf Yang Dipertua, minta maaflah.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah bermaksud untuk mengheret perkara ini terlebih panjang.

Perkara yang kedua yang ingin saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini kerana ...

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Tuan Yang Dipertua, minta izin. Isu bersangkutan dengan ungkit jasa kemudian bagaimana menggunakan apa yang telah berlalu sebenarnya telah berlaku di zaman firau. Jadi itu saya ... peringat.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Tidak ada soalan Tuan Yang Dipertua, ini satu lagi kita kena beri pengajaran. Tapi janganlah andaikan kita ni sama dengan firau.

Tuan Yang Dipertua, kalau boleh saya jelaskan di sini semasa kita memerintah dahulu kerajaan PAS sering melebelkan kerajaan berkenaan dan dasarnya tidak betul, thagut, firau, tidak selaras dengan Islam dan sebagainya. Jadi Tuan Yang Dipertua, pada hari ini saya ingin membawa penjelasan dan ingin membawa tuan-tuan dan puan-puan di Dewan yang mulia ini, pada hari ini setelah 6 bulan memerintah kerajaan yang memperlihatkan dan memperkatakan isu berkenaan hari ini menduduki kerusi yang sama, menjalankan polisi yang sama. Dan tidak ada banyak perubahan yang dibuat. Jadi inilah yang diperkatakan oleh sahabat saya Wakil Ajil sebentar tadi. Walaupun kami di barisan pembangkang insya Allah, kami tidak akan menjadi pembangkang sebagaimana pembangkang yang lepas-lepas, tetap pembangkang apa jua perkara. Kami akan menjadi pembangkang yang sihat kerana kita orang Islam dan kita diberi kepercayaan oleh rakyat untuk menjalankan pemerintahan; dan kita sebagai pembangkang untuk mengur apa yang berlaku supaya kawan-kawan kita dan sahabat-sahabat kita yang berada di hadapan ini boleh melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan sebagaimana tanggungjawab yang kita semua inginkan.

Jadi Tuan Yang Dipertua, insya Allah perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan oleh kerana dalam soalan lisan dan juga soalan bertulis yang saya nyatakan di dalam notis yang saya berikan kepada Dewan ini telah ditolak. Tapi saya ingin memperjelaskan kepada Dewan yang mulia ini oleh kerana terlalu banyak malah telah diheboh-hebohkan di luar Dewan ini sama ada di dalam penjelasan pihak kerajaan di dalam pertemuan ramai ataupun di dalam peritumpaan-perjumpaan, malah di peringkat bawahan rakyat sering membangkitkan isu-isu yang mengatakkan kerajaan pada hari ini mengambil atau menanggung hutang yang besar daripada kerajaan yang lalu. Jadi, Tuan Yang Dipertua, saya telah menanya soalan ini telah dijawab dengan begitu ringkas, apakah maksud ... hutang yang dibelanjakan serta sumber-sumber hutang berkenaan. Tuan Yang Dipertua, biarlah kita jujur dan ikhlas dalam perkara ini. Oleh kerana saya menerima akur serta mengakui sebagaimana jawapan wakil kerajaan ... sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita mengambill alih sesebuah kerajaan ataupun ... kalau diberi contoh pada dua hari yang lepas ataupun semalam, kita bernikah dengan seorang janda kita kena ambil apa dia masalah dia, apa tanggungan, apa aset yang ada dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang Dipertua, kita kena nyatakan kepada rakyat apakah bentuk daripada jumlah RM731,334,342.85 itu yang sebenarnya kita ambil daripada kerajaan yang lepas? Janganlah kita

9 Mei 2000

hanya bercakap untuk mendapat kepentingan ataupun untuk mendapat dengan izin *milage* daripada keadaan ini dari segi politiknya. Jadi, Tuan Yang Dipertua, saya sangat tahu bahawa perbelanjaan ini dibelanja untuk pembangunan rakyat. Pembangunan infrastruktur rakyat, membina rumah kos murah, kos rendah, pembinaan tapak-tapak perkilangan, membina perparitan dan sebagainya. Jadi Tuan Yang Dipertua, telah dibelanjakan dengan baik dan juga yang paling besar yang kita belanjakan ... dan yang mendapat faedah kepada rakyat pada hari ini adalah dari segi pembangunan infrastruktur bekalan air.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, adakah salah ... ini mesti dinyatakan kepada rakyat. Jangan kita besar-besarkan kerana kita kena ingat masa kita akan tiba suatu ketika nanti, mungkin kalau tidak berubah kerajaan pun kita akan berada dalam kerajaan yang lain dalam parti yang sama; Menteri Besar yang lain mungkin Menteri Besar yang baru akan mempunyai fesyen yang lain dia akan mengungkit balik kerajaan yang lepas ataupun perbuatan kita yang lepas. Jadi insya Allah, saya minta biarlah pemimpin-pemimpin kerajaan jelas dalam perkara ini, jangan hanya ambil perkara yang baik perkara yang buruk kita hebohkan supaya rakyat membenci. Inilah tujuan sebenarnya untuk mengikis serta menghapuskan kepercayaan rakyat kepada kerajaan yang lepas. Sebenarnya Tuan Yang Dipertua, kepercayaan ini ... keyakinan rakyat tidak boleh dikikis sama sekali tidak boleh dihindarkan daripada rakyat Negeri Terengganu. Kerana pada hari ini rakyat Negeri Terengganu sangat sedar mereka terpedaya dengan kata-kata dan juga permintaan daripada rakan-rakan kita daripada kerajaan hari ini 'cuba sekali', 'try sekali' maka mereka cuba. Dan Alhamdulillah, pada hari ini telah ramai rakyat yang sedar malah pegawai-pegawai kerajaan pun sedar, bahawa sebenarnya mereka selama ini dipedaya dengan begitu rupa.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga .....

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Tuan Yang Dipertua, minta laluan. Minta perangkaan berapa ramai pegawai-pegawai yang sedar, yang dikatakan ramai sedangkan kita lihat tidak begitu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Wakil Kampung Raja ni dia minta perangkaan dengan saya. Saya insya Allah, akan beri pada Dewan akan datangnya kalau ada. Tapi ramailah .... kalau boleh kita katakan hampir 90 peratus.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga .....

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Saya minta perhatian supaya Yang Berhormat Wakil Telemong jangan membuat tuduhan kepada pegawai-pegawai yang tak boleh menjawab.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Jangan tidak membuat tuduhan sama sekali Tuan Yang Dipertua. Wakil sahabat saya daripada Batu Rakit, masanya dia boleh jawab besok. Kita tidak membuat tuduhan, kita memberitahu ... kita memaklumkan kepada Dewan ini. Insya Allah, Wakil daripada Batu Rakit boleh memperbetulkan ... masa kita banyak lagi, pilihan raya akan datang mungkin 4 tahun daripada teguran saya ni boleh saudara memperbetulkan supaya perkara ini tidak berlaku.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga apa yang diperkatakan oleh saudara saya daripada Bandar sebentar tadi ... saya ingat duduk bawa surat khabar banyak benda dia nak beritahu, hanya untuk

9 Mei 2000

menvangkal 'masuk cuci kaki'. Jadi Tuan Yang Dipertua, rakyat semua tahu perkara ini ... kita pun tidaklah boleh bernegah sangat perkara ini tetapi inilah yang sebenarnya yang kita buat, apa yang kita bangun, apa yang kita milik sebelum daripada rakyat menyerahkan kuasa ini kepada kerajaan yang sedia ada. Kita kena akui perkara ini. Tidaklah mentang-mentanglah kita bermusuh dengan sesuatu pihak apa yang dinyatakan oleh kenyataan media massa yang begitu rupa kita terus mengatakan ini suatu fitnah dan sebagainya

Jadi Tuan Yang Dipertua, saya juga memohon kepada Dewan untuk menyatakan kalaulah kita berasa kita sedar kita mengambil hutang yang begitu besar, tolong nyatakan kepada kita apakah 'ase' sebenarnya yang diambil daripada janda kaya ini ataupun daripada Negeri Terengganu Darul Iman ini, tidak pula dijawab kepada saya. Jadi, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian, kita sebagai rakyat Terengganu insya Allah menilai semua ini.

Saya juga ingin menyatakan di dalam Dewan ini, saya merasa amat dukacita dengan peringkat awal kita tidak boleh menilai kerajaan pada hari ini sebagaimana yang kita berucap di dalam ucapan yang lepas, untuk menilai kekuatan, kebaikan dan sebagainya dalam tempoh yang singkat. Tetapi saya ingin menilai pada hari ini dalam tempoh 6 bulan ataupun sejak pemerintahan setakat ini, dengan penuh rasa kesal di atas ucapan pemimpin utama kerajaan pada hari ini yang begitu rupa, begitu boros memberi ucapan dalam satu pertemuan ramai yang diadakan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah. Memang Tuan Yang Dipertua, kita ini manusia biasa, kita pandai bercakap, kita mempunyai pidato yang baik apa lagi dalam satu perjumpaan yang besar. Apabila kita mendapat sambutan yang kuat kita telah sedikit sebanyak lupa akan kebenaran dan kita bercakap begitu boros. Yang saya sangat kesal di atas ucapan kerajaan sekarang ini 'menvimpan berlori-lori fail penyelewengan kerajaan yang lalu'. Dan saya telah memohon kepada Dewan untuk menyatakan dengan secara bertulis ... tidaklah begitu payah saya rasa untuk beritahu kalau dah mengeluarkan kenyataan .....

**YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Yang Dipertua, minta penjelasan. Ada Tuan Guru tu sebut dok, lori tu lori besar ke lori kecil?

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Ini satu lagi tuan-tuan, Tuan Yang Dipertua, suatu permainan daripada ahli kita ni, rakan kita ni seolah-olah ingin membawa perkara yang sebegitu remeh. Yang saya perbincangkan di sini soal maruah, soal Menteri Besar saya bukan Menteri Besar saudara saja. Kalau nak bercakap jangan boros, bukan soal lori kecil, lori besar ... berlori-lori. Lori kita tahu semua, tayar eram, tayar sepuluh .....

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri):** Tuan Yang Dipertua, minta lala.

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Saya tak beri laluan Yang Dipertua, saya ingin meneruskan ucapan saya dengan ingin memohon satu saja, sama ada pembetulan ataupun sebagainya, saya ingin memohon berapa lori penyelewengan itu. Lori tu kecil besar, sebagaimana saudara kita tanya tadi ... jadi insya Allah, kita boleh betulkan. Kita jangan menimbulkan aib orang lain kerana suatu hari nanti aib juga akan datang kepada kita.

9 Mei 2000

Tuan Yang Dipertua, begitu juga dengan isu segera. Saya bukanlah terasa dukacita teramat sangat tetapi saya juga turut merasa gembira tetapi dalam gembira kita merasa suatu pertanyaan mengenai pembatalan segera tol di Jambatan Sultan Mahmud. Oleh kerana terlalu ghairah atas tol yang hanya bernilai 50 sen, kemudian untuk menunjukkan bahawa perubahan segera dibuat ... kita pun malam ini memerintah kita terus membatalkan kutipan tol ini. Alhamdulillah, semua rakyat ataupun tidak rakyat Terengganu yang banyak pakai laluan ini berasa terima kasih terutamanya orang kaya-kaya, orang senang-senang daripada negeri jiran kita yang banyak melalui jalan ini. Sebenarnya Tuan Yang Dipertua, di atas keghairahan itu yang disambut oleh setiap lapisan masyarakat daripada Kemaman sampai ke Besut, sekarang ini telah sedar. Sebenarnya atas laungan 'keadilan' dan sebagainya ... sebenarnya mereka tak pernah pun ... ada rakyat daripada Besut, ada rakyat daripada Hulu Terengganu malah daripada Kemaman, Dungun dan sebagainya tidak pernah melalui jambatan inipun. Malah yang beria-ia cakap di kampung 'tengok kami buat itu dan ini ... dan sebagai, jambatan telah dihapuskan tol sebagainya' tak dok basikalpun, tidak ada motosikalpun, tidak ada keretapun untuk melalui jambatan ini. Jadi Tuan Yang Dipertua, saya tidak bermaksud untuk memanjangkan soal ini.

Soalnya Tuan Yang Dipertua, semasa pembinaan jambatan ini semasa itu kerajaan Barisan Nasional. Tetapi di barisan pembangkang kerajaan PAS. Saya masih ingat bukan saja di dalam Dewan tetapi juga di luar Dewan dengan media-media propaganda PAS merencanakan kepada rakyat bahawa pembaziran besar telah berlaku oleh Kerajaan Negeri Terengganu membina jambatan ini dengan wang rakyat berpuluh-puluh juta ... dan membazirkan dan sebagainya. Tapi Tuan Yang Dipertua, Tuhan Maha Besar, Maha Kaya perkara ini berlaku ... pada ketika pembinaan dan selepas siap pembinaan kita memerlukan pulangan balik serta perbelanjaan untuk mengurus, membaiki semula dan sebagainya, kita mengutip tol ini. Saya tidak menyatakan ini suatu penganiayaan kepada rakyat ataupun ketidakadilan kepada rakyat. Kerana tadi telah dijawab soalan daripada rakan kita oleh wakil kerajaan dan mengesahkan bahawa perundingan telah dibuat bagi pembinaan lebuh raya. Dan dalam pemerintahan yang pendek mereka sendiri amat sedar untuk membina sesebuah rangkaian, satu pembinaan yang begitu tinggi kosnya memerlukan pulangan balik dan juga pengorbanan daripada penggunaanya. Jadi Tuan Yang Dipertua, ini telahpun berlaku tetapi ....

**YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat):** Penjelasan. Apa hubungannya antara tol di Jambatan Sultan Mahmud dengan projek Lebuh Raya Pantai Timur ... apa hubungannya? Yang tol di sini di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, yang sana projek Kerajaan Pusat yang meletakkan sebagai syarat ... nak buat lebuh raya mesti Kerajaan Negeri terima syarat, dikenakan tol. Apa hubungannya?

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Terima kasih Tuan Yang Dipertua, hubungan yang jelas pengakuan dan pemahaman yang benar daripada wakil kerajaan bahawa untuk membina ni kena bayar tol, kena kutip balik sebab kita bina ni atas dasar kos yang besar.

Saya ingin meneruskan ucapan ini di atas itulah, saya percaya dalam pemansuhan awal ... terburu-buru ke atas tol ini sebenarnya pulangan ataupun kos sebenar untuk membina jambatan ini belum kita dapat ataupun belum kita perolehi. Apa yang kita tanggung pada hari ini ialah untuk membuat ataupun melakukan kerja-kerja penyelenggaraan dan yang paling anih ... kalau kita buang tol kita kena buang pondok tol ataupun lebih bahaya kepada laluan itu adalah laluan yang sempit yang berada di tengah-tengah jambatan ini. Adakah pihak kerajaan sedar bahawa keadaan ini sangat

9 Mei 2000

merbahaya kepada lalulintas dan juga kenderaan yang melalui jambatan ini kerana suasana keadaan yang begitu rupa akan menimbulkan kemalangan dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja):  
Penjelasan, Tuan Yang Dipertua. Berapa kemalangan yang telah berlaku di pondok tol sehingga dituduh bahawa ia merbahaya?

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Tuan Yang Dipertua, saya tidak menohmah. Ini saya memberitahu supaya diambil tindakan untuk mengetahui pelanggaran ataupun kemalangan kita mitalah Hxco yang berkenaan memberi jawapan. Tetapi saya ingin ....

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Penjelasan, Tuan Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
..... menyelamatkan rakyat daripada ... ataupun berlaku kemalangan pada masa akan datang.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Penjelasan .....

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Tuan Yang Dipertua, nampaknya orang-orang kerajaan tidak boleh tegur, tidak boleh diberi pandangan. Jadi saya berharap pandangan saya ini ikhlas kerana saya mewakili rakyat kerana rakyat .....

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Tuan Yang Dipertua, saya minta Yang Berhormat Telemong tarik baliklah, dia kata pihak kerajaan tidak boleh ditegur. Itu satu perkara yang tidak patut berlaku dalam Dewan ini.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Saya tak perlu menarik balik Wakil Permaisuri. Saya rasa kita memberi teguran ikhlas mewakili rakyat supaya laluan ini ... kalaulah kita dah habis tol tak payah tol, kita buka perkara-perkara yang bahaya ataupun akan berlaku kemalangan ataupun kemudaratan kepada rakyat untuk melalui jambatan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga dalam tempoh ...

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Telemong, teguran dan nasihat kepada kerajaan adalah satu tanggungjawab Yang Berhormat, tetapi membuat seseorang itu boleh atau tidak boleh itu adalah satu andaian yang tidak sepatutnya dibuat. Oleh kerana itu, sila teruskan ucapan dan satu peringatan kepada Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, saya juga mewakili rakyat Negeri Terengganu keseluruhannya yang dikatakan di dalam Titah Ucapan baginda Tuanku Al-Sultan menghampiri satu juta pada hari ini. Saya mewakili sebahagian besarnya akan merasa

9 Mei 2000

sangat dukacita juga di atas kerajaan pada hari ini yang pada awal-awalnya barangkali tidak memikirkan perasaan dan juga citarasa rakyat negeri ini yang mana telah melantik Ahli Dewan Negara mewakili rakyat Negeri Terengganu daripada luar Negeri Terengganu. Jadi ini juga telah dilakukan dengan sewenang-wenangnyanya ataupun dengan jelasnya oleh kerajaan yang lepas. Jadi saya meminta, juga mewakili bukan saja daripada parti saya, rakyat ramai, atas pagar, dalam pagar dan sebagainya juga daripada parti PAS sendiri mengatakan ramai lagi kawan-kawan saya daripada parti yang belum diberi pengiktirafan ataupun jawatan seumpama ini.

Tuan Yang Dipertua, saya merasakan dalam kita mentadbir ataupun menyusun program-program untuk membangunkan rakyat, untuk membangunkan negeri yang kita cintai ini; saya sangat merasa bersama-sama dengan kerajaan ataupun wakil-wakil kerajaan yang pada hari ini. Kerana bukan suatu perkara yang sangat senang untuk mendidik rakyat ataupun untuk membawa keadaan sekaligus setelah negeri kita yang ... kita ketahui ramai pada suatu ketika dulu dengan paras kemiskinannya tinggi, dengan keadaan yang terlalu daif; apabila kita bangunkan dalam tempoh 20 tahun yang lepas dengan pertemuan atau dianugerahkan oleh Allah s.w.t. dengan sumber daripada hasil bumi negeri kita yang kita cintai ini dan Alhamdulillah kita boleh mengorak langkah dan kita boleh membawa sama ada pembangunan di segi pembangunan insan, pembangunan fizikal dan semua sekali. Dan Alhamdulillah, sebagaimana yang saya kata awal tadi, kita telah menjalankan amanah ini dengan baik dan pada hari ini kita berharap segalanya ini akan dapat kita teruskan ataupun diteruskan oleh kerajaan yang ada pada hari ini dengan yang lebih baik dan terbaik. Jadi tak gunalah kita untuk lihat ke belakang, cuma kita perbaiki yang kebelakang ni kita perbetul dan saya sangat setuju rakan saya daripada Kuala Besut, cadangan atau ucapan yang disampaikan semalam; kita semua bertanggungjawab di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama dalam usaha ini.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, cuma kita ingin bersama-sama mengongsi ataupun memberi penilaian awal ke atas usaha baik, niat baik tetapi pelaksanaannya agak kurang baik. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi dan dinyatakan di Dewan ini dengan anggapan, dengan niat, dengan harapan penubuhan Jawatankuasa Syura Rakyat di peringkat yang paling asas atau paling bawah dalam pentadbiran negeri kita ini, di peringkat kampung akan menjadi pemangkin kepada usaha-usaha untuk menyatupadukan rakyat serta usaha-usaha untuk meningkatkan kefahaman serta taraf hidup rakyat di seluruh kampung-kampung dalam negeri kita ini.

Saya merasa agak was-was ataupun agak sangsi dengan cara pelaksanaan ataupun pelantikan yang dikatakan oleh wakil kerajaan sebentar tadi, dengan jawapan kita telah melantik di seluruh negeri. Kepada peringkat yang pertama yakni 9 orang yang pertama dan di Kemaman telahpun dilantik untuk 6 orang yang kedua dan daerah-daerah lain menunggu untuk pelantikan yang berkenaan. Saya tidak mahu pergi jauh kerana penilaian kita tidak boleh buat pada hari ini, kerana lantikan ataupun tugas-tugas yang diberi kepada Jawatankuasa ini belum lagi dimulakan dan sebagainya. Tetapi yang boleh kita persoalkan adalah soal ataupun niat, ataupun cara pelantikan kepada Jawatankuasa ini. Saya tidak mahu pergi contoh yang lebih jauh, saya pergi contoh dalam kawasan saya sendiri yang mana telah berlaku suasana yang kelam kabut, suasana yang agak mempunyai ... terpesong ataupun lari daripada niat yang baik sebentar tadi. Yang boleh saya nyatakan lebih jelas, pelantikan dibuat hanyalah mengikut cadangan-cadangan daripada penyokong-penyokong parti di peringkat bawah dengan mengedarkan nama, dipersetujui di peringkat DUN dan diangkat dan dipersetujui di peringkat negeri. Kita akur inilah proses biasa.

9 Mei 2000

Tetapi apa yang berlaku di dalam pelantikan ini ... sebagaimana dua rakan saya daripada Kemasik dan Aji menyebut sebentar tadi berlaku ketidaktelitian. Saya juga mencelah, dalam kawasan saya ada berlaku orang yang dihormati sepatutnya dilantik tetapi mereka ini sebenarnya bukan dihormati tetapi rakyat menilai ... dan melakukan perkara yang sumbang pada hari ini. Kemudian yang lebih ... kita merasakan agak dukacita ada yang suami isteri dilantik. Tak apa suami isteri dilantik barangkali tetapi adakah ia boleh menjadi ... suasana pelantikan ini boleh menjadikan penghormatan ataupun pengiktirafan kepada rakyat ramai, masyarakat ramai di dalam kampung berkenaan. Apa yang lebih dahsyat lagi dalam kawasan saya juga orang yang dilantik sebagai ... pada dahulunya Timbalan Pengerusi oleh kerana nak ambil hati orang UMNO untuk mengekalkan ... mohon dikekalkan Pengerusi sebagai Ketua Kampung yang lama dikekalkan. Tetapi orang UMNO dia tahu, siapa yang nak perdayakan dia. Jadi mereka menolak dan Timbalan Pengerusi ini dikatakan telah dilantik menjadi Pengerusi ... sebenarnya dia banyak tidak tinggal di kampung berkenaan; isterinya dan keluarganya yang kedua berada di luar kampung berkenaan ... daerah luar berkenaan. Dan yang lebih sedih lagi untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan, ini tidak boleh nafikan oleh kerana berada dekat dengan saya; rumah beliau hanyalah berada di sisi masjid kampung berkenaan. Semenjak ....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, panjang lagi ke tu?

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Pendek Yang Dipertua.

Semenjak berpuluh tahun dan sampai hari inipun tak pernah menjejakkan kaki untuk bersambahyang, kalau nak kata tak sembahyang jemaah-pun lima waktu tak apa sebab ramai lagi orang yang tak dapat kita tarik ke masjid untuk lima waktu tu. Tetapi Tuan Yang Dipertua, sembahyang Jumaat yang boleh kita buat lantai ... jambatan ke rumah berkenaan ke masjid pun, kita tengah berkhutbah beliau tidak hadir untuk bersama-sama berjemaah dalam masjid; barangkali dia berjemaah di rumah dia di sebelah masjid. Jadi ini satu contoh, yang saya berikan ini suatu kenyataan yang benar dan nyata. Jangalah kita mengingot ....

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Yang Dipertua, mungkin laluan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Sila

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat, saya rasa kalau perbincangan berhubung dengan JSR kalau dibandingkan dengan kedudukan ataupun realiti di dalam JKKK; saya tidak mengatakan bahawa JSR ini ... menafikan secara terus tetapi saya rasakan pelantikan melalui Jawatankuasa Syura Rakyat, maka pemilihan ini adalah pemilihan daripada suara ramai di dalam kampung-kampung. Kalau nak kira soal penvelewengan, soal ....

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, soalan ....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Minta kepada Wakil Kuala Besut supaya spesifikkan soalan.

9 Mei 2000

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):  
Sekarang ini kalaulah perbincangan secara ikhlas, secara jujur ... saya minta supaya dibuat perbandingan ... JKKK yang dahulunya saya rasa kalau nak cari yang teruk lebih teruk lagi. Ada macam-macam perangai, macam-macam perkara penyelewengan dan sebagainya. Jadi ... sekian terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Tuan Yang Dipertua, kena tambah masa saya sedikit tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Banyak dah masa diberi tu. Sila –

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Hanya bukan soalan yang diberi, cuma penjelasan yang diminta. Saya tidak membandingkan cuma saya memberitahu secara ikhlas, niat yang baik telah dilakukan dalam pelaksanaannya kurang berkesan. Kita nak suruh dia lebih baik lagi, kita tegur atau kita beri pandangan. Saya akui dalam tempoh yang lampau tentu sekali, kita ramai ... macam saya kata tadi bukan senang untuk mentadbir negeri dengan begini rupa, kita akui kelemahan di mana-mana. Saya menyata di sini bahawa jangan kita merasa megah, jangan kita merasa terlalu angkuh, jangan kita merasa yang kita saja yang betul ... orang kita saja betul. Kerana pada saya .....

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Minta  
laluan .....

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
..... ini betul-betul berlaku yang saya nyatakan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Minta kepada Wakil Kampung Raja, sila duduk.  
Saya nak beri notis kepada Wakil Telemong masa untuk beliau dua minta saja lagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Tuan Yang Dipertua, banyak lagi saya nak bercakap tetapi oleh kerana barangkali sahabat-sahabat kita rasa panas, apa lagi dibuat Dewan ini pula ... kita berasa agak dukacita kerana kita juga mempunyai urusan parti yang sangat mustahak dalam waktu yang sama.

Jadi peluang akhir pada Dewan kali ini, pada saya untuk sama-sama melakukan ataupun menjunjung kasih di atas Titah Ucapan baginda Tuanku Al-Sultan pada dua hari yang lepas; ingin sekali lagi menegaskan bahawa insya Allah, kami di barisan pembangkang tidak akan berdiam diri dan tidak akan merasa takut dan gentar dengan apa jua sekalipun untuk memberi teguran, untuk memberi peringatan kepada sahabat-sahabat kita yang merasa seolah-olah mereka saja betul dan seolah-olah turun ke bawah ke rakyat, kepada pegawai kerajaan dengan arahan-arahan yang kita dapat dan kita kenal pasti yang lebih dahsyat ataupun yang lebih teruk daripada kita memerintah dahulu.

Tuan Yang Dipertua, kita ingin lihat cabaran yang ada pada hari ini biarlah kita mempunyai kerajaan yang berwawasan untuk melihat bagaimana cara untuk mengatasi kemiskinan, untuk tingkatkan perpaduan, untuk hapuskan gejala sosial seperti dadah, kecurian yang lebih dahsyat kita tengok dalam kawasan sahabat kita sampai masuk seluruh negara ... pergi ke hospital tengok,

9 Mei 2000

orang-orang kawasan saya pun nak tengok juga ... ni hak cari kabel ... ni dok kenal aku, masuk TV sokirokani'. Jadi, sampai kabel yang begitu bahaya pun nak dicuri oleh rakyat Negeri Terengganu dalam keadaan hari ini. Begitu juga kita harap gejala yang tidak baik yang lain akan dapat kita selesaikan dengan satu cara kita mempunyai satu pemufakatan dan satu dasar yang jelas untuk mentadbir, untuk memberitahu kepada rakyat ... yang ini boleh yang ini tak boleh; janganlah di atas kata tak boleh cakap di bawah ... rakyat di bawah lebih sudu daripada kita! ataupun lauk dan sebagainya.

Jadi Yang Dipertua ini sangat mustahak, kita sebagai kerajaan mentadbir sebuah negeri yang besar, tanggungjawab yang besar kita perlu jelas dengan cara-cara kita mentadbir, dengan pekelingnya yang jelas, tugas-tugasan yang jelas dan sebagainya. Tuan Yang Dipertua, saya akur dengan arahan serta permohonan daripada Dewan ini untuk memberhentikan ucapan tetapi insya Allah, saya memohon pada masa akan datang, kalau boleh Yang Dipertua untuk mengadakan persidangan Dewan jangan bertembung dengan urusan yang mustahak di belah kami. Dahlah kita tengok isi ataupun perkara yang hendak dibincangkan tidak banyak yang mustahak ... dipanjangkan sampai 5 hari, 4 hari buat masa pagi saja. Saya nampak perkara ini boleh dibincangkan pada hari semalam sampai petang habis. Jadi ingatan ini semoga akan mendapat perhatian dan juga akan mendapat pertimbangan kita semua pada masa akan datang.

Terima kasih Yang Dipertua, walbillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Dan saya terus perbahasan Titah Ucapan ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sila ...

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Pakar): Bismillahahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan juga seluruh hadirin dan hadirat yang hadir sebagai pemerhatian sekalian

Pertamanya Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dapat sama-sama pada pagi yang mulia ini untuk sama-sama bersyukur kepada Allah s.w.t. di atas perjalanan dan pemerintahan kita ke hari ini. Dan saya juga turut sama untuk meratukkan ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan dalam menyampaikan ucapan baginda baru-baru ini yang mengucap syukur kepada Allah s.w.t. dan menggambarkan kegembiraan baginda kerana permulaan alaf tahun baru ini khususnya di Negeri Terengganu Darul Iman disambut dengan keadaan suasana aman dan makmur. Dan harapan baginda supaya keadaan sejahteraan dan suasana harmoni ini dapat dikekalkan. Dan inilah realiti yang berlaku walaupun kita sendiri bimbang perngkat awal permulaan pemerintahan Barisan Alternatif yang sebelum berlakunya pilihan raya digembar-gemburkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dahulu, jika sekiranya memberi pemerintahan kepada PAS khususnya akan menimbulkan suasana huru-hara dan tidak aman. Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. walaupun dalam tempoh yang singkat ianya memberi gambaran betapa padangan dan pendapat pemimpin-pemimpin UMNO itu sebenarnya tidak benar.

Hari ini Alhamdulillah, kita melihat suasana yang cukup baik, aman dan sejahtera. Dan kerana itulah kita mengharapkan semua pihak dapat memberi kerjasama yang baik untuk tidak menimbulkan suasana yang tidak aman ataupun menimbulkan gangguan dan sebagainya. Saya

9 Mei 2000

juga turut merasa kecewa, kemungkinan atas nama kekecewaan ahli-ahli UMNO khususnya yang lalu dan mereka yang pernah memikul ataupun diberi amanah sebagai memegang jawatan JKKK dan sebagainya. Tetapi setelah pemerintahan PAS beberapa bulan kemudian mereka melakukan satu suasana dan keadaan yang tidak baik. Dan kita mengharapkan ia tidak berlaku di masa akan datang. Contohnya yang berlaku di kawasan saya sendiri, bagaimana mereka telah melakukan satu tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan. Atas nama mereka yang sudah dipimpin yang cukup lama, dilatih dan dididik; dan ditarbiah oleh pemimpin-pemimpin kerajaan yang lalu tetapi malangnya mereka melakukan sesuatu suasana dan keadaan yang menggambarkan ataupun cuba menimbulkan suasana yang tidak aman. Mereka telah menyelongkar balai raya-balai raya dan mengambil semua barang-barang yang ada di dalamnya yang dianggap itu sebagai hak milik mereka supaya tidak diwarisi kepada kepimpinan JSR yang terkemudian. Ada sampai satu tempat tu licin ... Yang Berhormat Yang Dipertua, tak dok benda ... disapu habis. Tikar getah hak lama pun dikebas juga, sink buruk pun dia usung juga.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):  
Penjelasan Tuan Yang Dipertua, saya nak tanya Wakil Paka samakah JSR dengan JKKK tu? JKKK sama tahu J samalah ... KKK tu lain, SR tu lain. Bermakna milik tu berlainan.

9 Mei 2000

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok sama, dia sebut dah JKKK ... JSR, dok samalah. J saja sama SR dengan KKK dok sama. Budak sekolah atas pun tahu benda tu. Yang Berhormat Yang Dipertua ....

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): SR tu susah ke rakyat, barangkali.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Guana hal tu, sekali lagi dok berapa dengar.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Senangkan rakyat, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Seksa ke rakyat, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dulu kita buang JKKK sebab dia orang katalah Jin Kucan Kampung, jadi kita harap JSR ni insya Allahlah, selamatlah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya menyebut bagaimana dia ada hakmilik yang memang telah diagihkan bagi kegunaan balai raya-balai raya ... kerusi, meja dan sebagainya. Ada satu tempat tu saya melawat meja mesyuarat pun usung, tinggal kepala saja. Itu pun sakot pintu dia tidak boleh nak buat terbit. Ada satu balai raya tu pokok pelam hak dia tanam tu, dia tebang lagi.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan, Tuan Yang Dipertua. Kita Dewan ni bukan tempat kita menganjing. Saya nak tanya Wakil Paka, apa sebab jadi begitu? Barangkali oleh kerana penyokong saudara terlalu ghairah untuk merampas balai raya, duduk rampas kunci dan sebagainya. Acu nyatakan kepada orang ramai.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, sebab itu saya sebut supaya suasana ni tidak ditimbulkan agar hasrat baginda Al-Sultan untuk melihat suasana aman dan sebagainya berlaku tetapi keadaan itu ditimbulkan. Sebab itu saya kata ....

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya tidak jelas yang menimbulkan, siapa? Yang menimbulkan Wakil Paka dalam ucapannya. Saya menimbulkan tadi atas soal pelantikan saja.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang menimbulkan bekas UMNOlah ni saya nak royat ni ... supaya apa hak ada barang-barang tu diguna pakai. Hak kerajaan jangan dianggap sebagai hak UMNO. Kerana itulah kita melihat mana ada hak barang-barang ... dak apalah hak UMNO buat dulu dia ambillah tapi hak kerajaan tu tinggallah. Sampai tak dok kerusi sebutir habuk ni apa hal ... nak mesyuarat pakai sila ke guana. Sebab itulah dalam hal ni, maknanya dia ada dah bahagian-bahagian dia sepatutnya yang dia tinggal, ni sampai sink pun kebas juga. Jadi orang nak mesyuarat kemudian tak dok tempat nak basuh tangan. Sebab itu saya teringat macam cerita P. Ramlee dulu, Ali Baba dan Kassim Baba ...

9 Mei 2000

habisnya sapu. Hak tu dia kata api nasib baik mu lampu panas, kalau tidak mu pun aku kebas. Sebab tu kita harap benda ni tidak berlaku di masa-masa akan datang, insya Allah. Tapi kita menaruh kepercayaan dan keyakinan dengan suasana pemerintahan dan pentadbiran, walaupun dia berlaku di kampung saya sendiri saya tidak mengambil satu tindakan yang tegas supaya tidak menimbulkan satu suasana yang demikian. Sebab kita rasa biarlah dia lepas hawa dulu, Alhamdulillah dua tiga bulan ni dia nampak reda sedikit.

Jadi kita mengharapkan bahawa perkembangan yang baik walaupun dahulunya orang beranggapan PAS yang dipimpin oleh ulamak, orang pakai serban, pakai kupiah tidak pandai memerintah; tapi Alhamdulillah perkembangan yang baik setelah beberapa bulan kita memerintah Allah s.w.t. meningkatkan hasil petroleum sebagaimana yang disebut dalam ucapan Tuan Al-Sultan ini. Secara tidak langsung ianya dapat menampung keperluan dan juga hasrat kita dalam memimpin dan membawa pemerintahan Negeri Terengganu ke arah lebih baik di masa akan datang. Jadi kita merasakan paling kurang ia menampung bagaimana penghapusan tol Jambatan Sultan Mahmud, dan kerana itulah kita mengharapkan hasil ini dapat menampung itu dan yang lebih penting ianya dapat memberi ruang yang lebih selesa kepada rakyat, kemungkinan termasuk juga kepada Yang Berhormat Telemong lalu kawasan tu ... tak payah bayar tollah tetapi kalau dia berasa nak bayar tol, tak dok masalah. Sabab tulah dalam hal ini kita mengharapkan bahawa paling kurang sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Ajil, dia kerek baca hadis:

Saya menghargailah ... kadang-kadang saya duduk perhati ucapan beliau sekali-kali tengok macam pengikut Anwar Ibrahim ... kadang-kadang tengok macam orang PAS, kerek sangat baca ayat Quran. Saya syor ... mari balik alik nilah, insya Allah.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Penjelasan, Yang Dipertua. Orang PAS saja boleh baca Quran? Orang Islam boleh baca Quran belaka ... hadis belaka. Jangan menganggap al-Quran dan hadis tu hak PAS. Terima kasih, Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Terima kasih, Yang Dipertua. Semua boleh baca belaka ayat Quran, nak ikut tak boh ikut. Abu Jahal pun fasih ayat Quran, dia bahasa Arab tapi dia tak boh ikut nak buat macam mana. Kita anjurkan supaya ....

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Yang paling tak ikut Yang Dipertua, Wakil Paka ... duduk cakap baham rambang macam cakap kedai kopi.

**YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Dok baham rambang doh ni.

**YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA:** Duduk ... teruskan Wakil Paka.

**YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Yang Berhormat Yang Dipertua, sebab kita perlu menyorot hadis ni ... ada perkara yang perlu kita sorot kepada sejarah dan sunnah serta sirah yang lalu. Nabi Musa a.s. dipelihara oleh firaun di dalam istana beliau dan baginda ... Nabi Musa a.s. telah diberi layanan yang secukupnya, kewangan, biasiswa ... ada belaka, rumah, istana. Tapi bila dia besar lawan juga firaun. Begitu juga Rasulullah s.a.w. dipelihara oleh Abu Talib sampai besar, makna dapat biasiswa, pinjaman ... semua, memang itu

9 Mei 2000

kewajibkan Abu Talib. Tapi bukanlah makna bila demikian dia kena ikut Abu Talib, ada bab yang dia perlu menegur dan menentangnya. Itu tidaklah termasuk dalam erti kata orang yang tidak berterima kasih. Sebab itu yang penting Yang Berhormat penubangkang sepatutnya ucap terima kasih kerana kerajaan kita menghapuskan tol, walaupun kecil nampak tapi Alhamdulillah satu kebaikan.

Dan juga saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada baginda Al-Sultan dengan ucapan beliau menganjurkan konsep pembangunan Al-Falah yang syumul yang melibatkan dunia dan akhirat. Dan untuk meluaskan konsep masjid sebagai pusat tempat perpaduan ummah. Alhamdulillah, saya dok tabulah kawasan lain tapi kawasan saya Alhamdulillah, semua masjid-masjid sekarang ni dapat dimakmurkan dengan cara yang baik. Semua sudah hadir ke masjid dan inilah merupakan era perpaduan yang diharapkan dan kita merasakan bahawa ianya dapat berkekalan di masa-masa yang akan datang dan sebagainya. Dan kerana itu dalam masa yang sama kita perlu mempertingkatkan *amal makruf nahi mungkar* yang disarankan oleh baginda Al-Sultan dan penglibatan semua pihak bukan hanya pendidikan tetapi melibatkan pelaksanaan syariah dan juga Hisbah sepatutnya insya Allah, diharapkan dapat memainkan peranan. Kerana itulah kita mengharapakan bahawa semua masyarakat perlu ada penglibatan. Saya mencadangkan sebagaimana pernah dibuat di Selangor, bagaimana Badar diwujudkan, institusi-institusi masjid diberi ruang untuk menjaga khariah mereka daripada berlakunya maksiat di kawasan kampung mereka. Walaupun kemungkinan ada pandangan-pandangan negatif tentang kewujudan Badar di Selangor contohnya, tetapi pandangan positif... adapun perkara yang baik perlu kita soroti di mana kekurangan kita perlu baiki yang penting pelaksanaan *amal makruf nahi mungkar* itu dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih berkesan.

Kerana itulah saya juga turut sama mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang ada kerana tidak memperbaharui lagi lesen-lesen permis smoker, bar dan sebagainya yang kita merasakan ini merupakan antara pusat-pusat yang boleh mendatangkan sumber kemaksiatan dan sebagainya yang pernah diberi kelulusan di zaman UMNO dahulu. Kawasan saya sendiri... Dungun ada 10 pusat, lebih kurang sama. Kuala Terengganu maknanya sama hebat jugalah. Tapi walau macampun kepekaan pimpinan yang ada sekarang dan cuma tinggal lagi... adalah melibatkan penguatkuasa dan sebagainya supaya dipertingkatkan agar di masa akan datang Negeri Terengganu kita ini bersih daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan minda, moral, ahlak khususnya golongan belia, remaja dan sebagainya.

Dalam masa yang sama, saya suka mencadangkan supaya pihak kerajaan meneliti kembali peruntukan undang-undang yang sedia ada. Sebab sebagaimana saya dapat makluman bahawa jika sekiranya premis-premis ini melanggar peraturan dan mereka meneruskan aktiviti mereka tanpa lesen dan permit mereka hanya boleh didenda sebanyak RM250.00 saja. Sedangkan kerajaan Pahang telah meningkatkan dendanya sehingga RM10,000.00 ini satu angka yang munasabah pada zaman alaf 2000 ini. Itulah kita mengharapakan bahawa perundangan yang sedemikian disoroti kembali untuk diperbaiki.

Begitu juga yang berkait dengan anak luar nikah contohnya Jabatan Hal Ehwal Agama dan juga pelaksanaan dan sebagainya. Kita melihat adanya peruntukan undang-undang berkhawat, berzina dan sebagainya. Tetapi bila beranak... terbit anak luar nikah tidak ada peruntukan undang-undang. Jadi kita mengharapakan perkara ini dapat kita lihat kembali untuk diperbaiki di masa-masa akan datang.

9 Mei 2000

Bagi belia sekarang ini yang menghadapi masalah moral yang cukup hebat khususnya di kalangan remaja, pemuda dan juga hatta di peringkat kawasan penempatan Felda dan sebagainya perlu kita ambil suatu inisiatif yang cukup berkesan bagi menangani permasalahan ini. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri sendiri mengambil atau membina satu pusat pemulihan khas mengikut cara Islam bagi membuat pemulihan kepada mereka-mereka yang seperti ini khususnya di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walaupun ianya ada disediakan di bawah peringkat Pusat tetapi cara dan pelaksanaannya jauh daripada cara Islam dan tidak mengikut lunas-lunas yang sepatutnya pendekatan kerohanian dan penanaman akidah yang perlu kita perkuatkan, insya Allah.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya suka lagi sama-sama meneliti tentang ucapan baginda Al-Sultan supaya mengamati perjalanan Negeri Terengganu Darul Iman ini hasil daripada kesan sampingan perkembangan industri dan pelancongan. Supaya ianya ada kawalan agar berlalunya proses fitrah alam yang insya Allah, akan diwarisi kepada zaman-zaman yang akan datang, akan diwarisi kepada generasi yang akan datang. Jika sekiranya tanpa kawalan ia akan boleh mencemarkan alam dan akibatnya generasi akan datang tidak akan dapat mengecapi suasana dan keadaan seperti mana yang kita miliki hari ini. Khususnya tentang kesan-kesan pembalakan yang sedar adanya kadang-kadang penyelewengan khususnya di Taman Safari Park dan sebagainya. Kita mengharapkan bahawa kerajaan dapat membuat penilaian semula supaya penggunaannya itu ataupun pelaksanaannya itu mengikut kawalan yang baik. Walaupun proses pengeluaran pasir sungai yang kadang-kadang tanpa kawalan dan kuota; saya dapati dahulu kerajaan pimpinan UMNO dia banyak beri kepada ahli-ahlinya, penyokong-penyokongnya lesen pasir yang kadang-kadang tanpa ada batas dan kawalan yang akhirnya menimbulkan suatu keadaan persekitaran alam yang tidak baik, dan akhirnya boleh merosakkan dan mencemarkan air yang ianya merupakan sumber minuman kepada kita. Jadi kita mengharapkan ianya adanya kawalan yang baik di seluruh negeri agar kita dapat berhati-hati semoga proses perjalanan dan perkembangan industri yang kita ikuti tetapi dalam masa yang sama ianya perlu adanya pengawalan dan perlu ada alternatif yang lain bagi mengatasi permasalahan-permasalahan yang sedemikian.

Dan satu lagi yang saya ingin sebut tentang perkara ini supaya kerajaan dapat meneliti kembali bagaimana Taman Industri di Paka yang terlalu berhampiran dengan Kilang Amonia di Kerteh. Walaupun kilang ni duduk di kawasan Yang Berhormat sahabat saya, jiran saya di Kemasik tapi orang tu hak nak buat taman tu ... tempat tinggal tu duduk dalam DUN saya di Paka. Jadi saya mengharapkan ianya dapat dinilai semula; kalau sekiranya kita membuat sebagai taman industri ataupun pusat-pusat industri kecil ianya tidak bermasalah tetapi kalau melibatkan penempatan dan sebagainya supaya ianya dapat dikaji balik sebab perkara-perkara ini boleh mendatangkan bahaya di masa akan datang. Peristiwa Bohpal itu sepatutnya dapat memberi peringatan kepada kita supaya kes-kes seperti kilang yang berbahaya dapat kita jaga keselamatan rakyat kita di masa-masa akan datang. Baru-baru ini kita dengar bagaimana Sen-Sen Chemical di Teluk Kalong salah seorang pekerja dia yang dihantar ke hospital kerana cedera akibat daripada wap gas daripada pengeluaran sulfurik asid. Dan perkara ini pernah berlaku sebelum daripada itu dan hal-hal keselamatan pekerja ini perlu dititik beratkan agar perkara seperti ini tidak berulang di masa-masa akan datang, insya Allah.

Satu lagi yang saya ingin memberi pandangan tentang bagaimana kemudahan infrastruktur yang disebut oleh baginda Al-Sultan, kita mengharapkan adanya keseimbangan antara penduduk bandar dan luar bandar. Memang kita sedar khususnya penggunaan telefon, dunia yang akan pergi kepada dunia tanpa sempadan, era zaman nak melaksanakan Terengganu\*Net dan sebagainya tapi masih banyak lagi luar-luar bandar dan desa yang ketinggalan daripada kemajuan ini hatta mereka sendiri

9 Mei 2000

tidak ada telefon dan sebagainya. Kita sebut bab dua bawah hujung jari tetapi mereka sendiri kadang-kadang terkapai-kapai bila ada berlakunya kebakaran, nak cari Bomba pun payah telefon tak dok. Jadi kita mengharapkan perkara ni dapat diseimbangkan antara kepentingan infrastruktur asas di luar bandar dan juga kemajuan yang lebih baik di bandar-bandar dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Dipertua, satu perkara lagi juga saya ingin menyentuh tentang kerena birokrasi yang berlaku dalam negeri kita dan kita mengharapkan Ketua-ketua Jabatan dapat sama-sama memahami inspirasi kepimpinan yang ada. Dapat peka dengan hasrat dan kepimpinan yang ada supaya dapat kita berjalan dengan cara yang baik. Yang lebih saya mengharapkan supaya kerjasama khususnya daripada Ketua-ketua Jabatan di agensi Pusat supaya tidak menimbulkan ataupun mengadakan kerena-kerena birokrasi yang boleh menyukarkan masyarakat bawahan dan sebagainya untuk mendapat kerjasama dalam melaksanakan suatu suasana kehidupan yang lebih baik, lebih bahagia dan sebagainya. Supaya kita dapat bergabung tenaga, menjalinkan kerjasama yang baik, yang penting adalah kebahagiaan dan keselamatan khususnya rakyat jelata kita di masa akan datang.

Yang Berhormat Yang Dipertua, suka saya menyebut bagaimana sekarang ini kalau kita melihat kepada ucapan barisan pembangkang banyak menuduh dan melontarkan ... seolah-olah PASlah yang memecah belah, PASlah yang mengeluarkan fatwa, pandangan dan sebagainya khususnya amanat ... beberapa kali saya melihat bahawa Yang Berhormat pembangkang bangun menyebut tentang amanat dan sebagainya. Suka saya membawa pandangan Ahli Dewan tentang buku yang diedar ... dan sebab dia buat di Paka saya sebut sedikit. UMNO atau PAS, saya pun tak berapa faham juga siapa dia hak tukang tulis, saya dok kenal juga dia tapi dia pernah suluk 7 tahun dok keluar kemudian beliau kembali semula bergiat dalam UMNO dengan semangat jihad yang baru. Dalam buku dan pandangan yang diedarkan di sini, banyaklah pandangan-pandangan yang kita melihat yang ianya ialah yang menuduh selama ini yang kita ni sebagai penfitnah tetapi sebenarnya UMNOlah yang melerapkan fitnah yang cukup dahsyat. Salah satu saya sebut satu saja: Menolak UMNO bererti menolak Islam. Ini fatwa mana pula tak tahulah. Dulu menyebut bahawa sokong PAS masuk syurga tapi hak ni tolak UMNO bererti tolak Islam. Kalau dok ikut UMNO dok Islamlah kita. Sebab itulah dalam hal ini kita tidak tahu daripada mana sumber ni tetapi ianya diedarkan daripada kepimpinan-kepimpinan UMNO. Banyaklah hujah-hujah yang dibawa, 16 dalil mengapa PAS mesti ditolak. Kita ingat kes Anwar Ibrahim saja 40 dalil, ada dalil baru pula dah. Jadi kita harapkan hal-hal yang seperti ini ... iakna barisan pembangkang jangan terlalu mudah melontarkan pandangan, tolmahan, tuduhan kepada PAS, dalam masa yang sama dia ada. Sebab itulah apabila dia bercakap bahawa cakap-cakap dia tu berlandaskan bawa ayat Quran, sebut dan sebagainya menggambarakan ....

**YANG BERTHORMAT MULLA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Penjelasan. Tuan Yang Dipertua. Buku tu, adakah ditulis oleh Presiden UMNO ataupun Jawatankuasa dalam UMNO, Majlis Tertinggi ke sebagainya?

**YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Dia dibuat ... saya nak tahu Yang Berhormat dok tahu ke ni? Sebab dia dibuat untuk ahli-ahli bahagian-bahagian UMNO di seminar ....

**YANG BERTHORMAT MULLA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Dok tahu saya tanya tu ... barangkali buku yang PAS buat sendiri kut.

9 Mei 2000

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ini orang kuat UMNO beri saya ni. Tak patut dia nak jadi PAS pula dah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tu saya tanya tu, saya orang kuat UMNO juga ... dok tahu pun. Takut macam UMNO macam kawan-kawan kita ni kot?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab semua bahagian-bahagian UMNO, saya dimaklumkan hadir di situ dan dibagikan kepada *hard core* UMNO. Jadi ini menggambarkan

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Jadi soalan saya tidak dijawab lagi, adakah Presiden UMNO ataupun mereka-mereka yang berwibawa dalam UMNO yang buat kenyataan di buku itu yang boleh dinyatakan ini kerja-kerja UMNO?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dan dia mengaku di sini sebagai ahli UMNO; dan dia diedarkan di bawah program yang melibatkan kepimpinan UMNO Terengganu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Siapa dia? Saya tanya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya dok pergilah sebab saya orang PAS. Tapi dia dikeluarkan ... orang UMNO beri royat saya tak patut orang UMNO tu melawok pula.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, Wakil Paka ni reti dok baca. Nama penulis tu nama siapa?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tanyalah nama penulis, baru saya royat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Pengarang ... scrupalah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nama dia, Abu Muhammad Hafiz Alhusaniah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bukan Presiden UMNO, bukan ....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Betullah bukan tapi dia bagi ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Minta perhatian kepada peraturan Dewan.

9 Mei 2000

YANG BERTHORMAT MULLA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong) Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan. Itu hanyalah pandangan peribadi penulis berkenaan bukan pandangan parti UMNO. Kalau nak bangkitkan soal pandangan peribadi orang PAS, lagi baiklah ... perpecahan dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT HAJI SATTUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka) Terima kasih. Yang Berhormat Yang Dipertua, Saya membawa isu ini kerana ucapan-ucapan kelmarin dan juga hari ini daripada wakil pembangkang memberi gambaran dan menggambarkan tohmahan, tuduhan, fitnah bahawa PASlah yang membawa berbagai-bagai fatwa yang menyebabkan berlakunya keretakan dalam masyarakat. Tetapi ianya merupakan satu pandangan walaupun dianggap pandangan tetapi ianya mungkin sebagai satu azimat yang diedarkan dari kalangan ahli UMNO dan sebagai hujah dalam menentang PAS. Dan ianya diterima pakai dalam seminar tersebut dan diberi dari kalangan kepimpinan UMNO kepada saya. Dan ini menggambarkan bahawa hasrat mereka untuk memperkukuh dan memperkuat dari kalangan UMNO di Negeri Terengganu. Dan itu merupakan hak mereka, kita tidak ada masalah. Tapi bagaimana dalil-dalil yang disebut terhadap PAS, menuduh PAS dengan berbagai-bagai tuduhan yang di luar daripada batasan ini menggambarkan suatu suasana dan keadaan untuk mewujudkan dan memberi gambaran bahawa PAS malah merupakan punca kepada perpecahan dan perbalahan. Sedangkan setelah PAS memerintah Alhamdulillah, kita melihat suatu suasana, keadaan aman, tenteram dan mula bersatu padu dan Alhamdulillah ini memberi gambaran bahawa tuduhan dan fitnah UMNO itu merupakan kepalsuan semata-mata.

Itulah kita mengharapkan bahawa Yang Berhormat Yang Dipertua, kewajipan kita dan kehidupan kita sendiri supaya setiap masa dan ketika kita tetap istiqomah dengan pandangan dan juga hasrat kita. Khususnya dalam kepimpinan kita yang menyuarakan dalam manifesto setiap cadangan dan pandangan insya Allah, kita mengharapkan dan kita juga turut sama untuk dapat kita laksanakan apa yang telah kita janjikan dalam manifesto. Walaupun kita masih baru tetapi apa yang mampu kita laksanakan dengan segera kita dapat laksanakan dengan segera. Dan apa yang memerlukan masa dan tempoh kita mengharapkan pembangkang dapat memberi ruang masa yang cukup adil kepada pemerintah yang ada sekarang bagi melaksanakan apa yang pernah dijanjikan dan sebagainya.

Kelmarin kita melihat bagaimana pihak pembangkang menggambar dan mewujudkan suasana, memberi gambaran bahawa merekalah orang yang cukup setia kepada Raja seolah-olah daripada kita ... dari kalangan PAS tidak memberi kesetiaan kepada Raja, kepada Tuanku Al-Sultan. Sedangkan kita melihat UMNOlah yang telah merangka Akta yang menggubal untuk mengikis kuasa Raja-Raja sebelum pemerintahan apabila Kerajaan PAS di Kelantan dipimpin oleh Tuan Guru Nik Haji Abdul Aziz Nik Mat mendapat kerjasana yang baik dengan Sultan Kelantan. Tetapi UMNOlah yang mencanangkan untuk mewujudkan Raja baru dan Sultan baru dan sebagainya. Tetapi Alhamdulillah, kita melihat suatu suasana yang baik, hubungan yang baik antara kepimpinan yang ada sekarang dengan Tuanku Al-Sultan, kita mengharapkan dapat dikekalkan. Dan kita merasa cukup kecewa jika adanya suara-suara ataupun golongan ataupun pihak tertentu cuba meracuni dan cuba untuk mewujudkan suatu suasana yang tidak baik hubungan pemimpin yang ada dengan Tuanku Al-Sultan. Itulah kita mengharapkan pandangan-pandangan dan perkara-perkara sedemikian tidak wajar dan kita mengharapkan bahawa kita sama-sama dapat meneruskan kepimpinan negeri Terengganu yang ada ini dan di bawah Duli Tuanku Al-Sultan dapat sama-sama memimpin dan membawa negeri Terengganu kita ke arah yang lebih baik di masa-masa akan datang, insya Allah. Dan sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Berhormat

9 Mei 2000

Ajil bagi mewujudkan satu masyarakat rabani insya Allah kita dapat melaksanakan dengan cara yang baik.

Sekadar itu saja Yang Berhormat Yang Dipertua dan saya memohon maaf kalau ada terasa hati, minta maaflah cakap fesyen ni, orang Terengganu. Jadi moga-moga ianya dapat iktibar buat kita bersama. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillah rabbialamin wabihinastain. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, puan-puan, hadirin, hadirat yang saya hormati.

Turut sama mengambil bahagian dalam bahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, inginlah saya mengatakan berapa perkara. Sebagai pendahuluan ucapan saya ini, sebagai sokongan kepada permohonan yang dibuat oleh Yang Berhormat Wakil Telemong, Tuan Yang Dipertua, saya mengharapkan Yang Berhormat Alur Limbat, Pengerusi JKR untuk merobohkan seberapa segera yang boleh saki baki tempat mengutip tol. Saya adalah salah seorang daripada orang yang kerap menggunakan jalan ini. Dan saya ucapkan terlebih dahulu Tuan Yang Dipertua, kepada Yang Berhormat Wakil Alur Limbat yang saya percaya hari Ahad ini akan menyelesaikan kerja ini, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, turut sama menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah menyampaikan Titah Ucapannya, sukalah atas nama wakil rakyat dan diri peribadi saya mengucapkan junjung kasih yang mendalam kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana tidak lupa menyebut adanya keadaan sejahtera harmonis yang minta titah mengekalkan, adanya suasana politik, sosial dan ekonomi yang stabil yang saya percaya Yang Dipertua, tidak boleh diwujudkan oleh kerajaan baru dalam masa lebih kurang enam bulan. Orang-orang yang berjiwa besar saja Tuan Yang Dipertua, pada hemat saya akan menghargai apa yang baik, apa jasa orang, apa budi orang. Jadi saya rasa di kalangan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sekarang termasuklah Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah terdiri daripada orang-orang yang seumpama ini. Walaupun di kalangan wakil-wakil rakyat yang lain terutama sekali orang-orang muda, saya nampak belum lagi ada penghargaan yang seumpama itu. Jadi menjadi kewajipan saya Yang Berhormat Yang Dipertua, dan Yang Dipertua juga sebagai orang tua untuk mendidik anak-anak muda kita ni supaya dia pandai belajar berterima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Sebab saya percaya bukan senang .....

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Yang Dipertua, penjelasan. Oleh kerana saya di antara orang muda, saya rasa saya berjiwa besar sebab saya menghargai apa-apa saja kebaikan yang telah dibuat. Tapi dengan ungkapan sebentar tadi saya rasa terhina dan saya anggap perkataan itu dikeluarkan oleh orang yang berjiwa besar juga.

9 Mei 2000

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tidak mungkin orang yang berjiwa besar memahami perkataan yang dikeluarkan oleh orang yang berjiwa kecil. Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua, ada beberapa perkara yang disebut dengan jelas ... yang dititah dengan jelas oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang saya rasa semua dapat faham dengan baik. Satu daripadanya Tuan Yang Dipertua, ialah berhubung dengan perkhidmatan awam negeri. Bila disebut begini tentulah dengan cepat kita mengatakan bahawa yang terlibat ialah pegawai-pegawai kerajaan negeri yang baru diambil bekerja dalam masa enam bulan ini tentulah sedikit bilangannya. Tuan Yang Dipertua, tapi yang telah lama bekerja tentulah ramai. Bertinya sedikit sebanyak kerajaan yang lalu bertanggungjawab melatih mereka menjadi pegawai-pegawai yang sekarang sedang berkhidmat .....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Kepada Yang Berhormat Seberang Takir, oleh kerana masa sebenarnya sudahpun tamat. Walau bagaimanapun menghormati Yang Berhormat yang baru berucap saya lanjutkan untuk lima minit saja. Saya akan tangguh Dewan ini pada jam 1.05 minit.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, adakah ini bermakna saya tidak boleh menyambung pada sidang pada esoknya.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Boleh, kalau Yang Berhormat nak berhenti sekarang pun mujur.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya rasa kalau begitu kedudukannya, terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua yang sangat bertimbang rasa kepada orang tua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, kita telahpun mendengar berbagai-bagai pandangan dan juga saranan daripada semua pihak, maka saya berhasrat untuk tangguhkan Dewan ini sehingga kepada hari esok, 10 haribulan Mei jam 9.30 pagi. Dan esoknya juga adalah ... kalau tidak ada apa-apa halangan oleh kerana soalan-soalan tidak banyak, kita akan beri peluang kepada Ahli Exco untuk memberi gulungan secepat daripada beberapa orang yang akan berucap. Oleh itu sehingga ke hari esok, Rabu 10 Mei jam 9.30 pagi marilah kita sama-sama membaca *tasbeeh khifarak* dan surahtul Ashr.

Dengan ini Dewan ditangguhkan.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 PETANG.

**PERSIDANGAN**

**PADA HARI RABU, 10 MEI 2000**



Hari Rabu,  
10 Mei, 2000

## KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 116 ]
2. Soalan-soalan Lisan [ Muka 120 ]
3. Usul Yang Telah Diberi Notis: [ Muka 122 ]

*Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Di Raja*  
[ sambungan perbahasan ]

[ Bersambung ]



10 Mei 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA  
PUKUL 9.30 PAGI**

**H A D I R**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Haji Husain bin Awang

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong  
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli  
WAKIL SURABAYA

10 Mei 2000

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat  
WAKIL TELUK PASUT

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdulah bin Mat Dan  
WAKIL TELUK BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamat bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Saiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rami  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shahrizukman bin Abd. Kadri  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salih  
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong  
WAKIL KUJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad  
WAKIL PERMAISURI

10 Mei 2000

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,  
SPMT.,DSMT.,P.JN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

**TIDAK HADIR**

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang - Dengan maaf  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, - Dengan maaf  
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid - Dengan maaf  
WAKIL AJIL

10 Mei 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTAKHTA SULTAN MELAKA KERAJAAN  
Datuk Saiful Mohd Yusoff, Hajj Mazlan, & Mohd Naim bin Hassan  
DPM, ASM, KMN, JOC, PKN, BLD

YANG BERTAKHTA PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Haji Ali Karim bin Mohd Rafiqun

YANG BERTAKHTA GAWA NEWANGAN NEGERI  
Y.M. Datuk K. Abdul Azah bin Saad Alwae  
DPM, ASM, JOC, PKN, BLD

SUKAUSALIA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Haji Osman bin Mohd. PK.

10 Mei 2000

PUKUL 9.30 PAGI

[ Kerosakan kepada sistem pembesar suara ]

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Bismillahirrahmanirrahim, Dewan di sambung semula. Untuk itu marilah kita memohon keberkatan Allah s.w.t. dengn sama-sama membaca umul Quran, Al-Fatihah.

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan Ketua-ketua Jabatan, kita teruskan dengan soalan-soalan yang diberi notis. Dengan ini saya persilakan Yang Berhormat Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

*Nyatakan apakah langkah-langkah yang telah atau bakal diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menghapuskan fahaman memisahkan agama dengan politik, yang masih berakar umbi dalam pemikiran sesetengah anggota masyarakat negeri ini?*

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Untuk makluman Dewan ini dan soalan yang dikemukakan ialah berbunyi:

*Nyatakan apakah langkah-langkah yang telah atau bakal diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menghapuskan fahaman memisahkan agama dengan politik, yang masih berakar umbi dalam pemikiran sesetengah anggota masyarakat negeri ini?*

Untuk memberi jawapan kepada persoalan ini Yang Berhormat Yang Dipertua, kerajaan mengambil langkah-langkah yang berikut:

- Langkah yang pertama ialah langkah jangka panjang iaitu melalui *tarbiyah*, *mizomiyah* iaitu melalui pendidikan rasmi seperti mengadakan pusat-pusat pendidikan pra-sekolah, mengadakan sekolah-sekolah rendah insya Allah, sekolah rendah agama yang akan ditadbirkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama. Dan juga mengadakan sekolah-sekolah menengah atau ... kurikulum baru seksolah menengah yang telah ada begitu lama tapi buat masa ini belum lagi mencapai hasrat dan matlamat untuk mengikis fahaman yang ada pada rakyat Negeri Terengganu ini atau sebahagian rakyat Negeri Terengganu ini yang masih memisahkan agama dengan politik. Jadi melalui kurikulum baru insya Allah, kita akan melihat hasilnya beberapa tahun yang akan datang ini.
- Seterusnya melalui Pusat Pengajian Tinggi Islam yang telah kita cuba berusaha untuk mewujudkan di negeri ini demi untuk membantu kita menyelesaikan masalah ini.

10 Mei 2000

- Rancangan jangka pendeknya ialah melalui beberapa agensi kerajaan yang telah sedia ada. Orang telah ditubuhkan iaitu di antaranya API yang kelmarin Wakil Telecong mengantikan API ini hak Kerajaan Barisan buat dulu. Dia buat bangunan kita percayalah dia buat bangunan dan kita masih pakai bangunan-bangunan yang ada. Kem Bari, Cadur, Beserah, Kemaman, Kemaman ... bangunan-bangunan ni kita guna. Kita ucap terima kasihlah dia bina dulu jadi mudah kita tidak bina baru. Tapi kita kena baiki juga banyak yang dah rosak.

Jadi pengisian jadi pangang dari apilah macam langit dengan bumi lah dengan UMNO buat dulu dengan kita buat. Jadi kita buat pengisian baru, bukan ajak orang naik bukit ... zaman Barisan dulu kalau pergi ke Pupuk Semangat dia ajak orang naik bukit, naik bukit boleh apa, boleh penat yalah tapi kesihatan boleh juga. Tapi kita nak baiki fikiran, biar fikiran dia baik semula sebagaimana dikehendaki oleh Islam, biar mereka ini boleh mengamalkan Islam dengan betul, memiliki *tasawwuf* Islam yang jelas.

Satu agensi yang disela-sela bukan saja di Pupuk Semangat tapi seluruh kem kem yang ada kita manfaatkan dan sekarang ini telah berjalan, berjalan banyak dah berjalan sama ada peringkat pemudanya, peringkat pemudanya, peringkat ... hatta wakil rakyat pun, yang pertama kita buat wakil rakyat dengan ahli-ahli Exco dengan pegawai tinggi kerajaan dulu. Ini berjalan tidak berhenti-henti sekarang ini.

Kemudian kita tubuh satu unit baru UPI – Unit Pembinaan Insan yang dulunya UPU dia kata tak tu le, dok lain-lain. Jadi pejabat, pakai pejabat tu le sungguh, jadi pejabat kita tak, abalah, minta maaf kita nak pergi pejabat lain pun hak dulu pun kerajaan bina dengan duit rakyat dan rakyat dah pilih kerajaan baru, dia kata kena gunalah pejabat-pejabat yang ada. Alhamdulillah. Tetapi pengisiannya berbeza, penumpuannya juga berbeza kerana UPI ini insya Allah selain daripada kita tumpu anggota masyarakat biasa penumpuan yang lebih akan diberi kepada anak-anak muda kita yang terseret dengan penaja sosial, gejala yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah. Ini kita kena menghidu, orang Barisan dulu buat banyak benda, bangunan pun buat tinggal penagih dadah pun banyak juga ... terpaksa terima pusaka. Jadi pusaka kita terima pun kita cuba baiklah.

Selain dari itu melalui agensi yang telah ada juga iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama iaitu melalui skem dakwah dia. Jadi pada tahun ini, insya Allah kita akan menaibah lagi pegawai-pegawai dakwah kerana pegawai-pegawai dakwah yang ada selain daripada umur mereka sudah lanjut maka bilangannya belum mencukupi. Kerajaan bercadang pada tahun ini melalui Jawatankuasa Dakwah kita menambah lagi sebanyak lebih kurang 320 orang Pegawai Dakwah iaitu menepati 10 Pegawai Dakwah 5 lelaki dan perempuan bagi setiap Dewan Undangan Negeri. Jadi, insya Allah 10 x 32 jadi 320 orang. Ini rancangan yang di dalam pelaksanaan insya Allah.

Notinya,

[ Hentulkan kepala sistem pembesar suara ]

10 Mei 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Oleh kerana sistem tidak betul dan saya mengandaikan sistem ini terganggu buat seketika saja, maka saya ingin teruskan pada peringkat awal Dewan ini tetapi sehingga sekarang ini nampak sistem masih lagi tidak betul, entah-entah barangkali pening kepala banyak sangat persoalan kelmarin barangkali. Maka saya bagi pihak Dewan memohon maaf daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan sekalian, maka dengan ini Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 9.40 PAGI.

DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA PUKUL 10.45 PAGI.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dewan disambung dan diteruskan dengan perkara-perkara yang telah ditetapkan di dalam Tertib Pekerjaan Dewan. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Jabi telahpun dijawab dan soalan berikutnya ialah soalan daripada Yang Berhormat Wakil Seberang Takir juga telahpun dijawab pada hari semalam ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Wakil Kemasik dan juga Wakil Rantau Abang. Jadi oleh itu, Dewan pada pagi ini diteruskan dengan perbahasan Titah Ucapan Di Raja, dengan ini saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir untuk menerus dan menyambung ucapan beliau pada hari semalam. Dipersilakan –

YANG BERHORMAT DATO<sup>h</sup> HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillah rabbilalamin wabihinastain. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, tuan-tuan dan puan-puan hadirin, hadirat yang saya muliakan.

Terima kasih kerana diberi peluang untuk menyambung ucapan yang saya mula lakukan pada hari kelmarin. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau saya tidak salah saya berhenti ketika menyentuh perkara yang ada hubungannya perkhidmatan awam negeri Terengganu. Dan saya tegaskan Yang Berhormat Yang Dipertua bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah meninggalkan satu barisan pegawai-pegawai yang cukup terlatih yang berpengalaman. Dan dalam banyak hal beberapa tahun dahulu telah menunjukkan prestasi yang sangat baik. Ini dibuktikan oleh anugerah-anugerah yang diraih oleh beberapa buah jabatan negeri di peringkat Kebangsaan. Jadi tidak ada sebab maka kerajaan yang baru merasa kluatir, bimbang, ragu-ragu kepada mereka. Saya yakin sebagai pegawai kerajaan mereka amat setia. Mengambil masa, mereka memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan stail dan gaya pentadbiran, pembawakan pemimpin-pemimpin kerajaan yang baru.

Tidak dapat dinafikan Tuan Yang Dipertua bahawa kita boleh secara kasar membagikan mereka seperti juga kita membagikan orang yang lain kepada tiga golongan. Satu golongan yang menjadi ahli dan penyokong PAS. Satu golongan lagi yang menjadi ahli dan menyokong UMNO dan satu golongan lagi yang tidak menyokong mana-mana pihak atau biasa kita sebut 'yang duduk di atas pagar.' Yang menyokong UMNO mungkin kerana sebab-sebab tertentu dapat menyesuaikan diri dalam waktu pendek dan ada setengah-setengahnya pula mungkin barangkali mengambil masa.

10 Mei 2000

adil dalam hal ini saya percaya kepada kemampuan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu untuk menggerak pegawai-pegawai mereka, pegawai-pegawai Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan sebagai Ketua Pentadbir untuk sama-sama memberi taut setia kepada kerajaan yang baru yang tidak berakhlak bina yang tidak merupakan hak mereka sebagai sesuatu ruyak yang boleh memulau mata, menerima atau menyokong nama-nama padi. Saya rasa tidaklah bijak tidaklah wajar is kepada pentadbiran-peraturan ketatan Lina untuk memaksa pegawai-pegawai ini untuk melaksanakan haluan mereka. Harap boleh diutak mawa Allah dengan sedikit perjakan dengan sedikit perjakan dan dengan sedikit-sedikit hal hal yang lair yang biasa dalam kehidupan manusia. Kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan yang saya nampak cukup cepat menyimpulkan dan saya angket baru, saya mengucapkan semnggi-tinggi terima kasih. Ikhlas ta selamanya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak bertajam untuk mengadu domba sesyapapun Yang Berhormat tapi saya rasa sebagai seorang Ahli Dewan Molek juga dalam saya sebab tentang seorang pegawai, mimpi kerajaan negeri kita. Kepada saya secara peribadi saya terlalu hormat, laris dan mengesakan madah-madah dan selamat dan silat. Pegawai yang berkenaan ialah Kesembaga Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu. Balik dan sidang kelmarin Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya terima satu salinan surat izinkan saya membaca Yang Berhormat.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh*

*Semua Imam Masjid seluruh Negeri Terengganu.*

*Pembacaan teks Khutbah Jumaat*

*Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.*

*Adalah dimaklumkan bahawa terdapat kekeliruan berhubung dengan surat jabatan ini sebagaimana III.31.02-001 1 Btg.2 (6.5) bertarikh 28 Mac 2000, oleh yang demikian surat tersebut adalah dengan ini dibatalkan.*

*Berhubung dengan perkara di atas adalah dimaklumkan bahawa sejak akhir akhir ini terdapat khutbah Jumaat yang dibaca di masjid-masjid bukan teks khutbah yang dikeluarkan atau dihuskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu. Sehubungan dengan itu semua Imam, Khatib yang bertugas bagi memuatkan sembahyang Jumaat atau lain-lain sembahyang yang menggunakan khutbah diarahkan supaya membaca khutbah yang dihuskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu. Kerjasama sangat diharapkan.*

*Sekian terima kasih*

*"TAKWA ALLAH DAN BERHAJAT KEPADA MAMPU PERLANG"*

*(DATU' NARISFTIA,  
Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama  
Terengganu)*

10 Mei 2000

Tuan Yang Dipertua, saya cari sebenarnya mana surat yang dimaksudkan yang dibatalkan itu. Cari, cari dapatlah, rupanya surat ini Tuan Yang Dipertua, pun saya minta izin baca:

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.*

*Semua Imam Masjid di seluruh Negeri Terengganu.*

*Tuan,*

*Perkara: Pembacaan Teks Khutbah Jumaat*

*Dengan hormatnya merujuk perkara di atas dukacita dimaklumkan bahawa mutakhir ini terdapat khutbah Jumaat yang dibaca di masjid-masjid bukan teks khutbah yang dikeluarkan atau diluluskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Pembacaan khutbah itu adalah bercanggah dengan Seksyen 170 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama 1986 juga menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan masyarakat Islam di negeri ini.*

*Sehubungan dengan itu, saya telah dititah oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan supaya memastikan semua Imam, Khatib yang bertugas hendaklah membaca khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu saja tanpa ditambah atau dikurangkan. Dengan ini adalah diingatkan tuan hendaklah mematuhi arahan ini semasa menjalankan tugas. Tuan juga hendaklah memastikan perkara ini juga dipatuhi oleh Khatib tamu yang dibenarkan membaca khutbah.*

*Kerjasama tuan sangat diharapkan demi kelicinan dan penyelarasan pentadbiran masjid. Di atas kerjasama tuan diucapkan terima kasih.*

Saya tidak tahu sebenarnya yang disebut kekeliruan tu, siapa yang keliru, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama yang keliru ke, saya yang terima salinan ni yang keliru ke atau Imam yang keliru ke, siapa yang keliru kita tidak reti. Kalau dalam yang pertama itu disuruh, diarahkan untuk membaca hanya khutbah yang diluluskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama kerana katanya kalau kita berbuat lain daripada itu maka bercanggah dengan Seksyen 170 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam. Maka dalam surat yang menyebut dibatalkan tadi adalah 'dinasihatkan.' Saya Tuan Yang Dipertua, saya tidak tahulah, saya duduk bimbang begini takut pegawai ini kepada saya pegawai ini memang saya kenal, orangnya baik, orangnya lurus, tidak mudah dikeletong, tidak mudah ditekan. Tetapi apakah sebabnya dibatalkan ini yang menimbulkan masalah. Mungkin barangkali pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat menerangkan.

Saya rasa surat yang pertama itu satu surat yang baik, yang mencerminkan keadaan dan kegawatan yang telah berlaku dalam masyarakat kita. Tetapi apabila surat yang kedua membatalkan seolah-olah maka tidak timbul lagi kegawatan yang sebenarnya berhubung dengan perkara ini. Daripada faham saya, Tuan Yang Dipertua sebenarnya masih terdapat kegawatan dalam hal membaca khutbah Jumaat ini. Saya tidak tahulah, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau inipun satu lagi daripada cara-cara, walaupun tidak disebut mungkin barangkali diakui oleh Yang Berhormat Wakil Manir, adalah salah satu daripada cara-cara untuk membetulkan salah faham yang disebut 'faham memisahkan agama dengan politik.' Saya sebenar tidak tahu apakah yang dimaksudkan sebenarnya dengan faham memisahkan agama dengan politik' atau 'salah faham memisahkan

10 Mei 2000

agama dengan politik. 'Boleh jadi tidak mahu memisahkan agama dengan politik, maka khutbah-khutbah yang sarat dengan perkara-perkara politik dibaca, disampaikan di masjid-masjid khususnya oleh Khatib tamu yang antara lain Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua adalah Wakil-wakil Rakyat. Saya tidak ada masalah Wakil Rakyat nak baca khutbah, saya pun nak minta izin juga kalau dipersetujui turut sama membaca khutbah. Tapi saya rasa biarlah khutbah yang boleh disebut sebagai khutbah dalam erti kata sebenarnya. Saya tidak mengaji dalam, dalam agama ini Tuan Yang Dipertua, tapi saya rasa saya faham sedikit sebanyak bahawa khutbah mempunyai kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, tertib-tertib yang tertentu. Tidak boleh khutbah disampaikan untuk melepas peram, tidak boleh khutbah dijadikan saluran untuk menyampaikan kempen politik. Sebenarnya tidak perlu lagi bagi PAS yang telah menang dan menubuhkan kerajaan untuk berkempen lagi di atas masjid. Walaupun dengan niat .....

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Saya ingin tahu rukun khutbah sebenarnya. Sebab saya difahamkan di zaman Rasulullah, Rasulullah memang menggunakan khutbah ini untuk berkempen sehingga untuk pergi berperang sekalipun. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, macam saya katakan tadi, saya sebenarnya tidak mendalam tapi yang saya tahu khutbah yang pertama-tamanya biarlah memadai dengan masa, tidaklah panjang berjele-jele menyebabkan sebahagian daripada jemaah tidak dapat memberikan tumpuan. Yang kedua, khutbah ini bersifat nasihat, tapi saya dapati banyak khutbah-khutbah yang disampaikan terutamanya oleh Khatib tamu yang terdiri daripada Wakil-wakil Rakyat tidak bersifat nasihat, jauh sekali bersifat nasihat. Sebab itu ada setengah-setengah jemaah bila mendengar khutbah seumpama ini dia cukup *khasyuk* begitu ... saja dia, saya bimbang dua jari dimasukkan dalam telinga Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan dengan izin ..... pernahkah .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mempunyai masa yang cukup untuk menjawab, jadi saya rasa kalau boleh dengan izin Tuan Yang Dipertua, saya tidak memberi lautan.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nak minta penjelasan sedikit, rajin pergi ke dengar khutbah Jumaat .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Karang boleh masa Ahli Yang Berhormat memberi .....

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya takut lari lepas pada ni

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tidak, saya tidak lari ... sehingga pukul 1.00 saya tidak lari.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Manir, sila duduk.

10 Mei 2000

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Saya tidak lari, insya Allah saya tidak lari walaupun saya duduk seorang ni saya tidak takut diusik hantu-hantu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, minta penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Pasal ni tak dok peluang, saya berilah dia. Sila –

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih, saya ingin minta penjelasan, adakah Yang BERTHORMAT Wakil Seberang Takir dapat membezakan antara berkhotbah dengan membaca khutbah. Bagi pandangan saya, surat yang pertama itu ditujukan kepada orang yang tidak mampu berkhotbah itulah dinasihatkan membaca khutbah. Yang kedua itu untuk mereka yang mampu berkhotbah agar dinasihatkan supaya mengikut ataupun membaca atau terikat teks yang telah diedarkan. Minta penjelasan, insya Allah antara berkhotbah dengan baca khutbah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, pengalaman dan pemerhatian saya yang tidak membaca khutbah yang diluluskan ataupun khutbah Pejabat Agama memudahkan cerita, juga membaca teks sebenarnya, teks yang disediakan. Dan saya juga dalam pengalaman saya berjumpa dengan Khatib yang mampu berkhotbah dengan tidak menggunakan teks. Tapi lazimnya khutbah yang dibuat itu yang pendek, dia sendiri pun sedar kalau dia panjang berkhotbah dengan tidak berpandukan teks maka khutbahnya tidak lain tidak bukan jadi belebir. Itu masalah yang kita dapati.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, maksud saya antara surat yang pertama dan yang kedua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDU RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, dua-dua sama tidak ada perbezaannya. Surat yang pertama merujuk kepada perkara yang sama, surat yang kedua pun merujuk perkara yang sama, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, kalau begitu tidak ada masalah sebab apa ditimbulkan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Masalahnya, surat yang kedua membatalkan surat yang pertama. Itu masalah yang saya timbulkan, ialah surat yang kedua itu membatalkan surat yang pertama. Jadi, seolah-olah ada tekanan. Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, .....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, itu andaian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Yalah, kalau tidak ada tekanan pun andaian Yang BERTHORMAT juga, sama-sama boleh buat andaian

10 Mei 2000

kita bebas tidak ada masalah, pertama-tama tidak mempunyai bukti. Tetapi di depan saya mempunyai bukti, setidaknya tidaknya tidak disebut di sini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya berharap kerajinan sedar lau ini berlah tampan sedikit kepada perkara-perkara yang semacam ini. Walaupun surat yang kedua ini membatalkan yang pertama tetapi saya yakin Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bahawa Tuanku yang memeriati hak ini mungkin mengalami lau ini, cukup tidak senang dengan perkembangan-perkembangan yang disebut dengan perkembangan yang mutakhir ini. Saya tidak bermat Tuan Yang Dipertua ...

**YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Wakil Seberang Takir, saya rasa Dewan ini tidak memasalah untuk seret nama Tuanku ke dalam Dewan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAJI (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak menyeret tapi kebetulan kita menyalaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, jadi mahu tidak mahu terseretlah Tuan Yang Dipertua. Tapi hadiah sampai ke tuana, saya tidak tahu. Tuan Yang Dipertua, bolehlah menghadkan ...

**YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA:** Saya tidak boleh berbalas tapi saya maksud ialah membuat audien terhadap sikap dan perasaan Tuanku.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAJI (Wakil Seberang Takir):** Rasanya tidak andam lagi, bila Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama mengatakan "saya telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku", kecuali kalau surat ketiga datang selepas saya berucap ini daripada Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama yang mengatakan sebenarnya Duli Yang Maha Mulia Tuanku tidak bertitah. Kemudian habis cerita. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Bukan susah sangat. Silalah buat surat macam ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya beralih kepada perkara lain. Campur tangan politik yang keterlaluan dalam pentadbiran. Pada masa sahabat-sahabat saya pemimpin-pemimpin PAS jadi pembangkang, perkara yang selalu ditimbulkan ialah perkara campur tangan politik atau orang-orang politik dalam hampir semua pentadbiran kerajaan Barisan Nasional. Yang dimaksudkan di situ Tuan Yang Dipertua, ialah Wakil-wakil Rakyat, pemimpin-pemimpin politik UMNO campur tangan dalam pentadbiran kerajaan negeri. Perkara yang dikutuk, perkara yang ditimbulkan oleh PAS pada suatu masa dulu sekarang saya nampak tidak ada bezanya malah lebih lagi dilakukan oleh Wakil-wakil Rakyat PAS, oleh pemimpin-pemimpin PAS. Saya tidak bercadang memberi contoh yang banyak, padahal kalau boleh diterima satu dua contoh yang saya sebut. Yang pertama Tuan Yang Dipertua, ketika hari raya menyalahkan zakat fitrah kepada fakir miskin. Diluat majlis penyampaian di masjid-masjid, saya perhatikan, saya ada bersama-sama saya ikut perkembangan ini untuk mengetahui sejauh mana penyokong-penyokong PAS di kampung-kampung telah menyalahkan Amir-amir yang dilantik, membawa sekian banyak orang-orang yang tidak ada dalam senarai untuk diberi zakat fitrah. Oleh kerana orang yang berkenaan yang dibawa tidak ada namanya dalam senarai, terdiri daripada orang-orang yang saya pasti tidak layak disalurkan fakir dan miskin maka orang-orang yang berkenaan tidak mahu menganggap bahawa yang diberi atau yang diterima adalah zakat malah disialat disebut hari raya untuk menghalalkan penerimaan, saya tidak tahu sama ada menyalahkan juga pemberian. Tapi itulah kedudukan yang sebenarnya.

10 Mei 2000

Jadi saya tidak hairan kalau sahabat saya kelmarin Yang Berhormat Wakil Ajil menyebut ada guru juga telah diberi atau yang telah mengambil, mengambil barangkali perkataan yang lebih tepat zakat ini. Tapi telah dinafikan oleh Yang Berhormat Wakil Manir, yang mengatakan bahawa ini adalah orang yang asalnya dari senarai yang telah disediakan oleh kerajaan Barisan dulu. Sebenarnya saya rasa, untuk makluman Yang Berhormat Wakil Manir walaupun saya tidak mempunyai fakta yang kukuh dan kuat, adalah guru ini, orang yang menerima ini yang kita tidak layak adalah orang yang dibawa namanya tidak ada, dibawa ... tapi oleh kerana kata Yang Berhormat Wakil Manir, selain daripada peruntukan ... jumlah peruntukan yang mencukupi berdasarkan kepada jumlah dalam senarai pegawai-pegawai Pejabat Agama ada juga lagi membawa duit tambahan, menunjukkan bahawa banyaknya duit daripada Pejabat Agama maka duit inilah diberi kepada orang-orang yang tidak tersenarai. Ini jelas menunjukkan campur tangan politik yang keterlaluan.

Begitu juga halnya dengan pentadbiran Pejabat Tanah, pemimpin-pemimpin PAS di kampung-kampung dengan restu Wakil Rakyat PAS telah mengelilingi, telah mengurung, telah menghubungi pegawai-pegawai Pejabat Tanah, Pegawai Tadbir Tanah seolah-olah memaksa mereka supaya menyelesaikan tanah-tanah yang telah mereka terokai secara haram seberapa cepat yang boleh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di sini saya suka membetulkan satu fakta yang saya rasa tidak tepat dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Berangan kelmarin, iaitu berhubung dengan penyelesaian tanah haram. Sebenarnya selain daripada permohonan tanah-tanah tertentu kerja Pejabat Tanah juga menyelesaikan banyak permohonan-permohonan haram yang dibuat sebelum tahun 1980. Saya tidak berpengalaman tetapi bertahun-tahun duduk di dalam Jawatankuasa Tanah Daerah dan bersama-sama dengan Pegawai Daerah yang juga sebagai Pentadbir Tanah Daerah menyelesaikan banyak permohonan-permohonan tanah haram. Yang Berhormat Pegawai Kewangan sekarang menjadi *testimony* yang kuat kalau Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan ingin mendapatkan maklumat. Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah Kuala Terengganulah Pejabat Tanah yang paling banyak sekali menyelesaikan dan meluluskan permohonan-permohonan tanah haram. Jadi tidaklah betul untuk menyalahkan Kerajaan Barisan Nasional yang lalu bahawa tidak menyelesaikan tanah haram. Diselesaikan sekian banyak tapi masih banyak lagi yang belum diselesaikan untuk dibebankan kepada kerajaan yang baru, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, saya pun memohon kalau boleh campur tangan politik yang keterlaluan di peringkat bawahan ini dikurangkan. Saya sedar bahawa Yang Amat Berhormat pernah di dalam beberapa majlis bila disebut hal yang seumpama ini, campur tangan keterlaluan, gangguan yang keterlaluan daripada pemimpin-pemimpin peringkat kampung, Yang Amat Berhormat mengatakan, kalau saya tidak salah, minta maaf bahawa sebenarnya mereka tidak boleh disalahkan telah lama mereka menderita, telah lama mereka memendam rasa maka sekarang sampailah masa untuk melepaskan geram. Insya Allah, 6 bulan berilah, mungkin setahun barangkali geram diberi peluang untuk lepaskan, lepas itu saya rasa *controllah* kalau tidak menimbulkan masalah iaitu gangguan atau campur tangan politik yang satu masa dulu pemimpin-pemimpin PAS juga tidak suka.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, khusus mengenai rumah awam kos rendah Taman Perdana Kampung Batin yang saya tanya kepada Yang Berhormat Wakil Batu Buruk, mengapa dinaikkan harga daripada RM25,000 kepada RM28,000. Tapi saya faham Yang Berhormat mengatakan bahawa kerajaan yang baru tidak pernah meletakkan harga RM25,000, harga yang diletakkan ialah RM28,000. Saya tidak tahu sama ada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu yang

10 Mei 2000

telah menjalankan projek dan menetapkan harga RM25,000 ini bukan sebahagian daripada kerajaan. Saya tidak tahu. Ataupun Kerajaan PAS kerana sebab-sebab tertentu yang saya pun tidak faham tidak mengakui kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.

Tapi yang jelasnya Tuan Yang Dipertua, dan saya ucapkan terima kasih kerana langkah-langkah menaikkan pemberian yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang rendah atau yang tidak mencukupi. Pemberian bantuan kebajikan dinaikkan, elain-elain Imam dan Bilal insya Allah, akan dinaikkan, berbayak-banyak lagi elain akan dinaikkan, harga rumah akan dinaikkan. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Tapi di sini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak tahu sejauh mana kita dapat menolong pembeli atau pemilik rumah projek ini atau projek-projek selepas ini dengan kaedah pinjaman perumahan yang telah disebut di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Dalam bulan Januari 1999 Tuan Yang Dipertua, dalam satu Jaripada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu kepada saya ada disebut dua kaedah cara untuk menolong bakal-bakal pemilik rumah awam kos rendah Permint Perdana untuk meringankan bayaran bulanan mereka. Yang pertama kepada yang layak menerima pinjaman kerajaan selepas membayar RM3,000 tinggal RM22,500 bolehlah memohon pinjaman kerajaan dengan kadar faedah 4% ataupun yang tidak layak tetapi boleh diterima oleh bank *bankable* maka boleh dia meminjam sejumlah itu RM22,500 dengan kadar faedah 9% kemudian dibayar mengikut jumlah yang tertentu berdasarkan lama bayar balik, 15 tahun, 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun. Persoalan saya Tuan Yang Dipertua, apakah kerajaan akan melanjutkan kaedah ini atau kerajaan mempunyai satu kaedah yang tersendiri untuk menolong pemilik-pemilik rumah ini. Saya amat berterima kasih, sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri di mana projek ini saya turut sama merancangkannya kalau Kerajaan Negeri, yang saya rasa cukup mampu untuk mengenakan sejumlah RM28,000, saya tidak mempersoalkan lagi dengan ketetapan harga tunai dan diberi peluang kepada pemilik-pemilik rumah membayar selama 20 tahun atau pun dalam tempoh tertentu dengan sedikitpun tidak mengenakan faedah ataupun riba, dan membayar balik dalam jangka waktu tertentu. Artinya dengan perkataan lain Tuan Yang Dipertua, bayaran bulanan kepada bakal pemilik-pemilik rumah ini tidaklah begitu berat. Saya suka mencadangkan seumpama itu Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, kalau pun telah dijawab oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan berhubung dengan JSR dalam hubungannya dengan JKKK tetapi saya suka meminta kerajaan menghalusi lagi masalah daripada segi peraturan dan undang-undang. Adakah JSR yang telah ditubuhkan itu dapat menggantikan JKKK hanya dalam erti kata Pengerusi JSR tandatangannya boleh diterima oleh agensi, pejabat-pejabat, oleh jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan seperti mereka terima tandatangan pengesahan daripada Pengerusi JKKK yang lalu. Kalau tidak akan menimbulkan masalah, menimbulkan masalah di mana rakyat bertanya bagaimanakah cara yang paling baik untuk mereka mendapat sedikit sebanyak kemudahan-kemudahan, mendapatkan pengesahan daripada pihak-pihak tertentu. Pada faham saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, walaupun JSR telah ditubuhkan tetapi JKKK tidaklah terjejas dalam erti kata sebagai satu lembaga yang induk, yang boleh bergerak menggunakan kuasa-kuasa tertentu di dalam kampung. Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya untuk memberhentikan Ketua Kampung, ahli-ahli Jawatankuasa JKKK, Ketua Kampung yang bertindak sebagai Pengerusi JKKK. Tapi ini tidak bermakna Yang Amat Berhormat mempunyai kuasa untuk memansuhkan JKKK lalu menggantikan dengan JSR. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Oleh itu saya pohon untuk menenangkan rakyat kita mendapatkan sedikit sebanyak khidmat

10 Mei 2000

pastikanlah bahawa tandatangan Pengerusi JSR sama kuat diterima oleh jabatan-jabatan yang tertentu.

Tuan Yang Dipertua, Wakil Kuala Besut mengatakan bahawa dalam penubuhan JSR pilihan yang dibuat lebih baik daripada pemilihan JKKK. Saya menafikan hal ini mungkin barangkali Wakil Kuala Besut memerhati atau mendapati fakta hanya daripada dua tiga buah kampung atau dua tiga buah JSR yang baru dibentuk. Tapi sebahagian JSR yang dibentuk di dalam kampung-kampung yang lain khususnya di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Seberang Takir tidak dipilih seperti yang disyorkan di dalam kertas cadangan. Misalnya salah satu syarat atau kriteria orang yang nak jadi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi atau mungkin juga Setiausaha adalah orang-orang yang tidak melakukan dosa besar dan tidak mengekalkan dosa kecil. Jadi apa yang disebutkan oleh sahabat saya Wakil Ajil kelmarin jelas menunjukkan sebagai satu contoh. Dan saya berharap satu contoh sahaja ertinya tidak terdapat lagi di tempat-tempat lain orang yang seumpama itu. Ini menunjukkan bahawa terdapat ketidaktelitian atau pun terdapat semacam tolok ansur disebabkan oleh politik yang mengkorbankan kriteria-kriteria tertentu dalam pemilihan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Jawatankuasa-jawatankuasa JSR. Kalau kerajaan memang berhasrat untuk mendapatkan semacam *consensus* atau pun persetujuan ramai maka pemilihan JSR, pemilihan Pengerusi dan pegawai-pegawai yang lain tidaklah hanya terhad kepada sekumpulan manusia di dalam kampung saja, iaitu terbatas kepada penyokong-penyokong PAS saja, penyokong-penyokong UMNO .....

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta laluan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Seberang Takir yang saya rasa seorang yang berjiwa besar dan boleh menerima pandangan-pandangan berhubung dengan penubuhan JSR. Apa yang disebut, sebenarnya pemantauan terhadap JSR ini bukan saya lihat kepada dua tiga kampung dan saya rasa apa yang dilihat oleh Yang Berhormat itu kemungkinan dua tiga kampung di dalam kawasan Yang Berhormat, di mana saya tidak nak menolak seratus peratus dan tidak nak menerima seratus peratus. Tetapi seandainya ada beberapa kes yang disebut seperti mana Yang Berhormat, perkara ini seperti yang disebut boleh kemukakan kepada kerajaan tetapi jangan sekali-kali kita menolak secara global, jangan sekali-kali kita menolak secara keseluruhan. Seperti mana yang saya sebut bahawa kita nak mengungkit, kita boleh ungkit JKKK ini lebih banyak daripada penubuhan JSR di semua aspek, di sudut pelantikannya, keadilannya dan pelaksanaan tugas-tugas. Begitu juga suka saya sebut bahawa beberapa perkara yang disebut oleh Yang Berhormat sekejap tadi, saya rasa ini perlu kepada sedikit pendetailan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terima kasih atas pandangan dan ingatan itu. Saya rasa mudah kalau boleh kita bersetuju bersama-sama, insya Allah kita beri masa untuk JSR ini hidup dan sama-sama kita memantau tapi yang saya sebut itu adalah kecacatan-cacatan berdasarkan kepada satu garisan panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan yang saya anggap begitu molek, begitu *syumul* sekali maka saya sebut hal-hal yang seumpama itu dengan tujuan bukan nak mengkritik tetapi nak mengingatkan ada terdapat perkara-perkara yang seumpama itu. Jadi kalau dulu misalnya pernah dengan rasa geram dan marah pemimpin-pemimpin PAS termasuklah Ahli-ahli Dewan PAS menlabelkan JKKK sebagai Jin Kacau Kampung, maka tidak kena caranya, maka saya pun insya Allah, lepas ini akan mengatakan JSR – Jin Segok Rakyat. Jadi, apa maknanya kalau begitu, Tuan Yang Dipertua.

10 Mei 2000

YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BEN SALLIH (Wakil Kuala Besut):  
Tuan Yang Dipertua, seorang yang beriya besar tak payah nakap begutulah

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDEL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Tuan Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dan Dewan ini kepada satu pelantikan yang penting dalam negeri kita ini Negeri Terengganu, iaitu jawatan Timbalan Mufti. Jawatan Timbalan Mufti kosong kerana pemberhentian Timbalan yang lama kemudian diganti dengan Timbalan Mufti yang baru. Saya tidak nak buat fitnah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tapi saya kurang puas hati kalau pihak kerajaan tidak menghalusi peribadi orang yang mengisi jawatan ini. Kerana saya dapat maklum bahawa yang berkenaan pernah pada suatu masa dulu dijadikan kes perbuatannya menukahkan satu pasangan yang duduk dari rumahnya tidak lebih dari satu kilometer, menguntakui kaedah Wali Raja. Sedangkan orang yang berkenaan tidak mempunyai tauliah untuk berbuat begitu. Okeh kerana jawatan Timbalan Mufti ini penting sama penting dengan Mufti, jadi saya rasa Tuan Yang Dipertua eloklah kalau boleh.....

YANG BERTHORMAT HAJI SAHFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Pakay): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta penjelasan – kes tu berlaku bila?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDEL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Kes ini Tuan Yang Dipertua berlaku tahun 1989 dan selangga ini belum lagi diselesaikan. Errinya .....

YANG BERTHORMAT HAJI SAHFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Pakay): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, masa tu kerajaan mana memerintah masa tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDEL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Barisan tapi kes itu belum dapat diselesaikan jadi sepatutnya kerajaan baru bila orang yang berkenaan belum lagi selesaikan kesnya atau dengan perkataan lain mungkin barangkali kasar sedikit saya minta maaf Tuan Yang Dipertua, kalau Tuan Yang Dipertua kata tarik balik saya tarik balik, kalau saya katakan orang yang berkenaan belum lagi membetsilkan dirinya maka sepatutnya ia tidak dilantik ke jawatan yang berkenaan. Tuan Yang Dipertua,

Tuan Yang Dipertua, perkara akhir yang saya nak sentuh dalam ucapan saya yang pendek ini .....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Dah panjang dah tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDEL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):  
Sekejap lagi Tuan Yang Dipertua, ialah masalah kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Awal-awal lagi dalam ucapan yang pertama dulu, dalam sidang yang pertama dulu ada saya mengingatkan kerajaan yang baru supaya kita mengelakkan daripada bernasuh ataupun bercanggah dengan Kerajaan Pusat. Kerana selain daripada agensi-agensi atau jabatan-jabatan Persekutuan yang banyak kita juga sebenarnya diberi sekian banyak pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan Persekutuan. Perkara yang pertama dulu ketika baru berkuasa Kerajaan Negeri telah tidak membenarkan balai raya digunakan oleh kelas-kelas TADIKA. Dan kita sedia maklum bahawa kelas TADIKA ini adalah bawah procek KEMAS, iaitu salah satu daripada agensi Kerajaan Pusat. Tapi kita jangan lupa khidmat diberikan untuk rakyat Negeri Terengganu. Jadi:

10 Mei 2000

dalam hal ini Tuan Yang Dipertua, boleh kita panjangkan lagi kepada beberapa perkara lain yang ada hubungannya dengan khidmat-khidmat yang diberikan oleh ....

**YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Saya membaca di dalam Berita Harian dimaklumkan bahawa pihak KEMAS tidak pernah sekali-kali dihalang menggunakan balai raya. Apa yang berlaku ialah guru-guru KEMAS sendiri yang merasa bimbang kalau-kalau balai raya itu tidak dibenarkan diguna. Dan realiti yang ada menunjukkan tidak ada sebuah balai raya pun yang Kerajaan Negeri menghalang pihak KEMAS menggunakannya sehingga hari ini. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sedikit maklumat kepada sahabat saya Wakil Bukit Besi, orang kuat. Pada 16 haribulan Januari, kalau saya tidak salah Ketua Pengarah KEMAS datang berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar minta supaya balai-balai raya diberi kebenaran kepada KEMAS untuk menggunakannya ataupun dengan perkataan lain melanjutkan penggunaan balai raya untuk kelas TADIKA seperti dahulu. Memang jelas sebelum itu ada larangan, larangan yang kuatnya ialah larangan daripada penyokong-penyokong PAS di peringkat kampung. Saya menerima banyak telefon daripada guru-guru KEMAS termasuklah Penyelia KEMAS sendiri Dewan Undangan Negeri bertanya apakah yang patut dilakukan setelah mendapat larangan, amaran, gertak-gertak dan sebagainya daripada pemimpin-pemimpin PAS yang saya percaya mendapat restu daripada Wakil Rakyat mereka supaya janganlah KEMAS meneruskan kelas TADIKA di balai-balai raya. Jadi bila ada seorang Wakil Rakyat yang bercakap kelmarin, saya lupa mengatakan bahawa sampai sink buruk pun dibawa keluar oleh orang yang menggunakan balai raya yang lalu JKKK, tapi saya rasa sebenarnya saya was-was, ragu-ragu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, siapa yang sebenarnya yang mengeluarkan sink, bawak balik sink ni. Saya ingat bukan orang UMNO, tapi orang PAS yang lebih awal lagi mengunci balai raya.

**YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):** Tuan Yang Dipertua, sedikit penjelasan. Yang Berhormat, berhubung dengan kenyataan yang dikeluarkan seperti mana tidak membenarkan KEMAS menggunakan tempat yang berlaku ialah di kalangan bukan daripada kepimpinan PAS dan saya rasa tidak rasional di dalam Dewan yang mulia ini. Dan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat kelmarin bahawa macam sink buruk dan sebagainya dan kawasan saya Dewan Seri Nil sehingga kipas angin dicabut oleh ahli UMNO itu sendiri dan kita telahpun report dan dalam tindakan pihak Polis. Ini satu perkara yang mustahil orang PAS bila dia memerintah tiba-tiba dia pergi curi. Yang berlaku iaitulah daripada ahli-ahli UMNO itu sendiri. Sekian.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau dikatakan mustahil berlaku di kalangan PAS saya tidak boleh terima sebab PAS juga manusia, dia bukan malaikat.

**YANG BERTHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):** Dia manusia berjurus sedikit.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Tinggi benar dia letakkan orang PAS, Tuan Yang Dipertua.

10 Mei 2000

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Terepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak tanya ....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat pun ada masa insya Allah boleh kata apa Yang Berhormat nak kata, saya tak beri laluan. Saya tunggu di sini Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta penjelasan. Wakil Yang Berhormat Seberang Takir tadi sebut tentang ucapan kelmarin tentang srik buruk bak kena kebas, memang saya yang berucap hari tu dan tanya berlaku di kampung saya, takkan saya tak kenal orang UMNO orang PAS. Kita nak bini lama dah, pitas-pitas boleh bina kita loroh kain dia tak munasabah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya setuju dengan masalah kenal mengenal ni oleh kerana baru-baru ni berlaku banjir besar banyak yang bertukar rupa. Jadi masalah pengenalan ni pun satu masalah juga, Yang Berhormat Yang Dipertua.

Saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Wakil Kuala Besut tu kalau boleh benda ni jangan kita timbulkan di sini, kecil sangat bendanya. Tapi Wakil Paka menimbulkan benda ni, macamlah kita dengar cerita orang bercerai, berkelahi begitu begini ... bagi-bagi sehingga bocong butuk pun bawak juga, begitulah lebih kurang. Jadi saya rasa molek kalau boleh kita selesaikan di sini, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Alhamdulillah, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya suka mencadangkan penggunaan balai raya kerana saya nampak ada setengah-setengah balai raya yang tidak digunakan kelas TADKA ditinggalkan begitu saja tidak digunakan oleh sesiapa. Kalau boleh kita berpakat harta ini harta kerajaan, kalau boleh dengan bahasa terengganu kita kata 'harta sepencarian', jadi Kerajaan Barisan Nasional buat dulu kemudian kita kalah sekarang boleh kepada Kerajaan PAS. Jadi kalau kita sama-sama pakat, jadi kenang jasa orang yang buat, beri peluang juga dia guna kemudian kenang jasa, harga orang yang menang tapi bukan *rammas* harta rampasan perang Tuan Yang Dipertua, beri juga dia guna sama-sama kita guna untuk kegiatan-kegiatan yang bersifat sosial, kebajikan dan agama, politik ditegah sama sekali siapa pun. Saya rasa ada manfaatnya begitu.

[ tidak masuk rakaman ]

Masalahnya bukan orang Barisan Nasional tak nak guna, dia nak guna sangat tapi bila dia digertak begitu rupa, yang setengah-setengahnya bersikap baik tak nak bermusuhan, jadi ....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Seberang Takir perkara ni dah berlarutan sangat saya rasa baik Yang Berhormat buat penggilangan. Masa Yang Berhormat sudah terlalu banyak jadi untuk beri peluang kepada Ahli-ahli yang lain berekap saya minta kepada Yang Berhormat buat penggilangan sekarang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua terima kasih, sebenarnya saya tidak berucap panjang tetapi diganggu panjang Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

10 Mei 2000

Baiklah mengakui arahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sukalah saya sekali lagi mengatakan elok kalau boleh kita cari satu kaedah supaya dapat sama-sama kita manfaatkan kemudahan-kemudahan asas yang telah ada di negeri kita ini dalam berbagai-bagai hal, kecuali untuk tujuan-tujuan politik yang tertentu. Takkan Yang Berhormat Yang Dipertua, bila kerajaan PAS berkuasa jalan orang PAS saja boleh lalu, jadi orang UMNO takkanlah nak lalu atas rumput, bedokhoh lalu Yang Berhormat Yang Dipertua. Jadi itulah kedudukannya Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya merasa senang hati sekali menyebut perkara-perkara ini dengan harapan insya Allah, sama-sama kita dapat memberikan khidmat yang sebaik-baiknya kepada rakyat negeri Terengganu yang kita kasih yang selama ini kita berjuang dengan tujuan yang sama ialah untuk memberi khidmat kepada mereka.

Yang Berhormat Yang Dipertua, dengan segala tulus ikhlas saya turut saya merafakkan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah menyampaikan Titah Ucapan kepada Dewan kita kali ini.

Terima kasih, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Waki Seberang Takir. Perbahasan Titah Ucapan ini diteruskan sekadar dalam masa 15 minit saja lagi. Jadi saya buka peluang ... sila -

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan para pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, syukur pada Allah kerana dapat menghadiri sidang Dewan yang mulia ini dan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana memberi ruang kepada saya walaupun masanya agak terhad bagi menjunjung kasih atas Titah Ucapan Di Raja yang disampaikan semasa merasmikan Dewan yang mulia ini. Saya tidaklah mahu melibatkan banyak dalam kancah perbalahan mengenai perkara-perkara antara Barisan dengan PAS ni. Apa yang menarik perhatian daripada ucapan Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan ialah saya sedut di sini sedikit daripada ucapan baginda, iaitu dengan izin Tuan Yang Dipertua: *Dasar Pertanian Negeri semasa akan menekankan kepada penambahan pendapatan guna tenaga sektor ini, peningkatan pengeluaran hasil-hasil pertanian dan peninggian nilai ditambah komoditi-komoditi.* Kita melihat negeri Terengganu Darul Iman ini adalah merupakan salah sebuah negeri yang masih mengamalkan dasar pertanian di mana tanah pertanian kita ada seluas 480,019 hektar yang diusahakan sekarang hanya sekitar 338,047 hektar. Kita masih berbaki 151,562 hektar iaitu lebih kurang 31.5 peratus. Maknanya di sini kita masih lagi mempunyai tanah pertanian yang belum diusahakan begitu luas. Dan insya Allah, sekiranya kerajaan mengambil langkah-langkah yang positif kemungkinan kita boleh membantu para petani kita meningkatkan produktiviti dengan harapan satu masa kita menjadi sebuah negeri yang menghasilkan makanan yang mencukupi untuk negeri sendiri dan kalau boleh sampai ke tahap kita mengeksport keluar negeri ataupun ke luar negara, insya Allah.

Apa yang ingin saya kemukakan di sini Tuan Yang Dipertua, ialah suatu contoh penanaman yang sangat popular ketika ini kerana beberapa faktor, strategi-strategi yang diatur oleh jabatan yang berkenaan sangat berkesan, iaitu penanaman tembakau yang telah menggunakan keluasan tanah

10 Mei 2000

sekitar 1,500 hektar. Ia popular kerana kita negeri Terengganu mempunyai tanah yang sesuai untuk tanaman tersebut terutamanya di kawasan Besut dan Setiu dengan tanah beris yang begitu baik untuk tanaman tembakau dan pemagaannya juga agak minima. Yang keduanya, adanya Lembaga yang khusus untuk memberi bantuan teknologi dan khidmat nasihat yang ditubuhkan oleh kerajaan iaitu Lembaga Tembakau Negara. Yang ketiga para petani mendapat bantuan kewangan yang mudah khususnya daripada Bank Pertanian Malaysia dan Dewan Pengawet-pengawet Tembakau Malaysia. Yang keempat, pulangan hasilnya cepat lebih kurang 4 bulan dan pasarnya juga terjamin, dijamin oleh pengawet-pengawet bila dipetik mereka terus beli dan hasilnya agak lumayan sekitar untuk tanah seluas 0.6 hektar hasilnya lebih kurang RM35,000 hingga RM40,000/masam.

Atas faktor-faktor ini walaupun tembakau bukan suatu tanaman yang kita kira bukan mesra alam ataupun mesra manusia kerana hasilnya ... produk daripada daun tembakau ini sangat terhad. Kalau zaman dulu-dulu bolehlah orang tua-tua kita buat tembakau sepa untuk makan sirih, tapi sekarang itu tidak jadi amalan lagi yang hasilnya hanyalah untuk buat rokok saja. Sedangkan kita semua tahu bahawa rokok itu suatu perkara yang membahayakan kepada manusia, dari segi Islam sendiri hukumnya hanyalah berkisar di antara makruh dan haram saja, bukannya sunat, bukannya haram. Dari segi kesihatannya sudah tentulah ia mempunyai kesan yang sangat besar sekali. Kita semua maklum Kerajaan Malaysia sendiri di bawah pimpinan Barisan Nasional mengeluarkan amaran - Amaran oleh Kerajaan Malaysia Merokok Adalah Membahayakan Kesihatan. Semua orang tahu, tapi nampaknya kilang-kilang rokok masih banyak dan syarikat-syarikat rokok makin besar dan makin kaya. Oleh itu kalau kita melihat dari segi kesihatan memanglah ia merupakan bahaya kepada kesihatan antara boleh menyebabkan penyakit barah paru-paru, penyakit kerongkong dan sebagainya.

Di sini dengan izin, saya minta atau saya memetik satu ucapan yang disampaikan oleh Dr. Derek Yap iaitu Ketua *World Health Organization, Tobacco Free Initiative* semasa beliau berucap di persidangan antarabangsa mengenai tembakau yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia WHO di Kobe, Jepun sekitar bulan November tahun lepas. Saya petik dengan izin *Tobacco is a killer and the tobacco growers must separate concern for their own livelihood from the public health impact of tobacco which kills four million today and could be up to ten million people annually by the year 2020.* Yang bermaksud, tembakau adalah pembunuh dan para penanam tembakau mestilah membezakan kepentingan kehidupan mereka dengan kesan kesihatan alam daripada tembakau iaitu merokok. Kesan kesihatan awam daripada tembakau yakni merokok terbukti membunuh empat juta orang setahun hari ini mampu membunuh sehingga 10 juta orang setiap tahun menjelang tahun 2020. Itu kesan dari segi kesihatan manusia.

Dari segi kesan sosio-budaya pula, semua orang tahu kajian-kajian telah dibuat bahawa merokok merupakan langkah pertama ataupun mukadimah bagi remaja-remaja kita melangkah ke alam penagihan dadah. Ini terbukti mempunyai satu ikatan yang sangat erat. Dan kita dapati hari ini bilangan penagih dadah di kalangan remaja kita sangat meningkat hari demi hari. Kerajaan membelanjakan begitu besar untuk menghapuskan atau mengurangkan kadar ini tapi ianya tidak berkesan. PEMADAM di peringkat Kebangsaan dan Negeri juga tidak dapat menjana ataupun memberikan sesuatu kaedah yang positif yang berkesan untuk mengurangkan penagih dadah. Dan di peringkat kampung, kalau dulu kita ada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung untuk menyelesaikan masalah ini, diberi tanggungjawab kepada mereka. Mereka ada menubuhkan Unit Kawalan Kampung tapi malangnya ia juga tidak berjaya mungkin kerana pada masa itu kita perhatikan JKKN hanya terdiri dari kalangan orang-orang UMNO saja, orang-orang PAS tidak

10 Mei 2000

diberi ruang untuk turut sama dengan JKKK. Unit Kawalan Kampung pun sekitar orang-orang daripada Barisan. Ini kita lihat juga merupakan salah satu yang menimbulkan, kalau dikatakan ada perpecahan dalam kampung. Kerana orang-orang PAS terlalu dinafikan hak-hak mereka oleh JKKK yang terdahulu sehingga kepada nak mencegah dadah, kawalan kampung pun tidak diberi kesempatan.

Sekarang kita telah mengubah JKKK kepada Jawatankuasa Syura Rakyat dengan harapan dan kita memang membuat satu kuota bahawa dalam Jawatankuasa Syura Rakyat terdiri daripada wakil Belia, wakil Relia, wakil masjid dan sebagainya. Tapi dengar-dengar kabarnya ada wakil pimpinan kerajaan Barisan yang merasa kesal kerana ada juga pegawai kerajaan Pusat yang menyertai JSR. Dan ada arahan jabatan tertentu yang menghalang pegawai-pegawai mereka menduduki JSR. Sedangkan niat kita adalah untuk memastikan bahawa rakyat kita dijauhi daripada anasir-anasir yang tidak sihat, tak kira dia orang Pusat atau orang Negeri. Oleh itu saya mengharapkan kepada pegawai-pegawai walaupun mereka Kerajaan Pusat supaya memberi kerjasama kepada kita di peringkat kampung untuk menyelesaikan masalah di kampung kita, negeri kita. Janganlah kita terseret sama dalam kancah perbalahan politik di antara parti yang memerintah ini. Itulah harapan saya kepada pegawai-pegawai kerajaan dan saya rasa bagi mereka tidak ada masalah.

Yang berikutnya kita melihat yang mendapat untung daripada penanaman tembakau ini, yang besarnya mendapat untung ialah syarikat-syarikat yang dikuasai oleh bangsa asing bukan penanam-penanam kita secara langsung. Oleh itu mereka, kekayaan yang mereka ada setiap tahun, saban ketika mereka menganjurkan pesta-pesta besar-besaran, konsert yang mana kebanyakannya disertai oleh golongan remaja kita hingga ke larut malam. Dan ini adalah suatu tempat yang kita kenal pasti yang boleh merosakkan akhlak pemuda pemudi kita. Seperti mana yang berlaku sekitar hujung tahun lepas semasa menyambut alaf baru, sebuah syarikat yang besar telah menganjurkan sambutan tersebut di terminal lapangan terbang di mana rokok dan arak diberi secara percuma, ianya direstu oleh kerajaan. Inilah yang menyedihkan kita, satu ketika kita beri amaran satu ketika kita menggalakkan perkara-perkara yang bercanggah dengan budaya hidup bangsa kita sendiri dan kitalah yang merosakkan anak bangsa kita sendiri.

Jadi oleh itu melihatkan kepada perkara-perkara yang negatif seperti ini saya sukalah mengambil kesempatan ini, yang singkat yang diberikan oleh Tuan Yang Dipertua, mencadangkan beberapa alternatif pilihan yang lain kepada penanaman tembakau ini tetapi strateginya kita ambil strategi penanaman tembakau kerana ia berjaya dan ia sesuai untuk negeri kita. Di antaranya ialah Roselle, kita tanpa rasa hipokrit kita perlu akui bahawa langkah yang diambil oleh kerajaan dahulu adalah suatu langkah yang positif yang patut diberi pujian. Kerana kesesuaian tanah yang ada di Terengganu ini, tanah beris dikenal pasti sebagai tanah yang sesuai untuk tumbesaran roselle tambahan pula pokok ini juga boleh memberi pulangan hasil yang agak ekonomik. Di samping itu banyak lagi nilai tambah atau *added value*, dengan izin yang boleh dihasilkan daripada roselle selain daripada produk asalnya *base* minuman, ianya boleh dibuat jem roselle, jus ataupun *abstract* pekat roselle dan pek untuk sedia diminum. Tapi malangnya kegagalan yang lalu bukan kerana ianya tidak produktif tetapi kurangnya pemasaran atau promosi yang dijalankan pihak-pihak tertentu di masa yang lampau menyebabkan kita lihat suatu ketika pokok-pokok roselle yang sedang meranum gugur begitu saja tanpa dipetik kerana tidak ada pihak yang mahu membelinya. Ini boleh kita mengambil pengajaran untuk masa akan datang supaya perkara ini tidak berulang lagi.

Dan yang keduanya, tanaman alternatif yang kedua ialah ubi kayu. Ubi kayu juga sesuai untuk ditanam di tanah beris dan waktu pulangnya juga agak singkat tidak sampai setahun, manakala cara

10 Mei 2000

penanamannya sangat mudah saya rasa semua orang boleh tanam ubi kayu. Dan kegunaannya juga banyak bukan sekadar untuk rebus makan waktu pagi, bukan sekadar buat kerepek, bukan sekadar untuk buat tepung manis, bekap, kuih muih dan sebagainya tanya boleh diproses untuk dijadikan tepung ubi kayu yang boleh digunakan untuk produk kosmetik. Selain daripada itu, pihak pervechikan industri Malaysia, pihak Institut Piawaian dan Perindustrian Malaysia (SIRIM) Berhad telah berjaya menemui beberapa produk ubi kayu yang mampu mempunyai nilai tambah dan meningkatkan martabat ubi kayu iaitu antaranya ialah untuk penghasilan glokosa, penghasilan cuka asid asidsterik semua bahan-bahan ini merupakan *fine chemical*, dengan izin yang mempunyai permintaan yang tinggi disebabkan digunakan di dalam formulasi makanan dan minuman, sabun cucian dan perubatan. Kilang minyak sawit juga menggunakan asidsterik untuk menstabilkan minyak sawit tersebut. Oleh itu ubi kayu adalah suatu pilihan yang terbaik untuk kita kemukakan kepada rakyat supaya tanyanya boleh memberi pulangan yang lumayan kepada rakyat kita tanpa menjejaskan alam sekitar.

Dan yang ketiganya.....

**YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat telah mengambil masa melebihi masa yang sebenar, sila gulungkan.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK** (Wakil Bukit Tinggi). Satu lagi Tuan Yang Dipertua, *aloevera* juga merupakan satu pilihan yang terbaik, saya banyak di sini tapi tidak dapat diterangkan satu persatu, merupakan satu bahan yang boleh diproses untuk dijadikan bahan kosmetik yang mana sekarang ni kebanyakan kaum wanita kita minat untuk kembali kepada bahan-bahan semula jadi. Kerana mereka tahu di zaman sejak 2,000 tahun yang lalu Alexander the Great, Iskandar Zulkarnain pernah menggunakan alovera untuk mengubat luka dan Cleopetra yang terkenal dengan kejelitaannya juga menggunakan alovera untuk menjaga kulit. Maka terpicaklah kaum wanita kita untuk menggunakan bahan-bahan semula jadi ini. Oleh itu kilang-kilang yang sudah sedia ada, kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan ia berpotensi untuk dusahakan secara yang lebih besar dan insya Allah, ia boleh memberi kebaikan kepada kita semua.

Kesinupulannya Tuan Yang Dipertua, seperti mana saya katakan tadi ketiga-tiga cadangan itu boleh kita usahakan dengan mudah tetapi strateginya hendaklah kita mengambil kira strategi yang kita buat dalam tembakau. Yang pertama sekali kita sudah ada tanah anugerah Tuhan yang sesuai untuk tanaman-tanaman tersebut. Yang kedua, pastikan petani-petani mempunyai keluasan tanah yang mencukupi bukan sekadar tanam sekitar rumah kita, sekadar cukup makan. Kita mesti berfikir mengubah *mind set*, dengan izin orang-orang kita, petani-petani kita supaya menanam untuk dijual, untuk dieksport untuk menyara sekurang-kurangnya keluarga mereka tanpa memerlukan bantuan yang lain dengan ini dapat kita mengurangkan kadar kemiskinan di negeri kita sendiri. Jadi, saya haraplah kalau nak beri tanah tu untuk pertanian biarlah cukup luas dia jangan sekadar siku ekar, setengah ekar tak boleh buat benda.

Dan yang ketiganya mesti ada suatu Lembaga seperti Lembaga Tembakau Negara untuk tembakau, Lembaga khusus untuk tanaman-tanaman ini untuk beri khidmat nasihat, teknologi supaya benda ni berjaya dan kerajaan memastikan pasarnya ada dan kita boleh buat promosi besar-besaran untuk setiap keluaran ini, dan kita dirikanlah kilang-kilang yang sesuai untuk kita menghasilkan produk tambahan tadi supaya tanyanya lebih terjamin dan insya Allah, rakyat lebih yakin dengan tanaman ini ramailah yang berlumba-lumba minta tanah, insya Allah akan diluluskan oleh kerajaan baru, dan berlumba-lumba untuk memajukan pertanian dengan skala yang besar untuk tujuan industri.

10 Mei 2000

Sekadar itulah ucapan saya, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua kerana memberi masa tambahan kepada saya. Sekain, wabillahi taufik wahidayah wassalamaulaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tadi Wakil Ladang minta untuk berucap, silakan –

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Terengganu Darul Iman, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, hadirin, hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Terima kasih Yang Dipertua, kerana telah mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Di Raja, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan yang telah dengan jelas merangka dasar kerajaan untuk melaksanakan pembangunan selaras dengan kehendak Islam, pembangunan yang akan menjuruskan insya Allah, kepada al-Falah iaitu kejayaan dunia dan kejayaan akhirat.

Kita telah mendengar berbagai-bagai langkah yang telah diambil oleh kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS yang menunjukkan komitmen untuk mencapai hasrat dan cita-cita murni tersebut. Walaupun wakil-wakil Yang Berhormat dari pihak pembangkang telah cuba mempersenda dan memperlekehkan tindakan tersebut, seperti menyebut ada seorang guru besar menerima zakat. Beliau telah cuba mengaibkan kerajaan yang umurnya tak sampaipun 6 bulan seolah-oleh mereka lupa akan kerosakan dan kegagalan arwah kerajaan partinya yang dulu yang telah secara muktamad ditolak oleh rakyat.

Tuan Yang Dipertua Dewan, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini suatu keaiban yang sangat besar barisan kerajaan dulu, saya tidak mempersalahkan kerajaan dahulu tapi saya kata warisan kerajaan dulu. Saya dapati waktu larut malam, di waktu mana kita dianjurkan supaya berqiamullai dan bermunajat kepada Allah s.w.t., saya dapati Jalan Banggul di bandar Kuala Terengganu Darul Iman dimakmurkan oleh golongan-golongan mak nyah berserta dengan peminat-peminat dan pelanggan-pelanggan mereka. Dua minggu lepas saya sendiri pergi melawat tempat ini pada kira-kira jam 1.30 pagi, bukan sebagai pelanggan Yang Dipertua, tetapi sebagai Ahli Dewan yang mulia.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Setakat ini tidak ada siapa yang menuduh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang): Sebab ini perkara besar takut-takut ada kekeliruan. Saya dapati tidak kurang, hak saya lihat sendiri, 10 orang mak nyah bersama dengan peminat-peminat dan mungkin pelanggan-pelanggan mereka. Mereka berada di kiri kanan Jalan Banggul ini. Jadi saya rasa sungguh terkejut melihat gambaran yang sangat mengaibkan ini. Sebenarnya saya dari dulu lagi melihat keadaan ini, dari kecil-kecil dulu saya dengar mak nyah ada di Jalan Tok Lam sana tapi saya sendiri melihatnya sehingga mengejutkan.

Tuan Yang Dipertua, saya ni seorang doktor perubatan apabila melihat *gengerin*, kaki ni dengan kata mudah jari atau kaki buruk dipanggil *gengerin* dalam bahasa Inggeris, apabila *gengerin* pada kaki seorang pesakit kencing manis saya akan mengambil kesimpulan bahawa penyakit itu telah

10 Mei 2000

lama, pesakit itu telah lama mengidap kencing manis. Kencing manisnya tidak terkawal dengan baik, akibatnya beliau menjaga kebersihan dan apabila tanda-tanda masalah tiba, gagal mendapat rawatan yang tepat dan tepat. Begitulah penyakit di Jalan Banggul ini yang saya diagnosis sebagai penyakit *active on chronic social disease*, dengan izin Dewan, kronik sebab sudah lama, mangkuknya pulak, empat pulak taham. *Active* kerana sekarang ni sangat aktif.

Saya juga berkesempatan melawat tingkat atas Stesen Bas belakang surau Al-Saggof dan juga Flat Kandang Kolam. Jadi saya difahamkan tingkat atas Stesen Bas ini sarang bohsia waktu malam, di belakang surau Al-Saggof tempat pelacur aktif dan di Flat Kolam tempat pelacur atasan. Tetapi malangnya apabila saya pergi melawat tempat itu mereka sudah bertempuran lari kerana mencrima maruah dan Jalan Banggul.

Tuan Yang Dipertua, mari kita buat kira-kira jika jumlah pondan dan pelacur menjual tubuh mereka itu 50 orang misalnya jumlah sebenarnya mungkin lebih, kita andaikan tiap-tiap seorang mendapat seorang pelanggan setiap malam maka seminggu jumlah pelanggannya adalah 150 kalau sebulan 1500, kalau orang berlainan kalau orang tu le tu dia jadi pelanggan tetap tu, wallahualam mungkin bilangan kurang. Jadi ini merupakan satu perkara yang sangat serius. Kita membaca al-Quran

والذين لا يدعون مع الله إلهاً آخر ولا يقتلون النفس التي حرم  
الله إلا بالحق ولا يزنون<sup>٣</sup> ومن يفعل ذلك يلق أثاماً

Allah mengampunkan tiga dosa besar, yang pertama siirik kepada Allah, yang kedua membunuh nyawa tanpa hak dan yang ketiga zina dan liwat.

Dan dalam Islam al-Quran, Allah melarang kita menghampiri zina:

ولا تقربوا الزنا<sup>٤</sup> إنه كان فحشة ومقتاً وساء سبيلاً

Ini sama-sama telah kita baca, tetapi dalam kes dalam saya sebut ini teruyata kita gagal menanganai dengan baik.

Penyakit sosial ini adalah manifestasi kegagalan berbagai aspek dalam sistem dan institusi kita. Ia adalah kegagalan sistem kekeluargaan kita, ia adalah kegagalan sistem pendidikan kita dan ia adalah kegagalan fungsi masjid kita, ia adalah kegagalan sistem masyarakat kita yang sepatutnya bertanggungjawab *amal makruf nahi mungkar*. Dan juga ia adalah kegagalan atau ia adalah menyalahsi kegagalan kerajaan yang memerintah. Apabila ditanya siapa yang perlu ditanggungjawabkan untuk membanteraskan penyakit ini? Maka rata-rata akan menjawab pihak yang swasta. Oleh itu saya mencadangkan agar kita sebagai kerajaan yang berkuasa pada hari ini mengambil langkah-langkah yang drastik dan tegas untuk membanteraskan penyakit ini. Untuk itu segala kuasa yang berkenaan seperti YPK, JHEAT, Yayasan Islam, UPI perlu digenablingkan untuk bersama menghapuskannya.

10 Mei 2000

Saya suka juga mencadangkan agar bentuk pengubatan atau pemulihan secara bersepadu dilakukan. Untuk itu satu *plan of action* dengan izin perlu dirumuskan untuk mengambil kira pendekatan-pendekatan seperti pemulihan secara segera, pendekatan pemulihan jangka panjang dan pendekatan pencegahan dirancang secepat mungkin. Dari sudut undang-undang, Enakmen Undang-undang Islam yang terletak di bawah bidang kuasa negeri perlu dipertingkatkan. Masyarakat yang sensitif atau peka untuk menghapuskan maksiat sebegini juga perlu diwujudkan agar wujud selepas ini apa yang diistilah oleh ahli sosialogies dengan izin Dewan, *socialsencion*. Fungsi masjid perlu dipertingkatkan agar kesedaran tentang bahaya maksiat dari sudut agama ini tersebar dan diinsafi. Apa yang penting aktiviti-aktiviti maksiat ini perlu dibanteras cepat yang mungkin agar ia tidak akan menjadi penghalang kepada usaha-usaha kerajaan untuk menjadi Islam sebagai *addin* rakyat Terengganu ini. Dan yang menakutkan kegagalan bertindak menyelesaikan halangan sosial ini akan mengundang sesuatu yang lebih dahsyat iaitu bala daripada Allah, minta dijauhkan. Semoga rakyat Terengganu sentiasa berada di dalam rahmat dan keberkatan daripada Allah s.w.t.

Sekianlah saja, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Dan Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perbincangan ke atas Titah Ucapan Di Raja telahpun mengambil masa lebih daripada cukup iaitu selama lebih daripada 6 jam dan seramai 13 Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam Ucapan Titah ini. Maka memandangkan masa dan penggulungan yang tidak begitu banyak, dan barangkali pihak kerajaan perlu membuat penjelasan-penjelasan secara yang lebih tepat dan detail, maka saya memberi peluang kepada kerajaan untuk membuat penggulungan. Dipersilakan –

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahirrahmani rahim ... Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin hadirat yang saya muliakan sekalian. Pertamanya saya mengucapkan syukur kepada Allah s.w.t. kerana mengizinkan saya mewakili pihak kerajaan berada di dalam Dewan yang mulia ini untuk menggulung sebahagian daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin merafakkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan yang telah memberikan perhatian dalam Titah Ucapan Di Raja sempena dengan pembukaan Dewan ini berkait dengan sub-sektor pelancongan di mana harapan Tuanku Al-Sultan supaya kedatangan pelancong akan lebih meningkat bagi tahun ini dan tahun-tahun yang mendatang. Tuanku Al-Sultan juga mengharapkan langkah-langkah dipertingkatkan lagi untuk menggalakkan kedatangan pelancong ke Negeri Terengganu dengan langkah-langkah yang perlu diambil iaitulah kempen-kempen galakan pelancongan di samping meningkatkan kemudahan-kemudahan prasarana di dalam sektor pelancongan ini.

Tuan Yang Dipertua, satu kajian yang telah dibuat berkait dengan sebab-sebab mengapa pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan, yang selepas daripada itu kita akan berpindah pula ke Negeri Terengganu. Di antara sebab-sebab pelancongan memilih Malaysia ialah yang pertamanya dengan izin *good value for money*, *like to know more about Malaysia*, yang ketiga *friendly people*, yang keempat *beaches*, yang kelima *safe destination*, yang keenam *shopping*

10 Mei 2000

*facilities*. Dan *the secondry attraction are* dengan izin Tuan Yang Dipertua, yang pertama *multy racial country*, yang kedua *island resorts*, yang ketiga *jungle* atau *greenere*. Di mana kalau kita melihat tarikan pelancongan yang menyebabkan pelancong memilih Malaysia, kalau kita khususnya kepada Negeri Terengganu kita mempunyai beberapa perkara yang menjadi asas tarikan pelancong. Yaitulah kita mempunyai penduduk yang mesra menerima kedatangan pelancong-pelancong. Dan tarikan utama kita ialah pantai-pantai yang terbaik yang boleh kita gunakan untuk tarikan pelancong dan telah dapat perhatian pelancong-pelancong luar negara. Begitu juga dengan keselamatan pelancongan yang amat penting tidak seperti yang berlaku baru-baru ini di Sabah. Walaupun usaha-usaha galakan pelancongan dilakukan tapi dengan hanya berlaku satu kes itu saja telah banyak tempahan-tempahan dan pesanan-pesanan kepada hotel-hotel telah ditarik balik. Sebab itulah di antara aset galakan pelancongan Terengganu ini ialah tempat yang selamat untuk dilawati oleh para pelancong.

Dan yang terakhir yang tidak ada pada kita yang seharusnya diambil berat insya Allah, oleh kerajaan pada hari ini yang mana ini adalah kesilapan kerajaan yang terdahulu tidak memberikan perhatian kepada tempat-tempat atau pusat-pusat beli belah. Sebab itulah apabila kita ingin untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan di peringkat Pusat bersabit dengan karnival membeli belah ini bagi Negeri Terengganu kita tidak dapat dilaksanakan. Kerana kita lihat di bandar Kuala Terengganu ini sendiri tidak adanya pusat-pusat membeli belah yang besar yang boleh kita turut serta bersama-sama dengan Penggalakan Pelancongan Malaysia seperti yang ada dalam agenda karnival pelancongan bagi Malaysia.

Kemudian kita juga mempunyai daya tarikan kedua bagi pelancong-pelancong yaitulah kita mempunyai *multy racial society* dengan izin Tuan Yang Dipertua, kita mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa, berbilang kaum hidup di dalam keadaan aman damai. Dan juga kita mempunyai *island resorts* di pulau-pulau tercantik seperti yang disebutkan oleh Wakil Bandar, bukannya saja dalam 20 termasuk bilangan 20 yang tercantik di dunia tetapi Pulau Perhentian berada pada nombor 10 tercantik di dunia. Maksudnya dengan sebab inilah kita lihat bahawa penggalakan pelancongan bagi Terengganu ini agak lebih mudah kerana ada tempat-tempat yang menjadi pilihan kepada pelancong dan pulau-pulau yang cukup banyak di Terengganu.

Dan yang ketiga kita mempunyai *jungle* atau *greenere* dengan izin Tuan Yang Dipertua, yaitulah kita masih mempunyai hutan-hutan simpan dan juga hutan-hutan lipur dan juga kita mempunyai kawasan hijau yang cukup banyak. Sebab itulah insya Allah usaha-usaha akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa kita akan dapat meneruskan usaha pelancongan ini di mana jangkaan bagi tahun 2000 kehadiran pelancong yaitulah pelancongan tempatan dianggarkan 1.3 juta dan pelancong-pelancong asing 200,000, berjumlah 1.5 juta. Ini yang dianggarkan bagi kita Negeri Terengganu menerima pelancong tempatan dan asing.

Yang amat menarik perhatian saya ialah ucapan Wakil Kuala Besut berkaitan dengan jika sekiranya penggalakan pelancongan yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri hendaklah dipastikan juga apa yang negatif itu dapat dihindarkan. Yaitulah kita lihat kesan-kesan negatif hasil daripada pelancongan yang meningkat maju adanya permasalahan keruntuhan moral di kalangan anak-anak muda dan belia kita. Saya ingin untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini Tuan Yang Dipertua, puncanya ialah kerana tidak adanya dasar pelancongan yang jelas. Dan oleh kerana di bawah kerajaan yang baru insya Allah, kita akan siapkan secepat mungkin Dasar Pelancongan Negeri Terengganu, dan sedang disiapkan dan kita jangkakan akan dapat pada 15 Jun 2000. Setelah adanya dasar-dasar yang jelas ini insya Allah kita akan bertindak selepas daripada itu

10 Mei 2000

mengikuti strategi dan pelan bertindak ke arah memenuhi kehendak-kehendak Dasar Pelancongan Negeri.

Saya mengambil alih Jawatankuasa Induk Belia, Sukan, Kebudayaan dan Pelancongan dengan tidak ada satu dasar pun yang ditinggalkan warisan Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Bayangkanlah bagaimana beratnya untuk kita memikul tanggungjawab ini dengan tidak ada dasar, pelan tidak ada bagaimana nak disiapkan rumah. Alhamdulillah, kita akan berusaha untuk memastikan Dasar Belia akan dapat disiapkan, dan selepas itu Dasar Pelancongan, selepas itu Dasar Sukan dan Dasar Kebudayaan.

Juga apa yang dibangkitkan oleh Wakil Paka berkaitan dengan kemajuan sektor pelancongan ini yang berkait dengan pembangunan hotel-hotel dan chalet-chalet hendaklah pastikan penjagaan alam sekitar. Kerana hasil daripada pembinaan hotel-hotel dan chelet-chelet selepas kedatangan pelancong yang ramai juga kita dapati akan berlaku kesan kepada alam sekitar. Ini juga insya Allah akan diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri. Kerana dalam kita menilai dan juga menimbang serta memantau projek-projek yang dilaksanakan kita juga akan pastikan bahawa laporan-laporan dari jabatan-jabatan berkaitan dengan pandangan dan teknikal hendaklah diberi perhatian secara khusus oleh Jawatankuasa yang menimbang dan menilai projek-projek ini. Dan Kerajaan Negeri akan patuh pada dasar-dasar yang ditetapkan iaitulah laporan-laporan dari jabatan-jabatan ini akan dijadikan sebagai asas untuk Kerajaan Negeri meluluskan sesuatu projek pelancongan yang hendak dilaksanakan.

Begitu juga Tuan Yang Dipertua, saya mengharapkan bahawa setelah daripada kita melaksanakan apa yang perlu bagi kemajuan pelancongan Terengganu, di antara perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Kuala Besut juga iaitu supaya hubungan yang baik dengan Kerajaan Pusat hendaklah dibina. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Induk Belia, Sukan, Kebudayaan dan Pelancongan setakat hari ini Alhamdulillah, mendapat kerjasama yang cukup baik di peringkat Kerajaan Pusat. Dan kita akan bekerjasama bagi memastikan bahawa projek-projek pelancongan yang dipohon daripada peruntukan Kerajaan Pusat tidak dianak-tirikan untuk Negeri Terengganu. Kerana perkara yang membabitkan pelancongan ini saya telah secara peribadi bercakap dengan Menteri Pelancongan supaya memastikan bahawa projek-projek yang kita bagi Negeri Terengganu ini tidak dianak-tirikan. Kerana persoalan pelancongan ini tidak boleh dijadikan soal politik, yang memerintah sama Barisan Nasional ataupun sekarang Barisan Alternatif yang dipimpin oleh PAS, kita mesti menyedari peniaga-peniaga kecil yang mendapat imbuhan secara langsung hasil daripada kemajuan pelancongan ini, terdiri daripada bukan saja orang-orang PAS tetapi juga orang-orang UMNO atau Barisan Nasional. Sebab itulah kita mengharapkan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri atas hubungan *G to G* dengan izin Tuan Yang Dipertua, *Government to Government* ataupun Kerajaan dengan Kerajaan, kita akan bertindak atas asas kita adalah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah Kerajaan Pusat. Insya Allah, kita akan berjalan seiring dalam perkara yang memberi manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu.

Sekian, terima kasih Tuan Yang Dipertua. Wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Seterusnya ...

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillah rabbialami wabihinastain. Yang Berhormat Tuan

10 Mei 2000

Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat pegawai-pegawai kerajaan dan para pentekenti sekalian.

Saya mengambil kesempatan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan yang merupakan dasar Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan bagi kesejahteraan rakyat baik di dunia mahupun di akhirat. Dan ucapan terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan yang menyentuh berbagai-bagai aspek terutamanya persoalan yang berkaitan dengan kebajikan sosial. Khususnya bagi menangani masalah kemiskinan yang begitu ketara di negeri ini hasil peninggalan warisan daripada Barisan Nasional dahulu. Begitu juga masalah gejala sosial yang masih menjadi satu perkara yang perlu ditangani dengan mengambil langkah-langkah yang berkesan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan betapa prihatinya Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melihat suatu perubahan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri demi untuk kesejahteraan rakyat di negeri ini. Persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Wakil Kuala Besut, Wakil Permaisuri, Wakil Jabi dan Wakil Kemasiik mengenai insiden kemiskinan di negeri ini yang menjadi buah mulut orang selama ini *Negeri Eaya Rakyat Miskin*, dan mengesyorkan supaya kerajaan mengambil langkah-langkah yang khusus termasuk menggunakan kaedah baru untuk menangani masalah kemiskinan secara yang berkesan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar begitu prihatin dan mengambil eakna mengenai persoalan ini. Oleh kerana itu Kerajaan Negeri akan berusaha bersungguh-sungguh dan akan bertungkus lumus untuk membebaskan keluarga miskin dan termiskin daripada belunggu dan perangkap kesusahan hidup terutamanya golongan petani, nelayan dan buruh yang merupakan golongan majoriti di negeri ini. Pada dasarnya masalah kemiskinan di Negeri Terengganu bukanlah berpunca daripada kekurangan sumber ekonomi ataupun manusia untuk maju. Ini kerana Terengganu tidak ketinggalan dari segi anugerah hasil bumi yang kaya berbanding dengan banyak negeri yang lain. Jadi oleh yang demikian Kerajaan Negeri sedang membuat kajian menyeluruh di bawah seliaan agensi-agensi kerajaan seperti UPEN, JKM, MAIDAM, YPK dan lain-lain untuk menganalisis status permasalahan kemiskinan dan seterusnya melaksanakan strategi dan program serta aktiviti jangka pendek dan panjang bagi mempertingkatkan taraf ekonomi golongan miskin dan termiskin.

Kajian secara menyeluruh meliputi analisis struktur ekonomi negeri dari segi prestasi lepas dan potensi penjanaaan kekayaan akan datang. Analisis insiden kemiskinan luar bandar dan bandar di Terengganu mengikut masa, menyemak semula definasi indicator kemiskinan yang diguna pakai oleh negara, meneliti mekanisma serta keberkesanan program mengatasi kemiskinan langsung seperti aktiviti di bawah JKM, PPR1 dan juga YPK. Dan seterusnya meneliti keberkesanan institusi pembangunan luar bandar yang terlibat dalam aktiviti pengurangan kemiskinan tidak langsung seperti Felera, Felda, Persatuan Nelayan, Pertubuhan Peladang dan lain-lain.

Di samping itu kajian juga akan dibuat bagi menghasilkan *output* seperti berikut:

- Yang pertama mengenal pasti kriteria dan indicator penentuan kemiskinan bagi menentukan kumpulan sasaran serta pembinaan pengkalan data dan maklumat.

10 Mei 2000

- Melalui reformasi mekanisma pelarasan program-program yang dilaksanakan oleh agensi pelaksanaan seperti UPEN dengan kerjasama JKM, MAIDAM, YPK, Amanah Iktihar Malaysia dan agensi-agensi lain.
- Dan seterusnya mengenal pasti faktor penghalang dan penggerak dalam pelaksanaan program kemiskinan yang sedia ada di Terengganu.

Dan untuk maklumat kepada Dewan ini, perkara ini pernah dilakukan oleh kerajaan dahulunya melalui YPK dengan peruntukan yang besar yang telah melantik seorang Pensyarah Universiti untuk membuat kajian ini. Tetapi peruntukan yang besar itu habis begitu saja, rumusan dan apa yang kita perlukan tidak dapat dalam laporan yang sepatutnya disediakan.

- Dan seterusnya mengenal pasti program dan aktiviti jangka pendek dan panjang ke arah pengurangan kadar kemiskinan di Terengganu.
- Seterusnya mengenal pasti strategi bagi mempertingkatkan mekanisma pelaksana dan pemantuan program pembasmian kemiskinan termasuk penyelarasan antara jabatan dan juga mekanisma baru yang berteraskan Islam, misalnya peranan institusi Islam seperti zakat dan batitul mal dalam konteks pengurangan kemiskinan.

Inilah yang akan kita usahakan untuk laksanakan dan sesungguhnya bagi mengatasi masalah kemiskinan ini adalah merupakan agenda utama Kerajaan Negeri dan usaha-usaha untuk menambah pendapatan rakyat sentiasa diberi perhatian. Ini kerana bersesuaian dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk membina dan membentuk serta mewujudkan masyarakat madani di negeri ini.

Di samping itu, usaha-usaha sedang dilakukan kepada pewujudan guna tenaga dalam sektor-sektor e ekonomi dan meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam proses penyusunan semula masyarakat melalui pewujudan peluang yang lebih luas untuk sektor tersebut di samping menumpukan usaha kepada pembangunan insan sebagai asas penting bagi mencapai matlamat pertumbuhan dengan pengagihan kekayaan yang saksama. Kerajaan Negeri juga akan melakukan pendekatan secara *conceptual* melalui kaedah pelaksanaan yang lebih teratur dan sistematik bagi mengatasi masalah kemiskinan ini. Untuk itu beberapa elemen akan diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri antaranya ialah mereformasi mekanisma pelarasan, menyelaraskan bantuan-bantuan dan mewujudkan pengkalan data dan maklumat. Kerana ini merupakan pra-syarat untuk bergerak lebih mantap dalam menangani masalah kemiskinan dan mencukupkan pendapatan di kalangan rakyat. Mekanisma penyelarasan sudah pun dibuat iaitu dengan menyelaraskan agensi-agensi kerajaan yang terlibat terutamanya JKM, UPEN, MAIDAM dan YPK bagi memantau pelaksanaan program-program di bawah fungsi dan tugas masing-masing. Dan satu Jawatankuasa telah pun dibentuk bagi tujuan ini. Begitu juga dengan penyelarasan bantuan-bantuan sedang dilaksanakan. Bagi tujuan ini, pada peringkat ini untuk maklumat kepada Dewan yang mulia ini dimulakan dengan bantuan membina dan membaiki rumah bagi fakir miskin.

Satu perkara yang penting, suka saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri sedang mengemas kinikan pengkalan data dan maklumat keluarga miskin dan termiskin di negeri ini. Kita telah meminta UPEN mengendalikannya, terutamanya menyenaraikan semula golongan yang layak sebagai ahli PPRT. Sebarang maklumat benar-benar menepati dengan kedudukan dan

10 Mei 2000

angka yang sebenarnya kerana kita tidak begitu percaya dan yakin dengan data yang sedia ada yang diterima daripada warisan kerajaan dulu. Saya dimaklumkan dalam perkara ini banyak kedapatan di kalangan ahli PPRT ini orang-orang yang mewah hidup mereka, mempunyai banglo dan kereta-kereta besar tetapi menjadi ahli PPRT. Ini semuanya kita akan buat pemutihan balik.

Begitu juga JKM diminta membuat pemutihan kepada penerima-penerima bantuan am yang sehingga bulan Mac tahun 2000 ini berjumlah seramai 16,685 orang satu jumlah yang sangat besar kalau dibanding dengan negeri-negeri yang lain. Kita telah meminta program pemutihan ini dijalankan oleh pegawai-pegawai JKM dengan kapasiti yang ada. Saya dimaklumkan mereka bertungkus lumus menjalankan tugas ini sampai ke sebelah malam mereka bertugas bagi menyelesaikan program pemutihan ini yang kita beri tempoh sehingga akhir bulan Mei ini. Insya Allah, dengan pembaharuan yang dilakukan ini kita dapat memastikan jumlah mereka yang benar-benar layak menerima bantuan am dan mendapat bantuan dalam program PPRT di samping memproses permohonan-permohonan baru. Dan tidaklah timbul sebagaimana yang dipersoalkan oleh Wakil Seberang Takir kelmarin yang menyatakan bahawa ... beliau menuduh kita sebagai nak mengurangkan kadar bayaran kepada mereka yang perlu dan patut menerima bantuan. Pelarasan yang dibuat ini adalah bertujuan supaya .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, laluan .....

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Saya tak beri laluan, pasal tadi tak beri laluan kepada saya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, saya cuma nak tanya, nak mengatakan sebenarnya saya tidak tuduh, sebenarnya saya tidak tuduh saya tanya saja.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tapi tanya tu berunsur tuduhan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Itu Yang Berhormat anggap begitu.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tuan Yang Dipertua, pelarasan yang dibuat adalah bertujuan supaya tidak berlaku pertindihan dalam pemberian bantuan dan juga untuk melicinkan lagi urusan pentadbiran dan tugas agensi-agensi yang berkaitan. Berhubung dengan pelarasan program dan agenda utama untuk melepasi garis kemiskinan ialah dengan berusaha sedaya upaya mengubah sikap dan minda masyarakat. Agenda perubahan sikap akan ditampunkan kepada golongan sasaran yang dikenal pasti sama ada terdiri dalam fakir miskin dan juga termasuk miskin buatan atau miskin jadian. Contoh miskin jadian ni, mereka mempunyai kekayaan tetapi menyatakan diri mereka miskin ataupun di kalangan mereka yang mempunyai hubungan kait dengan golongan ini. Sasaran utama ialah golongan miskin yang produktif yang mempunyai keupayaan tetapi tidak mahu bekerja. Golongan ini masih ramai yang menerima bantuan am sama ada di kalangan orang tua ataupun orang muda termasuk ibu tunggal yang juga mempunyai tanggungan dan keupayaan. Kesedaran tanggungjawab ini akan ditubikan kepada mereka supaya mereka bekerja mengikut keupayaan mereka. Kerana mengikut Islam, agama yang Maha Suci ini, memandang suci tentang usaha dan memuliakan para pekerja dan

10 Mei 2000

mengira bahawa usaha seorang dari tangannya sendiri adalah semulia-mulia pekerjaan dan setinggi-tinggi bakti mereka kepada Allah s.w.t. sebagaimana firman Allah s.w.t.:

فإذا قضيت الصلاة فانتشروا في الأرض وابتغوا من فضل الله واذكروا  
الله كثيرا لعلكم تفلحون

Yang bermaksud: *Apabila telah ditunaikan sembahayang maka bertebaranlah di muka bumi ini dan carilah kurniaan Allah.* Dan Rasulullah s.a.w. bersabda:

ان الله يحب العبد المحترف

*Sesungguhnya Allah sayang kepada hamba yang suka bekerja.*

10 Mei 2000

Perubahan sikap dan minda ini perlu dilakukan oleh golongan miskin yang produktif agar menggunakan keupayaan dan kebolehan masing-masing supaya rajin bekerja dan jangan semata-mata menjadi penganggur yang sentiasa bergantung kepada orang lain. Umpamanya ditawarkan program jaya diri kepada mereka ini, mereka kata tidak berminatlah, susahlah, tidak sangguplah. Kemudian ada di kalangan mereka yang salah guna modal, pinjam dan macam-macam kerenah lagi. Ini sikap tak mahu bekerja di kalangan golongan miskin yang produktif ini adalah menjadi tanggungjawab kepada semua pihak untuk mengubah mereka ini. Dan inilah kita mengharapkan kerjasama daripada pertubuhan-pertubuhan NGO, orang perseorangan supaya masalah ini kita dapat tangani dengan baik. Agama Islam yang maha suci melarang orang miskin daripada menganggur. Saidina Omar r.a. pernah melarang fakir miskin menganggur dan hanya mengharapkan kepada pemberian bantuan semata-mata. Baginda telah menganjurkan: *Wahai fakir miskin berlumba-lumba mencari kurniaan Allah dan jangan sampai kamu menjadi diri kamu tanggungan kaum muslimin.* Imam Shafie Rahmatullah berkata dalam biat svainnya:

نحن نقل الصخر من قمم الجبال      أحب انى من ممن الرجال  
يا كل الناس انكسب فيه العار      فقلت العار فى ذل السؤال

Maksudnya: *Biarlahku pikul batu meski dari kemuncak gunung ini lebih ku sayangi daripada menadah tangan. Biarlah orang kata kerjaku ini membawa malu dan hina, apakah tidak malu dan hina kerja meminta-minta daripada orang.* Kerajaan Negeri melalui JKM, UPIN, MAIDAM, YPK dan jabatan-jabatan yang lain termasuk Jabatan Pertanian dan Perikanan akan berusaha mengubah sikap golongan yang miskin ini dan untuk membantu mereka melepasi daripada garis kemiskinan dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka, umpamanya melalui skim Jaya Diri dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, golongan miskin yang paling ramai ialah golongan miskin yang tidak produktif termasuklah orang tua yang daif dan tidak berkeluarga. Ketua-ketua keluarga yang berpenyakit tidak upaya dan tidak mampu bekerja serta mempunyai tanggungan-tanggungan, mak-anak banduan dan orang-orang kurang upaya ataupun OKU dan orang cacat. Golongan ini adalah menjadi tanggungan kepada kerajaan untuk membantu mereka dan kita harap kepada semua pihak termasuk badan-badan berkanun dan orang-orang perseorangan supaya mengambil tanggungjawab ini dalam erti kata *social obligation*, tanggungjawab sosial untuk memastikan bahawa mereka terbela. Golongan miskin yang tidak produktif ini ada yang mempunyai keluarga yang boleh membantu dan menanggung sara hidup mereka. Tetapi oleh kerana sikap tidak bertanggungjawab sebagaimana yang dituntut oleh Islam, mereka biarkan ibu bapa mereka terdampar dalam kesusahan ataupun orang-orang yang sepatutnya diberi nafkah hidup kepada mereka ini. Jadi oleh kerana itulah kita juga akan berusaha untuk memberi kesedaran kepada golongan ini supaya mereka bertanggungjawab memberi nafkah kepada ibu bapa mereka ataupun mereka-mereka yang di bawah tanggungan.

Kerajaan Negeri juga telah menaikkan kadar bantuan ini bagi menampung keperluan hidup yang melibatkan pertambahan peruntukan yang besar iaitu lebih kurang RM26 juta bagi penerima bantuan yang hampir jumlahnya 17,000 orang tadi. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri begitu prihatin dengan golongan ini. Kenaikan ini bukan sebagai skim galakan untuk berlumba-lumba mendapat bantuan tetapi selaras dengan kos saraan hidup sekarang ini. Dan sebagai

10 Mei 2000

memenuhi janji kita dalam manifesto parti Islam se-Malaysia, PAS iaitu kalau di bawah pemerintahan Barisan Nasional dulu bantuan am hanya RM50 sehingga RM150 dan bantuan kanak-kanak RM20, kita telah naikkan daripada RM50 kepada RM100, RM150 ke RM250 dan daripada RM20 bantuan kanak-kanak kepada RM60. Dan saya sekali lagi mengucap terima kasih kepada Wakil Seberang Takir yang mengucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri.

Untuk tujuan ini kita mengharapkan penglibatan semua pihak supaya kita memberi cakna yang lebih kepada golongan miskin ini, sebagaimana kata Saidina Ali bahawa kita tidak boleh jemu kepada orang miskin dan tidak ada alasan di hadapan Allah s.w.t. kalau kita membiarkan hidup mereka ini hidup dalam tahap kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, menyentuh persoalan gejala sosial di kalangan remaja yang dibangkitkan oleh Wakil daripada Telemong, Wakil daripada Paka dan Ladang. Kita menyedari bahawa kerajaan BN yang lalu telah meninggalkan warisan gejala sosial yang begitu paras sekali bukan saja di negeri ini tetapi juga di seluruh negara. Banyak langkah-langkah yang telah diambil tetapi kita dapati bahawa langkah-langkah yang diambil itu tidak begitu berkesan dan tidak mencapai kepada matlamatnya. Sebaliknya gejala-gejala sosial ini termasuk penagihan dadah semakin merebak. Jadi oleh kerana itulah kita Kerajaan Negeri insya Allah, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tuan Guru akan berusaha mengambil langkah-langkah dan kaedah-kaedah mengikut *usluk* Islam yang kita yakini dan kita percayai boleh mengatasi masalah ini dengan sempurna. Langkah-langkah mencegah, mengawal daripada penglibatan remaja kita dalam kancas gejala sosial ini akan kita usahakan melalui agensi-agensi yang sedia ada, yakni daripada JKM Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama, Unit Pembangunan Insan dan lain-lain agensi yang berkaitan dengan masalah penyalahgunaan dadah ini ataupun gejala sosial, termasuk juga badan-badan sukarela seperti PEMADAM dan lain-lain.

Selain dari itu juga, insya Allah di bawah kuasa yang diberikan oleh Akta seperti Akta Mahkamah Juvana 1997, Akta Pelindungan Wanita dan Gadis 1972, Akta Pusat Jagaan 1993, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, insya Allah kita gunakan Akta ini untuk kita dapat menangani masalah ini. Dan juga sebagaimana yang dicadangkan oleh Wakil Paka iaitu untuk kita menubuhkan Pasukan Mencegah Gejala Sosial ini sebagaimana ditubuhkan di negeri yang lain, contohnya di Selangor ditubuhkan BADAR. Insya Allah, perkara ini dalam perhatian kita tapi walau bagaimanapun saya ingin nyatakan bahawa kerajaan akan membina perkampungan pemulihan khas di bawah kuasa yang ada untuk kita letakkan di bawah Unit Pembangunan Insan bagi menangani masalah ini dengan baik. Dan insya Allah, kita harap kerjasama daripada semua pihak perkara ini dapat kita atasi.

Dan perkara yang ditimbulkan oleh Wakil Seberang Takir tadi berhubung dengan KEMAS, berhubung dengan balai raya jadi ini telahpun kita selesaikan. Dan perkara ini memang sudah tidak berbangkit lagi.

Jadi sekadar itulah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan-penjelasan daripada saya mudah-mudahan kita semua diberi keberkatan oleh Allah s.w.t. Wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi warokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

10 Mei 2000

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau boleh saya tanya satu soalan sebelum Yang Berhormat duduk kekal di situ. Berapakah kadar kemiskinan yang diterima pakai sebagai permulaan segala usaha yang telah disebut oleh Yang Berhormat sekejap tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Untuk maklumat Yang Berhormat Wakil Seberang Takir, kita sekarang sedang buat kajian untuk kita terima pakai kadar yang sebenarnya. Sebab kita tidak percaya kepada kadar yang telah dibuat oleh kerajaan dulu. Jadi tunggu dulu insya Allah, akan diberi tahu kemudiannya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau tidak percaya kepada kadar yang dipakai oleh Kerajaan Negeri, bolehkah diterima kadar yang dipakai oleh Kerajaan Persekutuan sebagai permulaan segala usaha. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Kita sedang buat kajian, kalau sana kita termalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan seterusnya -

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian.

Pertama kalinya saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana sidang Dewan kita pada kali ini dapat berjalan dalam suasana yang lancar dan juga dalam suasana yang aman. Seterusnya dalam sesi penggulungan ini, saya juga ingin turut menyatakan ucapan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan yang sesungguhnya memberi satu panduan dan hala tuju kepada pembentukan dasar-dasar dan juga polisi-polisi kerajaan di bawah pimpinan kerajaan baru ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, saya nampak suasananya agak berbeza sedikit berbanding pada masa-masa yang lepas terutamanya di kalangan *back benches* di kalangan penyokong-penyokong kerajaan; tidak macam dulu dalam erti kata kalau dulunya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada wakil kerajaan mereka selalu mengambil sikap *yes men*, mengambil sikap untuk sentiasa menguji dan takut untuk mengkritik kerajaan yang ada. Tetapi nampak perkembangan yang ada sekarang ini dan insya Allah, inilah yang kita hendak pandangan-pandangan dan juga kritikan-kritikan dalam kita mula melihat suasananya dalam kepimpinan kerajaan yang baru ini. Tinggal lagi saya minta ... tak dok seorang dah, wakil-wakil dari pihak pembangkang akan lebih bertanggungjawab dalam memberikan ucapan dan pandangan-pandangan mereka kerana kita sebenarnya sangat memerlukan wakil-wakil daripada pembangkang dalam

10 Mei 2000

urusan dan juga dalam pengurusan pemerintahan dan juga pentadbiran ini supaya wujud suasana, dengan izin *check dan balance* dalam konteks pentadbiran dan pemerintahan kerajaan. Kita pun tak nak Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau sehalu sahaja.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin respon terhadap beberapa ucapan yang telah dibuat oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat khususnya yang menyentuh port folio yang saya diberi amanah. Yang pertama sekali berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Wakil Kemasik tapi sayang tak dok, saya ingat peringkat orang tua sedikit ni tak apalah ... tak gaduh sangat pergi ke perhimpunan agung serah pada orang muda dulu. Tapi tak apalah, untuk memberikan suatu penjelasan berhubung dengan apa yang telah dibangkitkan, iaitu mengenai dengan kesibukan jalan di antara Paka dan Kertih sekarang ini di mana untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat apa yang dimaksudkan itu sebenarnya sudah ada dalam tindakan pihak kerajaan. Iaitu rancangan untuk menaik taraf jalan dua hala yang sekarang ini dari sudut peruntukannya ialah dalam proses mereka bentuk jadi peruntukan yang ada itu cukup-cukup untuk dilaksanakan kerja-kerja reka bentuk. Kemudian apa yang kita buat sekarang ini, kita meminta supaya ... oleh kerana ini merupakan Jalan Persekutuan kerja-kerja pembinaan, apa yang saya sebutkan tadi iaitu jalan dua hala, dengan izin *double carriage way* di kawasan Paka, Kertih dan Rantau Petronas telahpun dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Jadi saya berharap walaupun Yang Berhormat yang berkenaan tidak ada di sini dapat sama-sama membantu kerajaan untuk perkara ini dan tidak semata-mata menyalahkan Kerajaan Negeri. Oleh kerana jalan ni sibuk bukan sehari dua tetapi sebenarnya dah lama sibuk tambahan pula kawasan itu merupakan kawasan industri yang telah lama berkembang dan membangun. Jadi kalau tanya saya pada waktu ini saya boleh tanya balik, apa Yang Berhormat yang berkenaan buat selama ini, dalam tempoh dah bertahun-tahun apa yang telah kita buat sehingga kita membiarkan suasana yang dibangkitkan itu.

Dan Kerajaan Negeri juga bukan sekadar untuk menaik taraf jalan yang sedia ada ini tapi khusus untuk di kawasan Kertih, cadangan untuk mengadakan suatu *by-pass* supaya aliran lalu lintas yang begitu sibuk itu dapat dikurangkan. Kalaupun tidak boleh menyelesaikan kesemuanya tapi sekurang-kurangnya dapat dikurangkan kesibukan terutamanya di kawasan-kawasan industri yang mempunyai risiko yang disebutkan oleh Wakil daripada Paka, kita tidak mahu pengalaman peristiwa yang berlaku di Bhopal, India itu akan berulang, kita minta jauh. Bahkan untuk menegaskan betapa Kerajaan Negeri sangat prihatin berhubung dengan keadaan dan juga suasana lalu lintas yang ada di kawasan yang berkenaan, di bawah kerajaan baru ini sebenarnya telah diluluskan pengambilan balik tanah untuk projek jalan keretapi daripada Kertih ke Pelabuhan Kemaman dan seterusnya ke Pelabuhan Kuantan. Ini sebenarnya merupakan suatu tindakan dan juga keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Walaupun sebenarnya projek ini telah lama dirancang tetapi di bawah kerajaan barulah kita telah mengambil tindakan begitu drastik kerana kita tidak ada apa-apa agenda di belakang sesuatu projek. Jadi dengan apa yang saya jelaskan ini dapatlah apa yang dikehendaki oleh Wakil Bandar supaya di negeri kita ini ada keretapi. Dan kita harap insya Allah apabila sudah ada asas jalan keretapi ini ia boleh dikembangkan ke destinasi-destinasi yang lain termasuklah kalau ada yang berminat untuk hantar kerepok.

Seterusnya saya ingin respon kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Ajil berhubung dengan banyaknya pemberian-pemberian projek kepada kontraktor-kontraktor luar. Saya tidak menyalahkanlah oleh kerana Yang Berhormat merupakan orang yang baru dalam Dewan ini, boleh jadi dia bercakap tidak begitu cermat dan juga tidak membuat *home work* yang baik dan bertanggungjawab apa yang disebut itu. Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang

10 Mei 2000

Berhormat bahawa pada asasnya pemberian satu-satu projek khususnya di peringkat tender sebenarnya mengatubil kira beberapa perkara yang penting dan tidaklah projek itu diberikan begitu saja. Yang pertamanya ia mestilah berdasarkan kepada dokumen yang lengkap, kontraktor yang berminat untuk menawarkan ataupun nak masuk satu-satu tender mestilah mempunyai dokumen yang lengkap. Yang keduanya mestilah mempunyai latar belakang kewangan yang ... kalau pun yang tidak terlalu kakuh tapi latar belakang kewangan yang meyakinkan. Jangan maknanya atas dasar dia nak satu-satu projek dia tidak boleh membuktikan latar belakang kewangan yang meyakinkan sebab kita takut projek itu jadi sekerat jalan. Seterusnya dari segi keputusan pemberian satu-satu projek juga berasaskan kepada pengalaman kerja ataupun dengan *izin track record* yang baik. Seterusnya kita juga mengambil kira harga tawaran yang *competitive* ataupun harga tawaran yang munasabah. Seterusnya kita mengambil kira tempoh siap kerja yang munasabah, kita tidak nak walaupun harganya *competitive* tetapi tempoh untuk menyiapkan satu-satu projek begitu lama yang boleh memberikan suatu implikasi yang tidak baik terutamanya yang melibatkan projek-projek infrastruktur dan juga kemudahan awam yang melibatkan kepentingan orang ramai. Seterusnya kita mengambil kira rekod kerja dalam tangan supaya kita tidak malu yang pertamanya sekali kalau satu kontraktor itu sudah banyak kerja. Yang keduanya kalau dia mempunyai rekod kerja yang tidak baik, kalau kerja yang sedang dijalankan itu ada melibatkan projek sakit dan sebagainya ini sudah tentu akan menjejaskan dari segi tawaran projek kepada pihak yang berkenaan.

Sudah tentulah apa yang dimaksudkan oleh Wakil yang berkenaan kita akan mengambil kira faktor orang tempatan. Oleh kerana itu faktor orang tempatan mempunyai semua faktor-faktor dan ciri-ciri yang saya sebutkan tadi sudah tentulah ia merupakan yang berkenaan ... syarikat yang berkenaan akan diatubil kira sebagai keutamaan dalam sesuatu pemberian projek. Cuma apa yang dibangkitkan oleh kerana tidak spesifik tapi saya rasa saya tidak tersalah tanggapan untuk kedua-dua projek yang dibangkitkan, sebenarnya kita menawarkan projek tersebut secara tender terbuka yang kita tidak sebenarnya mengkhususkan kepada orang-orang tempatan sahaja. Makna adalah salah kalau sekiranya dari segi apa yang kita laksanakan berhubung dengan sesuatu jenis tawaran tender terbuka itu kita terikat pemberiannya kepada kontraktor tempatan, kita tawar secara terbuka tapi kita terikat kepada kontraktor tempatan. Umpanannya yang disebutkan berhubung dengan ... saya tak payah sebutnya secara khusus tapi saya nak ambil dari sudut *accountability* dengan izin. Berhubung dengan projek membina tangki air di Bukit Pauji, Cendering yang insya Allah, kapasitinya lebih kurang empat juta galen sehari ... sebab kita tahu dari sudut bekalan air di kawasan ini ada masalah sekarang ini dan kita harap projek ini akan dapat disiapkan seberapa cepat, sebenarnya kita telah menawarkan projek ini kepada satu syarikat tempatan tetapi sayangnya sebelum L.A. dikeluarkan *Letter of Award* dengan izin ia telah menarik diri di saat-saat yang akhir, terpaksa ditender semula. Kemudian kita pilih syarikat yang berkenaan, sebenarnya walaupun dia kontraktor luar tetapi ia menyelamatkan tidak kurang daripada RM500,000 setengah juta wang rakyatlah kita katakan.

Seterusnya berhubung dengan projek ...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDEL RASHEED BIN NGALI (Wakil Seberang Fakir):  
Tuan Yang Dipertua, sedikit penjelasan - apa maksud ditawarkan dengan tidak mengeluarkan L.A.?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Abir Limbau): Sila ulang balik.

10 Mei 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Maksud ditawarkan tapi sebelum dikeluarkan L.A., apa makna?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA EIN ALI (Wakil Alur Limbat): Apa yang saya cuba jelas tadi syarikat yang berkenaan telah ditawarkan untuk mendapat projek yang berkenaan tetapi sebelum surat rasmi dikeluarkan ia telah menarik diri. Jadi bermakna projek ini terpaksa ditender semula bagi memastikan projek yang berkenaan tidak terbengkalai. Seterusnya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, jadikah ini bermakna ada tawaran tidak rasmi?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tidak, belum lagi dikeluarkan surat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Belum dikeluarkan macam mana dia dapat tahu ada tawaran? Bukankah L.A. tu tawaran?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Betul, sebenarnya dia telah dimaklumkan tetapi dia menarik diri. Seterusnya berhubung dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, saya nak tahu adakah bermakna dia dimaklumkan itu satu pembocoran sebelum L.A. dapat dikeluarkan?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Sila jelaskan semula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat kata, sebelum L.A. diberi kepada dia, dia telah tahu ... dimaklumkan. Jadi macam mana cerita pula ni? Tentulah ada pembocoran sebelum L.A. keluar dia dah tahu.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Ini soal detail, Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya ingin meneruskan berhubung dengan projek yang dibangkitkan berhubung pembinaan tangki air di Batu 7, Dungun. Di mana pemilihan yang dibuat sebenarnya berasaskan kepada pengalaman kerja syarikat yang berkenaan. Oleh kerana syarikat yang berkenaan mempunyai *tread record* yang baik dan kita tidak mahu semata-mata mengambil kira faktor orang tempatan dalam keadaan dia tidak mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pembinaan yang berkaitan maka pihak kerajaan akan terpaksa menanggung risiko yang tinggi yang boleh menjejaskan kepentingan orang ramai. Dan sebenarnya saya tidak tahu apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan, kalau ada syarikat yang dia nak rekomen, tapi sebenarnya saya tidak boleh nak jawab secara spesifik, kalau betul syarikat berkenaan ia telahpun sebenarnya ditawarkan kepada projek-projek yang lain. Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat khususnya daripada wakil-wakil kerajaan tak perlu bimbanglah berhubung dengan pemberian projek-projek kerana sebenarnya masih banyak lagi syarikat-syarikat daripada orang kuat UMNO yang masih dapat projek dan sebenarnya juga banyak syarikat-syarikat yang dihubungkan dengan orang PAS ni yang tak dapat projek. Jadi ini insya Allah, kita akan memastikan keadilan dapat dilaksanakan walaupun saya tahu *trend* ataupun perkembangan yang akhir ini banyak juga syarikat-syarikat yang kuat UMNO ni dia cuba menyamar dan juga menggunakan syarikat-syarikat orang PAS sebagai *vehicle* dengan izin, untuk mendapat satu projek. Insya Allah, kalau dia mempunyai

10 Mei 2000

kewibawaan, ada *tread record* yang baik, ada ciri-ciri yang saya sebutkan tadi insya Allah dia boleh dipertimbangkan untuk satu-satu projek. Walaupun sebenarnya pengalaman dulu cukup perit, kontraktor-kontraktor orang PAS ni dok bau langsung, jauh panggang daripada api untuk mendapat satu projek. Bunyi saja orang PAS, potong. Insya Allah, ini kita akan pastikan ...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa tu berdohoh orang PAS langsung tak boleh. Insya Allah. Dewa yang lain beri peluang saya beritahu ... ada orang PAS yang dapat. Jadi saya rasa keterlambatan kata kontraktor PAS tidak dapat masa dulu. Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alor Limbat): Terima kasih Yang Berhormat, ini saya cuma nak sebut ni insya Allah, kita akan cuba melaksanakan keadilan macam kita tau sifat Tuhanlah, sama ada yang taat, yang derhaka kepada Dia ... insya Allah kita akan pertimbangkan.

Seterusnya berhubung dengan Wakil daripada Telemong yang bercakap berhubung dengan penghapusan tol di Jambatan Sultan Mahmud. Saya sendiri pun Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tidak faham apa Yang Berhormat yang berkenaan susah sangat berhubung dengan tol ini kerana kita bercakap soal tanggungjawab sosial *social obligation* dengan izin, maknanya kalau kita mampu buat, mampu beri tawaran kepada rakyat dan ini pun kita berjanji dalam manifesto sebelum daripada pilihan raya. Jadi apa yang kita susah sangat, kita nak bagi kebajikan kepada rakyat sebenarnya kita tidak mengambil di atas susah payah rakyat. Kita tidak jadi miskin kerana kita hilang sumber pendapatan sebanyak RM4.5 juta. Jadi inilah yang susah apabila kita tak buat, apa yang kita janjikan dalam manifesto dicatangkan di kampung-kampung parti PAS ni melawok, cakap saja. Kita buatpun dia tidak puas hati juga, jadi kita tidak tahu bak mana satu dia nak pegang. Ini sebenarnya gambaran, kerajaan sekarang lebih bertanggungjawab, lebih pandai menguruskan soal kewangan dan soal memberikan keutamaan dalam melaksanakan satu-satu projek. Kalau kita tengok negara luar, tak payah pergi jauhlah – kita tengok di Thailand sendiri umpamanya dalam keadaan tol-tol yang begitu hebat, lebih raya yang begitu hebat tidak adapun dikenakan tol. Jadi ini soal tanggungjawab sosial.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya juga nak mengucapkan berbilang terima kasih kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Wakil Telemong dan juga Yang Berhormat Seberang Takir sendiri berhubung dengan keadaan bahaya di Jambatan Sultan Mahmud. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat yang berkenaan, projek untuk mengubahsuai rumah tol Jambatan Sultan Mahmud yang melibatkan kerja-kerja ubahsuai bangunan yang sedia ada, memecah platform, melebarkan lorong jalan sudahpun ditawarkan. Jadi insya Allah, kerja-kerja akan berjalan sedikit masa lagi dan saya sendiri sudah mengarahkan pihak JKR supaya kerja-kerja yang kecil yang melibatkan soal-soal keselamatan, mana yang boleh kita buat dulu kita buatlah sebelum kontraktor masuk.

Seterusnya Yang Berhormat Yang Dipertua, berhubung dengan ucapan daripada Wakil Seberang Takir, saya ucap terima kasih walaupun dia seorang, dialah satu-satunya yang berjaya besar sanggup tunggu sampai habis, berhubung dengan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri sebenarnya Yang Berhormat Yang Dipertua, sentiasa berjaya besar dalam menghulur tangan persahabatan, dalam membina kerjasama yang sebaik-baiknya dengan Kerajaan Pusat sesuai dengan apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan negara kita yang mengamalkan sistem *federalisme* masing-masing ada tanggungjawab, Kerajaan Pusat ada tanggungjawab, Kerajaan Negeri ada tanggungjawab masing-masing rakyat pakat bayar cukai

10 Mei 2000

belaka; kita harap perbezaan parti tidak boleh menjadi sebab mengapa kita tidak boleh bekerjasama dengan sebaik-baiknya. Oleh kerana itulah saya minta kepada kawan-kawan kita daripada pembangkang khususnya, orang tua kita Yang Berhormat daripada Seberang Takir dapat memainkan peranan untuk membina jambatan dan merapatkan hubungan di antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Kita minta apa-apa yang telah dibuat komitmen lebih awal peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan sebelum daripada ini tidak dikaji semula atau ditarik balik atas semangat sistem *federalisme* yang saya sebutkan tadi.

Begitulah juga hak Kerajaan Negeri .....

YANG BERTUHAK YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ...

YANG BERTUHAK ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): ..... untuk mendapatkan geran wajib, kita harap akan berjalan seperti biasa, akan berjalan mengikut jadual dan tidak akan timbul apa-apa masalah. Kerana dalam bahagian saya umpamanya berhubung dengan pembangunan infrastruktur memanglah kalau kita nak membina sesuatu projek yang berhubung dengan bekalan air, berhubung dengan sistem perparitan umpamanya kita tidak boleh buat separuh-paruh kerana dia akan menjadi suatu masalah besar untuk kepentingan rakyat. Jadi oleh kerana itulah apa yang saya sebut sebelum daripada ini kita harap membina jambatan yang baik kawan-kawan kita akan memainkan peranan yang penting tetapi jangan kita menjadi ejen yang mengeruhkan suasana, melaporkan yang tidak betul yang akhirnya menimbulkan suatu ketegangan antara Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri.

Akhirnya, saya juga mengharapkan Wakil daripada Seberang Takir yang mengharapkan supaya kita berjiwa besar, jangan kita hanya pandai bercakap saja sehingga orang tak nampak besarnya jiwa kita tapi orang nampaknya bahasa sastera kita saja yang besar tetapi diperbesar-besarkan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin memperingatkan saya sendiri juga kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya kita dapat membuat pembacaan yang lebih luas dalam semua bidang termasuk berhubung dengan buku-buku agama yang membicarakan isu-isu pemerintahan ataupun pentadbiran Islam. Macam Wakil Kemasik, Yang Berhormat Yang Dipertua, bagus walaupun barangkali dia tidak sempat membaca tetapi sehari dua ni dia boleh mengaji dengan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar berhubung dengan pandangan Islam berhubung dengan patung. Pandangan Islam berhubung dengan hak-hak orang bukan Islam dalam sebuah pemerintahan Islam supaya kita tidak bercakap dalam keadaan yang jahil berhubung dengan sesuatu perkara.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya harap apa yang telah ditimbulkan oleh kawan-kawan kita daripada pembangkang terutamanya untuk menggambarkan suasana yang tidak stabil, yang tidak aman di negeri kita ini supaya tidak diteruskan kerana sebenarnya sekarang ini rakyat tidak menilai kita berdasarkan apa yang kita cakap tetapi rakyat menilai sendiri apa yang sebenarnya berlaku di peringkat bawah, di kampung-kampung sekarang ini yang sebenarnya dalam keadaan yang lebih aman, dalam keadaan mereka telah ada muafakat, lebih bersatu dan seumpamanya. Tidak ada ertinya, tidak ada faedahnya kita mengungkit-ungkit, *nawaitu* mereka, niat mereka kenapa mereka nak ke masjid semula, kenapa mereka nak bercampur semula kerana itu bukan persoalan yang penting tetapi yang lebih penting apa yang telah mereka buat untuk bermuafakat, untuk bersatu padu itu sepatutnya itulah yang kita hargai untuk menggambarkan kita

10 Mei 2000

sebagai ahli-ahli politik yang berjiwa besar yang mana kita melibat inilah tujuan dan juga matlamat kita berpolitik.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA, Yang Berhormat sila . . .

YANG BERTHORMAT ENCK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya rasa itulah Yang Berhormat Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahh ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menangguhkan Dewan ini dan sebelum daripada itu memohon maaf di atas kecacatan yang berlaku kepada sistem di Dewan ini. Ini adalah suatu kemalangan yang tidak disengajakan dan dengan ini saya tangguhkan Dewan pada hari esok Khamis, 11 Mei 2000 jam 9.30 pagi dengan sama-sama kita membaca *tashih khifarak* dan surahatul 'Ashr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.05 PETANG.

**PERSIDANGAN**  
**PADA HARI KHAMIS, 11 MEI 2000**

PERSIDANGAN  
PADA HARI KIAMAT, 11 MEI 2000

Hari Khamis,  
11 Mei, 2000

## KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 156 ]
2. Soalan-soalan Lisan [ Muka 160 ]
3. Usul Yang Telah Diberi Notis: [ Muka 161 ]  
*Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Di Raja*  
[ sambungan perbahasan ]
4. Rang Undang-Undang:  
*Enakmen Peruntukan Di Raja (Pindaan) 2000* [ Muka 186 ]
5. Tangguhan [ Muka 189 ]
6. *Lampiran A [ Soalan bagi Jawapan Bertulis ]* [ Muka 190 ]



11 MEI 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA  
PUKUL 9.30 PAGI**

**H A D I R**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Haji Husain bin Awang

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong  
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,  
SSM.,PMN.,SPMT.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah  
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh  
WAKIL CUKAI

11 MEI 2000

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli  
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat  
WAKIL TEPUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamat bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shahrizukirmain bin Abd. Kadir  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh  
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Suiiong  
WAKIL KIJAL

11MEI 2000

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof  
WAKIL BANDAR

**TIDAK HADIR**

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, - Dengan maaf  
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang - Dengan maaf  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, - Dengan maaf  
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid - Dengan maaf  
WAKIL AJIL

11 MEI 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan *or* Mohd Nanri bin Hashim),  
DPMT, ASM, KMN, PJC, PJK, BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Sved Alwee,  
DPMT, ASM, PJC, PJK, BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Osman bin Muda, PJK.

11 Mei 2000

PUKUL 9.30 PAGI

**YANG BERHORMAT YANG DIPETUA:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dewan disambung semula dan untuk memohon keberkatan daripada Allah s.w.t. marilah sama-sama kita membaca umul Quran.

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Alhamdulillah pada pagi ini kita masih lagi dapat bersama-sama di dalam Dewan ini dan Alhamdulillah juga sistem yang kelmarinnya tergendala hari ini dapat dibaikpulih dan dapat digunakan dengan baik. Kelmarin orang kata, Speaker Dewan Negeri tak boleh digunakan, hari ini boleh digunalah, bukan saya alat sebenarnya. Kita teruskan dengan pekerjaan Dewan pada hari ini iaitu soalan-soalan Lisan yang telah dinotis, saya persilakan Wakil daripada Rantau Abang.

**YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai yang dihormati sekalian. Soalan yang pertama -

*Nyatakan berapakah keluasan kawasan hutan yang telah diberikan kelulusan untuk aktiviti pembalakan sejak setahun lalu, berapakah jumlah baki keluasan tanah hutan yang masih berpotensi dilakukan aktiviti pembalakan dan apakah polisi yang diterima pakai oleh Kerajaan Negeri dalam pembahagian konsesi pembalakan ini?*

**YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Rantau Abang mahu penjelasan berhubung jumlah kelulusan kawasan pembalakan pada tahun yang lepas dan jumlah baki keluasan tanah yang masih berpotensi untuk dilakukan aktiviti pembalakan dan polisi yang diterima pakai oleh Kerajaan Negeri dalam pembahagian konsesi pembalakan.

Untuk menjelaskan perkara ini Yang Berhormat Yang Dipertua, kelulusan kawasan hutan yang telah diberikan kelulusan untuk aktiviti pembalakan sepanjang tahun 1999 adalah seperti berikut:

- Keluasan kawasan yang dilesenkan di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) = 6,242.70 hektar
- Keluasan kawasan yang dilesenkan di dalam Hutan Tanah Kerajaan = 3,770.27 hektar
- Keluasan kawasan yang dilesenkan bagi kawasan Tanah Milik = 4,195.91 hektar

Jumlah baki keluasan kawasan hutan yang masih berpotensi dilakukan aktiviti adalah seperti berikut:

- Bagi kawasan pembalakan di dalam Hutan Simpan Kekal catuan tebangan bagi setahun yang dibenarkan adalah seluas 8,820.00 hektar setahun.

11 Mei 2000

- Bagi kawasan Hutan Tanah Kerajaan, kawasan yang dibalok bergantung kepada kawasan yang dibangunkan
- Bagi kawasan Hutan Tanah Milik terpulung kepada pemilih tanah berkenaan.

Berkenaan polisi yang akan diterima pakai oleh Kerajaan Negeri pada waktu ini, kita telah mengubah polisi yang sedia ada yang dilaksanakan oleh kerajaan yang lalu iaitu melalui konsesi. Pihak Kerajaan Negeri telah mengubah kepada satu polisi yang berdasarkan kepada tender terbuka dan sistem ini sedang dilaksanakan sekarang. Dan tidak ada sebarang permohonan untuk kawasan-kawasan ini yang dibuat tanpa melalui Jawatankuasa Tender. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan - Sepanjang tahun pemerintahan kerajaan baru Barisan Alternatif berapakah keluasan telah dicadangkan oleh kerajaan untuk dilaksanakan aktiviti pembalakan ataupun yang telah dicadangkan ataupun yang akan dicadangkan oleh pihak kerajaan.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi setahun bagi hutan simpan kekal ialah catuan sebagaimana angka yang telah saya bagikan itu dan kuota ini ditetapkan berdasarkan kepada Perhutanan Negara. Adapun yang lain-lain tanah kerajaan itu tertakluk kepada perkembangan pembangunan, ini boleh berubah. Yang hutan simpan kekal itu tetap kerana itu catuan bagi setahun.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini hanya satu soalan sahaja maka sesi soal jawab telah berakhir dengan soalan yang dikemukakan oleh Wakil daripada Rantau Abang tadi. Dewan diteruskan dengan ucapan penggulungan daripada pihak kerajaan, dipersilakan.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALJEI BIN ABAS (Wakil Jerih): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Negeri Terengganu, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Terengganu dan juga Ahli-ahli Dewan Negeri Terengganu dan pegawai-pegawai dan sekalian yang hadir dalam Dewan ini, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bangun pada pagi ini untuk berucap dengan secara ringkasnya tetapi malangnya pada pagi ini orang yang patut mendengar ucapan saya ini sudah tidak ada lagi dengan sebab urusan-urusan mereka di Kuala Lumpur. Dari itu saya terpaksa bercakap juga kerana menenteh beberapa perkara yang telah ditimbul di dalam perbahasan ini di dalam masa tiga hari yang lepas. Kita telah mendengar ucapan-ucapan, soalan-soalan dalam tiga yang lepas menenteh beberapa perkara dan setengah-setengahnya sudahpun dijawab. Tetapi pada pagi ini saya tidaklah nak menenteh semua butir-butir dan perkara-perkara yang ditimbulkan di dalam percakapan dan perbahasan tiga hari yang lepas. Saya hanyalah hendak *confined* ucapan saya ini kepada tiga perkara, tiga isu saja. Isu yang pertama ialah mengenai perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri khususnya Negeri Terengganu mengikut Perlembagaan dan undang-undang. Yang kedua, saya akan menenteh mengenai kedudukan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam kerana ini

11 Mei 2000

telah dibangkit di dalam ucapan yang dibuat oleh pihak pembangkang. Dan yang ketiganya ialah mengenai dengan ehwal Hisbah yang dibangkit dalam Ucapan Di Raja dan juga disebut-sebut oleh beberapa orang speaker yang terdahulu daripada saya.

Mengenai dengan *relationship* atau perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, ini adalah berpandu dan adalah hendak berpandu kepada Perlembagaan Malaysia dan juga Perlembagaan Negeri. Jadi banyak orang menganggapkan bahawa Kerajaan Negeri ini boleh buat apa saja sebagaimana dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Anggapan yang semacam itu tidak benar. Saya pernah dengar cakap-cakap di luar mengatakan Kerajaan-kerajaan Negeri yang ada sekarang hanyalah pandai berkata saja tetapi tidak pandai nak mengurus mengenai hal ekonomi, hal kewangan dan sebagainya. Tuduhan yang semacam ini ialah datangnya daripada orang yang tidak mengerti mengenai kedudukan Kerajaan Negeri di dalam Perlembagaan Malaysia. Di sini saya suka nyatakan bahawa sebagai Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri-negeri adalah bercantum menjadi satu Persekutuan yang mana prinsip yang utamanya ialah pembahagian kuasa. Setakat mana dibagi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dan setakat mana kuasa itu ditinggal kepada Kerajaan Negeri. Jadi kalau kita pandang kepada Perlembagaan ini, kuasa-kuasa yang besar-besar sekali sudah tidak ada lagi di tangan Kerajaan Negeri. Bukannya khusus Negeri Terengganu, semua negeri begitu belaka. Yang ada pada Kerajaan Negeri ialah mengenai tanah, lombong, perhutanan dan beberapa perkara-perkara yang kecil sahaja. Perkara-perkara yang besar seperti ekonomi, mengenai dengan *monetary policy* kewangan, *fiscal policy* mengenai dengan *tax* cukai, perniagaan *trade and commerce* semuanya ini di tangan Persekutuan. Jadi maknanya, jikalau hasil-hasil cukai dan hasil-hasil kewangan dan sebagainya, dan perniagaan semuanya termasuk kepada Kerajaan Persekutuan. Yang ada kepada Kerajaan Negeri hanyalah sebagaimana yang saya cakap tadi sedikit saja.

Begitu jugalah mengenai hal ehwal pentadbiran kehakiman, mengenai dengan pentadbiran keadilan dan sebagainya, undang-undang semuanya di tangan Kerajaan Persekutuan. Jadi kita mesti faham bahawa tiap-tiap buah Kerajaan Negeri itu adalah rendah kedudukan dia pada segi kuasa dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi dengan sebab ini ... tetapi dalam pada itupun Kerajaan Persekutuan mesti mengikut prinsip ini, kata orang memberi layanan ataupun *treatment* yang sama rata, yang saksama, tiap-tiap buah negeri mesti berhak menerima segala *treatment* yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dengan secara saksama. Janganlah pula dengan sebab Kerajaan Negeri itu, seperti Kerajaan Kelantan dan Kerajaan Negeri Terengganu dipegang oleh parti pembangkang maknanya hak-hak yang ada pada Kerajaan Negeri itu sudah tidak diberi lagi ataupun sudah dilewat-lewatkan atau sudah diperkecil-kecilkan. Jadi kita mesti ingat Kerajaan Persekutuan itu wujudnya dengan sebab adanya Kerajaan Negeri. Jikalau tidak ada Kerajaan Negeri tidak adalah Persekutuan. Jadi kewujudan Kerajaan Persekutuan semata-mata dengan kerana ada wujudnya Kerajaan Negeri tapi Kerajaan Negeri dengan secara sukarela pada ketika Perlembagaan Malaysia ini dirancang menyerahkan kuasa-kuasa ini kepada Kerajaan Persekutuan. Dengan sebab itu Kerajaan Persekutuan terpaksa dia memberi balik hak-hak ini kepada Kerajaan Negeri. Jadi janganlah pula dikatakan Kerajaan Negeri langsung tidak ada kuasa. Dia ada kuasa, dia ada hak juga. Dengan sebab itu di dalam Perlembagaan ini ditulisnya bahawa Kerajaan Negeri berhak menerima *contribution* kewangan seperti *contribution* mengenai jalan raya, beberapa banyak panjang jalan raya dalam negeri itu diberinya had-had kewangan dan juga melalui berapa banyak penduduk-penduduk dalam negeri itu mesti diberi. Jadi makin ramai orang dalam negeri itu makin banyaklah pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, ini bukan pemberian secara sebagai sedekah ini pemberian yang berhak memang ditulis di bawah Perlembagaan kita. Itu sebagai hak kita, kalau ramai penduduk kita dalam negeri maka banyaklah pemberian itu dan jikalau panjangnya ...

11 Mei 2000

banyaknya jalan di negeri itu banyaklah juga pemberiannya itu. Pemberian ini semuanya mengikut formula yang ditentukan. Jadi pihak kewangan talatlah hal ini saya cuma mengatakan dengan secara umum saja.

Yang demikian, terpaksa Kerajaan Negeri walau macam mana dan Kerajaan Persekutuan walau macam mana sekali pun tidak suka dan tidak bersetuju dengan polisi-polisi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, terpaksa dia berbaik baik yang mustahak sekali kita berbaik-baik sesama sendiri. Kalau tidak berbaik itu satu perkara yang tidak dibenarkan oleh Perlembagaan. Jika sekiranya sebuah-buah negeri itu tidak ditimbang dengan sama rata ini sudah menjadi suatu perkara yang menyalahi Perlembagaan.

Iti sajalah yang saya nak bercakap berkenaan dengan *relationship* atau perhubungan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Bukan saja kita mesti berbaik dengan dia dan dia juga mesti berbaik dengan kita. Dengan sebab itulah mesti ada kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan daripada segi serendah-rendah lapisan sehinggalah setinggi-tingginya. Tapi sekarang sebagaimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya dua hari yang lepas bahawa perhubungannya insya Allah, ada baik. Jadi kita berharap perhubungan yang baik ini akan bertambah baik lagi sehingga dapat kita mewujudkan satu suasana yang elok yang memberi faedah kepada rakyat-rakyat sekalian.

Yang kedua, saya nak bercakap mengenai dengan kedudukan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam. Mengikut prinsip Perlembagaan Malaysia, pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam hendaklah dia *natural* dalam hal ehwal politik. Dia tidak masuk campur dalam hal ehwal politik. Supaya apa? Supaya bila ada saja pertukaran kerajaan pegawai itu tetap menjalankan kerja dengan tidak berbelah bagi sama ada parti yang memerintah dah parti UMNO dan parti yang memerintah ini parti PAS ataupun parti yang lain akan datang, parti kepala lembu ke PRM atau parti apa saja. Maksudnya pegawai ini dia tetap bekerja memberi sokongan dan mengimplemenkan kepada apa-apa saja polisi yang ditetapkan oleh kerajaan itu. Yang demikian, sekiranya pegawai itu sudah campur politik bukan saja setakat menjadi ahli dan juga memegang jawatan dalam *political party* ini adalah satu perkara yang amat berbahaya kerana segala polisi-polisi yang akan dijalankan oleh kerajaan yang akan datang mungkin tidak berjalan kerana tidak ada kepercayaan di antara satu dengan lain. Jadi di sini di mana rosaknya? Ini akan merosakkan pegawai itu sendiri, yang merosakkan juga kepada parti-parti politik yang memerintah negeri ini. Kerana Perlembagaan kita ini dirancang mengikut kata orang *westminster style* iaitu mengikut Perlembagaan di England, yang dianggapkan pegawai-pegawai dia pegawai-pegawai kerajaan British dia panggil *civil service* dia tetap bekerja walaupun dia tidak suka kepada parti yang memerintah sama ada *Conservative* ataupun parti *Labour*. Di England ada dua saja parti, *Labour* dan *Conservative*. Tukar kerajaan, Tony Blair ini hari, dia pakai juga orang tu, besok lepas marilah satu orang lagi tidak ada susah... jalan saja. Tapi oleh kerana di negeri kita ini banyak pegawai-pegawai yang sudah masuk politik mengambil tempat bahagian politik jadi menyusahkan kepada kerajaan baru bila nak menjalankan dasar-dasarnya.

Jadi di sini kita berpindah pula... kita bertanya kepada diri kita, yang jadi macam ini ialah kerana pegawai-pegawai itu sendiri, kata orang nak menggosok bahu dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, Exco ke Menteri ke supaya apa... supaya mereka itu dapat naik pangkat. Tujuannya masuk politik ini dia nak naik pangkat, bila dapat pangkat dah jadi susah. Macam di Amerika dia lain. Di Amerika, pegawai dia fikir sahaja satu *administration*, satu pentadbiran bukan saja parti bahkan Presiden itu sendiri, macam Clinton dia datang, dia masuk sekarang dia dah nak habis dah kerja

11 Mei 2000

dia, orang lain naik dia dengan satu set dia kena berhenti bukan saja Presiden, bukan saja Menteri-Menteri dan juga pegawai-pegawai dia. Yang pernah kita tengok dan kita lihat di sini suatu masa dulu Ambassador Amerika di Kuala Lumpur, bila saja Mr. Bush parti *Republican* sah kalah, jadi dia terpaksa berhenti jadi lain parti naik jadi orang lain pula dihantar untuk menggantinya. Jadi itulah sebabnya di Amerika pegawai-pegawai dia boleh masuk politik, *civil service* dia boleh masuk politik tetapi bila kalah itu parti dia terpaksa berhenti semua sekali jadi set yang baru mari. Itu cara di Amerika.

Cara kita di England dan di Malaysia ini, pegawai-pegawai kerajaan adalah dianggapkan sebagai jentera kerajaan jadi drebarnya ialah Menteri-Menteri dan Ahli-ahli Exco. Jadi, jikalau jentera tu jalan tak betul, rosak situ, rosak sini bagaimana pula drebar tu nak menjalankannya, terpaksa lah baiki situ, baiki sini. Dengan sebab itulah terpaksa pegawai kerajaan ini jangan masuk politik kalau kita betul-betul nak mematuhi Perlembagaan Malaysia. Kalau tidak rosak kita. Ini perkara pernah berlaku kepada saya, saya sendiri dalam satu ucapan yang mana saya membuat ucapan di mana saya diberi Ijazah Doktorate Kehormat Universiti Malaya, saya membuat *warning* pada majlis tersebut bahawa pegawai-pegawai kerajaan jangan sangat mengikut apa yang disuruh oleh Menteri-Menteri. Ia mesti ada had dia, kalau tak boleh beritahu tak boleh, jikalau boleh beritahu boleh, kita mesti bersikap yang semacam itu. Tetapi akhirnya ucapan saya itu dijadikan alasan untuk membuang saya daripada jawatan saya. Tapi sikap saya, saya tak lari. Sikap yang saya percaya terbuka, sikap adil memang tetap menjadi sebatian dengan saya sendiri. Jadi dengan sebab itulah saya kata, orang kata ada pegawai ini dianiaya, ini tidak dianiaya, ini dipilih, di sini kasih, itu siapa yang merosakkannya, yang merosakkan ialah parti politik itu sendiri. Kerana apa, dia nak ambil pegawai itu walaupun pegawai itu rendah kedudukannya dia naikkan pangkat, naik tinggi-tinggi orang yang di bawah tu disupersided, sudah dilangkah-langkah jadi apa pula perasaan pegawai yang sudah dilangkah. Tentulah dia berasa hati, dia pun manusia juga dia pun nak naik pangkat. Tapi oleh kerana satu pegawai tu dia naik dengan sebab dia baik dengan si anu-si anu dia naik pangkat, itu sudah menjadi satu kata orang *atmosphere* yang tidak begitu *healty*. Dengan sebab itulah kerajaan PAS sekarang insya Allah, tidak akan mengamalkan langkah-langkah yang seperti itu dan kita akan mengamalkan keadilan mengikut prinsip keadilan, yang mana dulu, dulu juga, yang mana kemudian, kemudian juga. Melainkan ada sebab-sebab yang tertentu.

Jadi di sini sudah habislah cakap saya berkenaan dengan pegawai kerajaan, saya harap pegawai-pegawai kerajaan mendengar cakap saya ini dapat sedikit fahaman dan mengerti, janganlah sekali-kali campur politik. Kalau masuk politik, jadi ahli senyap-senyap tidak mengapa tapi jangan tunjuk-tunjuk. Tapi jangan pula buat-buat memegang kuasa-kuasa di dalam parti, walaupun di dalam parti PAS ataupun parti UMNO, apa parti sekalipun. Kerana ini akan merosak Perlembagaan, bila rosak Perlembagaan rosaklah kedudukan negeri.

Sekarang saya kembali kepada Hisbah. Mengenai dengan Hisbah ini saya suka hendak kod Ucapan Di Raja muka 3 surat ini, di mana baginda bertitah: *Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Jawatankuasa Hisbah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Jawatankuasa ini akan bergerak secara bebas, adil, telus dan tepat. Dengan pengenalan mekanisma-mekanisma ini Beta yakin akauntabiliti akan menjadi elemen utama dalam menggubal dan melaksanakan halacara-halacara pembangunan dan pentadbiran Negeri Terengganu.* Itu pada muka tiga dan pada muka 10, juga disebutkan di sini: *Beta berkeyakinan Kerajaan Negeri akan terus melipat gandakan usaha bagi mempasti prestasi cemerlang perkhidmatan awam negeri ini berkekalan. Di samping itu, seiring dengan wawasan pembangunan negeri Beta berharap semua pegawai dan kakitangan awam akan menanamkan*

11 Mei 2000

*sikap bekerja berasaskan konsep amal makruf nahi mungkar. Pelaksanaan konsep ini akan memastikan setiap tugas akan dilaksanakan dengan amanah, adil, telus, cekap dan dinamik. Yang pastinya pegawai-pegawai dan kakitangan kakitangan awam peribadi membuktikan kepentingan sektor dalam merealisasikan agenda pembangunan negeri*

Inilah dua perenggan yang dituturkan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam Ucapan Di Raja pada 7 haribulan ini. Di sini ditegaskannya bahawa Hisbah itu akan menjalankan amanah, adil, telus, cekap dan dinamik. Itulah yang sebenarnya hakikat Hisbah. Tetapi saudara kita pihak pembangkang sudah memberi amaran kepada kita atau ingatan kepada kita bahawa janganlah kita menjalankan tugas Hisbah ini sebagai nak membalas dendam. Jadi, saya ingin memberi *undertaking* di sini, *lawyer* dia cakap *undertaking*, ada jaminan bahawa penubuhan Hisbah dan pelaksanaan Hisbah, dan tugas Hisbah akan dijalankan dengan secara adil sebagaimana yang dikehendaki oleh Titah Di Raja ini. Jawatankuasa Hisbah tidak akan membuat sesuatu perkara itu dengan sewenang-wenangnya semata-mata nak menghidulihkan sesiapa, kita bukan nak mengeluarkan hasrat dengki kita atau dendam kita kepada sesiapa tetapi kita akan melihatkan bahawa tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang dipunyai oleh sesiapa, oleh pegawai-pegawai, oleh pihak-pihak yang berkuasa itu berjalan dengan elok mengikut kehendak undang-undang. Di Hisbah yang sebenarnya belum lagi ditubuh, yang ada hanya kepala iaitu saya saja tapi kaki dan tangan tidak ada lagi. Kita hanyalah ada Jawatankuasa saja dan buat sekarang ini ada satu orang pegawai saja yang bertugas, insya Allah dalam masa dua atau tiga bulan lagi kita akan memubuhkan satu jabatan yang akan dinamakan Jabatan Hisbah. Dan insya Allah, pada satu masa yang tidak lama lagi mungkin satu persidangan khas Dewan ini akan dipanggil untuk meluluskan Undang-Undang Hisbah yang sekarang dalam peringkat persiapan yang akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Hisbah ini

Jadi setakat itu saja saya berekap mengenai dengan Hisbah kerana tiap-tiap satu jabatan itu dia berkehendak kepada kuasa dan kuasa itu akan dijalankan oleh pegawai dan pegawainya akan diambil, dan akan ditentukan fungsi-fungsi dia yang akan dilakukan.

Dan sekali lagi saya suka mengakhiri ucapan saya ini, dengan mengatakan bahawa Hisbah tidak ada niat nak menaruh sesiapa, untuk membalas dendam kepada sesiapa dan kita akan bergerak, akan bertugas dengan secara adilnya, kita tidak mahu juga cepat-cepat, kalau kita cepat kita akan tergopoh, bila tergopoh kita akan banyak buat salah, buat salah itu akan jadi mudarat kepada orang yang diambil tindakan dan juga kepada kita sendiri. Sebab itu kita kena berhati-hati, walaupun pihak pembangkang mengatakan cepatkanlah, keluarkanlah bukti-bukti itu, kita ada bukti tapi kita akan berhati-hati sebab kita tidak semata-mata nak menjatuhkan orang. Kita nak buat perkara ini dengan secara adil.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, setakat itulah saja saya bercap pada pagi ini, mudah-mudahan apa yang saya ucapkan ....

**YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih):** Penjelasan Yang Dipertua - Saya ingin mengemukakan sedikit pertanyaan. Adakah boleh Kerajaan Negeri dalam bidang kuasa yang ada Kerajaan Negeri untuk menjalankan hukum Hudud, jika sekiranya tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jerib):** Jawapan Hudud ini yang sebenarnya, patut dijawab oleh orang lain, tidak termasuk dalam bahagian saya.

11 Mei 2000

Ini berkenaan dengan undang-undang, ini patut dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kalau nak cakap dari segi undang-undang, saya boleh sebut, tapi biarlah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita menjawabnya.

Setakat itu saja, Yang Dipertua Dewan. Assalamaulaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Jertih. Seterusnya dipersilakan Batu Rakit.

11 Mei 2000

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasbi dan dihormati sekalian.

Dalam menjujung kasih Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan dan sebagai menggilang dan menjawab beberapa soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, maka saya juga akan menyentuh tiga perkara. Yang pertamanya berkaitan dengan dasar umum pertanian negeri dan yang kedua ialah matlamat portfolio saya, pertaniam dan yang ketiga ialah perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Dewan.

Saudara-saudara sekalian, dasar umum pembangunan pertanian negeri ialah pertamanya memakmurkan negeri dengan pertanian. Yang kedua ialah supaya rakyat merasa bersyukur dengan nikmat Allah yang telah diberikan kepada mereka dan mengingati akan azab Allah di hari akhirat. Saya mengambil dasar umum ini daripada firman Allah:

لقد كان لسبإ في مسكنهم آية<sup>١</sup> جنتان عن يمين وشمال<sup>٢</sup> كلوا من رزق ربكم واشكروا له<sup>٣</sup> بلدة طيبة ورب غفور  
فأعرضوا فأرسلنا عليهم سيل العرم وبدلناهم بجنتيهم جنتين ذواتي  
أكل حمط وأثل وشيء من سدر قليل  
ذلك جزينهم بما كفروا. وهل نجزي إلا الكفور

Yang bermaksud: *Sesungguhnya bagi kaum Saba' di negeri Yaman, tanda kebesaran Allah iaitu dua bidang kebun kanan dan kiri, iaitu yang disebutkan oleh Allah:*

*Dua bidang kebun kanan dan kiri, kepada mereka dikatakan makanlah rezeki Tuhanmu, berterima kasihlah kepada-Nya negeri yang sentosa adil, makmur di bawah lindungan-Nya, Tuhan Yang Maha Pengampun. Tetapi mereka membangkang, maka Kami datangkan banjir besar dan Kami tukar kedua bidang kebun itu yang pahit buahnya, pohon aslin sedikit pohon sikkir yakni dua macam pohon yang tidak berbuah. Demikianlah pembalasan yang Kami berikan kepada mereka kerana kekafirannya, kami menimpakan azab kepada orang yang sangat kafir*

Yang kedua matlamat portfolio saya ialah pertama pengeluaran makanan ke tahap 100 peratus sara diri dan eksport, insya Allah. Kedua meningkatkan pendapatan petani, nelayan dan penternak kepada RM1,500 sebulan dan yang ketiga memodenkan sektor dengan penggunaan teknologi moden dan penyelidikan ataupun R & D. Berkaitan dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Besut, iaitu sekiranya rakyat petani tidak diberi pembelaan maka mereka akan terus miskin. Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sesungguhnya setelah kerajaan sekarang ini memerintah hampir setengah tahun kita dapati tahap kehidupan sosio-ekonomi petani termasuk nelayan dan penternak kecil sangat baik. Faktor-faktor kelemahan ini akan diselesaikan, insya Allah dengan usaha dan kesungguhan kita.

Pada persidangan yang lalu saya telah lebih kurang menggariskan masalah tersebut iaitu ada tiga perkara pertamanya supaya dapat agensi-agensi kita di dalam bidang pertanian mengerahi sasaran

11 Mei 2000

yang hendak kita bela. Yang kedua, supaya prasarana pertanian disediakan secukupnya untuk golongan petani, nelayan dan penternak dan yang ketiga tidak dapat tidak kita mesti mengusahakan pasaran yang setakat ini pasarannya sangat ... boleh kita katakan kalau kita tanam dengan meluas akan menimbulkan keraguan.

Berkaitan dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Wakil Permaisuri, iaitu yang menyebut secara umum mempersoalkan kenapa Terengganu dulu selalu disebut sebagai 'negeri kaya rakyat miskin'. Kita berharap insya Allah, ungkapan ini tidak ada lagi sekarang ini, saya akan terus berunding dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dengan Exco-exco, dengan pegawai-pegawai untuk memastikan bahawa golongan petani tidak diketepikan daripada arus pembangunan negeri. Yang Berhormat Permaisuri juga menyebut tentang tanah Felcra hendaklah dibahagikan. Sebenarnya memang telah diambil tugas sekarang ini oleh semua Jawatankuasa Pemilih Tanah di setiap daerah yang ada Felcra di dalamnya, melakukan pemilihan terhadap peserta-peserta yang sepatutnya dibawa masuk ke dalam Felcra. Dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di dalam Jawatankuasa Pemilih Tanah memastikan bahawa setiap peserta yang hendak dibawa masuk adalah peserta yang layak. Kerana dulu memang banyak terdapat peserta-peserta yang dibawa masuk menjadi peserta Felcra terdiri daripada orang yang senang linang ataupun yang kaya raya, yang setengah daripada mereka diberikan tanah itu sebagai hadiah politik oleh parti yang memerintah dulu. Dan memang saudara-saudara sekalian terdapat dulunya pembahagian-pembahagian bukan saja dalam soal Felcra tetapi juga dalam subsidi pertanian dengan satu cara yang sangat probokatif dan dengan pilih kasih tanpa batas kemanusiaan. Saya minta maaf kerana hari ini wakil pembangkang yang berucap tidak ada, tetapi saya menyebutkan juga ini untuk dirakamkan di dalam sidang ini.

Yang Berhormat Bukit Besi ada menyebutkan tentang kadar 2 ekar untuk petani tidak mencukupi. Insya Allah, kerajaan akan memperuntukkan satu jumlah dalam Dasar Tanah yang baru yang akan dikemukakan tidak berapa lama lagi dan insya Allah, jumlah tanah yang diberikan untuk pertanian dan untuk padi sesuai dengan kemampuan dan jumlah tanah yang ada dalam Negeri Terengganu berbanding dengan jumlah rakyat yang kita ada. Dan juga kita harus faham bahawa pertanian ini hendaklah diusahakan dengan cara yang lebih intensif untuk mengeluarkan hasil yang lebih baik seperti yang telah dijayakan oleh petani-petani di negeri-negeri yang lain. Dan kita juga patut memimpin masyarakat petani kerana masyarakat petani kalau tidak dipimpin maka mereka akan berada di tahap yang lama, terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan dan terlalu lemah semangat mereka untuk mengusahakan bidang pertanian. Kerana mereka merasakan bidang pertanian ini adalah bidang yang lemah dan bidang yang tidak mendatangkan hasil yang baik. Justeru itu maka sesungguhnya perlu bukan saja Wakil-wakil Rakyat bahkan orang-orang lain juga harus memimpin masyarakat petani walaupun mereka bukan daripada kalangan petani. Dan barangkali ini perlu kepada pemimpin yang berjiwa besar, yang besar sungguh-sungguh yang akan melihat kepada penderitaan rakyat dan bukan besar untuk nak melakukan tindakan bagi membuat sesuatu yang menyedapkan perasaan mereka saja seperti yang dilakukan oleh yang lalu-lalu. Kita tidak mahu pemimpin yang berjiwa besar seperti yang lepas yang sanggup merobohkan sekolah dan surau-surau, dan sanggup membahagikan tanah-tanah kepada orang-orang yang mereka nak bagi saja dengan megepikan beribu-ribu atau beratus-ratus pihak-pihak yang lain yang telah meneroka tanah dengan puluhan tahun seperti yang berlaku di Baruh Tok Jiring. Megepikan ratusan orang yang meneroka sejak puluhan tahun, membawa masuk orang-orang yang baru yang mereka lakukan itu semata-mata untuk memberi habuan politik dan pilih kasih kepada orang-orang yang mereka kehendaki saja.

11 Mei 2000

Saudara Yang Berhormat Wakil Bandar, harap dapat dibelikan bot *second-hand* dari negara Eropah untuk membantu nelayan. Saya cuba mendapat nasihat daripada pegawai-pegawai kita, mereka kata bot daripada negara Eropah itu ada dah telah dicuba tapi tak berapa sesuai, nak kena bot kayu juga. Dan kita barangkali beli bot barulah jangan beli hak *second-hand*lah, tak berapa sesuai bot daripada Eropah itu, kurang kesannya. Dan insya Allah, walau bagaimanapun cadangan itu akan kita kaji tengok mana yang terbaik yang boleh dilakukan.

Dan menyebut juga tentang kemiskinan nelayan yang memang sangat ketara. Memang saudara-saudara sekalian, saya pun rasa sangat terkesan dengan masalah nelayan ini, sebenarnya terdapat sekarang kurang lebih 6,500 nelayan tempatan dan kerajaan dulu hanya mengadakan sebanyak 15 Kumpulan Ekonomi Nelayan yang terdiri daripada antara 15 hingga 20 orang satu kumpulan. Artinya mereka mewujudkan Kumpulan Ekonomi Nelayan seramai 200 orang daripada 6,500 orang nelayan tempatan atau kurang lebih 3.2 persen saja. Itu yang mereka katakan dulu memajukan nelayan. Jadi insya Allah, kita akan buat tindakan semula untuk memastikan bahawa mereka diolah dalam satu keadaan yang meyakinkan kita sendiri supaya dasar yang dilakukan dan tindakan yang dilakukan meyakinkan kita sendiri.

Jadi dalam hal ini saudara-saudara sekalian, kita perlu menyusun semula kehidupan nelayan. Wakil-wakil Rakyat mesti membantu untuk menyusun semula kehidupan nelayan dan input-input untuk mereka ditambah termasuklah air batu kalau perlu. Air batu ni bermusim juga Yang Berhormat Bandar, dia bermusim ada musim lebih air batu ni ada musim kurang. Walau bagaimanapun dari segi air batu ni musim lebih tu memang orang tak bersungutlah, musim kurang orang bersungut. Kita akan cuba berusaha perkara ini menyelesaikan dengan Persatuan-persatuan Nelayan dan juga dengan pihak-pihak lain yang sefena ini telah mengusahakan air batu dan sempamannya.

Yang Berhormat Wakil Bandar juga ada sebut tentang kerepok lekor dan minta memajukan sektor ladang. Insya Allah, kerepok lekor ini saudara-saudara sekalian melalui agensi tertentu akan meningkatkan industri ini dan ada dah yang menggunakan alat pengering dan sebagainya dan sekarang ini ada kerepok lekor kita masuk pasaran sampai ke Lembah Kelang, melalui usaha-usaha sendiri. Perkara kebersihan, pemerosesan ikan sebagai contoh kita akan ambil berat, dan saya rasa saya dah sebut dalam sidang yang lalu untuk kita tengok dua kawasan kerepok lekor iaitu di Kuala Hiliran dan juga Mengabang Lekor yang insya Allah, kita akan jadikan dua-dua tempat ni sebagai tempat contoh bagi industri kerepok lekor.

Dari segi ladang saudara-saudara Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana kegunaan tanah dalam sektor ini telah meluas, maknanya tanah yang digunakan sangat luas dalam Negeri Terengganu maka portfolio saya akan berunding dengan kerajaan supaya sektor perladangan ini kalau nak dituaskan mestilah akan membabitkan rakyat dan untuk faedah rakyat. Dan kerajaan akan berusaha juga insya Allah, membuka ladang-ladang padi walaupun dalam skala yang kecil tidak luas, memulihkan kawasan padi terbiar, kawasan tanah terbiar ini akan kita lakukan. Jadi kita harap insya Allah, dalam perkara ladang bukanlah terhad kepada ladang kelapa sawit saja tetapi kita tengok juga ladang-ladang yang lain, ladang kelapa yang lain ataupun ladang padi dan sempamannya.

Yang Berhormat Wakil Bukit Tinggi mencadangkan supaya tembakan diganti dengan tanaman lain. Saya kurang lebih telah berunding dengan Tuan Guru Menteri Besar dalam perkara ini dan kita tidak menjadi halangan kalau orang nak tukar tanaman tembakan dengan tanaman lain kalau

11 Mei 2000

mereka sendiri bersedia. Walau bagaimanapun di negeri kita ada lebih kurang 3,000 hektar tanah untuk tembakau dan yang selalu diusahakan sekitar 1,800 hektar yang membabitkan 2,900 penanam dan pengawit tembakau. Ini yang ada sekarang dan kita berharap mereka sendiri akan berusaha untuk menggantikan tanaman tembakau dengan tanaman lain umpamanya tanaman jagung dan roselle seperti yang ada sekarang ini di kawasan-kawasan di Negeri Terengganu ini. Untuk saudara-saudara sekalian, kita memajukan perkara-perkara yang berkaitan dengan tanaman-tanaman menggantikan tembakau ini, saya rasa insya Allah, saya minta pihak-pihak yang berkenaan akan terus berunding dengan saya untuk menyelesaikan masalah ini.

Ada satu kenyataan yang berat kelmarin yang saya rasa perlu sedikit saya buat ulasan juga kerana ini saya lihat sendiri, iaitu Yang Berhormat Seberang Takir kata kelmarin ada campur tangan ke atas Pejabat Tanah oleh orang-orang kampung dari kalangan penyokong PAS. Ini sebenarnya satu kenyataan yang sangat berat yang sepatutnya tak dikeluarkan oleh orang yang lama dalam politik, orang tua dia kata kelmarin. Sebenarnya beberapa keadaan berlaku selepas daripada kerajaan baru mengambil alih kerajaan tanah-tanah yang selama ini telah diberikan kepada orang ramai di beberapa tempat terutamanya tanah lot tempat tinggal, jadi apabila kerajaan baru mengambil alih tanah-tanah ini selama ini tak dipedulikan. Mereka dapat tanah tetapi mereka tidak menandakan tanah mereka, mereka tidak tahu di mana tanah mereka. Orang bandar dapat tanah, katakan di Pagar Besi di kawasan Batu Rakit, mereka tak tahupun tanah mereka di mana. Jadi apabila kerajaan baru mengambil alih kerajaan, mereka pergi dengan tergesa-gesa, ramai-ramai menandakan tanah tu. Jadi orang ramai pun gelisah, orang ramai kata macam mana tiba-tiba sekarang mari ukur tanah, mari tunjuk tanah dan sebagainya. Jadi itu ada keadaan yang mereka menyayak pegawai-pegawai dan menyayak S.O.-S.O. dan sebagainya. Kerana S.O. sendiripun turun membantu menunjukkan tanah-tanah berkenaan di kampung-kampung. Dan sekarang ni masih berlaku lagi ukur tanah yang tidak dimaklumkan kepada JSR, yang ini sebenarnya secara kebetulannya mereka memang Pejabat Tanah nak selesaikan urusan tanah tapi kita harap dengan adanya JSR mana-mana berkaitan dengan soal urusan tanah ini berada di dalam makluman JSR.

Jadi setakat itu tuan-tuan dan saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak .....

**YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih):** Minta penjelasan sedikit daripada Exco Pertanian. Saya nampak daripada semalam sampai kepada hari ini berhubung dengan pertanian ini tumpuan kepada penanaman padi tidak begitu kuat, yang saya lihatlah. Untuk pengetahuan Exco Pertanian, tanaman padi adalah satu perusahaan yang tidak payah kita nak cari pasaran kerana memang laku, padi ada lakulah. Minta maaf Yang Dipertua dan Exco, hari ini pembangkang tidak kosek, kita kosek sama sendirilah. Untuk pengetahuan Exco Pertanian, kami di Kemaman mempunyai tanah yang begitu luas untuk diusahakan tanaman padi. Tetapi setakat ini malangnya bagi kami di kawasan kami sampai setakat ini sudah pun bulan lima kami tidak dapat menanam padi lagi, tidak dapat nak menabur lagi padi oleh kerana pihak Pertanian yang ada di kawasan kami hanya mempunyai beberapa buah jentera untuk tenggala tanah tetapi tidak mempunyai driver yang membawanya. Dan juga malang bagi pihak kami di kawasan kami juga, pada tahun lepas setelah petani-petani mengusahakan tanaman padi begitu baik sekali tapi malangnya tidak pula mempunyai jentera untuk menuai padi dengan cara yang baik menyebabkan pengusaha-pengusaha mengalami kerugian. Untuk itu saya mengharapkan bagi pihak Jabatan Pertanian dan Exco Pertanian memberi penumpuan kepada sektor pertanian berhubung dengan padi dan dapat menyediakan driver-driver yang akan membawa tenggala dan juga dapat membeli jentera penuai padi yang baru supaya pengusaha-pengusaha padi di kawasan kami tidak tergendala lagi. Terima kasih, Yang Dipertua.

11 Mei 2000

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Terima kasih, insya Allah, saya akan pergi melawat kawasan Ahli Yang Berhormat untuk tengok kawasan dan masalah.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Insya Allah, saya akan mengiringinya.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sementara sehingga jam 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI.

DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA PUKUL 11.00 PAGI.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula dengan ucapan penggulungan. Dipersilakan --

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati dan yang dikasihani sekalian Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

Pertama-tamunya saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya pada pagi ini saya dapat turut serta untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan meralakkan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Saya tidak mengambil masa yang banyak tapi ingin terus menyentuh beberapa perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Dewan yang berekap pada dua hari yang lepas. Di antara lainnya saya masih ingat ialah Wakil daripada Permaisuri yang membuat aduan ataupun sungutan tentang ketidakecukupan guru-guru agama yang mengajar di kawasan Setiu itu. Mengikut catatan yang ada dalam maklumat kami, Pejabat Agama iaitu sekarang ini Guru Pelawat Agama ada 4 orang di kawasan Setiu, 7 orang mubaligh yang mengajar di masjid dan surau-sarau. Mengikut bancian kami daripada sebanyak 47 buah masjid hanya 6 buah masjid saja yang belum ada pengajaran yang tetap kerana tak cukup guru. Jadi oleh kerana itu kerajaan telah mengambil langkah awal untuk mengambil Pegawai Dakwah yang baru insya Allah, 10 orang satu DUN insya Allah akan mencukupi. Jadi sementara itu, saya rasa Yang Berhormat Wakil Permaisuri bolehlah tinjau masjid-masjid yang tak ada guru lagi tu boleh tolong mengajar buat sementara waktu, insya Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada wakil-wakil daripada Kemasik. Telemong tapi mereka sudah tidak ada menventuh soal Hudud, persidangan yang lepaspun mereka sudah tanya bila kita nak jalan Hudud. Tapi kita memang ke arah melaksanakan Hudud insya Allah, dengan izin Allah s.w.t. Tunggu saja masa yang sesuai insya Allah, kita akan laksanakan, sekarang kita sedang buat persiapan. Kesungguhan Kerajaan Negeri yang baru untuk melaksanakan syariat Islam dalam

11 Mei 2000

semua bidang telah ditunjukkan dalam menyediakan *budget* dulu, kita menyediakan *budget* RM2 juta untuk pelaksanaan syariah. Dan saya telah menyatakan bahawa syariat Islam itu luas, bukan saja Hudud dan insya Allah Hududpun kita akan jalankan. Peringkat pertama ini kita menyediakan insya Allah, pegawai-pegawai yang cekap dan terlatih dan sesudah itu insya Allah draf berkenaan Hudud kita tidak payah benda ada dah. Nak besoknya sama ada Pusat setuju tak setuju, saya dok fikir Pusat tak setuju sebab Kerajaan Pusat ni kerajaan yang sentiasa berkata dia juga bercita-cita untuk melaksanakan Islam, dia juga adalah orang-orang Islam berjuang untuk menegakkan Islam, tak dok sebab dia tak mahu beri. Dan kalau dia tak beripun, kalau kita nak juga nak buat macam mana. Tuan-tuan boleh tengoklah pada masa akan datang, kita sama-sama berdoa sebelum kita mati kita dapat melihat sekurang-kurangnya, kalau kita tidak dapat melihat sebelum kita matipun, kita akan melihat selepas daripada itu, insya Allah.

Kemudian Wakil Kemasik ada menyatakan, saya nak jawab ringkas sajalah, dia kata ada isteri-isteri Wakil Rakyat yang dilantik menjadi pengarah-pengarah Syarikat. Buat masa ini tak dok lagi, bawah kerajaan baru tak ada. Bawah kerajaan lama ada, kerajaan lama tu kalau saya nak sebut ada satu kolej salah seorang daripada Ahli Exco dia jadi Pengerusi kolej itu tapi dia lantik isteri jadi Pengurus Besar gaji RM3,000 lebih. Tapi saya tak nak sebutlah di sini, tapi tuan dia tak doh dah sebut orang mati tak dok kerja juga. Tapi kerajaan baru ni setakat saya ingat tak ada tapi kalau orang yang menuduh itu kata ada, itu dia punya pasallah.

Kemudian ada saudara-saudara kita bercakap tentang pendidikan, Wakil Kemasik ada bercakap, Wakil Bandar pun ada bercakap dan lain-lain wakil pun ada bercakap tentang pendidikan. Dan wakil-wakil daripada parti kerajaan memang berbeza, wakil-wakil daripada pembangkang dia bercakap soal pendidikan biasa dia kait dengan pekerjaan. Ada pelajar yang lepas universiti tak dok kerja. Dia bercakap selalunya tentang pemasaran murid-murid yang lepas daripada pusat pengajian yang tertentu. Jadi, kita dalam Islam kita tak fikir soal pemasaran sebab kita fikirmya ialah mengikut kehendak Islamnya kita berkewajipan menyediakan anggota masyarakat atau warganegara yang sihat dari segi akidahnya. Sebab itu Allah berfirman:

يأيتها الذين ءامنوا قوا أنفسكم وأهليكم نارا

*Wahai orang yang beriman, selamatkan diri kamu, anak-anak kamu dan keluarga juga kamu daripada terjerumus ke dalam api neraka.*

Sistem pendidikan Islam bertujuan untuk melahirkan manusia yang terselamat daripada api neraka. Itu pokoknya, bukan nak jual dulu. Jadi orang biasa ni bercakap soal pendidikan dia hubung dengan pekerjaan, dia bercakap pendidikan ni macam buat kebun nenas juga. Jadi orang tanam nenas, dia kata nak jual mana nenas dia. Itu kebun, sekarang kita membina insan dia akan membuat pembangunan kepada masyarakat dan kepada negara asalkan dia benar-benar beriman dan bertakwa kepada Allah s.w.t. Oleh sebab keghairahan nak cari tempat kerja sangat kepada pelajar-pelajar yang lepas sekolah atau universiti maka sistem pendidikan yang lalu telah melahirkan pelajar-pelajar yang boleh dipasar kepada banyak pihak. Yang pertama sekali dipasar kepada masyarakat, berkhidmat kepada masyarakat kita bersyukur kepada Allah s.w.t. Lebih-lebih tu dipasar ke pusat penyalahgunaan dadah sekian banyak, ke pasaran bohsia dan bohjan sekian banyak, pasaran mak nyah sekain banyak dan sebagainya. Jadi pasal apa, keghairahan nak cari tempat kerja hasil daripada pendidikan. Tapi kita tidak begitu, jadi insan yang baik. Kalau tak dok

11 Mei 2000

kerja kerajaan, dia boleh kerja sendiri, dia boleh berdikari. Sebab dalam Islam, 99 peratus rezeki tu berpunca daripada pemiagaan. Jadi apa salahnya kita melahirkan pelajar-pelajar yang boleh berdikari yang tidak bergantung harapan pekerjaannya kepada kerajaan semata-mata kecuali kehendak-kehendak kerajaan untuk memakai tenaga-tenaga mereka.

Dari ke arah ini, kita buat dalam masa yang singkat ini melalui MAHDAM dan melalui TATI, kita menyediakan pelajar setiap masa dua bulan sekali, pelajar yang terlatih dalam satu latihan untuk menguji bahan-bahan tanpa musnah, iaitu 10 orang semasa keupayaan dia sekarang. Ada satu anak swarikat TATI yang baru ditubuhkan beberapa bulan ini, dan sekaligus kita boleh mengatasi kemiskinan. MAHDAM menaja pelajar miskin 10 orang daripada keluarga miskin dan selepas dua bulan dia tamat, dia boleh bekerja maka hilang miskinnya, insya Allah. Begitulah berjalan sepanjang tahun, mana-mana sahabat-sahabat kita daripada mana-mana kawasan yang ada anak orang miskin disediakan. Sebab kursus ini berpanjangan berjalan setiap dua bulan sekali bertukar sebab keupayaan kita terhad sekarang ini. Dan mungkin pada masa akan datang keupayaan kita lebih mampu lagi kita lebih banyak lagi bilangan kursus-kursus yang seperti itu, insya Allah. Ini bukannya untuk memasarkan pelajar-pelajar tetapi juga ialah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang beriman, bertakwa kepada Allah s.w.t. pada masa yang akan datang.

Harapan daripada saudara-saudara kita Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Bandar dan sebagainya supaya kita mengadakan Pusat Pengajian Tinggi Islam di negeri ini. Memang menjadi hasrat dan cita-cita dan mengikut manifesto kita pun kita akan adakan. Cara mana, sekarang usaha-usaha dijalankan secara beransur-ansur untuk mengenal pasti bagaimana caranya untuk kita dapat mengadakan sama ada melalui KUSZA yang telah ada, yang mana kita terpaksa mungkin kita akan menunda Akta berkaitan dengan KUSZA untuk membolehkan dia membuat operasi sebagai sebuah Pusat Pengajian Tinggi. Ini sama-sama kita berdoa kepada Allah s.w.t. supaya kita dapat jalankan. Walau bagaimanapun Terengganu masih dalam Malaysia, Tun kata tadi Terengganu masih dalam Malaysia. Kalau Malaysia dalam Terengganu kita boleh buat banyak benda dah. Sekarang ni kita kena dua kerja, pertama kerja dalam bentuk Terengganu dalam Malaysia, yang keduanya biar kita usaha biar Malaysia jadi dalam Terengganu. Kalau kita boleh buat begitu insya Allah, lebih mudah lagi kita menjalankan kerja-kerja kita pada masa akan datang.

Wakil daripada Ajil umpamanya, bercakap soal perpecahan. Perkara ini saya tak hairanlah, saya nak beritahu Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa Wakil daripada Barisan Nasional, UMNO masa dia merintahpun kalau orang mengaji sekolah agama cakap perpecahan. Hak mengaji sekolah agama, ada latar belakang pendidikan tak dok tajuk dia ... masa dia jadi kerajaan pun ... perpecahan ... lepas dok jadi kerajaan pun ... perpecahan. Ada setengah tuan-tuan sekalian, dia dok sedar dia dok jadi kerajaan, dok sedar dia ingat dia kerajaan lagi. Ini ada satu cerita sedap Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada seorang pernah jadi orang kerajaan, orang kuat, dia selalu pergi ke Kuala Lumpur, balik Kuala Lumpur dengan kapal terbang. Jadi sekali tu dia balik dari Kuala Lumpur dia tak ingat khabar orang rumah dia suruh pergi ambil. Duduk setengah jam dah, sampai Telaga Batin, guana drebar dia dok mari ambil, kata dia. Dia tengok-tengok, dia dok jad' Exco dah le ni. Baru dia ingat, baru telefon balik ke rumah. Tuan-tuan sekalian, baru orang rumah mari ambil. Sampai begitu semua tuan-tuan, terlupa perkara ni. Jadi Yang Berhormat dia berekap perpecahan ... perpecahan ... orang dah bersatu dah, orang dah mula pergi ke masjid, duduk kita kata orang dok pergi ke masjid, dia kata mari pula dok masjid kerajaan. Dia ingat kerajaan dia lagi le ni. Dulu dia kata orang PAS dok pergi masjid kerajaan, saya tidaklah menafikan, mungkin ada sungguh orang yang tidak pergi. Tapi kebanyakannya orang PAS sembahyang di masjid biasa. Tapi sekarang ni kata, dulu dok sembahyang masjid kerajaan le ni

11 Mei 2000

sembahyang masjid kerajaan, dia ingat kerajaan dia lagi Yang Berhormat Yang Dipertua. Dia lupa semacam, kita dok dapat nak peringat doh.

Begitu juga berkait dengan khutbah Jumaat kita adalah anak beranak kita cerita. Khutbah ni kita ikut Islam, ikut Islam. Oleh sebab suasana pendidikan negara yang begitu lama dikuasai oleh penjajah, sistem pendidikan itu melahirkan orang-orang Islam yang walaupun dia orang Islam tidak boleh memahami Islam dengan cara yang betul dan baik, tidak berupaya untuk menyampaikan khutbah dengan baik. Sebab itu Imam-imam kita di kampung-kampung sekadar boleh baca Fatimah dengan betul, sekadar boleh baca sedikit sebanyak kitab-kitab jawi. Jadi sebab itu dia boleh baca khutbah, dia nak berkhotbah tidak boleh. Jadi yang tak boleh nak berkhotbah tu Pejabat Agama menyediakan teks-teks membantu orang-orang yang macam ni. Kalau orang yang macam Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tak kan nak baca teks khutbah tu, khutbah dia sedap lagi, sesuai dengan isu semasa. Kalau macam saya ni maknanya dok sedap sedikit tapi boleh juga khutbah lebih kurang. Jadi maknanya orang macam ni nak baca khutbah ... apa lagi nak baca khutbah itu pasal khutbah-khutbah ni ada isu semasa, ada perkara yang berbangkit di kampung kita yang *emergency* yang berlaku saat itu juga, kita nak beri peringatan kepada orang-orang kampung. Macam contohnya, Nabi tengah duduk di atas mimber Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mari seorang Islam masuk masjid ... dia masuk masjid hari Jumaat, Nabi duduk atas mimber dia terus duduk, dia tidak sembahyang sunat *tahyatul* masjid. Nabi sebut selalu, apabila seorang itu masuk masjid dan Imam sedang baca khutbah, dia kena ruku' juga dua rakaat; maknanya dia kena sembahyang sunat *tahyatul* masjid juga dua rakaat. Tapi kalau dalam teks tu tak dok.

Saya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini perkara yang berlaku. Saya ada di sebuah masjid, dalam masjid tu dua orang ayah jadi To' Imam anak dia jadi To' Imam juga. Jadi hari tu khutbah Jumaatnya giliran anak dia. Jadi anak dia baca khutbah ... ambil baca khutbah, bulan bukan bulan puasa. Dia pun baca Fadilat Bulan Ramadan ahli-ahli jemaah sekalian. Ayah dia malu, ayah dia pergi dekat tu, dia suruh anak dia berhenti dulu ... dok kena ... dok kena, dia kita bukan bulan Ramadan ni. Lepas angkat tangan kepada makmum, minta maaf ramai-ramai dok kena, kata dia. Ini pasal apa, pasal ketidakupayaan ... tidak tahu isu semasa. Jadi untuk menghimpunkan dua keadaan, satu keadaan mungkin orang tidak mampu sungguh atau perlu bimbingan maka kita ada sediakan teks. Kepada orang yang sudah mampu, dia menyampaikan khutbah mengikut suasana dan keadaan sehingga dia memberi manfaat dan faedah yang betul-betul. Jadi maknanya walau bagaimanapun kita tak usah kesallah dengan sikap pembangkang memang dia tak dok benda nak cakap, dia cuba berlatih nak jadi pembangkang yang baik maka dia carilah apa-apa tajuk, dia mesti cakap. Itu biasa Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Wakil daripada Ladang bercakap tentang mak nyah. Dia kata ini kesan daripada pendidikan lama, macam mana kita nak buat dan sebagaimana. Kita tidak putus asa, saya nak beritahu bahawa pendidikan Islam dia menyelesaikan orang-orang yang banyak penyakit, tak dok Islam tidak boleh menyelesaikan penyakit. Mula-mula Islam mari tu masyarakat jahiliyah macam-macam penyakit, minum arak, zina, sembahyang tok bekonglah, macam-macam gejala tidak sihat. Tetapi dengan itu dia boleh tarbiyah, dia menukar keadaan yang macam itu kepada satu keadaan yang baru yang lebih baik. Kita tidak putus asa, sama ada dengan penyalahgunaan dadah, penagih dadah, bohsia, bohjan, mak nyah, kita tidak putus asa. Kita berusaha untuk mentarbiyah dan mendidik mereka. Tapi beri masa sedikit kepada kita sebab orang dah buat rosak sejak tahun 1961 sampai ke 1999, 38 tahun, jadi tidak sampai lagi 38 bulan, baru 6 bulan. Jadi beri sedikit masa dan sama-sama berdoa dengan kerjasama semua pihak, kerjasama daripada pegawai-pegawai kerajaan yang baik, bukan setaka kerjasama memberi sokongan yang kuat kepada matlamat kerajaan bukan parti kerajaan, tapi

11 Mei 2000

matlamat dan cita-cita kerajaan untuk melaksanakan Islam mereka memberi kerjasama yang sepatutnya. Dengan kerjasama ini saya rasa insya Allah, kita dapat.

Kemudian berhubung dengan penguatkuasaan, penguatkuasaan insya Allah kita ada peruntukan juga. Tapi masa yang lalu kita akui bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa kita tidak cukup dari sudut bilangannya. Sekarang kita sedang berusaha untuk menambah kerana nama-nama sudah diberi, saya minta kepada Wakil-wakil Rakyat di peringkat masing-masing sediakan orang-orang yang boleh dianggap beramanah dilantik sebagai Pegawai Penguatkuasa untuk kita lantik baru. Tapi kalau orang tidak amanah kita lantik Penguatkuasa, kita harapkan pagar, pagar makan padi. Itu yang tidak tidak mahu. Jadi ini kita kena ambil perhatian, keadaan ini sedikit demi sedikit akan bertambah dan insya Allah kita akan melaksanakan.

Dan saya rasa hak tuduh zakat zakat tu tuan dia tak dok, tak payah saya ceritalah. Zakat kerana seorang saja, dia kata cikgu besar, saya tidak *check* ada ke tidak, tidak tahulah. Jadi oleh kerana seorang cikgu besar itu riuh seluruh dunia, masuk dalam surat khabar ada. Dulu dia kata kita kerajaan baru mengugurkan sebanyak 45,000 orang-orang yang layak terima zakat. Saya kata mari mana pula orang miskin sampai 45,000. Dulu, kerajaan dulu kata tak dok doh bilangan orang miskin, tinggal 4,000 dah tapi bila kita mari jadi 45,000 kata dia gugur. Itu suatu usaha yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak senang hati dengan kehendak dan kemahuan rakyat yang telah memilih parti yang baru untuk memimpin mereka untuk melihat bahawa negeri ini satu hari akan diperintah secara Islam. Banyak perkara-perkara Islam yang telah kita lakukan dan saya tidak perlu jelas perkara ini saya serahlah kepada ... mungkin pihak Yang Amat Berhormat akan menceritakan lebih panjang, lebih detail lagi.

Jadi saya rasa itu saja yang perlu ... maaf ada satu lagi kes sembahyang Jumaat di Bari Kecil. Wakil daripada Ajil kata pasal tidak boleh sembahyang Jumaat pasal To' Imani tak reti baca Fatihah. Tu tipu saja Yang Berhormat Yang Dipertua, dia tak dok kita katapun nak buat macam mana. Mungkin orang-orang dia dengar, itu tidak tahulah. Sebenarnya berlaku ini mungkin ada ketelusan kerajaan, ada sebab mungkin. To' Imam hak ada sedia tu kita tak pecah, kita berjanji tidak akan pecah To' Imam selama mana dia boleh berfungsi, sebab itu kekal dia. Kemudian kita berjanji masuk hak baru, hak dok cukup masuk hak baru. Jadi pada hari Jumaat tu, 5 haribulan baru-baru ni, cerita ringkasnya badi bilang kata cukup dengan dok cukup. Jadi mengikut laporan yang dibuat oleh To' Imam Mat Yunus ni hak yang sedia, bila orang nak sembahyang Jumaat, bila To' Bilal tu nak azan menjalankan tugas dia melakukan upacara sembahyang Jumaat, sebelum daripada khutbah, dia kata dok cukup. To' Bilal kata cukup, dia kata tak cukup. Jadi badi, mu bilang kayu ke bilang orang, orang ni kata bilang orang. Tapi hak ada senarai dengan saya ni, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada 63 orang hak senarai dengan saya ni, hak bertandatangan. Hak tulis tu, dia kata dia ada dalam masjid tu. Tapi kawan tu kata dok cukup. Jadi bila orang ni kata cukup dok cukup, kata ni bukan anak mukim, bukan mastautin dan sebagainya. Jadi orang ramai pun panas hati, dia pakat balik. Tinggallah 25 orang, sembahyanglah Zohor pada hari itu sebab tidak cukup bilang. Itulah sebabnya berlaku. Jadi bukan kerana kawan tu tidak reti baca Fatihah, kalau hak orang kata dok boleh baca Fatihah dia pandai baca Fatihah boleh tahan juga. *Test* dia tidak tahu lagi kena dok kena. Esok kalau dia mari kita boleh *test* dia, kena ke dok. Kita bimbang dia pun dok kena juga.

Jadi itulah sedikit sebanyak nak jawab belaka pun masa tidak ada dahi, saya rasa beri peluang kepada sahabat-sahabat yang lain untuk memberi penjelasan yang lebih panjang berkaitan dengan

11 Mei 2000

perkara-perkara yang disentuh ataupun tidak disentuh berkaitan dengan dasar kerajaan. Sekian, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih dan dibukakan seterusnya.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Pertamanya saya ucap terima kasih kepada beberapa Ahli Dewan yang membangkitkan perkara-perkara dalam bidang portfolio yang perlu saya jelaskan. Di antaranya ialah Yang Berhormat daripada Kemasik, tak ada dah hari ini, Yang Berhormat daripada Paka, Yang Berhormat daripada Permaisuri, Yang Berhormat daripada Bukit Besi dan Yang Berhormat daripada Seberang Takir, juga tak ada hari ini. Walau bagaimanapun beberapa isu yang dibangkitkan itu berkait dengan soal perindustrian, soal pelaburan termasuk soal pertanian yang ada hubungkait dengan perindustrian yang sebahagiannya telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat yang menjaga pertanian. Dan juga berhubung dengan beberapa kenyataan-kenyataan yang saya anggap sebagai suatu kenyataan yang agak tidak boleh dipertanggungjawabkan. Ada di antaranya yang dibangkitkan oleh Wakil Kemasik, walaupun dia tidak ada tak apalah ini untuk penjelasan kepada semua pihak bahawa apa yang berlaku sekarang pelabur-pelabur pun sudah berkurangan, ertinya berkurangnya tu larilah daripada Negeri Terengganu. Dan ini suka saya menjelaskan bahawa berdasarkan kepada statistik angka yang diberikan oleh MIDA sendiri. Terima kasih kepada MIDA walaupun MIDA adalah agensi kepada Kerajaan Pusat tetapi memberikan kerjasama kepada kita untuk membekalkan angka-angka yang ada pada MIDA sendiri, iaitu antara bulan Januari dan Mac sahaja pada tahun ini ada 4 projek telah diterima bagi ditempatkan di Negeri Terengganu. Dua baru dan dua merupakan pembesaran pada yang ada sekarang yang nilai pelaburannya berjumlah RM94 yang jika beroperasi sepenuhnya akan menghasilkan pekerjaan lebih daripada 100 orang. Ini suatu gambaran dalam waktu yang singkat, ertinya suatu kenyataan yang pernah dipegang oleh beberapa orang sebelum ini bahawa selepas kita mengambil alih pemerintahan tidak ada lagi orang nak datang melabur adalah satu kenyataan yang tidak tepat dan yang tidak bertanggungjawab. Ini sebagai suatu contoh tentang perkembangan dalam waktu yang singkat.

Yang kedua berhubung dengan bagaimana isu pekerjaan bagi anak-anak kita terutama sekali di industri petrokimia Kertih, Paka ini menghadapi masalah dan sebagainya. Kita akui memang ada masalah dan masalah ini sudah kita warisi daripada waktu kita mengambil alih, memang masalah itu telah sedia ada. Dan kita telah mengambil beberapa langkah yang perlu dilakukan kerana pihak kerajaan yang telah lalu berhubung dengan pekerjaan ni semacam tidak mengambil suatu pendekatan yang benar-benar bertanggungjawab bagi meletakkan orang-orang kita sendiri dalam industri yang sedang berkembang di Kertih, Teluk Kalong dan sebagainya. Dan oleh kerana itu kita telah mengambil beberapa pendekatan dengan mengupgradakan, kerana dulunya ada satu pusat maklumat pekerja yang kita namakan RIC di bawah TESDEC, iaitu *Recruitment Information Centre* iaitu pusat maklumat bagi pengambilan pekerja. Kita dapati waktu kita mengambil alih pendekatan yang dilakukan itu sebenarnya tidak memungkinkan kita dapat menyerap pekerja-pekerja itu dengan secara licin. Pihak TESDEC, UPEN telah mengambil perjalanan untuk mengambil beberapa langkah dan sehingga ini kita telahpun dapat menempatkan hampir 400 orang setelah perubahan ini berlaku, walaupun masih ada ribuan orang yang sedang menunggu untuk bekerja. Dan ini memerlukan suatu kerjasama daripada semua pihak, daripada Petronas sendiri dan

11 Mei 2000

kepada pihak industri sendiri di situ dan pihak kerajaan sendiri. Dan pihak UPEIN telah mengambil peranan untuk mengadakan suatu pendekatan dengan menubuhkan suatu Jawatankuasa Penyelaras yang terdiri daripada pihak pelabur ini dengan Petronas dan pihak kerajaan sendiri untuk mencari jalan bagaimana ini boleh dilakukan. Alhamdulillah, respon yang kita terima adalah positif dan mereka sanggup bekerjasama dengan kita dan kita akan melihat barangkali insya Allah, suatu perubahan yang lebih baik pada masa-masa yang akan datang. Ini sedang ditangani isu ini.

Yang kedua berhubung dengan lepasan, walaupun tadi telah dijelaskan Exco Pendidikan berhubung dengan aspek-aspek pendidikan tetapi aspek pendidikan yang dihubungkan dengan pekerjaan, perkara ini ada relevannya saya rasa, saya perlu jelaskan bahawa beberapa agensi kerajaan yang menyediakan tenaga-tenaga mahir bagi diserapkan dalam industri di dalam Negeri Terengganu ini antaranya ialah TATI, TESDEC, TSTC. Statistik yang ada kepada kita melalui agensi UPEIN, TESDEC dan sebagainya pada waktu ini, yang lulus TATI ni sebenarnya belum keluar sudah ada dah orang sanggup terima. TESDEC, kalau dia tidak pilih kerja akan ada kerja sama ada dalam Terengganu atau luar Terengganu. Erti kita telah berjaya melahirkan orang-orang yang mahir dalam bidang ini. TSTC pun sebenarnya, keluar saja memang ada orang terima. Jadi tidak timbul daripada institusi-institusi ini. Dan sukalah saya menyebut sebagai suatu hakikat dan kenyataan, kita akui bahawa TATI, TESDEC, TSTC ni suatu yang ditubuhkan oleh kerajaan yang lalu, yang kita mewarisi daripada kerajaan yang lalu kita terus kerana kita akui ada kebaikannya daripada institusi yang kita wujudkan.

Cumanya saya sukalah nak beri ingatan sedikit kepada ... terutama sekali sahabat-sahabat kita daripada pembangkang dalam membuat kenyataan bahawa kita tidak pernah memberikan suatu penghargaan kepada kerajaan yang lalu di samping membuat kenyataan bahawa dalam masa kita perintah ni tak ada satupun perubahan yang kita lihat berlaku. Saya rasa ini suatu kenyataan-kenyataan yang saya rasa tidak begitu manislah diucapkan oleh orang yang sepatutnya tahu. Kita menghargai apa yang seharusnya kita hargai tetapi kita ubahsuai mana yang perlu kita ubahsuai. Adalah terlalu tidak baik kalau dikatakan dalam masa 5 bulan ini tak ada perubahan sama sekah. Sedangkan kita telah membuat beberapa perubahan dasar dalam masa 5 bulan, suatu yang barangkali memerlukan masa yang lebih panjang tetapi kita buat suatu perubahan dasar dalam beberapa hal, kita telah membuat perubahan dasar dalam soal tanah, bagaimana kita telah membuat balik permohonan tanah. Soal menyelesaikan tanah haram, yang dirintah secara haram yang kerajaan dulu hanya menghadkan hanya tahun 80 saja yang akan diselesaikan, kita telah menambalikan sehingga tahun 90. Dan dalam masa 10 tahun, beribu-ribu kes ini yang tidak dapat diselesaikan oleh kerajaan yang telah lalu. Saya tidak menafikan bahawa mereka ada menyelesaikan hal ini tetapi adalah kategori-kategori yang tertentu yang diselesaikan. Ada kategori yang tidak diselesaikan, yang saya rasa tak perlulah saya panjang soal ini. Dasar Tanah kita buat perubahan. Dasar Pembalakan kita buat perubahan. Polisi Kebajikan kita buat perubahan. Polisi Pelancongan sudah buat perubahan dalam gubalan lagi. Polisi Pertanian sedang dibuat. Polisi Perumahanpun sudah kita buat satu polisi baru yang ada hubungkait dengan Kerajaan Tempatan.

Dan sebagaimana biasanya dalam suatu polisi yang baru dibuat, tentu saja kita tidak menafikan ada sedikit sebanyak barangkali kelemahan-kelemahan yang orang putih kata *teething problem* ertinya masalah-masalah kerana benda ni baru. *Teething* ni daripada perkataan *teeth*, ertinya gigi sebagaimana buduk yang baru nak tumbuh gigi. Bila nak tumbuh gigi dia berasa sakitlah sedikit sebanyak, benda ini benda baru bagi dia. Selepas pada itu sakit pun tak dok, dia boleh kerekah belaka, biskut boleh kerekah, apa bendapun boleh gigit belaka. Ertinya apabila polisi ini sudah selesai kita akan dapat melaksanakan apa saja yang kita nak buat berdasarkan kepada perubahan-

11 Mei 2000

perubahan yang sedia ada. Dan kita sedang membuat perubahan ini, sebenarnya inilah suatu perubahan dalam istilah dan bahasa yang digunakan sekarang ini, perubahan *paradigm* disebut, anjakan paradigma. Ertinya kita bukan saja berubah dengan tampal-tampal tetapi perubahan *structural* perubahan kepada dasar dan polisi yang sedang dilakukan sekarang. Dan inilah yang sedang berlaku dan ini semua sebenarnya tidak mungkin dapat dilakukan tanpa kerjasama daripada semua pegawai yang begitu komited untuk melakukannya.

Dengan sebab itu saya juga sebagaimana rakan-rakan yang lain suka menyatakan bahawa kita telah mendapat suatu kerjasama yang baik, input yang baik daripada pegawai. Tanpa pegawai tak boleh siapa pun yang memerintah untuk melaksanakan ini. Dan sebab itu pemimpin politik dengan pegawai adalah *partners* dalam pembangunan bukan *competitors* bukan pesaing tetapi *partners* yang ertinya kita bekerjasama dalam membangunkan negeri kita. Dan oleh kerana itu perlulah ini dilihat bahawa apa yang kita lakukan sekarang ini merupakan suatu perubahan-perubahan dasar dan polisi yang insya Allah, hasilnya dapat kita lihat dalam waktu yang tidak terlalu jauh.

Kemudian, suatu perkara barangkali yang dibangkitkan khusus oleh Wakil Paka berhubung dengan *industrial park* yang katanya tempat perumahan dekat dengan industri dan ini barangkali tidak begitu baik dari sudut itu. Kita akui memang suatu kawasan perumahan yang terlalu dekat dengan industri itu pada hakikatnya tidak terlalu baik, memang itu. Tetapi projek yang sebenarnya nak dibuat di Paka ini sudah dicadangkan satu ketika dulu di Kemaman tetapi Kemaman itu sudah dikhususkan pada awal tahun 90-an sebenarnya ada hubungkait dengan industri Perwaja juga, dipindahkan di Paka. Dan tujuan perumahan tidak terlalu jauh kawasan industri supaya rakyat mempunyai *access* kepada tempat pekerjaan, tempat tinggal tidak terlalu jauh dengan tempat pekerjaan. Tetapi kita telah menyediakan apa yang kita namakan *bumper zone* ertinya satu kawasan yang insya Allah, dapat menjamin keselamatan pekerja-pekerja kita ataupun penduduk-penduduk tempatan berhubung dengan apa yang dibangkitkan itu, insya Allah.

Kemudian, satu perkara yang dibangkitkan dan ini perlu saya jelaskan bahawa soal tanah ini pada masa-masa yang telah lalu menjadi isu yang dipolitikkan. Setiap kali kita menghadapi pilihan raya, ini rakyat yang datang bawa satu borang yang berupa borang kuning mengatakan kita nak *interview* lepas pilihan raya ni akan dapatlah tanah ni. Tiap kali pilihan raya ... beberapa kali pilihan raya ini berlaku, sedangkan kerajaan sendiri sudah mempunyai polisi bahawa tanah selepas daripada tahun 80 itu tidak akan diselesaikan tapi bagi juga surat kuning kerana keuntungan politik yang mereka dapat. Ini satu ... saya tak nak gunalah perkataan 'penipuan' tapi satu cara yang tidak beretika sama sekali semata-mata kerana nak tarik pengundi. Dan kita memberi jaminan insya Allah, soal tanah ini tak ada pilih kasih, tak ada diskriminasi berdasarkan PAS, UMNO ataupun siapa sahaja. Suatu polisi yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat di mana-manapun beliau pergi bahawa kita tidak akan diskriminasikan rakyat, rakyat adalah rakyat kita sama ada PAS, UMNO ataupun siapa juga. Jadi hal ini perlulah difahami bahawa kita mempunyai tanggungjawab yang besar bagi membangun negeri ini bersama, insya Allah.

Saya rasa soal pertanian ni tak perlu saya sentuhlah kerana sudah disentuh oleh Wakil yang sudah bercakap sebelum ini. Jadi saya rasa tidak banyak yang saya nak sebut lagi, yang akhir sekali saya hanya mengharapkan sama ada wakil kerajaan ataupun wakil pembangkang dalam menilai sesuatu benda supaya tidak terlalu kita macam pembangkang taktak, tak nampak apa tak nampak pembangunan. Ini suatu *sweeping statement* orang putih kata, yang tidak boleh dipertanggungjawab yang terlalu taktak sedangkan kita buat perubahan. Dan bagi pihak kita pun, kita sebenarnya tidak pernah menafikan apa sebenarnya yang dilakukan oleh kerajaan yang telah

11 Mei 2000

lalu tinggal lagi benda ni dalam perjalanan ia mestilah ada pembaikan-pembaikan yang perlu kita lakukan walaupun asasnya ada. Konsep daripada pembangunan itu tidak ada satu pembangunan yang dilakukan dalam masa satu hari, takada. Pembangunan suatu yang berterusan, suatu yang bermula daripada satu titik dan berkembang tapi dibaiki dari masa ke semasa. Inilah yang sedang kita lakukan sekarang, insya Allah. Walaupun asasnya ada tetapi perlu dibaiki dan kita sedang melakukannya dan insya Allah dengan kerjasama semua pihak, semua agensi dan rakyat, insya Allah kita akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi sekarang.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan. Dan seterusnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai, tuan-tuan dan puan-puan para pemerhati yang dihormati sekalian.

Pertama-tama bagi pihak Kerajaan Negeri saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam mengendalikan urusan perjalanan persidangan ini dan yang lebih besar daripada itu ialah bagi memungkinakan Kerajaan Negeri melaksanakan program mengikut jadual walaupun dalam masa yang terlalu singkat. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pegawai kerajaan dan dalam persidangan ini diucapkan juga terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama daripada pihak kerajaan ataupun daripada pihak pembangkang yang telah menyampaikan teguran-teguran, kritik-kritik dan hujah-hujah untuk menjadi perhatian pihak kerajaan bagi menyempurnakan perkara-perkara yang perlu disempurnakan. Dan di sana perlu diberi jawapan, penjelasan dan ulasan terutamanya kepada perkara-perkara yang dianggap sebagai kekeliruan, mengelirukan.

Walaupun persidangan hari ini tidak dihadiri oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang kerana mereka menghadiri perhimpunan agung yang diadakan dan kebetulannya tidak ada penerangan di antara Kerajaan Negeri dengan parti Barisan Nasional, parti UMNO oleh kerana itu maka persidangan ini bertembung kerana kita tidak berbincang untuk mengadakan persidangan ini dan mereka juga tak bincang mengadakan perhimpunan agung. Dan ia bukan satu perkara yang disengajakan. Walau bagaimanapun pihak-pihak media massa akan dapat memberi laporan-laporan yang tepat daripada jawapan-jawapan yang diberi mudah-mudahan menjadi perhatian kepada mereka yang tidak hadir.

Perkara yang pertama yang saya ingin bangkitkan ialah isu yang tidak patut dihangatkan iaitulah hubungan Kerajaan Negeri dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ai Sultan. Yang tidak sepatutnya disentuh dalam Dewan yang mulia ini. Suka saya menyatakan bahawa pihak kerajaan Parti Islam se-Malaysia (PAS) yang mewakili Barisan Alternatif di dalam mengendalikan pemerintahan ingin menjadi golongan yang ikhlas dan mengadakan hubungan yang sebaik-baik dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja-Rajaannya dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan di negeri ini. Kita tidak mahu menjadi orang-orang yang *tehojiknya lurus kelikungnya berkait* yang mempunyai apa-apa kepentingan. Kita mahu melaksanakan apa yang disebut oleh Nabi s.a.w. dalam satu hadis:

11 Mei 2000

إذا اراد الله لامير خيرا جعل له وزير صدق ان نسي ذكره وان ذكرا عانه  
واذا اراد الله لامير شرا جعل له وزير كذب ان نسي لم يذكره وان ذكر لم  
يعنه

Yang bermaksud: *Apabila Allah s.w.t. menghendaki kebaikan bagi seseorang Raja maka Allah menjadikan di sisi Raja itu Menteri, Penasihat yang benar. Sekiranya Raja itu lupa maka dia memperingatkan, sekiranya Raja itu sudah ingat maka dia menolongnya. Sekiranya Allah mengendaki bagi seseorang Raja itu kejahatan maka Allah menjadikan di sisinya Menteri dan Penasihat-penasihat yang bohong. Sekiranya Raja itu lupa tidak diperingatkannya, sekiranya Raja itu ingat tidak ditolongnya.*

Kami mahu menjadi orang-orang yang benar dalam perkara ini dan kami tidak mahu menjadi orang-orang yang *telunjuknya lurus tetapi kelikingnya berkait*. Kita jangan lupa sejarah yang berlaku dalam negara kita bagaimana UMNO yang menjadi tulang belakang kepada Barisan Nasional telah memainkan isu Perlembagaan. Dan berbagai-bagai isu dengan kata-kata yang tujuannya baik untuk meminda Perlembagaan, matlamatnya baik tetapi mempunyai tujuan-tujuan yang sangat buruk yang menjejaskan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan memberi kuasa politik yang lebih kepada mereka bukan dengan cara untuk membetulkan kekuasaan yang sebenarnya. Sebagaimana disebut Saidina Ali Karamullahuwajaha:

### كلمه حق اريد به باطل

*Kalimah yang nampaknya benar tetapi matlamatnya mempunyai kebatilan.* Insya Allah, sedaya upaya kami akan mengendalikan Kerajaan Negeri yang memberi berkat kepada semua pihak. Dan kami menjunjung Perlembagaan yang ada pada hari ini yang meletakkan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Oleh kerana itu maka berlaku suatu pembedahan daripada surat siaran yang dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu yang juga dijadikan isu. Kerana surat ini perlu dibuat pembedahan perkara biasa, jabatan-jabatan kerajaan mengeluarkan surat kemudian ditarik balik. Ini perkara biasa. Bahkan di dalam satu suratpun dibuat ralat, surat khabar pun ada buat ralat, kesilapan berita dan seumpamanya. Kerana mengikut peraturan persuratan dan siaran, nama Duli Yang Maha Mulia Tuanku tidak boleh dibangkitkan dan tidak boleh disebut dalam surat yang disiarkan. Kecuali surat yang secara rasmi daripada Duli Yang Maha Mulia melalui Setiausaha Sulitnya. Melalui jabatan tidak boleh gunakan nama Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ini suatu hal yang disedari dan kesilapan ini perlu dibetulkan di mana ianya suatu pembedahan ke arah kebaikan.

Dan perlu kita menyedari, tadi sudah diterangkan oleh Yang Berhormat Manir, Exco yang berkait dengan Jabatan Hal Ehwal Agama berkenaan dengan khutbah. Walaupun di sana ada undang-undang khutbah, undang-undang yang berkait dengan mengajar dan seumpamanya, undang-undang ini ialah untuk mengawal dan untuk membantu mereka yang tidak mampu. Dan untuk mengawal mereka yang menyalahgunakan khutbah dalam masa yang sama kita mestilah bersikap anjal, *murunah*, *flexible* memberi peluang kepada yang mempunyai kemampuan ilmiah, kemampuan pemikiran. Dalam masa yang sama kita tidak boleh memberi kebebasan sehingga menjadi babas, khutbah tentang *formula one* umpamanya disebut dalam khutbah, kepala jamban rosak disebutkan

11 Mei 2000

dalam kabinet. Ini suatu perkara yang perlu diperbetulkan. Dalam masa yang sama ada perubahan dalam masa yang sama kita mestilah memperbaiki kemajlis. Inilah tujuan yang sebenar.

Seterusnya saya ingin menyoal berkaitan perkara yang ditimbulkan oleh beberapa orang ahli daripada pembangkang, yang ditimbulkan oleh akhbar dan sebagainya. Ada di kalangan Exco memegang jawatan Pengerusi beberapa anak syarikat, cucu syarikat dan seumpamanya. Ini adalah merupakan suatu tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membetulkan keadaan-keadaan yang perlu dibetulkan, yang sangat terdesak ... yang sangat terdesak. Dan untuk maklumat badrin Exco yang memegang Pengerusi kepada anak-anak syarikat ini tidak mengambil dalam bilangan mereka. Ini suatu perkara yang perlu diketahui dan perkara ini terpaksa dilakukan. Kita menghargai kerajaan yang lalu yang telah menubuhkan agensi-agensi yang menubuhkan syarikat dan anak-anak syarikat untuk mengembangkan ekonomi Negeri Terengganu supaya tidak bergantung selama-lamanya kepada petroleum. Ini satu usaha yang kita puji, satu usaha yang baik.

Dan kita naik rumah yang telah siap sebagaimana yang saya nyatakan tetapi di atas rumah ini penuh dengan tali ayam yang perlu dibasuh. Berlaku berbagai-bagai perkara dengan hatangnya, dengan penyelewengannya. Penyelewengan di antaranya yang boleh dikategori sebagai skandal, skandal kewangan, skandal seks. Suka saya jelaskan di antara fail-fail yang kami buka barangkali tak sempat nak buat list, di antara fail-fail terdapat resit tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah. Untuk mengimajinasikan, tuntutan untuk minuman keras, tuntutan untuk khidmat-khidmat seks dan ada senarai nama-nama wanita-wanita, ini ada senarai. Dan mengikut ajaran Islam ini tidak boleh menjadi saksi untuk menjatuhkan hukuman kepada seseorang. Tetapi tidak boleh menantang ringan ... tidak boleh menantang ringan. Mungkin ini mengejutkan seluruh negara, biar saya dedahkan dalam majlis ini. Dan sudah tentu untuk mengendalikan hal seperti ini kita tidak boleh barkan kalangan pentadbiran mestilah kami kalangan politik sendiri yang menjadi Pengerusi dengan dibantu kalangan-kalangan profesional, peguam dan seumpamanya untuk melicinkan dan membantu kerja-kerja Hishbah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Jertih untuk membantu beliau dalam mengendalikan kes ini. Dan sudah tentu kalau kita serahkan kepada kalangan-kalangan yang tidak berwibawa yang mempunyai kedudukan politik akan menghadapi berbagai-bagai tekanan. Kita bukan nak bertindak tetapi yang penting kepada kita ialah untuk membetulkan keadaan. Untuk membetulkan keadaan supaya menjadi pulih dan mereka yang memegang jawatan Pengerusi ini adalah sementara waktu. Sementara waktu apabila ia dapat dipulihkan dalam masa 6 bulan, 7 bulan, setahun ... setahun insya Allah, sebolehnya maka Pengerusi ini akan mengundurkan diri dan diberi kepada mereka yang kita pertanggungjawabkan untuk mengendalikan anak-anak syarikat dan cucu-cucu syarikat ini. Dan saya harap pihak yang berkenaan jangan banyak menjolok saya dalam perkara ini, jangan mencabar. Kalau mencabar nanti hadu menjolok sarang tebusan yang akan boleh menjejaskan orang-orang yang tertentu dan kalangan yang tertentu dan kita tidak mahu sampai begitu rupa.

Walaupun kita berhasrat untuk melaksanakan Undang-undang Hudud, Undang-undang Jenayah yang ada dalam Islam dan ini menjadi cita-cita dan matlamat. Barisan Nasional walaupun mereka membuat kenyataan mereka juga mahu melaksanakan Islam tetapi mereka tidak mempunyai matlamat untuk melaksanakan Undang-undang Islam sampai kepada Undang-undang Hudud kerana kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin mereka sering kali menakutkan orang ramai dengan Hudud. Terutamanya orang-orang bukan Islam, bukan menerangkan tentang hikmatnya bukan menerangkan tentang tujuan daripada Hudud, bukan menerangkan bagaimana Undang-undang Islam ini satu undang-undang yang mengajar dan mendidik yang payah untuk mematuhi hukuman. Seorang Hukim yang menjatuhkan diberi tanggungjawab hendaklah

11 Mei 2000

mencari jalan bagaimana membebaskan orang yang dituduh, bukan bagaimana nak menjatuhkan hukuman orang yang dituduh. Dan hukuman hendaklah disabitkan dengan ikrar secara sukarela bukan secara paksa, bukan dihentam sampai lebam mata supaya dia mengaku. Ini tidak sah dari segi hukum Islam. Dan mestilah dengan saksi yang adil, tidak boleh saksi yang fasik ... resit tidak boleh jadi saksi macam resit yang kami jumpa dalam fail tadi, tak boleh jadi saksi dari segi hukum Islam. Tidak boleh dijatuhkan hukuman, itu boleh dijadikan sebagai keterangan-keterangan *evidence-evidence*, keterangan-keterangan saja nak menjadi sebagai satu kenyataan yang boleh menjatuhkan hukum tidak boleh mengikut hukum Islam. Kajian DNA juga tidak boleh nak menjatuhkan hukuman Hudud ini cermatnya bukan sebarangan.

Apa yang saya sebutkan ini ialah sekadar nak menjelaskan bahawa kita perlu mengambil tanggungjawab supaya Exco-exco sendiri menjadi Pengerusi kepada anak-anak syarikat dan Alhamdulillah, mereka memberi pengorbanan tidak mengambil elaun bulanan, mereka memegang adalah sementara untuk melicinkan dan mengekalkan pegawai-pegawai yang baik, pegawai-pegawai yang kita percaya di zaman itu mereka telah dipaksa, mereka telah terpaksa melakukan hal yang demikian walaupun mereka tidak redha. Kita menyedari perkara ini dan kita bimbang juga resit-resit ini boleh jadi nama orang yang atas resit itu orang lain, yang buat kerjanya orang lain. Boleh jadi nama-nama orang yang tertentu disebutkan untuk menyelamatkan orang yang lain. Ini adalah perkara biasa, ini bukan satu *conspiracy* politik. Ini adalah suatu perkara yang menjadi tanggungjawab kepada kita untuk membetulkan keadaan.

Dalam tiap-tiap persidangan Dewan sering kali disebut tentang perpecahan, isu perpecahan seolah-olah seperti asam garam. Kepada pihak yang berkenaan daripada Barisan Nasional bahkan di dalam perhimpunan agung mereka selalu mereka menyebut tentang perpecahan. Isu perpecahan ini adalah isu yang sudah lama sejak Nabi Noh a.s. sehinggalah Nabi Muhammad s.a.w. dituduh sebagai juara yang membawa perpecahan. Dan semua pihak mendakwa golongan yang lain yang membawa perpecahan. Kita hendaklah menyedari bahawa Islam telah membahagikan perpecahan ini, ada perpecahan yang diharam, ada perpecahan yang diwajibkan dan ada perpecahan yang diharuskan. Perpecahan yang diwajibkan ialah perpecahan di antara hak dan batil, di antara keadilan dan kezaliman, di antara iman dan kufur, tidak boleh bersatu mesti berpecah. Ini suatu hakikat yang tidak boleh dinafikan. Perpecahan yang diharuskan ialah perkara biasa, dalam perkara yang tidak ada nas, dalam perkara cabang kita bermesyuarat yang ini beri pandangan., yang ini beri pandangan. Kita berpecah dari segi pandangan-pandangan. Ini diizinkan oleh syarak dalam perkara yang tidak ada nas. Perpecahan yang diharamkan ialah perpecahan yang menyebabkan kita meninggalkan yang hak, meninggalkan yang benar ini yang tidak dibenarkan oleh agama. Soalnya siapa yang benar, siapa yang salah? Al-Quran telah menjelaskan perpecahan tentang ini dalam beberapa ayat, di antaranya firman Allahutaala:

ولا تكونوا كالذين تفرقوا واختلفوا من بعد ما جاءهم البينة  
وأولئك لهم عذاب عظيم

*Janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang sering kali bertelingkah dan berpecah setelah datang kepada mereka kebenaran.*

Firman Tuhan dalam ayat yang lain:

11 Mei 2000

## وما تفرق ان الذين أو توال الكتب إلا من بعدما جاءتهم البينة

*Dan tidaklah menjadi perpecahan di kalangan ahli kitab melainkan setelah datang kepada mereka kebenaran.* Perpecahan berlaku apabila adanya kebenaran, untuk mengetahui siapa yang benar siapa yang salah maka memerlukan muzakarah, memerlukan perbincangan. Kami telah beberapa kali mengajak supaya diadakan muzakarah, muzakarah bukannya perdebatan, bukan nak cara siapa menang siapa kalah, muzakarah ialah untuk mencari mana yang benar mana yang salah kemudian kita ikut yang benar jangan kira siapa. Ini makna muzakarah.

Dalam tahun 80-an, kita pernah mengajak supaya diadakan muzakarah tetapi disalah fahamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau menganggap bahawa kami mengajak berdebat lalu dianjurkan debat. Kita meminta supaya debat diadakan secara terbuka dan disiar secara langsung dalam TV. Bila sampai masanya mereka memujuk kita supaya menarik diri. Kita tidak mahu menarik diri kerana mereka yang ajak. Bila sampai masa nak jadi debat maka Raja-Raja Melayulah yang telah dipakai oleh mereka. Inilah UMNO, mereka menggunakan Penyimpan Mohor Raja-Raja Melayu supaya mengisytiharkan dalam TV debat dibatalkan. Baru-baru ini sekali lagi mereka mahu supaya perkara ini dibawa kepada Raja-Raja Melayu kemudian perkara itu senyap balik. Bila terdesak mereka undur kepada Raja-Raja Melayu, Raja-Raja Melayu ini bukan Raja-Raja mereka saja, Raja kita juga, Raja kita semua. Kita bersetuju tetapi mestilah kembali kepada kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai orang yang tertinggi dalam pentadbiran hal ehwal agama, hendaklah dirujuk kepada agama berdasarkan kepada muzakarah sebagaimana yang dianjurkan oleh Al-Quranulkarim

Saya rasa sudah muak untuk mengulang isu-isu yang ditimbulkan iaitulah satu ucapan yang ditingkatkan menjadi amanat. Saya sendiri pun tak suda dia tingkatkan jadi amanat. Ucapan saya di Banggul Peradong tahun 1982 tidak silap saya, sudah lama yang dicabar oleh Yang Berhormat Menteri Besar di masa itu, di tempat saya berdiri sekarang Dewan atas bukit sana, beliau mencabar adakah benar saya menyampaikan ucapan bahagian-bahagian. Lalu saya bangun dalam Dewan itu, saya menyatakan betul saya menyampaikan ucapan itu, nak kata apa sila. Mana salah di mana silap. Kemudian ada orang yang tertentu, yang telah mencetak ucapan ini ditingkatkan jadi amanat kemudian diperniagakan dijual di mana-mana. Orang tu dulu PAS, dia berniaga dalam PAS, sekarang dia berniaga dalam UMNO tak payah sebut nama dia. Dia berniaga dalam UMNO sekarang dan inilah orang yang berniagakan risalah ini, kemudian risalah ini dibawa ke dalam Majlis Agama Islam Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di masa itu. Dan telah dibincang dalam Majlis Agama Islam Kebangsaan dan Majlis Hal Ehwal Agama Islam telah menyatakan bahawa tidak ada suatu yang boleh ditentukan ucapan itu adalah salah dari segi agama.

Ini suka saya menjelaskan, tidak ada suatu yang boleh dinyatakan ini suatu yang salah dari segi agama yang perlu diperbincangkan telah diputuskan. Diumgkit dalam Dewan ini, diungkit dalam Parlimen saya bangun menjelaskan, diungkit dalam perhimpunan agung UMNO saya tak boleh beri sebab perhimpunan agung UMNO diungkit juga beberapa kali perkara ini. Perkara ini sudah sciesan dibincang oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan dan mereka umgkitkan lagi amanat. Dari ini perlu dimuzakarahkan dan kita perlu merujuk perkara-perkara ini kepada pihak yang berkenaan. Di sana ada kitab yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri yang bernama Mustika Hadis, Jilid Yang Pertama muka surat 262 hingga 263 di mana jilid yang baru buku ini diberi Kata Pengantar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di mana di dalam buku ini

11 Mei 2000

ada menyatakan perkara-perkara yang merosakkan iman, yang merosakkan Islam. Biar saya baca, bahagian yang kedua:

*Perkataan, iaitu tiap-tiap perkataan yang mencaci, menghina, merendah-rendah, mengejek-ejek dan mempermain-mainkan nama Allah, sifat-sifat-Nya, malaikat-malaikat-Nya, Rasul-rasul-Nya, Kitab-kitab-Nya, ayat-Nya dan hukum-hukum-Nya serta hukum-hukum yang diterangkan oleh Rasul-Nya dan perkataan yang menolak, menafi dan mengengkari segala perkara sekata alim ulamak, mensabikannya atau menafikannya serta diketahui oleh orang ramai bahawa perkara itu dari agama. Misalnya, seperti katanya mengenai mana-mana hukum Islam yang pertama, hukum apa ini? Yang kedua, hukum ini sudah lapuk. Yang ketiga, zaman sekarang tak patut diharamkan riba kerana mengalami kemajuan. Yang keempat, dalam zaman yang serba maju kaum wanita tak perlu dibungkus-bungkus. Yang kelima, berzina kalau suka sama suka apalah haramnya. Keenam, minum arak kalau dengan tujuan hendak menyihatkan badan untuk beribadat apa salahnya. Yang ketujuh, berjudi kalau masing-masing sudah rela menerima untung rugi apa salahnya. Yang kelapan, kalau hendak sangat menurut hukum-hukum Islam sampai khaimat kita tak maju. Yang kesembilan, berkata perbuatan yang demikian tidak beradat apabila diceritakan tentang adat Nabi Muhammad s.a.w. dan sebagainya.*

Ini disebut dalam kitab Mustika Hadis dan ucapan-ucapan inilah yang menyebabkan ada di kalangan orang-orang PAS yang tidak sembahyang di beberapa buah masjid. Oleh kerana yang mengajar ucapan-ucapan ini orang yang berpengaruh di dalam negara, yang berpengaruh di dalam negara yang selalu menyampaikan ucapan-ucapan yang macam ini. Kemudian diikuti oleh Imam-imam di kampung inilah yang menyebabkan ada makmum yang tak pergi sembahyang, yang tak lalu nak sembahyang. Ini masalahnya, ini masalah yang perlu kita sedar. Oleh kerana itu menjadi kewajipan kepada kami menyatakan batas-batas iman dan kufur. Batas-batas iman dan kufur bukannya kafir mengkafir kerana masalah mengkafir ini adalah hak kepada mahkamah, hak kepada mahkamah tugas kami ialah menjelaskan batas-batas iman dan kufur. Tetapi perkara ini sering kali berlaku di dalam masyarakat, inilah yang boleh menimbulkan perpecahan oleh kerana itu kita mengajak bermuzakarah.

Kemudian isu yang dibangkitkan ialah tentang kerenah birokrasi dalam pentadbiran, ini perkara biasa dan kita berada dalam zaman peralihan yang memerlukan penyelarasan dan perubahan-perubahan yang berlaku dan terpaksa dilakukan. Oleh kerana itu terpaksa di antaranya perkara-perkara yang memerlukan mengambil masa sedikit dan kita jangan gopoh dalam perkara ini. Kemudian ada ucapan yang ditujukan kononnya pegawai-pegawai telah menyesuaikan diri dan memang menyesuaikan diri dan dia kena menyesuaikan diri. Itu perkara biasa bila mana-mana parti yang jadi kerajaan maka pegawai-pegawai mestilah menyesuaikan diri pentadbiran dengan kerajaan yang memerintah, ini perkara biasa. Ini perkara biasa bukan satu perkara yang luar biasa. Dan ia tidak harus dijadikan suatu momokan, cuma kita mempunyai suatu dasar dalam melaksanakan polisi pemerintahan adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak pentadbir untuk menterjemahkannya melalui pentadbiran. Tetapi dalam masalah dasar Islam telah mengajar kita ketaatan kepada pemerintah adalah tidak mutlak termasuk kepada kerajaan PAS adalah tidak mutlak. Kita taat dalam perkara yang baik, dalam perkara yang tak baik wajib kita memberi nasihat kepada kerajaan dan wajib kerajaan menerima nasihat yang baik. Kalau kerajaan degil juga, apa boleh buat pegawai telah menasihati pegawai sudah lepas daripada dosa maka kerajaan yang berdosa, ini menjadi tanggungjawab. Oleh kerana itu saya mengharap supaya pegawai-

11 Mei 2000

pegawai hendaklah bersikap berani di dalam menunaikan tanggungjawab bagi membetulkan pentadbiran negeri dan melaksanakan perjalanan negeri.

Saya rasa itulah beberapa perkara yang dapat saya ucapkan dan saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi pertolongan bagi melicinkan perjalanan jentera kerajaan untuk sama-sama kita mencapai keberkatan daripada Allah s.w.t.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

**USUL INI DITERIMA.**

11 Mei 2000

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **ENAKMEN PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN) 2000**

#### Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya suka memaklumkan suatu Rang Undang-Undang yang bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Undang-Undang Peruntukan Di Raja, 1959 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Dewan untuk dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DI RAJA  
1959, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

#### Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Undang-Undang Peruntukan Di Raja 1959, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Undang-Undang Peruntukan Di Raja 1959.

Fasal Pertama bertujuan mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas Rang Undang-Undang dan permulaan kuatkuasanya.

Fasal Kedua bertujuan untuk meminda Undang-Undang Peruntukan Di Raja 1959 dengan menggantikan perkataan "Tengku Ampuan Besar" di mana jua terdapat dengan perkataan "Permaisuri Terengganu" supaya Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Terengganu dibayar dengan jumlah wang sebagaimana yang ditetapkan dalam Kelas 1 Jadual kepada Undang-Undang Peruntukan Di Raja 1959, berkuatkuasa mulai dari 12 Julai 1998.

Fasal Ketiga bertujuan meminda Jadual kepada Undang-Undang Peruntukan Di Raja 1959 untuk mengadakan tambahan di dalam peruntukan mengenai Musyarah dan Elaun Peribadi Duli Yang

11 Mei 2000

Maha Mulia Sultan, Musyarahah dan Elaun Peribadi Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Terengganu, gaji kakitangan istana, belanja istana dan Kurniaan Di Raja dan Perbelanjaan-perbelanjaan runcit akibat kenaikan harga barangan amnya dan kenaikan gaji

Tuan Yang Dipertua, saya pohon mencadangkan,

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEJI (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan ini.

*Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN)  
2000 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN)  
2000 TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL  
DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA APA-APA PINDAAN  
DENGAN SEBULAT SUARA

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTAULIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan sebulat suara tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEJI (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan ini.

11 Mei 2000

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN)  
2000 DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 1 Tahun 2000.

11 Mei 2000

## TANGGUHAN

YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, saya mencahangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat setelah kita sama-sama berada di Dewan ini selama 5 hari dan saya ucapkan tahmah di atas kejayaan Ahli-ahli Yang Berhormat menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan sebaik-baiknya. Saya juga berterima kasih kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi kerjasama yang amat cemerlang kepada saya dalam mengendalikan Dewan yang mulia ini. Akhirnya saya tangguh Dewan kepada suatu tarikh yang akan ditentukan kemudian dengan sama-sama kita membaca *tashih kifarak* dan surahatul Ashr.

DEWAN DITANGGUHKAH PADA PUKUL 12.15 TENGAH HARI.

LAMPIRAN A



## LAMPIRAN A

### SOALAN-SOALAN BERTULIS

#### SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ A.BAKAR BIN ALI WAKIL KEMASIK

- SOALAN 1 : Di dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kesepuluh yang lalu, kerajaan telah meluluskan pemeliharaan dan penyembelihan babi di Negeri Terengganu. Sehingga hari ini :-
- a. Berapakah jumlah lesen pemeliharaan babi yang telah diluluskan dan yang akan diluluskan di Negeri Terengganu ?
  - b. Berapakah jumlah lesen tempat penyembelihan babi yang telah diluluskan dan yang akan diluluskan di Negeri Terengganu ?
  - c. Berapa luaskah kawasan yang telah diluluskan dan yang akan diluluskan bagi tujuan pemeliharaan babi diseluruh Negeri Terengganu ?
- JAWAPAN : Sehingga kini tiada sebarang lesen pemeliharaan babi, tempat penyembelihan dan kerajaan belum meluluskan sebarang kawasan bagi pemeliharaan babi. Kerajaan tidak menerima sebarang permohonan untuk tujuan itu.
- SOALAN 2 : Kerajaan telah menyusun semula Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat Anak, Syarikat-Syarikat Bersekutu dan Kumpulannya, dan Sub-Subsidiari Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), serta Agensi-Agensi Kerajaan milik Kerajaan Negeri.

Sila senaraikan jawatan Pengerusi-Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat-Syarikat yang dimaksudkan di atas, yang dipegang oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Ahli-Ahli Parlimen Negeri Terengganu.

**JAWAPAN**

**: Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI**  
**WAKIL RANTAU ABANG**

SOALAN 1 : Nyatakan jumlah pusat-pusat hiburan berlesen di seluruh negeri mengikut pecahan daerah-daerah. Apakah kerajaan akan menutup tempat-tempat ini atau terus memberi kebenaran untuk beroperasi tetapi dengan syarat-syarat yang ketat ?

JAWAPAN : Lesen-lesen tersebut sebagaimana berikut :-

Lesen ini pada dasarnya tidak akan disambung semula dan sekiranya disambung semula ianya akan dikenakan syarat dan kawalan yang ketat.

**JUMLAH PUSAT HIBURAN BERLESEN YANG**  
**BEROPERASI DI KAWASAN PIHAKBERKUASA**  
**TEMPATAN**

1. **MAJLIS PERBANDARAN KUALA TERENGGANU**

| BIL | NAMA PREMIS                 | ALAMAT PREMIS   | JENIS HIBURAN    | WAKTU OPERASI        |
|-----|-----------------------------|---|------------------|----------------------|
| 1.  | Pusat Snooker Plaza Perdana | Lot G 17 & 18, Tingkat Bawah, Plaza Perdana, Kuala Terengganu | Snooker/Billiard | 8.30 m/m - 12.00 m/m |
| 2.  | Cosway Snooker              | Lot 6602, Tingkat 1, Plaza Perdana, Kuala Terengganu          | Snooker/Billiard | 8.30 m/m - 12.00 m/m |

| BIL | NAMA PREMIS         | ALAMAT PREMIS                         | JENIS HIBURAN    | WAKTU OPERASI        |
|-----|---------------------|---------------------------------------|------------------|----------------------|
| 3.  | Pusat Snooker GT    | 31, Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu.  | Snooker/Billiard | 8.30 m/m - 12.00 m/m |
| 4.  | Yang See Wah        | 77-A, Jalan Petani, Kuala Terengganu. | Snooker/Billiard | 8.30 m/m - 12.00 m/m |
| 5.  | Pengurus Motel Desa | Bukit Pak Apil, Kuala Terengganu.     | Nyanyian Solo    | 8.30 m/m - 12.00 m/m |

|     |                      |   |                  |                         |
|-----|----------------------|---|------------------|-------------------------|
| 6.  | Permai Park Inn      | Jalan Sultan Mahmud,<br>Kuala Terengganu.       | Snooker/Billiard | 8.30 mlm - 12.00<br>mlm |
| 7.  | Primula Park Royal   | Jalan Persinggahan,<br>Kuala Terengganu.        | Snooker/Billiard | 8.30 mlm - 12.00<br>mlm |
| 8.  | Hotel Continental    | Jln. Sultan Zainal Abidin,<br>Kuala Terengganu. | Snooker/Billiard | 8.30 mlm - 12.00<br>mlm |
| 9.  | Hotel Alamanda       | Jalan Tok Lam,<br>Kuala Terengganu.             | Snooker/Billiard | 8.30 mlm - 12.00<br>mlm |
| 10. | Hotel Yentin Midtown | Jalan Tok Lam,<br>Kuala Terengganu.             | Snooker/Billiard | 8.30 mlm - 12.00<br>mlm |

## 2. MAJLIS DAERAH KEMAMAN

| BIL | NAMA PREMIS               | ALAMAT PREMIS  | JENIS HIBURAN                                    | WAKTU OPERASI           |
|-----|---------------------------|--|--|-------------------------|
| 1.  | Restoran & Karaoke Empire | En. Ho Tai Kong<br>K.90, Taman Idaman,<br>Jalan Jakar,<br>24000 Kemaman                                  | Karaoke<br>(Rumah Bir<br>Kelas Satu)             | 9.00 mlm - 12.00<br>mlm |
| 2.  | Widuri Pelangi Sdn. Bhd.  | En. Goh Kok Yoke<br>Awana Kijal Golf & Beach<br>Resort,<br>Km 28, Jalan<br>Cukai/Dungun,<br>24100 Kijal. | Karaoke<br>(Rumah Awam<br>Kelas Satu<br>(Liquor) | 4.00 ptg - 12.00 mlm    |

## 3. MAJLIS DAERAH DUNGUN

| BIL | NAMA PREMIS                | ALAMAT PREMIS            | JENIS HIBURAN         | WAKTU OPERASI           |
|-----|----------------------------|--------------------------|-----------------------|-------------------------|
| 1.  | JR Pub & Karaoke           | K-14, Taman Sri Dungun   | Karaoke               | 9.00 mlm - 12.00<br>mlm |
| 2.  | Melody Laser Karaoke       | K-2, Taman Sri Dungun    | Karaoke               | 9.00 mlm - 12.00<br>mlm |
| 3.  | Ros Lounge & Laser Karaoke | K-11, Taman Sri Dungun   | Karaoke               | 9.00 mlm - 12.00<br>mlm |
| 4.  | Residence Resort Paka      | Lot 473, Kg. Cacar, Paka | Karaoke &<br>Billiard | 9.00 mlm - 12.00<br>mlm |

| BIL | NAMA PREMIS | ALAMAT PREMIS | JENIS HIBURAN | WAKTU OPERASI |
|-----|-------------|---------------|---------------|---------------|
|-----|-------------|---------------|---------------|---------------|

|     |                       |  |                  |                      |
|-----|-----------------------|--|------------------|----------------------|
| 5.  | Restoran Night Dragon | 4417-C, Jalan Besar, Paka                        | Karaoke          | 9.00 mlm - 12.00 mlm |
| 6.  | Restoran Ko Hyang     | 467, Jalan Besar, Paka                           | Karaoke          | 9.00 mlm - 12.00 mlm |
| 7.  | Cacar Ca Café         | Lot 9010, Jalan Besar, Kg. Gemia, Paka           | Karaoke          | 9.00 mlm - 12.00 mlm |
| 8.  | Point Pub & Karaoke   | Lot 2786, Tingkat 1, Batu 49, Jalan Paka, Dungun | Karaoke          | 9.00 mlm - 12.00 mlm |
| 9.  | Goh Ba Chee           | 79, Jalan Pantai Paka                            | Billiard/Snooker | 9.00 mlm - 12.00 mlm |
| 10. | Wee Pick Soon         | 29, Batu 5, Jalan Paka, Dungun                   | Billiard/Snooker | 9.00 mlm - 12.00 mlm |

#### 4. MAJLIS DAERAH BESUT

| BIL | NAMA PREMIS  | ALAMAT PREMIS                            | JENIS HIBURAN | WAKTU OPERASI        |
|-----|--------------|--|---------------|----------------------|
| 1.  | Sim Beng Oon | Lot 246, Jalan Tuan Hitam, 22000 Jerteh. | Snooker       | 10.00 pg - 11.00 mlm |

\* Catatan :-

|                               |   |                                       |
|-------------------------------|---|---------------------------------------|
| Majlis Daerah Hulu Terengganu | } | Tidak Mengeluarkan Lesen Seperti Yang |
| Majlis Daerah Marang          | } | Dimaksudkan Di atas.                  |
| Majlis Daerah Setiu           | } |                                       |

SOALAN 2 : Nyatakan jumlah keluarga/rumah kediaman yang masih belum mendapat kemudahan asas seperti elektrik, air paip, tandas, telefon dan jalanraya, mengikut pecahan daerah-daerah.

**JAWAPAN**

: Secara keseluruhannya maklumat-maklumat yang diperolehi adalah daripada pembekal khidmat-khidmat tersebut. Justeru pada masakini tidak ada maklumat terperinci mengenai kemudahan-kemudahan asas ini berasaskan pecahan daerah-daerah kecuali bekalan elektrik, air paip dan telefon kediaman. Bagi tujuan perancangan maklumat-maklumat yang digunakan adalah :-

| <b>PERKHIDMATAN</b>                                 | <b>1999</b> |
|---|-------------|
| Peratus Pembekalan Elektrik                         | 100%        |
| Peratus Pembekalan Air Paip                         | 89.9%       |
| Peratus Pemilik Telefon Kediaman/Awam (anggaran)    | 51.4%       |
| Peratus Penggunaan Tandas (anggaran)                | 89%         |
| Peratus Laluan Jalanraya ke Pusat Bandar (anggaran) | 92%         |

Maklumat-maklumat anggaran yang ada ialah sepertimana berikut :-

| <b>DAERAH</b>    | <b>Bekalan Elektrik</b> | <b>Bekalan Air Paip</b> | <b>Khidmat Telefon</b> |
|------------------|-------------------------|-------------------------|------------------------|
| Besut            | 100%                    | 71.4%                   | 37.8%                  |
| Dungun           | 100%                    | 88.8%                   | 51%                    |
| Hulu Terengganu  | 100%                    | 96.7%                   | 24.3%                  |
| Kuala Terengganu | 100%                    | 98.6%                   | 61.1%                  |
| Kemaman          | 100%                    | 97.5%                   | 61.6%                  |
| Marang           | 100%                    | 88.9%                   | 64%                    |
| Setiu            | 100%                    | 87.2%                   | 11.7%                  |

Insya Allah pada tahun 2005, semua khidmat asas ini akan mencapai tahap sempurna.

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR  
WAKIL JABI**

SOALAN 1 : Nyatakan kadar pengangguran di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah-daerah, dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kadar tersebut ?

JAWAPAN : Anggaran kadar pengangguran di seluruh Negeri Terengganu adalah seperti berikut:

| DAERAH           | 1999 |
|------------------|------|
| Besut            | 4.9% |
| Dungun           | 4.1% |
| Hulu Terengganu  | 4.6% |
| Kuala Terengganu | 4.4% |
| Setiu            | 4.8% |
| Kemaman          | 4.1% |
| Marang           | 4.3% |
| Keseluruhan      | 4.5% |

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri ialah :-

- i. Tindakan pertama ialah menarik pelaburan langsung bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan terutama dalam industri berasaskan tenaga kerja. Prestasinya adalah seperti berikut :-

| TAHUN | PELABURAN    | PEKERJAAN |
|-------|--------------|-----------|
| 1995  | RM1.7 bilion | 4,700     |
| 1996  | RM2.4 bilion | 1,400     |
| 1997  | RM3.3 bilion | 5,500     |
| 1998  | RM7.2 bilion | 3,800     |
| 1999  | RM1.3 bilion | 1,500     |

- ii. Seterusnya ialah dengan menumpukan kepada industri mengikut kelebihan perbandingan antara daerah bagi memberi peluang niaga dan kerja. Pada masa kini, pengkhususan daerah dengan industri adalah seperti berikut :-

| DAERAH           | PENGKHUSUSAN INDUSTRI                             |
|------------------|---|
| Dungun           | Petrokimia, Penanaman, IKS                        |
| Kuala Terengganu | IKS, Perkhidmatan                                 |
| Kemaman          | Petrokimia, Besi, IKS                             |
| Besut            | Perkhidmatan, Perikanan, Penanaman, IKS           |
| Setiu            | Perkayuan, Perternakan, Perikanan, Penanaman, IKS |
| Hulu Terengganu  | IKS, Penanaman, Akuakultur                        |
| Marang           | IKS, Perikanan, Penanaman                         |

- iii. Langkah seterusnya ialah dengan meningkatkan kemahiran gunatenaga setempat bagi memudahkan mendapat pekerjaan dengan gaji berpatutan. Pada tahun 1999, jumlah pelajar di institusi-institusi latihan/kemahiran adalah seperti berikut :-

| INSTITUT   | PELAJAR |
|--|---------|
| Terengganu Skills Development Centre (TESDEC)      | 900     |
| Terengganu Timber Industry Training Centre (TTITC) | 800     |
| Terengganu Safety Training Centre (TSTC)           | 1,000   |
| Terengganu Advanced Technical College (TATI)       | 800     |

SOALAN 2

- : Nyatakan jumlah pelancong yang telah melawat Negeri Terengganu semenjak kerajaan baru ditubuhkan, mengikut pecahan domestik/antarabangsa dan daerah-daerah.

JAWAPAN : Kedatangan pelancong boleh diklafikasikan kepada dua iaitu:

**A. Pelancong asing dan domestik**

Definasi :

**Pelancong Asing**

Warganegara asing yang melawat Malaysia dengan tujuan selain daripada bekerja di Malaysia dan tinggal sekurang-kurangnya satu malam tetapi tidak melebihi setahun.

**Pelancong Domestik**

Penduduk Malaysia yang melawat suatu tempat atau negeri dengan tujuan selain daripada bekerja dan tinggal sekurang-kurangnya satu malam tetapi tidak melebihi satu tahun serta perjalanan sehala tidak kurang dari 40 kilometer.

**B. Pelawat Harian**

Definasi

Pelawat yang tinggal kurang dari 24 jam tanpa menginap di negeri/negara lain selain dari tempat tinggalnya.

**A. Pelancong Asing dan Domestik.**

A.1 Bagi pelancong yang menginap di hotel, data kedatangan diambil dari hotel/resort/chalet yang mempunyai 10 bilik ke atas.

A.2 Kadar perbandingan statistik kadar penginapan hotel bagi 2 bulan terakhir tahun 1998 dan 1999 adalah sepertimana berikut :-

| Daerah/Bulan     | 1998 (%) |      |             | 1999 (%) |      |             |
|------------------|----------|------|-------------|----------|------|-------------|
|                  | Nov.     | Dis  | Kumulatif   | Nov.     | Dis  | Kumulatif   |
| Kuala Terengganu | 30.9     | 31.7 | <b>31.3</b> | 48.8     | 28.3 | <b>38.6</b> |
| Marang           | 9.0      | 21.3 | <b>15.2</b> | 31.3     | 34.8 | <b>33.0</b> |
| Dungun           | 34.4     | 42.5 | <b>38.4</b> | 41.4     | 42.9 | <b>42.2</b> |
| Tasik Kenyir     | 15.3     | 12.3 | <b>13.8</b> | 67.4     | 75.8 | <b>71.6</b> |

## Rumusan

Terdapat pertambahan kedatangan pelancong jika dibandingkan 2 bulan terakhir sejak pemerintahan kerajaan baru dengan tahun 1998 seperti statistik di Marang dan Tasik Kenyir iaitu :-

| A.2.1 | Daerah       | 1998  | 1999  | Peningkatan |
|-------|--------------|-------|-------|-------------|
|       | Marang       | 15.2% | 33.0% | 117.1%      |
|       | Tasik Kenyir | 13.8% | 71.6% | 418.8%      |

A.3 Bagi 3 bulan pertama tahun 2000, statistik kadar penginapan pelancong belum dapat dikemaskinikan kerana pengumpulan data dilakukan pada tiga (3 bulan) sekali dan juga respon yang agak lewat dari pengusaha tempat penginapan. Walau bagaimanapun, diantara sampel hotel yang telah didapati sehingga kini adalah sepertimana berikut :-

| *Hotel/Bulan                           | Tahun 1999 (%) |      |      |             | Tahun 2000 (%) |      |      |             |
|--|----------------|------|------|-------------|----------------|------|------|-------------|
|  | Jan            | Feb  | Mac  | Kumulatif   | Jan            | Feb  | Mac  | Kumulatif   |
| Hotel 4 Bintang<br>Di Kuala Terengganu | 13.5           | 31.1 | 21.6 | <b>22.1</b> | 27.7           | 42.1 | 44.1 | <b>38.0</b> |
| Hotel 3 Bintang<br>Di Kuala Terengganu | 16.2           | 26.5 | 29.8 | <b>24.2</b> | 16.8           | 35.7 | 30.1 | <b>27.5</b> |
| Hotel 3 Bintang<br>Di Dungun           | 39.5           | 64.5 | 64.0 | <b>56.0</b> | 53.5           | 66.4 | 72.1 | <b>64.0</b> |
| Hotel 4 Bintang<br>Di Kemaman          | 36.0           | 57.0 | 69.0 | <b>54.0</b> | 55.0           | 81.0 | 85.0 | <b>73.7</b> |

\* Sumber - Hotel Terbabit

## Rumusan

Terdapat pertambahan kadar kedatangan pelancong pada 3 bulan pertama 2000 jika dibandingkan dengan 3 bulan pertama 1999 di Kemaman dan Kuala Terengganu iaitu :-

| Hotel                           | 1999 | 2000 | Peningkatan |
|---------------------------------|------|------|-------------|
| 4 Bintang<br>(Kuala Terengganu) | 22.1 | 38.0 | 72.0%       |
| 4 Bintang<br>(Kemaman)          | 54.0 | 73.7 | 36.5%       |

## B. Pelawat

Data kedatangan pelawat tidak dapat direkod dengan tepat kerana terdapat kelemahan dari segi pengumpulan data sepertimana berikut :-

- i. Pelancong tidak menginap di hotel/resort/chalet yang mengakibatkan ianya tidak dapat direkod.
- ii. Terengganu tidak mempunyai pintu masuk rasmi (Imigresen).
- iii. Terengganu kekurangan pusat tarikan pelancongan berpengurusan yang mana pengunjungnya diperolehi melalui 'gate receipts'.

B.1 Walau bagaimanapun, sejak kerajaan baru ditubuhkan, terdapat pelbagai lawatan dari seluruh negara telah diadakan ke Negeri Terengganu sama ada untuk mengadakan kunjung hormat dan tahniah kepada kerajaan baru, meninjau keadaan semasa negeri selepas penubuhan kerajaan baru atau pun melihat keindahan tarikan pelancongan dan membelibelah (terutamanya kain batik dan songket). Rekod di tempat letak kereta Syahbandar menunjukkan terdapatnya 25 hingga 30 buah bas telah diletakkan sepanjang hari pada hari Sabtu, Ahad dan Isnin jika dibandingkan hanya 3 hingga 5 buah bas sahaja pada hari kerja.

B.2 Kedatangan kapal Star Cruise yang belayar dari Singapura dan singgah sehari di Pulau Kapas dan Kuala Terengganu juga mendorong kegiatan pelancongan berkembang dengan pesatnya. Kapal Star Cruise yang boleh memuatkan 2,800 pelancong dari pelbagai negara telah berlabuh di perairan Negeri Terengganu pada setiap hari Isnin dari bulan April hingga September dan telah menurunkan penumpang seramai 400 - 600 orang di Pulau Kapas dan Kuala Terengganu. Kapal Star Cruise yang mempunyai laluan Singapura - Pulau Kapas - Songkhla - Singapura - Kuantan - Awana Kijal- Kuantan ini telah mempromosikan lagi Negeri Terengganu kepada pelancong domestik dan asing.

B.3 Dari perkembangan data kedatangan pelancong di atas, didapati kedatangan pelancong sejak penubuhan kerajaan baru jika dibandingkan pada akhir tahun 1998 dan awal tahun 1999 tidak terjejas tetapi menampakkan peningkatan yang agak ketara. Ini mungkin juga disebabkan pelancong ingin melihat perkembangan semasa kerajaan baru, promosi pelancongan yang sentiasa diteruskan bagi meneruskan kesinambungan penggalakan industri pelancongan dan keindahan dan keunikan tarikan pelancongan yang tersendiri yang berjaya menarik perhatian pelancong.

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK**  
**WAKIL BUKIT TUNGGAL**

- SOALAN 1 : Nyatakan bilangan kes-kes jenayah yang berkaitan dengan arak dan judi mengikut daerah dari tahun 1990 hingga 1999.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4a)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 2 : Nyatakan bilangan kes juvana mengikut jenis dan pecahan daerah dari tahun 1990 hingga 1999.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4a)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 3 : Nyatakan jumlah rumah awam kos rendah yang dibina oleh kerajaan negeri mengikut pecahan daerah dari tahun 1990 hingga tahun 1999.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4a)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 4 : Nyatakan jumlah pemohon rumah awam kos rendah yang cukup syarat kelayakan, tetapi tidak berjaya memperolehi rumah berkenaan, pada akhir tahun 1999, mengikut pecahan daerah.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4a)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 5 : Nyatakan jumlah keluasan tanah pertanian yang tidak diusahakan mengikut daerah dan sebab-sebab ianya tidak diusahakan. Apakah usaha kerajaan bagi memajukannya.

JAWAPAN : Keluasan tanah pertanian yang tidak diusahakan mengikut daerah adalah sepertimana berikut:-

| DAERAH         | KELUASAN SESUAI UNTUK PERTANIAN (hektar) | KELUASAN KAWASAN YANG DIMAJUKAN (hektar) | KELUASAN KAWASAN SESUAI BELUM DIMAJUKAN |
|----------------|--|--|---|
| Besut          | 41,449                                   | 41,449                                   | -                                       |
| Dungun         | 101,836                                  | 47,502                                   | 54,334                                  |
| H. Terengganu  | 72,103                                   | 47,572                                   | 24,531                                  |
| Kemaman        | 130,653                                  | 90,601                                   | 40,052                                  |
| K. Terengganu  | 35,283                                   | 29,169                                   | 6,118                                   |
| Marang         | 40,365                                   | 27,596                                   | 12,769                                  |
| Setiu          | 58,526                                   | 44,158                                   | 14,368                                  |
| <b>Jumlah:</b> | <b>480,019</b>                           | <b>328,047</b>                           | <b>151,562</b>                          |

Punca utama tanah tersebut tidak diusahakan adalah sebagaimana berikut:-

1. **Masalah 'absentee landlord'**  
Kebanyakan tuan tanah yang berkaitan tinggal jauh daripada kawasan berkenaan dan tidak berminat untuk mengusahakan dan sebahagiannya telah menjadi tanah pusaka.
2. **Ketiadaan/kekurangan kemudahan infrastruktur**  
Kebanyakan tanah-tanah ini tidak mempunyai kemudahan infrastruktur seperti jalan ladang, sistem pengairan dan juga kemudahan-kemudahan lain yang diperlukan untuk memajukan sesuatu kawasan.
3. **Kekurangan tenaga kerja**  
Tenaga kerja yang mencukupi tidak diperolehi kerana masalah penghijrahan tenaga kerja ke sektor-sektor lain terutama daripada golongan muda yang tidak berminat kepada usaha membangunkan tanah.
4. **Masalah teknikal tanah**  
Sebahagian besar tanah ini terletak di kawasan pedalaman dan juga sebahagiannya tidak mempunyai jalan yang menghubungkan ke kawasan yang dimaksudkan. Bagi tanah yang berpaya dalam pula tidak dapat diusahakan.
5. **Kekurangan modal**  
Bagi memajukan satu-satu kawasan baru, modal yang besar menjadi satu penghalang yang besar dalam melaksanakannya.
6. **Masalah pemasaran/kekurangan industri pemprosesan**  
Kejayaan satu-satu projek pertanian berkait rapat dengan rangkaian sistem pemasaran dan juga industri pemprosesan. Rangkaian ini masih lagi kurang dari segi bilangan, ruang dan keberkesanannya, ini menghalang perkembangan projek-projek pertanian.

Sehingga kini pelbagai pendekatan telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri bagi memajukan tanah-tanah pertanian yang belum dimajukan, di antara strategi yang dijalankan adalah sebagaimana berikut-

1. Mewujudkan zon-zon tetap, khusus untuk pengeluaran sayur-sayuran, tanaman kontan dan buah-buahan contohnya pengujudan taman pengeluaran makanan dan menggazet kawasan khas.
2. Memperkukuhkan asas-asas ekonomi termasuk pengukuhan institusi sokongan dan infrastruktur asas pembangunan seperti kawasan-kawasan pengeluaran padi.
3. Melibatkan pihak swasta dalam menjalankan dan membangunkan sektor tanaman dan membangunkan tanah secara komersil.
4. Menggariskan beberapa insentif untuk menggalakkan pelaburan dalam bidang pengeluaran makanan.
5. Membantu mengadakan kemudahan infrastruktur seperti jalan pertanian, kemudahan pengairan dan juga parit-parit ladang dalam meringankan beban kos pengurusan bagi memajukan satu-satu tanaman.
6. Membangun satu-satu kawasan secara estet mini dengan melengkapkan segala kemudahan asas dan juga infrastruktur yang diperlukan sebagaimana dijalankan oleh FELCRA dan RISDA.

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B.M. TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG**  
**WAKIL TELEMONG**

- SOALAN 1 : Kerajaan Negeri memperbesar-besarkan hutang Kerajaan Lama yang berjumlah RM731,334,342.85. Sila nyatakan senarai untuk apa jumlah hutang ini dibelanjakan dan dari mana sumber hutang-hutang tersebut ?
- JAWAPAN : Kerajaan Negeri tidak memperbesar-besarkan hutang yang dimaksudkan dan jumlah itu adalah bagi tujuan pelbagai dan khususnya pinjaman kepada PMINT. Pinjaman berkenaan adalah daripada Kerajaan Persekutuan.
- SOALAN 2 : Adakah Kerajaan PAS sedar terlalu banyak harta (aset) ditinggalkan oleh Kerajaan BN ? Sila senaraikan harta-harta dan aset yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri setakat 29.11.1999.
- JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 3 : Saya kesal kenyataan semborono pemimpin utama Kerajaan Negeri meuduh bahawa Kerajaan Negeri kini menyimpan berlori-lori fail penyelewengan kerajaan lalu. Jika benar tuduhan ini, sila nyatakan dengan tepat berapa buah lori, bentuk penyelewengan dan tindakan yang diambil.
- JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(k) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Sila nyatakan pendapatan bulanan dari kutipan Tol Jambatan Sultan Mahmud, Kuala Terengganu semenjak ianya dibina sehingga penghapusan tol tersebut. Berapa nilai kos penyelenggaraan bulanan dan berapa jumlah perbezaan keseluruhan ditolak daripada kos sebenar pembinaan bersamaan kos penyelenggaraan berbanding pendapatan yang diperolehi setakat 29.11.1999 ? Dari mana sumber pendapatan yang dibelanjakan bagi menyelenggara jambatan ini setelah penghapusan tol tersebut.

**JAWAPAN :** Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Sila nyatakan dimanakah Akaun Bank dan Akaun Simpanan Tetap serta jenis-jenis akaun berkenaan beroperasi, yang dimiliki oleh :-

- i. Kerajaan Negeri.
- ii. Yayasan Terengganu.
- iii. Yayasan Islam Terengganu.
- iv. Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.
- v. PMINT.

disimpan sejak 1.11.1999 hingga 12.4.2000 ?

**JAWAPAN :** Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(k) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH**  
**WAKIL SEBERANG TAKIR**

- SOALAN 1 : Merujuk kepada Amanat dari Timbalan Presiden PAS yang dibuat di Banggol Peradong pada 7.4.1981 adakah YAB Menteri Besar bersetuju bahawa "puak-puak ini" yang disebut didalam ucapan itu bermaksud orang-orang UMNO.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 2 : Adakah Amanat dari Timbalan Presiden PAS yang dibuat di Banggol Peradong, Kuala Terengganu pada 7.4.1981 masih lagi relevan di Terengganu.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- Soalan 3 : Adakah Sembahyang Jumaat dua sekampung yang diamalkan oleh penyokong PAS adalah manifestasi dari Amanat Timbalan Presiden PAS.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**



